

# **UCAPAN DASAR**

**OLEH**

**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD NAJIB  
BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**

**PENGERUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG**

489902 330-9595123

APB!

UMN

f

19 APR 1989

Perpustakaan Negara  
Malaysia



UCAPAN DASAR YANG AMAT BERTAMBAH  
PENERUS BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI  
PAHANG DI KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG  
YANG KEEMPAT PADA 13HB. SEPTEMBER, 1985.

ooooo OOO ooooo

Bismillahirrahmarnirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah keizinan Allah Subhanahu Wataala sekali lagi dapat kita berkumpul di dewan yang mulia ini dan dapat saya menyampaikan ucapan Dasar sempena Konvensyen UMNO Negeri Pahang yang Keempat yang bermula pada hari ini. Di majlis yang mulia ini juga saya selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi serta sekalian Ahli Jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus membanting tenaga bagi menjayakan konvensyen kita kali ini. Di samping itu, ucapan yang sama juga ingin saya sampaikan kepada setiap badan dan ahli perserohan yang turut terlibat dengan Konvensyen kita pada kali ini, dan lebih-lebih lagi kepada para peserta sekalian yang saya percaya tanpa kehadiran dan penyertaan saudara dan saudari sekalian konvensyen kita tidak akan dapat disempurnakan dengan jayanya.

Seperti yang saudara/saudari maklum, Konvensyen kita pada kali ini diadakan di suatu tempat yang berlainan dari yang sudah iaitu di satu tapak kawasan yang agak jauh dan terhindar dari kesibukan suasana bandar Kuantan. Namun demikian, pemilihan tempat ini yang di buat oleh Pengerusi J/kuasa Konvensyen iaitu YB. Dato' Haji Abdul Rashid-Haji Abdul Rahman, Timbalan' Menteri Besar kita, amatlah beresuaian kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa Yang Berhormat ini sebagai seorang pecinta seni dan kreatif tentulah beliau memperolehi ilham yang di fikirkan amat sesuai baginya memilih tempat ini. Kita percaya suasana disini yang begitu tenang dan nyaman akan memberi inspirasi yang lebih kepada kita semua duduk berbincang dan berhujah untuk mendapatkan resolusi-resolusi yang bermas dan membina bagi kepentingan perjuangan parti untuk membela nasib bangsa, agama dan negara.

Dalam ucapan di konvensyen pada kali ini, suka saya pada peringkat awalnya membawa kita bagi memahami dan menyedari secara mendalam akan peranan dan tugas kita sebagai anggota parti yang diberi mandat dan tanggungjawab oleh bangsa Melayu untuk melaksanakan kehendak serta mengisi atau

memenuhi ertikata kemerdekaan yang telah kita capai sekian lama.

Jika kita merenung persekitaran kita masakini, atau menoleh kembali kepada latar sejarah UMNO di peringkat negara dan negeri Pahang, adalah nyata bahawa peranan dan penglibatan kita dalam mengisi cita-cita politik bangsa adalah merencam dengan berbagai pengalaman dan peristiwa, cabaran dan tanggungjawab, semangat serta aspirasi. Berbagai pihak yang merasa terpanggil, sama ada sebagai pemimpin politik, mahupun selaku pemerhati atau peminggir yang menaruh minat mendalam terhadap UMNO cuba mewarnakan parti kita yang semakin bertambah matang ini dengan berbagai falsafah serta gagasan, idea dan nasihat di samping ramai pula yang cuba membuat penilaian serta analisa politik pertubuhan kita dari kacamata dan perspektif yang berbagai.

Semua ini terjadi sedemikian rupa di sebabkan adanya perasaan "sense of belonging" dari masyarakat dan ahli-ahli politik terhadap parti UMNO. Di samping itu tidak dapat dinafikan tingginya pula "expectation" rakyat baik di negeri ini mahupun di negeri-negeri lain serta keyakinan mereka terhadap perjuangan yang telah diamanahkan kepada pemimpin-pemimpin parti kita.

Masyarakat seluruhnya mempunyai sebab untuk memberikan perhatian yang mendalam dan sedemikian rupa terhadap kegiatan parti UMNO dan tanggungjawab politik kita. Kita dilihat sebagai barisan pemegang teraju kepimpinan negara. Dengan adanya kepimpinan yang teratur, sistematik dan demokratik, rakyat telah tidak berbelah bagi menyokong dan terus menyokong parti kita di semua peringkat, sama ada di peringkat nasional, negeri, bahagian dan cawangan, juga sokongan yang padu untuk sayap-sayap parti yang ada, seperti dalam pergerakan wanita dan pemuda.

Jesteru itu, kedudukan politik UMNO keseluruhan dan khususnya di Negeri Pahang ini mestilah dipertahankan, dipupuk, dijaga, serta diperkembang dan dipertingkatkan dengan segala kekuatan dan kesungguhan. Ini disebabkan peluang bagi politik UMNO memainkan peranan penting serta tanggungjawab untuk negara, bangsa dan agama sepertimana pernah dan sedang dipikul oleh bapa-bapa kita dalam pucuk pimpinan dahulu dan sekarang, yang tak pernah berkurang dan diabaikan.

Dalam hubungan ini kita ahli-ahli UMNO mempunyai beban tanggungjawab yang besar dan tak pernah berkurangan serta tidak boleh

diabaikan pula. Kita mestilah merasa bangga untuk berbakti kepada parti, masyarakat, negara dan agama. Kita mestilah bersedia dan dengan tabah serta tekun memberikan sumbangan serta titik-peluh dan jerih payah kita untuk menjamin keteguhan parti di semua peringkat.

Berbagai cabaran dan tanggungjawab ini yang semakin hari semakin rumit dan kompleks untuk diselenggarakan mestilah dihadapi dengan seluruh kekuatan kita, sama ada dari segi mental, fizikal, mahupun dari segi moral, semangat serta rohani.

Tidak dapat dinafikan, cabaran serta tanggungjawab kita dalam UMNO yang dikatakan rumit dan kompleks itu berlaku hari ini akibat dari kedewasaan dan kematangan politik dan nilai intelektual kepimpinan kita di dalam parti. UMNO telah berjaya memasuki satu era baru dalam semua bidang untuk semua lapisan rakyat. Kejayaan kita mengetuk pintu kemajuan melalui sistem pelajaran kebangsaan dan kecapaian positif dalam bidang ekonomi serta kekuatan politik dan nilai budaya telah mempengaruhi kecapaian kemajuan kita sendiri di dalam parti.

Sebahagian besar dari kita dalam UMNO pada hari ini telah dapat memperlihatkan daya kepimpinan yang tinggi, menjadi pemikir dan

perancang yang kritis dan progresif serta gigih memberi sumbangan untuk kepentingan kolektif dalam parti.

Selaku pemikir dan perancang serta tukang buat yang kritis dan dinamik, kita kadang-kadang di tembugi oleh fikiran yang bertentangan meletakkan kita kepada satu keadaan dimana "a conflict of ideas over a complex question of leadership", yang bermaksud "timbulnya perselisihan pendapat yang wujud dengan bertambah kompleksnya kepimpinan".

Kita wajar memahami hakikat ini. Kita perlu cekap menilai dan membuat analisa, mengelakkan salah faham dan konflik fikiran sesama kita, cuba menyelesaikan segala krisis kepimpinan dan kepartian atas semangat persaudaraan dan harmoni.

Kiranya kita menoleh ke belakang, masa lalu yang telah ditinggalkan oleh parti kita, baik di Pahang mahupun di negeri-negeri lain, ianya jelas menunjukkan adanya pemisahan dan kelainan gaya kepimpinan, pendekatan dan tindakan dalam UMNO. Bagaimanapun, kita tidak perlu risau dengan perkembangan-perkembangan ini, disebabkan kita pada hakikatnya tidak pernah lari dari asas-asas parti, dasar serta falsafah perjuangan kita. Parti UMNO hari

ini tetap mencerminkan wajah perjuangan kepimpinan kita hampir 40 tahun lampau, masih terikat dengan cita-cita politik pemimpin-pemimpin parti di masa lalu, tetap bertunjang kepada cita-cita nasional mengisi aspirasi rakyat, negara dan agama.

### SEMANGAT NASIONALISME

Semangat cintakan negara dan bangsa sebagai asas perjuangan kita mesti dipertahankan, oleh setiap ahli UMNO di negeri ini tanpa sebarang titik curiga dan rasa pesimis. Kita mestilah melengkapkan diri dengan cita-cita nasionalisme dan semangat yang patriotik dan jadikan kedua unsur ini sebagai tiang seri politik kita. Hati yang bersih, niat yang jujur, cita-cita yang mulia, kesungguhan dan keinsafan adalah bunga-bunga perjuangan yang dapat menyulam dan mengukuhkan semangat nasionalisme dan patriotik di dalam dada kita.

Setiap orang dari kita selaku pejuang yang gigih dan bertenaga berbekalkan semangat patriotik sebagai azimat perjuangan kita, wajarlah meletakkan daya patriotik itu dalam ingatan dan sanjungan kita serta menjadi harga diri dan nilai perjuangan yang kekal dan berpanjangan. Patriotisme - rasa cintakan tanahair - bagi kita yang benar-benar berjiwa kebangsaan tidak akan merelakan ianya tercemar walaupun

senipis kulit bawang atau sehelai rambut di kepala.

Sejarah telah menunjukkan kita bagaimana ribuan rakyat di negara-negara yang pernah dijajah malah di negara dan negeri kita sendiri, rela berkorban untuk tanahair. Seorang demi seorang patriot kita merelakan dirinya gugur ke bumi tidak merelakan tanah pusaka nenek moyang ini diinjak walau seincipun oleh musuh dan kuasa penjajah.

Pahlawan-pahlawan kita bukan saja mempunyai tenaga untuk berjuang dimedan peperangan tetapi semangat politik yang bersendikan perasaan cinta yang murni kepada kedaulatan bangsa, negara dan agama. Mereka tidak dapat diumpam oleh penjajah dengan segala bentuk hadiah dan sogokan, tidak dapat dikecek, di gula-gula dan di jualbeli. Harga diri mereka tidak dapat dijual dengan emas dan permata, kedudukan, pangkat dan kemuliaan ciptaan penjajah yang palsu nilainya. Sebaliknya, patriot-patriot bangsa telah mengorbankan jiwa dan raga mereka, menempuh kematian di atas ranjang penderitaan dan penyiksaan serta kezaliman kaum penjajah.

Oleh yang demikian saya sangat ingin melihat setiap orang daripada kita dalam UMNO khususnya mempunyai semangat patriotik yang tinggi demi menjaga kepentingan bangsa, negara



dan agama di masa kini dan di masa-masa akan datang. Adalah menjadi tanggungjawab kita membina semangat yang mulia ini setinggi langit dijunjung, seluas laut yang direnang, sekepal jantung yang berdegup.

Kalau hendak dibandingkan perjuangan nasional dan bangsa kita sendiri antara dulu dengan sekarang, memang terdapat perbezaan dan kelainannya. Dulu tanggungjawab kita yang pokok ialah membebaskan bangsa kita dari penjajahan. Perjuangan ini telah tercapai. Awal-awal kemerdekaan, kita ditembungi dengan kegelisahan rakyat yang di selubongi angin perubahan. Kita mahukan gaya kemajuan yang terlalu cepat. Rakyat protes terhadap isu-isu yang sensitif ketika itu. Para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi berarak dalam rapat-rapat pelajar dan demonstrasi dengan bebas dan suara yang lantang. Rakyat petani meneroka tanah haram dengan pekikan petani lapar tanah ! Para setinggan mendirikan rumah-rumah tanpa mengikut undang-undang akibat terlalu laparkan rumah !. Isu-isu yang sensitif menjadi mainan golongan pelampau agama dan cauvanis terhadap hal-hal perkauman, pelajaran, bahasa kebangsaan dan sebagainya. Semua ini membuka satu lambaran baru kepada perjuangan UMNO ketika itu.

Bagaimanakah dengan keadaan sekarang ? Kita perlu membuat analisa terhadap pengalaman dan tanggungjawab kita sendiri. Kita masih banyak masalah yang menuntut perjuangan kita terus menerus, menuntut perhitungan politik dan sumbangan fikiran serta tenaga setiap ahli UMNO terhadap isu-isu semasa yang berhubung dengan kepentingan bangsa dan agama. Kita didepani isu-isu polarisasi, perpecahan di kalangan umat Islam, fitnah dari golongan pelampau terhadap akidah dan ketaqwaan kita terhadap Allah Subhanahu Wataala. Dalam semua perkara, di bahu kitalah terletaknya tanggungjawab dan amanah mempertahankan kejayaan bangsa kita hari ini agar jangan sampai tercicir lagi disamping berusaha sedaya upaya mengaut dan menampung segala sesuatu yang belum terisi di dalam tuntutan kita sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Jika dihitung dan ditimbang dengan serius, rintangan-rintangan di depan kita hari ini, ternyata cabaran tetap ada. Kita tidak dapat mengizinkan satu saat untuk mengabaikan tanggungjawab ini. Dan ini tertanggung di bahu kita sebagai ahli parti yang mendukung kerajaan pada masa ini. Pada hemat saya, tanggungjawab kepimpinan dalam pelaksanaan semua isu ini adalah teras dalam perjuangan kita.

## KEPIMPINAN

Nilai kepimpinan mestilah menjadi perkiraan utama setiap ahli UMNO. Kita mestilah bersedia meletakkan diri kita sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, bersih, cekap dan amanah. Nilai-nilai inilah yang akan menentukan kita sebagai pemimpin yang berkesan dan dapat ditauladani oleh orang lain serta kekal menerima kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Kita memberi peluang kepimpinan kepada setiap orang yang layak dan berkebolehan dengan mengadakan pemilihan di setiap cawangan dan bahagian kita. Dalam pemilihan ada kemenangan dan kegagalan, namun sebarang kegagalan bukanlah satu hukuman atau berakhirnya political carier seseorang. Mereka boleh belajar dari kegagalan yang dialami atau memberi kesempatan kepada orang lain menjadi pemimpin pula. Semangat seperti ini saya percaya dapat membantu parti kita mewujudkan daya kepimpinan yang berkesan dan harmoni.

Kepimpinan yang berkesan, walaupun sangat diperlukan oleh parti kita, tidaklah bermakna ianya satu-satunya kualiti kepimpinan yang mesti kita adakan. Dalam hubungan ini kita harus memikirkan sama nilai-nilai

kepimpinan yang berbagai ragam dan cara serta bentuk dan stail, kerana setiap nilai kepimpinan tersebut bergantung pula kepada faktor-faktor masa, tempat suasana serta pola-pola politik-sosio-budaya yang berbeza-beza.

Umpamanya, kepimpinan dalam zaman pembangunan tentu saja berbeza dengan kepimpinan di zaman sebelum wujudnya "development orientation". Bagi zaman pembangunan ini, kepimpinan kita tentu saja menuntut lebih banyak usaha dan kesungguhan, kegigihan dan menuntut kita menjadi lebih kreatif dan ahli kerja yang lebih praktikal, kerana suasana yang lebih kompleks dari zaman sebelum ini.

Sama ada kita pemimpin yang karismatik atau "a born leader" atau kita pemimpin yang dilantik atau dipilih, dasar kepimpinan yang asas tetap sama dan objektif. Setiap orang yang mahu menjadi pemimpin perlu bekerja kuat dan dapat menunjukkan kepimpinannya sehingga diyakini oleh orang lain. Kita lihat, pemimpin-pemimpin masyhur di dunia dan juga di negara kita sendiri, masing-masing telah membuktikan hakikat ini. Setiap pemimpin itu telah bekerja kuat, membina empayar kepimpinannya dengan melalui jerih payah yang pernah menjadi rintangan kepada mereka. Hanya orang-orang yang sanggup menghadapi cabaran dan rintangan ini saja yang akan sampai kepada matlamat perjuangan mereka.

Saya menekankan sangat-sangat soal kepemimpinan pada hari ini, lebih-lebih lagi kepemimpinan yang berkesan, kerana pada hemat saya, setiap orang dari kalangan kita adalah pemimpin. Dalam sistem kepemimpinan metrik mahupun dalam sistem kepemimpinan 'ala ringgi' di Jepun, tetap menuntut kepemimpinan yang kolektif dan setiap orang dalam kumpulan-kumpulan tersebut tetap bertanggungjawab kepada pimpinan sebagai pemimpin walau di mana kedudukan mereka dalam sesebuah organisasi itu.

Ini juga terlihat di dalam pertubuhan kita. Tugas dan peranan serta tanggungjawab kita di dalam parti tetap sama dan menjadi nadi penyumbang yang utama kepada kekuatan parti, negara, bangsa dan agama. Tiap orang dari kita dipercayai oleh rakyat yang berdiri dibelakang parti kita. Kita adalah pemimpin rakyat yang meyakini perjuangan parti kita. Atas hakikat ini kepemimpinan adalah asas yang menggerakkan kita selagi kita mahu berjuang untuk masyarakat, bangsa, negara dan agama kita.

Mission ini tidak boleh kita abaikan. Saya merasa optimis bahawa kepemimpinan yang berjaya sahajalah yang dapat menyelesaikan segala tugas dan tanggungjawab serta cabaran-cabaran parti kita, seperti yang telah di-

sebutkan tadi. Insya Allah, kepimpinan yang kuat, berkesan dan berkualiti dalam pertubuhan kita, akan dapat menentang cabaran-cabaran dari musuh-musuh politik kita sama ada dari golongan pelampau agama atau cauvanis perkauman mahupun dari kalangan sabersif dan anti nasional serta komunis.

Di samping itu, kita bukan sahaja perlu mengambil berat tentang masalah kepimpinan tetapi adalah menjadi tanggungjawab kita juga untuk menilai tanggungjawab kita sebagai anggota parti. Kita harus menyoal diri kita, bagaimana dapat kita berbuat sesuatu untuk masyarakat dan parti. Bagaimana tanggungjawab ini mahu diselesaikan? Semua ini perlu dianalisa secara rapi. Pada hemat saya, tanggungjawab ini mesti diterima dengan penuh kesedaran dan daya yang sensitif.

Dari masa ke semasa, isu-isu yang besar dan serius serta tertumpang di dalam muatan tanggungjawab kita tidak boleh diabaikan. Kita mestilah sensitif dengan isu-isu politik semasa di rantau yang melibatkan kita, sama ada di cawangan, bahagian, negeri atau di peringkat antarabangsa. Kita mestilah sensitif terhadap isu-isu sosial, ekonomi dan budaya yang melindungi dan memayungi arus politik bangsa kita. Kita mestilah menjadi 'first man on the news' dengan isu-isu yang relevan

dalam hal-hal yang boleh menggugat dan mengancam parti, perpaduan kaum, di samping ekstrimis agama yang menjejaskan perpaduan umah atau isu-isu pelajaran anak bangsa kita, jika berlaku diskriminasi.

Sekiranya masa kita dapat ditumpukan kepada semua masalah dan cabaran seperti ini, kita dengan sendirinya telah mengisi daya patriotisme dan nasionalisme bangsa kita. Dan kita dengan sendirinya juga telah berkesan dan berjaya mendulukan kepentingan perjuangan dan kehendak parti, daripada kepentingan peribadi dan ransangan diri yang angkuh dan keakuan.

Saya sedar pada waktu-waktu kebelakangan ini, ada semacam fenomena yang kurang menyenangkan sedang melanda nilai-nilai politik kita. Keghairahan menjadi pemimpin di mana-mana peringkat dalam parti dibuat tanpa perhitungan yang sihat dan demokratik, di ransang oleh sentimen diri dan peribadi serta sanggup bertindak di luar batas susila kepimpinan yang murni telah membayangkan kekeruhan dan kebimbangan di dalam parti. Ahli-ahli UMNO menjadi berpuak-puak, berpangsa-pangsa dalam satu ikatan persaudaraan dan terurai ikatan silatulahim yang wajar diamalkan semata-mata kerana ada yang merasakan diri mereka saja yang berhak, sementara orang

lain jangan cuba mengganggu. Sikap seperti ini perlu dijauhi. Saya berseru sekali lagi, dengan hati nurani yang ikhlas, agar sekalian anggota parti kembali kepada semangat UMNO berjiwa Melayu dan berlindung di bawah syiar Islam yang menganjurkan persaudaraan dan kebenaran,

Dalam parti UMNO, tidak ada kerusi empuk yang menggiurkan selera seseorang pemimpin yang palsu. Kita tidak boleh menjual harga diri kita dengan apa juga sogokan atau upah yang dibuat atas tikit yang rasuah, kerana perjalanan yang kita lalui ini bukanlah suatu mimpi yang kosong atau satu keindahan yang sementara. Kita mesti sedar serta celik, bahawa ditangan kita ada sebilah pisau dan ditangan kita juga ada sepotong mentimun. Di potong nipis, nipislah ia, dipotong tebal, teballah ia. Kedewasaan, tanggungjawab serta amanah, yang menjadi pegangan perjuangan kita telahpun menentukan bagaimana kita harus menggunakan pisau untuk memotong mentimun yang ada di tangan kita. Janganlah, kerana ada segelintir orang mahukan dipotong tebal supaya ia dapat bahagian yang lebih dari orang lain, maka kita menerima sogokan yang nikmatnya sementara kerana telah terperangkap dengan budi yang rendah moralnya itu sehingga kelak mengorbankan kepentingan orang yang majoriti dan kepentingan parti sendiri. Sebagai insan



yang berruaruh marilah kita junjung ethika perjuangan kita, mewarnakannya dengan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah yang ada pada bapa-bapa kita yang ada dalam pucuk pimpinan parti.

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dilimpahkan kepada negara dan bangsa kita satu kedudukan yang aman dan makmur. Sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan yang telah kita amalkan sejak tahun 1957 yang lalu ternyata membawa rahmat kepada kita, sekalipun tidak disenangi oleh segelintir rakyat yang tidak tahu mengenang budi di negara ini.

Kita perlu insaf, bahawa sistem demokrasi berparlimen kita yang kebal dan kuat ini tidak pernah gagal mengisi makna kemerdekaan dan kedaulatan negara dan bangsa yang telah kita capai dahulu. Kita bertanggungjawab mempertahankan kemuliaan dan cita-cita nasional ini. Untuk itu, kita perlu tegakkan kembali asas-asas perjuangan kita yang mesti dibekalkan dengan semangat yang patriotik, semangat nasionalis dan kepimpinan yang berkualiti, disamping menjaga parti kita dari dilemahkan oleh ideologi-ideologi yang sempit dan radikal, juga dari anasir-anasir dari pihak lawan.

Apakah strategi dan persediaan kita masa kini bagi menghadapi anasir-anasir dari parti lawan, umpamanya? Apatah lagi kita sekarang hampir menghadapi pilihanraya. Kita mesti mengambil perhatian yang serious ke atas rombakan penentuan kawasan pilihanraya yang telah diluluskan baru-baru ini. Dengan penambahan kawasan pilihanraya parlimen dari lapan ke sepuluh dan kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri dari 32 ke 33, tidak bermakna bahawa kedudukan kita sudah lebih terjamin. Sebaliknya kita harus berusaha dengan lebih gigih lagi bukan sahaja untuk mengekalkan kerusi yang sedia ada tetapi juga memperolehi kerusi di kawasan-kawasan yang baru di samping menawan kerusi-kerusi daripada pihak pembangkang.

Sungguhpun kita mempunyai ahli UMNO yang ramai yang kini meningkat kepada 105,109 orang yang meliputi 559 buah cawangan di Pahang, kita tidak boleh berpuashati dan berdiam diri tanpa mengemaskini dan menggerakkan jentera parti. Kita perlukan keahlian yang lebih ramai lebih-lebih lagi di kawasan di mana kelebihan pengundi Melayu adalah 'marginal' sahaja.

UMNO Pahang perlu mengambil langkah-langkah yang bersungguh-sungguh kearah memperkuatkan parti kita. Sebagai sebuah parti

yang sudah lama berkuasa anggapan bahawa parti kita akan terus berkuasa wa ima berlaku sudah meresap fikiran setengah-setengah golongan parti kita menjadikan mereka kadangkala alpa, lalai, acoh tak acoh dan kurang cergas mahupun serious dalam menyumbangkan tenaga mereka untuk memperjuangkan parti. Nilai-nilai pengorbanan, perjuangan yang jujur dan ikhlas, dan semangat jihad kurang ketara malah hampir-hampir lenyap kepada mereka yang meletakkan kepentingan diri lebih daripada kepentingan parti. Untuk menguatkan UMNO, beberapa usaha perlu dijalankan seperti berikut:-

- (i) Mengekalkan sistem nilai parti yang mengutamakan perjuangan dan pengorbanan dan yang menolak rasuah politik dan kepentingan diri yang melebihi kepentingan parti.
- (ii) Kesungguhan dan ketegasan menyampaikan kefahaman UMNO dan 'message' perjuangan UMNO kepada masyarakat umum secara menyeluruh.
- (iii) Meningkatkan kemampuan UMNO melalui kerajaan mengatasi masalah rakyat dalam segenap aspek dan mengisi keperluan pembangunan rohaniah.

- (iv) Memperhebatkan penambahan ahli dan cawangan UMNO, pendaftaran pengundi baru disamping menekankan aspek-aspek qualiti seperti penguasaan ilmu pengetahuan, kekuatan ekonomi, perkembangan budaya dan sosial serta kekuatan iman.
- (v) Mempastikan perjuangan menjamin 'survival' Bangsa Melayu maruah dan martabat tercapai melalui kejayaan dasar-dasar pokok seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Negara dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sama ada di peringkat kebangsaan mahupun negeri.

Syukur Alhamdulillah UMNO Pahang telah berjaya memperlihatkan perpaduan yang lebih jitu, persefahaman lebih tebal dan arah haluan yang lebih selari. Kita telah berjaya melalui proses pemilihan di peringkat bahagian dalam keadaan terkawal dan perubahan pimpinan parti telah berlaku dengan cara yang tersusun.

Saya berharap keadaan ini diteruskan serta dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang demi kepentingan pembangunan dan kesejahteraan rakyat Negeri Pahang. Sejarah telah membuktikan perbalahan dan persengketaan hanya membawa kerugian kepada semua pihak.

Impian yang agong hanya menjadi nyata sekiranya perpaduan dan kerjasama dalam ertikata sebenarnya tercapai. Marilah kita menumpukan segala tenaga dan seluruh pencaendera kita ke arah menjamin kejayaan di masa depan yang lebih cemerlang bagi UMNO Negeri Pahang dan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

Inilah antara hasrat saya, disamping menghendakkan pengamalan dan penghayatan atas perkara-perkara yang saya sebutkan tadi yang perlu dipegangi oleh setiap ahli UMNO di negeri ini untuk membolehkan kita mengekalkan pemerintahan dan menjamin nasib masa depan orang-orang Melayu. Saya percaya dengan peningkatan perkembangan politik di negeri ini, khususnya politik parti UMNO kita, kita akan terus dapat menuju ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat serta kebahagiaan dunia dan akhirat. Insya Allah.

#### PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Bagi Negeri Pahang iaitu sebuah negeri yang berteraskan pertanian, pembangunan luar bandar adalah sangat penting terutama sekali dalam konteks pembasmian kemiskinan. Bagi sebuah negeri yang seluas lebihkurang 3.4 juta hektar, jumlah penduduk luar bandar ialah sebanyak 384,456 orang penduduk

atau 63.7% daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 917,514 bagi tahun 1985. Dari jumlah 584,456 penduduk luar bandar, lebihkurang 76% (atau 698.772 orang) terdiri daripada penduduk-penduduk di-kampung tradisional, sebanyak 22% (atau 197,742 orang) daripada peneroka FELDA, dan 2% (atau 21,000 orang) dari kaum nelayan. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru bagi Negeri Pahang bergantung rapat dengan kejayaan Kerajaan membela untung nasib masyarakat luar bandar khususnya bagi mereka yang tinggal dalam kampung-kampung sepanjang persisiran Sungai Pahang dan sebelah pendalaman Pahang Barat.

Pendekatan cara lama mungkin kurang berkesan untuk benar-benar mengubah keadaan hidup masyarakat luar bandar. Oleh itu, strategi-strategi baru perlu digubal bagi memastikan keberkesanan usaha-usaha ke arah menjamin masa depan masyarakat desa.

Namun demikian, strategi yang kita gubal itu memerlukan sokongan serta kerjasama yang erat dari semua pihak terutama sekali dari pihak masyarakat yang terlibat bagi menjayakan usaha membasmi kemiskinan

Bagi tujuan mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar matlamat-matlamat berikut adalah dirancang dilaksanakan di negeri ini:-

- (a) Menjalankan usaha-usaha mempertingkatkan pendapatan minima petani-petani dalam lingkungan \$500.00 sebulan dan purata pendapatan \$800.00 sebulan.
- (b) Memperluaskan pemilikan tanah pertanian pada paras purata 10 ekar bagi satu keluarga, baik secara hakmilik sendiri ataupun melalui pemilikan saham.
- (c) Mengurangkan bilangan penduduk yang terlibat dengan sektor pertanian dan menggalakkan usaha-usaha pengeluaran secara intensif dan di tahap pengurusan yang tinggi.
- (e) Mewujudkan pengkhususan dan mempertingkatkan kemahiran pengurusan dikalangan petani-petani.

Untuk mencapai matlamat-matlamat di atas kerajaan mengadakan strategi seperti berikut:-

- Strategi Pembangunan Wilayah dan Tanah
- Strategi-strategi Pembangunan Kawasan Tradisional.

## Pembangunan Wilayah dan Tanah

Bagi tujuan memberi peluang pemilikan tanah kepada rakyat negeri ini khususnya dan rakyat Malaysia amnya, usaha-usaha pembukaan kawasan-kawasan pertanian baru akan diteruskan di bawah kendalian pihak FELDA. Pembukaan kawasan-kawasan baru dan pemindahan penduduk-penduduk ke kawasan-kawasan tersebut di bawah kendalian FELDA akan diteruskan sehingga tahun 1990. Pembangunan Wilayah meliputi pembukaan bandar-bandar baru sebagai pusat-pusat pembangunan (growth centre) disamping pembangunan tanah-tanah baru. Dalam hubungan ini pihak-pihak berwajib yang terlibat adalah DARA, JENCKA. Bagi kawasan-kawasan di bawah Jencka, agensi pembangunan tanah ialah FELDA. Kawasan-kawasan di Wilayah Pahang Tenggara pula dibangunkan oleh agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan individu-individu secara ladang komersial.

## Pembangunan Kampung-Kampung Tradisional

Pembangunan kampung-kampung tradisional menekankan konsep pembangunan in-situ yang menumpukan kepada pembangunan kawasan penempatan yang sedia ada. Konsep perpindahan tidak begitu ditekankan, kecuali di kawasan di mana usaha-usaha penyusunan semula kampung perlu



dibuat. Tumpuan pembangunan adalah ke arah pembangunan ladang kelompok komersial hak milik petani.

Beberapa strategi khusus telah disediakan untuk pembangunan kawasan-kawasan ini seperti berikut:-

- i) Strategi Pembangunan Kampung Tersusun
- ii) Strategi Pembangunan Gerak Sepadu
- iii) Strategi Pembangunan Kolompok dan Individu

#### Pembangunan Kampung-kampung Tersusun

Tiga ciri pendekatan penting yang menjadi asas kepada program Kampung Tersusun adalah seperti berikut:-

- i) Penggabungan kebun dan sawah-sawah kecil supaya dapat menjadi estet dengan keluasan atau saiz yang menasabah untuk diurus dengan baik.
- ii) Penggunaan cara perladangan moden bagi meningkatkan taraf kecekapan.
- iii) Pengumpulan dan penyusunan semula kampung-kampung terpencil dan penempatan semula para penduduk untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan desa yang lebih efektif dan pembinaan prasarana dan kemudahan awam yang lengkap.

## Aspek-aspek Penting Kampung Tersusun

a) Satu aspek penting konsep Kampung Tersusun ialah petani-petani digalakkan untuk memberikan keizinan supaya tanah-tanah milik mereka diuruskan secara estet. Para pemilik tanah akan mendapat bahagian Keuntungan mengikut nisbah keluasan tanah yang diberikan kebenaran untuk diuruskan secara estet. Walau bagaimanapun dari segi hak milik tanahnya masih kekal sebagai hak milik tuan tanah.

b) Selain daripada itu konsep Kampung Tersusun juga akan menekankan pengwujudan satu kawasan khusus untuk menampung kegiatan industri kampung berasaskan bahan-bahan mentah semulajadi yang terdapat di satu-satu kawasan seperti buluh, rotan, mengkuang dan tanah liat. Begitu juga dengan industri pemerosesan makanan seperti pisang, ubi, keropok dan lain-lain kegiatan kemahiran tangan.

Keseluruhan usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran di sektor pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja di desa serta ingin mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan serta lain-lain prasarana yang meliputi seluruh keperluan-keperluan kemudahan asas dan kemudahan awam kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Sebanyak 59 kawasan Kg. Tersusun telah dikenalpasti dan 2 darinya akan dijadikan perintis, iaitu Kampung Salong (Pekan), Tembeling Tengah (Jerantut).

#### Projek Kg. Tersusun Salong

Projek Kampung Tersusun Salong kini sedang berada di satu tahap pelaksanaan yang lebih ke hadapan jika dibandingkan dengan projek di Kg. Tembeling Tengah. Selain daripada kajian-kajian kesesuaian tanah, pelan tatatur, tapak pusat pertumbuhan desa satu perjanjian dengan peserta yang telah dibuat proses pengambilan balik tanah sedang giat di dalam tindakan Pejabat Daerah Pekan ke arah membangunkan Pusat Perkhidmatan.

#### Perlaksanaan Projek Kg. Tersusun Tembeling Tengah, Jerantut.

Projek ini akan meliputi satu kawasan seluas 59,408 hektar dan melibatkan 13 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 4,817 orang. Pada masa ini kerja-kerja tebas-tebang kawasan ladang telah siap dilakukan disatu kawasan seluas 534 hektar untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Ianya bertujuan untuk dijadikan sebagai asas kepada kegiatan ekonomi para peserta. Hasil-hasil kelapa sawit ini nanti dijadualkan akan diproses di kilang FELDA Sg.

Retang. Terdapat seluas 1,466 hektar lagi tanah yang akan dibangunkan sebagai ladang kelapa sawit di peringkat kedua nanti.

### Strategi Pembangunan Kawasan Gerak Sepadu

Pembangunan kawasan Gerak Sepadu melibatkan penyusunan semula ladang-ladang dan dusun-dusun yang sedia ada ke taraf komersial. Pembangunan ini tidak melibatkan penyusunan semula kampung-kampung atau penempatan semula penduduk. Petani-petani masih tetap tinggal di kawasan tempat asal mereka. Kawasan Gerak Sepadu boleh meliputi 2 atau lebih kampung yang bersempadan.

Kemudahan-kemudahan asas ditambah atau diperlengkapkan. Prasarana-prasarana seperti jalan ladang, perparitan, pengairan dan lain-lain khidmat sokong disalurkan oleh agensi-agensi yang berkaitan secara perancangan bersama.

Tekanan pembangunan adalah terhadap penggunaan semula tanah-tanah terbiar, tanah yang kurang produktif secara berkelompok. Struktur ladang akan disusun semula dan jika perlu ditukar dengan jenis tanaman yang lebih berekonomi. Projek ini juga menggalakkan kegiatan pemerosesan dan industri kraftangan serta lain-lain industri kecil.

Pengurusan secara saham juga akan digalakkan jika kekurangan tenaga kerja didapati meruncing. Agensi-agensi yang terlibat untuk memajukan kawasan-kawasan ini adalah RISDA, Jabatan Pertanian, LPP, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, FAMA dan Jabatan Perikanan.

### Kemajuan

Jawatankuasa Projek Gerak Sepadu peringkat negeri telah memilih empat buah kampung iaitu Paya Kubang Karah dan Kg. Pandan II di Kuantan, Kg. Contoh, Serandu Pekan dan Kg. Sg. Meranti di Rompin. Tanaman yang sedang diusahakan di Paya Kubang Karah dan Pandan II ialah jenis sayur-sayuran lebihkurang 16 ekar, kelapa dan buah-buahan di Kg. Contoh (144 ekar) dan tanaman kelapa dan koko di Kg. Sg. Meranti (91 ekar). Penduduk-penduduk tempatan juga sedang mengusahakan ternakan ikan air tawar di Kg. Sg. Meranti dan Kg. Pandan II dengan bantuan penduduk-penduduk tempatan mengusahakan padang ragut dan memberi lembu pawah kepada petani-petani di Kg. Paya Kubang Karah dan Kg. Pandan II.

### Pembangunan Kelompok Pertanian dan Individu

Di bawah Rancangan ini penekanan adalah terhadap pembangunan satu-satu kawasan yang lebih

berorientasikan tanaman ataupun pembangunan komoditi-komoditi lain. Misalnya satu-satu kelompok itu akan dimajukan dengan tanaman koko, padi, getah atau kombinasi beberapa jenis tanaman. Mungkin juga kelompok itu hendak dimajukan dengan sayur-sayuran atau ternakan. Ia juga merupakan salah satu usaha membangunkan kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung di pinggir bandar.

Dalam melaksanakan strategi-strategi ini beberapa pembatasan-pembatasan mungkin di hadapi yang mana boleh melambatkan pencapaian objektif strategi tersebut. Di antara pembatasan-pembatasan yang dijangkakan ialah:-

- i) Kesukaran untuk mewujudkan sistem pemasaran dan pasaran yang stabil dari kalangan petani-petani.
- ii) Pengurusan secara pusat atau bersyarikat mungkin sukar diwujudkan disebabkan masalah penyerahan tanah dan tanggungan hutan secara bersama.
- iii) Tidak semua petani mahu pindah dari kampung asal mereka ke kawasan baru kecuali keadaan terpaksa.

Prestasi dan kemajuan yang didapati melalui pembangunan pertanian di negeri ini, sungguhpun

menunjukkan tanda-tanda positif, kemajuan dan prestasi ini tidak begitu berkesan ke arah mencapai matlamat kerajaan membasmi kemiskinan. Oleh itu untuk membolehkan kemiskinan ini dibasmi dengan berkesan, satu strategi baru yang radikal perlu dilaksanakan. Ini bukan sahaja membolehkan petani-petani hidup selesa tetapi pendapatan dari pertanian boleh menandingi pendapatan dari sektor-sektor lain. Matlamat pendapatan mereka mestilah mencapai ke angka \$750/- sebulan.

Untuk mencapai angka pendapatan seperti ini memerlukan pelaksanaan pengurusan pertanian secara komersial dan efisien dan ini hanya boleh didapati melalui tanaman secara perladangan. Dengan ini corak pertanian masyarakat tradisional di negeri ini juga perlu diorientasikan ke arah secara komersial.

## PEMBANGUNAN PERTANIAN PAHANG BARAT

Projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat yang dilaksanakan sekarang ini adalah merupakan projek yang telah diubahsuai skop dan penekanannya dari cadangan asal. Perancangan semula ini telah dijalankan oleh Bank Pembangunan Asia dan Kerajaan Malaysia bermula dari tahun 1981 hingga tahun 1982. Jumlah kos projek ini adalah dianggarkan sebanyak \$115.69 juta di mana \$52.21 juta darinya merupakan pinjaman dari Bank Pembangunan Asia.

Kawasan Projek Pembangunan Pahang Barat ini merangkumi satu kawasan geografi yang luas. Ia mengandungi enam Daerah di-bahagian Barat Negeri Pahang iaitu Temerloh, Jerantut, Raub, Lipis, Bentong dan Maran. Jumlah keluasan kasar ialah 5.6 juta ekar, di mana 1.8 juta ekar darinya adalah kawasan pertanian yang diusahakan. Tahap pengeluaran pertanian di kawasan projek adalah rendah disebabkan oleh bahan-bahan tanaman dan amalan-amalan pengurusan yang kurang baik. Kerajaan memberikan keutamaan yang tinggi untuk pembangunan di Wilayah ini dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan meninggikan pendapatan dan taraf hidup



penduduk-penduduk luar bandar. Ini adalah  
berseesuaian dengan dasar ekonomi baru.

Tanaman-tanaman utama yang diusahakan  
di bawah projek ini ialah kelapa sawit, getah,  
koko dan buah-buahan dan agensi-agensi yang  
memainkan peranan yang penting ialah FELCRA  
dan Jabatan Pertanian. Tempoh pelaksanaan  
projek ialah selama tujuh tahun iaitu dari  
Mei, 1983 hingga September, 1990.

Seperti yang terkandung di dalam  
laporan 'Projek Appraisal', Projek Pem-  
angunan Pertanian Pahang Barat adalah  
terdiri dari lima Komponen seperti berikut:-

- a) Pembangunan Ladang Pekebun  
Kecil - 10,000 hektar tanah akan  
dimajukan secara ladang pekebun  
kecil oleh FELCRA.
- b) Pembangunan koko dan tanaman  
buah-buahan - seluas 2525 hektar  
lagi kebun-kebun kecil akan dimajukan  
dengan tanaman koko dan buah-buahan  
oleh Jabatan Pertanian.
- c) Skim Pembangunan Kawasan Printis -  
Sembilan buah kampung-kampung tradisional  
akan dimajukan secara bersama oleh  
agensi-agensi pertanian untuk per-  
ladangan campuran.

- d) Perkhidmatan Sokongan Pertanian - Agensi-agensi seperti LPP, FAMA dan MARDI akan diperkuatkan untuk memenuhi kehendak projek.
  
- e) Perkhidmatan Perunding, Latihan dan Projek - Untuk memperkuatkan perancangan, perlaksanaan dan pengurusan projek keseluruhannya.

Adalah dijangkakan bahawa kadar pulangan dalam Ekonomi Keseluruhan projek akan meningkat kepada 20.1%. Pendapatan bersih peneroka kebun getah dijangka akan meningkat kepada \$1,502 (tahun 9) hingga \$6,050 (tahun 16 dan 17). Peneroka ladang kelapa sawit dijangka akan memperoleh pendapatan bersih di antara \$1,146 (tahun 4) hingga \$5,684 (tahun 10 dan 11).

Pendapatan bersih bagi penanaman koko untuk sehektar di jangka akan meningkat dari \$155 (tahun 4) sehingga ke \$1,172 selepas tujuh tahun. Sementara pendapatan peladang yang menanam pisang sahaja akan meningkat dari \$5,000 untuk tahun pertama kepada \$6,755 selepas tahun kelima. Peladang pokok buah-buahan dijangka akan memperoleh pendapatan sebanyak \$400 selepas tahun keempat dan akan meningkat kepada \$8,979 dalam jangka waktu sepuluh tahun kemudian.

Lebih kurang 8,000 keluarga tani akan mendapat faedah dan menafaat atas kejayaan pencapaian matlamat projek ini.

Hasil pengeluaran pertanian negara bagi eksport dan penggunaan dalam negeri akan bertambah. Hasil pengeluaran koko akan bertambah sebanyak 1,000 metrik ton setahun, getah 8,630m ton dan kelapa sawit 95,400m ton. Jumlah pendapatan \$33.1 juta setahun.

Tender untuk memajukan 21 rancangan seluas 5,500 hektar daripada jumlah 10,000 hektar di bawah kompenen pembangunan ladang pekebun kecil sudah dipanggil dan kerja-kerja menanam dijangka siap akhir tahun ini. Kawasan ini akan ditanam dengan kelapa sawit seluas 4,400 ekar dan getah seluas 1,100 ekar.

Bagi kompenen pembangunan koko dan buah-buahan kawasan 380 hektar sudah ditanam dengan bilangan peserta seramai 681 orang. Bagi kompenen pembangunan kawasan perintis 53 hektar sudah di tanam dengan koko dan buah-buahan dengan 90 orang peserta.

Mengenai padang ragut pula 34 hektar sudah dibersihkan di Kg. Sungai Pasu, Raub sementara 16 hektar lagi di Triang Hilir, Bentong sudah ditanam rumput. Bagi tanaman koko

pula, sehingga ini 380 hektar sudah ditanam diseluruh kawasan Pahang Barat dengan jumlah peserta 681 orang.

#### Tanaman Koko

Sungguhpun tanaman koko merupakan tanaman baru di negeri Pahang, Kerajaan Negeri kini sedang memberi perhatian yang lebih ke arah meningkatkan penanaman koko di negeri ini. Kerajaan negeri meletakkan tanaman koko sebagai tanaman yang ketiga pentingnya di Pahang, di samping getah dan kelapa sawit.

Sehingga ini terdapat 2211 hektar di-jayakan oleh pekebun-pekebun kecil untuk tanaman koko. Antara kawasan yang boleh diusahakan untuk koko, kini terdapat lebih 135,000 hektar tanah terbiar di negeri ini yang mana sebahagiann adalah sesuai untuk koko. Koko boleh di tanam sebagai tanaman tunggal, atau selingan di bawah pokok-pokok kelapa atau di tanam bersama dusun.

Potensi penanaman koko adalah luas dan merupakan di antara tanaman yang dicadangkan untuk menjadi bahan eksport utama negara.

## F E L D A

FELDA sebagai salah sebuah daripada agensi pembangunan tanah berfungsi untuk membuka tanah baru, menyediakan kemudahan asas dan menempatkan peneroka-peneroka di kawasan-kawasan ini. Felda juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk aktiviti hiliran termasuk pemerosesan dan pemasaran hasil-hasil pertaniannya. Pendekatan bersepadu adalah konsep pembangunan Felda.

Sehingga ini seluas 263,662 hektar telah dimajukan oleh Felda di Negeri Pahang dengan menempatkan 35,781 orang peneroka sehingga Mach, 1985. Daripada ini seramai 22,603 orang peneroka iaitu sebanyak 63.6% adalah terdiri dari orang Pahang. Purata pendapatan bersih peneroka Felda bagi tahun 1984 ialah \$1,469.00 untuk rancangan kelapa sawit dan \$518.00 untuk rancangan getah.

Walaupun pendapatan yang begitu baik diperolehi oleh mereka-mereka yang menyertai rancangan Felda masih terdapat ramai lagi penduduk-penduduk miskin di Negeri Pahang yang tidak menyertai rancangan tanah Felda. Salah satu sebabnya ialah kerana kesukaran meninggalkan kampung halamannya.

Kerajaan negeri sedang berusaha untuk mengatasi masalah penduduk-penduduk miskin di luar bandar yang enggan berhijrah ke rancangan-rancangan tanah dan salah satu caranya ialah dengan pembukaan secara tersusun kawasan ladang sebagai sumber ekonomi penduduk-penduduk ini. Felda dapat memainkan peranannya sebagai agen yang akan membangun dan menguruskan ladang-ladang ini kerana Felda telah sedia ada kakitangan-kakitangan yang terlatih dan berpengalaman dalam pembukaan tanah disamping kemudahan memproses di kilang-kilangnya dan juga kemudahan pemasaran untuk menjamin petani-petani mendapat pendapatan yang baik dari hasil tanamannya.

Pembangunan tanah yang akan dijalankan oleh Felda adalah pembangunan untuk sumber ekonomi di mana Felda hanya akan membangunkan tanah dengan tanaman kelapa sawit dan Felda tidak akan membangunkan kawasan kampung untuk penempatan peneroka. Ini ialah kerana semua peserta akan dipilih oleh Kerajaan Negeri daripada orang-orang tempatan yang telah sedia ada kawasan kampung dan rumah untuk mereka tinggal.

Peserta-peserta akan diperuntukkan saham-saham dimana 80 peratus daripada saham akan dibahagikan kepada pemegang saham dan 20 peratus

adalah rezab. Pemilik saham yang terdiri dari orang-orang tempatan tidak akan diberi tanah ladang secara individu atau kumpulan tetapi sebaliknya diberi hakmilik saham di kawasan ladang yang bersamaan dengan 10 ekar. Pemegang-pemegang saham ini diberi pilihan untuk bekerja di ladang sebagai pekerja ladang atau sebagai pemilik saham yang tidak bekerja di ladang di mana segala kerja dijalankan oleh pemilik saham/pemborong di bawah pengawasan Felda.

Sehingga ini 3 kawasan telah dikenal pasti untuk dibangunkan secara ini, iaitu:-

- (i) Mukim Sungai Lembing;
- (ii) Tembangau Timur dan Cini Timur  
Tambahan;
- (iii) Bukit Kajang di Raub

## PERIKANAN

Strategi pembangunan perikanan ialah bagi menyusun semula dan mengkonsolidasikan struktur perusahaan berkenaan dari segi bot penangkapan ikan dan nelayan berbanding dengan sumber perikanan laut yang ada bagi mencapai kadar eksploitasi yang optima. Memandangkan bahawa sumber perikanan laut pantai sedang merosot, usaha penangkapan perlu dikurangkan. Ini bermakna sebilangan bot dan nelayan perlu dikeluarkan dari sektor tersebut. Usaha juga diambil untuk membaik pulih sumber perikanan laut pantai supaya nelayan yang akan kekal dalam sektor ini dapat memperolehi hasil tangkapan yang baik.

Usaha akan dijalankan untuk mewujudkan satu sistem pemasaran ikan yang cekap supaya ianya dapat mempercepatkan pembangunan perikanan serta membolehkan nelayan memperoleh harga yang berpatutan. IKIM tidak akan menjalankan perniagaan secara langsung tetapi memberikan khidmat sokongan dalam aspek-aspek berikut:-

- (1) Galakan Penyertaan nelayan di dalam pemasaran hasil tangkapan mereka melalui PN;



- (ii) Peningkatan infrastruktur fizikal pemasaran (termasuk pendaratan ikan);
- (iii) Mengurangkan pembaziran melalui pengenalan cara pengendalian ikan yang cekap;
- (iv) Membangunkan saluran pemasaran; dan
- (v) Meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam pemasaran ikan.

Pelaksanaan segala program-program pembangunan untuk faedah nelayan akan dibuat secara bersepadu di bawah konsep Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN). KPN berfungsi sebagai agen pemusatan untuk menyalurkan segala kemudahan dan perkhidmatan bagi keperluan masyarakat nelayan serta bagi memajukan sektor perikanan pada keseluruhannya.

Setakat ini pejabat-pejabat KPN telah ditubuhkan di 9 kawasan di Semenanjung Malaysia termasuk KPN Kuala Pahang - Nenasi yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri dalam bulan Mac, 1985 yang lalu. Bagi tempoh 1985 - 1990, 11 lagi KPN akan diwujudkan termasuk KPN Kuantan dijangka dalam tahun 1988.

Di bawah skim sewabeli, para peserta ini akan berpeluang memiliki bot-bot yang diusahakan, apabila mereka telah berjaya membayar balik harga bot-bot yang telah ditetapkan. Penetapan harga bagi bot-bot sewabeli adalah dinilai berdasarkan kos pembinaan, kos alat-alat kelengkapan, di tolak kos susutan dan unsur-unsur subsidi. Skim ini akan dilaksanakan di seluruh negara dan ianya hanya meliputi bot-bot sewabeli LKIM yang berjumlah 199 buah. Negeri Pahang akan diperuntukkan sekurang-kurangnya 8 buah dari jumlah itu.

Projek ini terbahagi kepada 2 komponen iaitu pengendalian dan latihan. Pengendalian skim adalah meliputi tugas-tugas penyeliaan perjalanan bot sewabeli seperti pentadbiran, kutipan ansuran bulanan, perjalanan dan pembaikan.

Komponen latihan bagi peserta skim ialah rancangan bagi memberi latihan yang sepatutnya kepada peserta. Jenis latihan dapat di bahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah latihan/kursus yang berbentuk kempen kesedaran atas tanggungjawab dan daya kepimpinan para peserta dan latihan. Kedua ialah berbentuk Latihan Kemahiran bagi memastikan peserta bot dapat meningkatkan prestasi kerja dan produktiviti.

Pengurusan skim melibatkan sekurang-kurangnya 8 buah bot yang ditempatkan di 4 buah kawasan pusat. Bot-bot yang terlibat di bawah skim ini terdiri daripada bot-bot pukut tunda 40 GT, bot pukut jerut 60 GT dan bot serbaguna 10 - 20 GT. Bilangan nelayan yang terlibat terdiri dari 8 orang peserta sewabeli bot dan 32 orang yang membantu mengusahakan bot-bot tersebut. Sebanyak 4 buah PN pula akan membantu LKIM mengawasi di peringkat kawasan di mana bot-bot tersebut ditempatkan.

Bagi latihan pula, 16 kursus adalah dianggarkan akan dapat diadakan untuk nelayan Pahang bersamaan dengan lain-lain nelayan disemenanjung. Sebanyak 8 kursus kemahiran akan diadakan. Seramai lebih kurang 40 nelayan Pahang akan dapat diberi latihan melalui kursus-kursus ini.

#### Skim Pemilikan Bot

Di bawah skim ini, LKIM menyediakan kemudahan kredit dengan pemberian insentif untuk menggalakkan pemilik-pemilik bot lebih dari 10 GT untuk meningkatkan keupayaan bot-bot mereka menerusi pembelian enjin, pukut dan peralatan. LKIM akan mengenalpasti kumpulan sasaran serta projek (bot) yang viable untuk dibiayai menerusi skim ini dan BPM akan dilibatkan dalam penguatkuasaan pinjaman dari

segi mengeluarkan pinjaman dan juga mengutip balik pinjaman.

Kemudahan kredit ditumpukan kepada 2 sektor penangkapan ikan iaitu:

#### Sektor Penangkapan Ikan Perairan Pantai

Menyediakan kemudahan pinjaman untuk nelayan atau pengusaha pemilik bot bagi menggantikan bot-bot yang telah lupus dengan bot-bot yang lebih lengkap dan moden. Saiz bot-bot yang boleh diberi kemudahan pinjaman ialah bot-bot yang beratnya antara 10GT sehingga kurang dari 40GT.

#### Perumahan

Pembinaan 100 buah unit rumah nelayan untuk di-Kuala Pahang sedang dilaksanakan. Namun, di-Kampung-kampung nelayan, rumah-rumah para nelayan berada dalam keadaan yang serba kekurangan. Sebagai langkah jangka pendek Kerajaan Negeri sedang berusaha mencari tanah untuk diberi kepada kaum nelayan sebagai tapak rumah walaupun tiada dengan kemudahan asas. Kerajaan berpendapat ini akan melegakan keadaan yang dialami oleh para nelayan buat sementara waktu dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan boleh disalurkan mengikut berperingkat-peringkat.

## KEMUDAHAN ASAS

### Jalan

Sehingga kini Negeri Pahang mempunyai 3190 km jalan-jalan di bawah penyenggaraan J.K.R. Negeri (tidak termasuk jalan Kampung Felda). Dari jumlah tersebut 1389 km adalah Jalan Persekutuan dan bakinya 1801km adalah Jalan Negeri. Jika dibanding dengan keluasan Negeri Pahang, iaitu 34000km persegi, Negeri Pahang hanya mempunyai lebihkurang 0.1.km jalan untuk 1 kilometer persegi dan masih ketinggalan dari segi kemudahan asas jalan. Dari 3190 km jalan itu sejumlah 2309km sudah bertar dan bakinya 881km masih belum ditar. Peruntukan yang diperlu untuk menaikkan taraf jalan ini ke jalan tar adalah dianggarkan sebanyak \$138,000,000.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat pada asalnya peruntukan berjumlah \$170,161,000/- telah diluluskan untuk projek Negeri. Oleh kerana kemelesetan ekonomi negara sebahagian daripada projek-projek yang diluluskan telah ditangguhkan dan peruntukan Rancangan Malaysia Keempat sebenar telah dikurangkan ke \$142,560,000. Sehingga 31.12.84 sejumlah \$105,600,000/- telah di belanjakan. Ini adalah 74% daripada peruntukan sebenar Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi tahun 1983 Kerajaan Negeri memper-  
untukkan \$44,186,400 dan Kerajaan Persekutuan  
sebanyak \$13,969,000 untuk membina 207km jalan  
dan 45 buah jambatan, sementara peruntukan untuk  
tahun 1984 ialah daripada Kerajaan Negeri sebanyak  
\$20,267,500 dan Kerajaan Persekutuan sebanyak  
\$24,400,800 untuk membina 193km jalan dan 63 buah  
jambatan. Sehingga akhir tahun lalu sepanjang  
18km siap dibina dan bakinya 175km masih dalam  
pembinaan sementara 7 buah jambatan siap dibina  
dan bakinya 56 buah lagi masih dalam pembinaan.  
Untuk tahun ini 72km jalan baru sudahpun siap  
sementara 154 km lagi sedang dalam pembinaan.

Program menaikkan taraf jalan-jalan  
kampung mula dilaksanakan pada tahun 1981  
iaitu sebagai langkah membaiki lagi keadaan  
jalan-jalan kampung yang sering rosak dan  
berdebu. Mengikut dasarnya kos bagi menaikkan  
ke taraf jalan tar adalah mengikut 'jadual  
kadar' yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan  
Malaysia dan pemilikan pemborong adalah secara  
undian.

Sejak tahun 1983 hingga ke tahun 1984  
sepanjang 107.84 km jalan kampung telah dapat  
dinaikkan tarafnya dan melibatkan peruntukan  
sejumlah \$7 juta, iaitu \$2.5 darinya adalah  
dari sumber peruntukan pembangunan negeri.  
Pada tahun 1985 ini Kerajaan Negeri telah  
meluluskan peruntukan yang agak besar iaitu

berjumlah \$9,092,782/- manakala Kerajaan Persekutuan pula sebanyak \$4,625,000/-. Dengan adanya peruntukan yang berjumlah \$13,717,782/- ini sepanjang 194.07 km jalan-jalan kampung akan dapat dinaikkan tarafnya ke jenis jalan tar.

Untuk mengatasi masalah perhubungan sekiranya jalan Timur-Barat di negeri ini terputus akibat banjir, di samping untuk memajukan lagi kegiatan ekonomi di sepanjang kiri kanan tebing Sungai Pahang dan untuk membolehkan pengangkutan hasil petani terus ke Pelabuhan Kuantan, Kerajaan Negeri telah merancang dan memulakan pembinaan antara Pekan-Temerloh dan antara Pekan-Jerantut.

Jalan Pekan-Temerloh disebelah kiri mudik Sungai Pahang telah mula dibina dan kita sudah sampai ke Kampung Terpai, di Daerah Pekan. Dari sebelah Temerloh pula jambatan Sungai Triang sudah siap dibina sementara tender untuk membina jambatan di Sungai Bera sudah dibuka.

Di sebelah kanan mudik Sungai Pahang pula, pembinaan jalan sudah sampai ke Kampung Belimbing dan akan terus ke Cenur dan Seberang Temerloh. Dari seberang Temerloh, pembinaan sedang dilaksanakan sehingga ke Kampung Pulau Pasir Mendi dan seterusnya akan sampai ke Kampung Durian Hijau, Jerantut.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini Kerajaan bercadang membina jalan menghubungkan Sungai Lembing dan Kuala Tembeling melalui Mela dan Kuala Lipis. Dengan siapnya jalan ini nanti hasil-hasil rancangan Felda di kawasan Jerantut dapat di bawa dengan mudah ke Pelabuhan Kuantan. Kerajaan juga bercadang membina jalan antara Kuala Lipis dan Cemron Highlands yang bukan sahaja akan merapatkan hubungan antara kedua daerah tetapi juga akan memudahkan perjalanan ke Cameron Highlands yang selama ini hanya dihubungi melalui Kuala Lumpur dan Tapah.

Satu lagi jalan utama yang sedang dibina ialah yang menghubungkan bandar Kuantan dan Pekan melalui jambatan baru menyeberangi Sungai Kuantan di Tanjung Lumpur. Jalan yang tidak akan terjejas oleh banjir ini dibina sepanjang persisiran pantai dan dijangka lebih baik daripada jalan yang ada sekarang kerana ia tidak melalui kawasan paya. Sebahagian daripada jalan ini telahpun siap dan hanya tinggal bahagian antara Penor dan Tanjung Selangor sahaja yang sedang dalam pembinaan.



## Bekalan Air

Bagi memenuhi matlamat memberikan Bekalan Air kepada semua penduduk Negeri Pahang, usaha-usaha telah dibuat dengan beberapa strategi yang perlu diambil. Tindakan yang lebih tegas telah diambil terutama di dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME) dan akan terus dilanjutkan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML). Jumlah penduduk luar bandar yang menikmati bekalan air adalah lebih kurang 394,500 (64.7%). Jumlah pengeluaran air setiap hari sekarang untuk seluruh Negeri Pahang ialah sebanyak 39.6 juta gelen sehari.

Jika dibandingkan dengan tahun 1982 hanya 28.7 juta gelen sahaja air yang dibekalkan kepada orang ramai. Dalam tempoh 2 tahun sahaja bekalan air telah ditingkatkan sebanyak 10.9 juta gelen iaitu sebanyak 25% dan ini adalah satu kemajuan yang boleh dibanggakan.

Untuk menampung keperluan bekalan air seperti yang telah dinyatakan, JKR Pahang sekarang ini sedang mengambil dan menyelenggarakan 44 buah loji pembersihan air, 32 buah loji air sementara, 48 buah sistem bekalan air booster dan 1,430 batu paip-paip saluran air yang berlainan saiz.

Program-program Bekalan Air RME, yang termasuk dalam strategi tersebut masih lagi berada ditahap yang jauh untuk memenuhi matlamat yang diinginkan. Program pembangunan Bekalan Air terbahgi kepada dua bahagian :-

- i) Projek-projek kawasan Bandar.
- ii) Projek-projek Luar Bandar.

Projek-projek kawasan bandar dirancangkan untuk memberikan bekalan air ke kawasan-kawasan bandar dan sekitarnya. Pada kebiasaannya pihak perunding akan dilantik dan peruntukan diperolehi melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Juru Perunding akan membuat kajian, merancang, merekabentuk, menyediakan dan memanggil tawaran. Bagi menyelia dan mengawasi kerja-kerja pembinaan di tapakbina akan dibuat oleh pihak JKR sendiri.

Di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah bekalan air Negeri Pahang beberapa strategi telah diatur dan di dalam tindakan. Antara strategi yang dirancang ialah:-

- (1) Untuk mengatasi masalah bekalan air dikawasan Felda/Dara satu jawatankuasa di peringkat negeri telah ditubuhkan untuk membincangkan masalah-masalah yang ada dan seterusnya mencari jalan penyelesaian yang sesuai. Dengan adanya

jawatankuasa seperti ini satu perancangan yang teliti dapat dibuat untuk jangka masa yang panjang.

- (2) Setelah diadakan perbincangan antara JKR Negeri dengan Felda Kementerian Kerja Raja telah mengesyorkan agar penggunaan air yang melebihi 4,000 gelen oleh sesebuah keluarga atau badan perlu dikenakan bayaran minima mengikut kadar yang sedia ada. Ini telah ditentukan sebelum tempuh bekalan air percuma diadakan. Ini akan dibawa kepada EXCO untuk mendapat kelulusan.
- (3) Kerajaan Pahang telah mengesyorkan agar bekalan air sementara bagi kawasan Felda tidak akan diberi lagi di masa akan datang. Dengan ini hanya bekalan air kekal akan diberi kepada pengguna.

Program bekalan air masyarakat mula disediakan peruntukkannya oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1985. Sebanyak 7 buah kampung telah dikenalpasti dan melibatkan peruntukan lebih dari \$350,000/-. Pada masa ini beberapa kampung lain sedang dijalankan siasatan oleh pihak Jabatan Kesihatan untuk dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan datang. Hasil dari maklum dari penduduk-penduduk yang telah berpeluang mendapatkan bekalan air ini adalah sungguh

membanggakan kerana pembakalan air adalah secara percuma dan keperluan penyelenggaraannya tidak membebankan penduduk-penduduk yang terlibat.

Melalui program projek-projek kecil sedikit sebanyak dapat membantu memenuhi keperluan penduduk-penduduk yang mana perlaksanaannya adalah digalakkan secara gotong-royong. Sejak tahun 1983 hingga 1985 Kerajaan Negeri telah menguntukkan sejumlah \$7,290,000/- dan \$1,261,871/- dari Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 1986 kemungkinan JKR Bekalan Air akan menjadi Jabatan Bekalan Air dan ini bermakna bekalan air Negeri akan ditabdirkan oleh satu jabatan yang tersendiri lebih cekap dan sempurna.

#### Bekalan Letrik Luar Bandar

Matlamat program-program bekalan letrik ialah untuk memberikan kemudahan sosial dan ekonomi kepada seluruh penduduk negara. Matlamat ini dijangka akan dapat dipenuhi menjelang tahun 1990. Dengan andaian bahawa seluruh penduduk di setiap bandar-bandar pusat di setiap Daerah telah mendapat bekalan letrik, LLN kini sedang menumpukan perhatian untuk memberi bekalan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Usaha kearah ini telah dijalankan melalui 4 cara seperti di bawah:-

- (1) Stesen Luar Bandar - untuk bekalan 12 jam (SLB)
- (2) Stesen Jalaletrik - bekalan 24 jam.
- (3) Bekalan Pukal - bekalan 24 jam.
- (4) Stesen Mini Hidro - bekalan 24 jam.

Pada masa ini terdapat lebih dari 100 buah SLB di Negeri Pahang sebagai punca bekalan bagi memberi bekalan letrik 12 jam di Kampung yang terpencil dari kemudahan bekalan 12 jam. Dengan perkembangan rangkaian pembahagian dari punca bekalan 24 jam, taraf bekalan di beberapa buah kampung yang terlibat terus dinaikkan kepada bekalan 24 jam dari masa ke semasa.

Selain daripada bekalan 12 jam dan 24 jam melalui sistem pembahagian 11 KV, beberapa projek luar bandar yang melibatkan rangkaian 33 KV adalah seperti berikut:-

- a) Projek bekalan luarbandar ke Sg. Koyan dan kawasan sekitarnya yang melibatkan pembinaan talian atas 33 KV dari Kuala Lipis.

- b) Projek bekalan letrik luarbandar ke kampung-kampung di sepanjang jalan Pekan-Rompin yang melibatkan pembinaan talian atas 33 KV dari Pekan.
- c) Projek bekalan letrik luarbandar , ke Bera, Triang, Mengkarak, Kemayan dan Manchis yang melibatkan pembinaan talian atas 33KV dari Stesen Janaletrik Bera.

Di bawah projek BELB Kg. Tradisi bagi tempuh 1981/1982 \$33,315,000 telah diluluskan bagi 121 buah kampung dengan memberi manafaat kepada 14,223 keluarg. Dalam tempat itu kurang lebih 60% kemajuan telah dicapai. Ini adalah wajar kerana ada beberapa projek yang diluluskan bagi tahun 1982, yang besar, dengan sendirinya mempunyai jangkamasa perlaksanaan yang menjangkau ke dalam tahun 1983 dan 1984.

Pada masa ini kemajuan yang dicapai ialah kurang lebih 99%. Manakala dalam tempuh 1981/1982, 4 (empat) Rancangan FELDA dengan peruntukan \$3,544,000 bagi jumlah 2960 keluarga telah dapat disiapkan.

Bekalan letrik ke bandar-bandar di Wilayah Pahang Tenggara dirancang oleh pihak DARA secara

berperingkat-peringkat. Pembekalannya buat masa sekarang, sambil menunggu bekalan dari Grid Nasional, ialah dibekalkan oleh LLN dengan menggunakan penjanaan stesen-stesen janaelektrik di bandar-bandar yang tertentu. Pada keseluruhannya, kerja-kerja pembinaan talian atas dan sistem pembahagian 11 dan 33 KV akan dilaksanakan oleh pihak DARA manakala penjanaan bekalan dilaksanakan oleh LLN.

Bagi bandar-bandar yang mana LLN tidak dapat memberikan perkhidmatan, pihak DARA telah mengambilalih dengan memberikan bekalan elektrik sementara 12 jam sahaja. Dalam perancangan DARA, penyelenggaraan sistem bekalan sementara itu akan diserahkan kepada pihak LLN pada suatu masa yang sesuai. Bekalan elektrik 24 jam melalui stesen janaelektrik ke kawasan ini masakini adalah seperti berikut:-

1. Bandar Ibam bilangan penduduk 2,850 orang.
2. Bandar Muadzam Shah bilangan penduduk 6,500 orang.
3. Bandar Tun Abdul Razak bilangan penduduk 16,475 orang.

Perlaksanaan projek-projek bekalan elektrik dalam Wilayah Jengka banyak bergantung kepada

fakta-fakta seperti kewangan, sosio dan ekonomik. LLN menjadi agensi perlaksanaan untuk semua projek-projek bekalan letrik manakala pihak LKWJ dan FELDA akan bertanggungjawab untuk mendapatkan peruntukan. Segala projek bekalan letrik akan dikenakan kos pembiayaan 100% oleh agensi yang membuat permohonan.

Setakat ini perancangan utama yang dijalankan oleh LLN ialah pembinaan sistem pembahagian 11 KV ke sekitar FELDA dalam kawasan Wilayah Jengka dan juga projek-projek bekalan letrik dalam Bandar Pusat Jengka.

Dalam Kawasan Wilayah Jengka, terdapat 3 kategori kawasan yang memerlukan bekalan letrik:

- i) Rancangan-rancangan FELDA.
- ii) Kampung-kampung Tradisional.
- iii) Bandar Baru/Pusat-pusat perkhidmatan.

Sejak tahun 1983, 4 (empat) Rancangan FELDA telahpun dibekalkan dengan letrik iaitu Ulu Jempul, Kg. Awah, Sg.Nerek dan Bukit Tajau.

Untuk Rancangan-rancangan FELDA Jengka 1 hingga 25, LLN bercadang melaksanakan projek bekalan letrik dalam 3 kumpulan seperti berikut:-



1. Rancangan FELDA Jenka 1 - 7  
anggaran kos \$17,511,000.
2. Rancangan FELDA Jenka 8 - 18  
anggaran kos \$7,818,000.
3. Rancangan FELDA Jenka 19 - 25  
anggaran kos \$7,134,000.
4. Jumlah \$22,463,000.

Mengikut perancangan LLN juga, projek-projek bekalan letrik ke rancangan-rancangan di atas akan dilaksanakan dalam tahun-tahun 1986, 1997 dan 1988 tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diperolehi.

Untuk bekalan letrik ke Kampung Tradisional dan Bandar-bandar Baru/Pusat-pusat perkhidmatan, LKWJ perlu mengemukakan keutamaan perlaksanaan kepada LLN untuk tindakan perancangan selanjutnya. Walau bagaimanapun pihak LLN akan meneruskan projek-projek bekalan letrik yang telah diluluskan dibawah Pembangunan Luar Bandar untuk beberapa buah kampung-kampung tradisional setakat ini.

Pada masa ini, LLN telah berjaya menjayakan satu projek Mini Hidro di Negeri Pahang iaitu di Ulu Dong, Raub dengan keupayaan penjanaannya 500 KW.

Setakat ini sebanyak 5 buah projek Mini Hidro telah dikenalpasti di Negeri Pahang iaitu di Sungai Dong Raub, Sungai Benus, Bentong, Sungai Sia, Raub, Sungai Keshar, Bentong dan Sungai Pertang, Raub.

Satu projek printis bekalan letrik luarbandar dengan menggunakan tenaga suria telah dispakan di Tembeling Tengah. Projek ini diperkenalkan kepada kampung yang terpencil yang mana tidak ada rancangan untuk membekalkan melalui stesen Mini Hidro, stesen janakuasa diesel atau sistem Grid Nasional buat masa ini. Disebabkan kos pembinaannya masih terlalu tinggi, projek tenaga suria ini masih diiktirafkan sebagai projek printis.

## TANAH

Dasar-dasar tanah yang telah di gubal adalah bertujuan untuk mencapai cita-cita dan hasrat Dasar Ekonomi Baru. Antara dasar-dasar itu ialah dasar pelupusan untuk membolehkan:-

- (a) Hakmilik tanah dipegang oleh individu sebagai harta.
  - (b) Membangunkan tanah sebagai sumber pendapatan dan membasmi kemiskinan.
  - (c) Mendekatkan jurang pendapatan antara berada dengan tidak berada.
  - (d) Pembahagian tanah secara adil bagi merapatkan perpaduan antara kaum.
- Dasar pelupusan tanah di bawah 10 ekar membolehkan lebih ramai rakyat mempunyai hakmilik tanah untuk dimajukan.

Dasar pelupusan melalui LMS, pula membolehkan rakyat meneroka tanah untuk keperluan hidup dengan tanaman jenis tidak kekal. Kerajaan Negeri juga telah merancang dasar mini estate yang diuruskan melalui pentadbiran Lembaga

Kemajuan Pahang Tenggara. Ini membolehkan wujudnya usahawan-usahawan baru terutama di kalangan bumiputera dalam bidang Ekonomi Pertanian Moden.

Perlombongan merupakan satu bidang yang di minati ramai. Ramai orang mahu memiliki kawasan lombong dan ini adalah digalakkan untuk mencapai hasrat DEB dalam mewujudkan terutama sekali usahawan-usahawan bumiputera. Bumiputera dari semua lapisan tidak ditegah daripada memiliki kawasan perlombongan kecuali Pegawai Kerajaan. Syarat yang hanya dikenakan ialah syarat timbus balik ke atas kolam-kolam lombong. Tujuannya ialah untuk membolehkan tanah-tanah bekas lombong digunakan semula untuk pertanian dan pembangunan.

Di samping memastikan hak individu dalam bidang ini, Kerajaan Negeri juga menggalakkan agensi kerajaan seperti Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang Berhad dan M.M.C. (Malaysian Mining Corporation) menjalankan aktiviti perlombongan di kawasan-kawasan strategik seperti di Megapur. Di samping itu di bawah dasar Tanah Negeri, keluasan dihadkan kepada 1,000 ekar sahaja untuk memberi peluang kepada

lebih ramai bumiputera berkecimpung dalam bidang ini. Juga pajakan kecil di atas tanah lombong yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan.

Untuk menggalakkan proses pembangunan dan pengeluaran pertanian tidak tersekat, dasar pelupusan cara T.O.L. adalah di izinkan. DEB memerlukan kegiatan-kegiatan sampingan sebagai pembantu kepada pembangunan besar-besaran. Dengan itu pengeluaran T.O.L. atas tujuan pemunggaan bahan-bahan batuan, bangsal-bangsal kontrek, hiburan, stock pile, bangunan sampah, plant side, telah diberi kuasa kepada PHT meluluskannya. Di samping itu bagi tujuan pengeluaran hasil-hasil dan pertanian bagi dijayakan oleh persatuan-persatuan dan koperasi-koperasi seluas 50 ekar boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah.

Satu perkara yang penting yang selalu ditimbulkan oleh masyarakat ialah mengenai kelewatan bagi menyelesaikan permohonan tanah. Kelewatan ini diakui memandangkan banyaknya tunggakan permohonan tanah di daerah yang masih belum diselesaikan.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak kerajaan negeri telah menetapkan supaya sekurang-kurangnya 1,000 permohonan di semua

daerah mesti diselesaikan pada tiap-tiap bulan. Hasil dari tindakan ini yang mana kita laksanakan dalam tahun 1984 telah memberikan kesan yang baik sekali. Dalam tahun 1984 umpamanya, Kerajaan Negeri telah dapat menyelesaikan sejumlah 14,130 permohonan berbanding dengan 4,219 yang diselesaikan dalam tahun 1983, dan hanya sebanyak 2,229 dalam tahun 1982.

Berbagai aduan telah ditujukan kepada Pentadbiran Tanah atas kelambatan memproses permohonan Tukar Syarat dan pecah sempadan. Bagi pemaju-pemaju mereka menyatakan harga rumah naik oleh kerana lambatnya mendapat kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan tanah. Kerajaan Negeri telah mengadakan prosedur baru di mana kelulusan dasar pembangunan boleh diproses dalam masa tiga bulan. Kaedah ini adalah sejajar dengan kehendak-kehendak pembangunan tetapi harga rumah masih tidak turun walaupun sejumlah 5294 unit rumah telah diluluskan pada 6 bulan pertama dasar ini dikuatkuasakan. Di samping mempercepatkan cara memproses dan untuk menjaga kepentingan DEB, Kerajaan negeri telah mengenakan syarat-syarat berikut:-

- (i) 30% hingga 50% daripada rumah-rumah yang dibina hendaklah dijual kepada bumiputera.

- (ii) 30% daripada rumah-rumah yang di bina hendaklah harga rendah iaitu tidak melebihi \$25,000.00.

Pembukaan tanah haram merupakan satu masalah besar kepada PTN dalam menyelesaikan permohonan tanah kerajaan yang di terokai secara haram sebelum 15.6.1966. Permohonan-permohonan ini telahpun ditutup pada 31.12.1983 yang bermakna PHT tidak lagi dibenarkan menerima permohonan-permohonan seperti ini.

Tanah Simpanan Melayu merupakan rezab yang emppunyai identiti tersendiri di dalam Perlembagaan Negara. Keluasan asal TSM ialah 355,288 hektar (877,936.54 ekar) dan dari jumlah tersebut seluas 29,545.402 hektar (73,008.218 ekar) telah dikeluarkan untuk pembangunan. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan negeri telah dicadangkan untuk mengadakan dasar-dasar seperti berikut:-

- (a) Tanah-tanah yang telah diberi milik kepada:-
  - (i) LKPP untuk Rancangan Pekebun Kecil Tanah Pinggir, Kawasan Perpindahan Banjir dan Rancangan Tanah Pemuda.

- (ii) LKNP dan lain-lain agensi kerajaan negeri untuk pembangunannya.

maka agensi berkenaan hendaklah memohon supaya tanah-tanah tersebut dijadikan TSM dahulu sebelum dipindahmilik kepada bumiputera.

- (b) Pembukaan tanah yang di-  
rancangkan oleh Kerajaan Negeri seperti rancangan kelompok sama ada pertanian ataupun bangunan dijadikan TSM.
- (c) Kawasan tanah yang diterokai haram oleh orang-orang Melayu sebelum 15 Jun 1966 yang mana keseluruhan kawasan melebihi 15 ekar hendaklah dijadikan TSM.
- (d) Gantian di kawasan-kawasan strategik di Kuantan, Temerloh dan Bentong.

Keseluruhan kawasan yang telah di ganti ialah seluas 27,206.64 hektar (67,229.017 ekar).

Dasar-dasar yang dinyatakan adalah sebahagian daripada dasar-dasar tanah yang diamalkan di negeri ini untuk



mengerakkan pertumbuhan pembangunan dalam memerangi kemiskinan dan mewujudkan perpaduan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

#### Hasil Tanah

Hasil tanah adalah sumber hasil negeri yang ke 2 terbesar selepas hasil hutan iaitu 21.5% daripada jumlah hasil negeri 1984.

Kutipan hasil tanah bagi tahun 1984 ialah sebanyak 45,098,298.00 berbanding dengan jumlah \$34,868,234.00 bagi tahun 1983 iaitu pertambahan 29.3%. Daripada jumlah kutipan hasil tanah tahun 1984 ini, sejumlah \$21,778,986.00 adalah cukai tanah tahunan semasa (Quit Rent) iaitu 48.29%.

Sungguhpun cukai tanah merupakan jenis hasil tanah yang utama, tetapi disinilah timbulnya masalah besar yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri iaitu mendapatkan balik tunggakan yang pada akhir tahun 1984 (31.12.1984) tertunggak sebanyak \$12,139,430.00.

Tunggakan ini adalah bertambah sebanyak 37.59% iaitu bila dibandingkan

dengan jumlah tunggakan tahun 1983 sebanyak \$8,823,140.00. Ini adalah satu angka yang besar yang merupakan lebih daripada 40% daripada cukai tahunan semasa.

Memandangkan kepada kepentingan cukai tanah sebanyak sumber hasil kedua terbesar selepas hasil hutan, Kerajaan-Negeri telah melancarkan satu Kempen Kutipan Cukai Tanah di Peringkat Negeri pada 11.5.1985 yang lalu di Temerloh, Pahang yang antara lain bertujuan menyedarkan pemilik-pemilik tanah tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjelaskan hasil tanah dan seiring dengan itu menggerakkan jentera Kerajaan iaitu di Peringkat Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah dalam memesatkan lagi usaha kutipan cukai tanah di Negeri Pahang. Kempen ini disusuli oleh kempen di peringkat Daerah dan Mukim di Daerah masing-masing. Sempena dengan kempen ini Kerajaan Negeri telah bersetuju menawarkan insentif istimewa kepada pemilik-pemilik tanah iaitu menghapus semua denda lewat yang terkumpul jika tunggakan cukai tanah dibayar sebelum 31.12.1985. Kerajaan Pahang adalah negeri yang tunggal yang menawarkan insentif serupa ini. Hasil daripada kempen ini sedikit sebanyak telah menampakkan hasil yang boleh diharapkan.

Memandangkan kepada sambutan yang menggalakan dan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada pemilik tanah membayar tunggakan mereka, Kerajaan Negeri telah melanjutkan tempuh kempen sehingga 31.12.1985.

Untuk melicinkan lagi sistem pungutan hasil tanah, Kerajaan akan melaksanakan satu sistem di mana tuan-tuan tanah akan dihantarkan bil cukai tanahnya sebagaimana dibuat untuk bayaran letrik dan bekalan air. Sistem menggunakan komputer untuk mengemaskan rekod dan akaunting akan juga dimulakan tidak lama lagi.

Masalah besar yang dihadapi oleh pentadbir tanah dalam hal ini ialah untuk mendapatkan alamat bagi semua pemilik-pemilik tanah yang berdaftar oleh sebab banyak daripada pemilik-pemilik tanah tidak diketahui alamatnya untuk disampaikan bil-bil yang berkenaan.

## INDUSTRI KECIL - KARYANEKA

Negeri Pahang memang terkenal dengan kekayaan sumber-sumber alam seperti kayu balak, rotan, mengkuang dan pandan, buluh dan tanah liat. Justru itu, perancangan khas telahpun digubal bagi mengeksploitasikan sumber-sumber ini untuk dihasilusahakan menerusi projek industri kampung dan kraftangan supaya pendapatan masyarakat kampung dapat dipertingkatkan lagi dan hasil-hasil kraftangan ini dapat diwariskan secara berterusan. Pihak Kerajaan Negeri telahpun mengujudkan tempat-tempat penjualan barang-barang ini seperti di Cherating, Teluk Cempedak, Paya Bungor dan juga di Rumah Karyaneka Pahang di Kuala Lumpur menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Koperasi industri kampung telahpun diwujudkan di Pasir Durian untuk memproses tanah liat untuk menghasilkan tembikar tanah liat secara tradisional, di Kerbau, Temerloh, Unit Perusahaan Buluh dan Rotan telahpun diwujudkan dan kajian awal telahpun dibuat bagi menubuhkan koperasi yang sama di Meranti, Rompin untuk dijadikan pusat anyaman mengkuang dan di Bcngau Tanjung bagi projek yang sama. Program-program

latihan dalam bidang-bidang ini juga dipertingkatkan menerusi badan Karyaneka, KEMAS dan Kraftangan. Di dalam hal ini, tenunan Pahang di Pulau Keladi, Pekan juga ditingkatkan dari segi pengeluaran dengan mengadakan kek-kek tenunan yang baru. Tenunan songket juga telahpun diwujudkan di Pamah Kulat, Raub, melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kerajaan Pahang.

Pada tahun 1984, atas kegigihan pengusaha-pengusaha yang telah diasuh dan diwujudkan di Negeri Pahang, Penjualan Negeri Pahang mendapat tempat kelima (68,146) dari segi jumlah penjualan dan yang ketiga (27,716) dari segi keuntungan jika dibandingkan dengan semua negeri di Malaysia ini.

Pihak Kerajaan juga menggalakkan hasil pengeluaran gula kabung daripada Peruang, Benta, Kuala Lipis dan satu rancangan bagi memperluaskan tanaman pokok kabung sedang dirancang. Pihak Kerajaan juga telahpun mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Karyaneka dan Industri Kampung di Peringkat Daerah, supaya kegiatan-kegiatan secara menyeluruh dan bersepadu dapat diselenggarakan di Peringkat Daerah.

## PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KEAGAMAAN

### Pembangunan Menurut Islam

Unsur pembangunan dalam Islam mengikut Imam Ghazali terbahagi kepada tiga pecahan iaitu:-

- (i) Benda-benda (material) yang akan dioleh dan dilaksanakan.
- (ii) Tiap-tiap manusia harus mendapat bahagian dan benda-benda (material).
- (iii) Tiap-tiap manusia mempunyai peranan untuk membangunkan dan memajukan dunia.

Dalam Islam pembangunan bukan peningkatan seluruh sistem masyarakat tetapi merangkumi juga dibidang kerohanian. Pembangunan dalam Islam boleh dimaksudkan sebagai 'satu proses di mana tenaga rohani dan jasmani digunakan untuk memperbaiki kehidupan oleh seseorang individu, supaya ianya berguna kepada dirinya, keluarganya, masyarakatnya dan negaranya supaya memberi jaminan kepadanya serta generasinya didunia dan akhirat'. Oleh itu pembangunan dari

pandangan Islam meliputi kedua aspek kebendaan dan rohanian, dunia dan akhirat.

#### Program-program projek keagamaan

Berasaskan matlamat pembangunan yang dikehendaki oleh Islam maka program pembangunan yang telahpun diaturkan sejak 2 tahun yang lalu ialah:-

- 1) Peningkatan pelajaran agama
- 2) Projek-projek kemudahan asas keagamaan.
- 3) Program penerapan nilai Islam
- 4) Kegiatan dakwah dan penerangan
- 5) Pengemasan pentadbiran Jabatan Agama

#### Peningkatan Pelajaran Agama

Penyediaan Institusi Pendidikan secara formal adalah salah satu daripada usaha-usaha peningkatan pelajaran agama seiring dan sejalan dengan perembangan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain. Dengan itu Kerajaan Negeri telah memutuskan bagi melengkap, menyempurna dan membanyakkan lagi institusi-institusi seperti ini khususnya Sekolah-sekolah Menengah Agama ke Negeri Pahang.

Kini Kerajaan Negeri mempunyai  
16 buah Sekolah Menengah Agama termasuk

4 buah sekolah yang baru diambil alih yang telah memulakan kelas tingkatan peraliran mulai awal 1984 yang lalu. Sekolah-sekolah itu ialah:-

- i) Sekolah Menengah Agama Al Woshp Berhala Gantang, Temerloh.
- ii) Sekolah Menengah Agama Al Basriah Kuala Tembeling, Jerantut.
- iii) Sekolah Menengah Agama Al Fallah Batu Talam, Raub.
- iv) Sekolah Menengah Agama Bandar Pusat Jengka.

Dengan pembukaan 4 lagi Sekolah Menengah Agama itu maka sedikit sebanyak bolehlah memanjang permintaan yang begitu banyak sekali daripada ibu-bapa untuk menghantar anak masing-masing ke sekolah-sekolah Menengah Agama yang selama ini memang di dapati amat kekurangan tempat.

Kerajaan Negeri sedar bahawa dengan hanya 16 buah Sekolah Menengah Agama yang ada sekarang ini belum begitu mencukupi bagi memenuhi permintaan-permintaan yang begitu banyak dan menggalakkan. Mungkin jawapannya ialah kerajaan perlu mengambil alih



beberapa buah Sekolah Agama Majlis/Sekolah Agama Rakyat dijadikan sebagai Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan. Kerajaan telahpun memikirkan perkara ini dan telahpun menganalisa tentang keadaan Sekolah Menengah Agama yang sedia ada.

16 buah Sekolah Menengah Agama yang sedia ada sekarang ini mempunyai murid seramai kira-kira 5,400 murid sahaja. Tiap-tiap buah sekolah itu mempunyai murid dalam lingkungan antara 250 hingga 500 murid sahaja. Hanya Sekolah Menengah Al Khairiah Temerloh mempunyai murid seramai 750 murid. Kerajaan Negeri berpendapat bilangan murid-murid di tiap-tiap buah sekolah itu boleh diperbesar lagi sehingga boleh menampung seramai antara 1000 - 1,500 orang murid sekurang-kurangnya. Dengan itu Kerajaan negeri telah memutuskan bahawa untuk tahun 1986 yang akan datang ini Kerajaan Negeri tidak akan mengambil alih Sekolah-sekolah Agama Majlis/Rakyat lagi, sebaliknya Kerajaan negeri akan melaksanakan program segera (Crash programme) bagi:

- i) menambah bilik darjah
- ii) menambah asrama
- iii) menambah lain-lain alat kelengkapan yang sewajarnya.
- iv) menambah kemudahan-kemudahan asas sekolah-sekolah

supaya sekolah-sekolah itu akan diperbesarkan lagi bagi menampung lebih ramai lagi pelajar.

langkah yang seperti ini difikirkan akan memberi beberapa faedah.

- i) pembesaran dengan kos yang minima
- ii) perkongsian kemudahan dan alat-alat yang lengkap oleh lebih ramai murid yang mendapat faedah.
- iii) tenaga penganjur boleh dijimatkan
- iv) Semangat pertandingan yang lebih meluas dikalangan pelajar.

Untuk tahun 1985 ini kerajaan negeri telah berjaya mewujudkan sebanyak 105 jawatan-jawatan baru dalam kategori C dan D bagi menambahkan bilangan-bilangan guru di sekolah-sekolah yang berkenaan. Kini urusan-urusan pengambilan guru-guru tersebut sedang berjalan peringkat demi peringkat. Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan wang sejumlah \$5 juta bagi biayai pengambilan 4 buah Sekolah Menengah Agama yang saya sebutkan di atas tadi dan juga projek-projek membaiki dan melengkapkan sekolah-sekolah tersebut.

Walau bagaimanapun memandangkan dari segi taburan dan pengagihan kedudukan Sekolah-sekolah Menengah Agama itu yang ada sekarang

ini, maka Kerajaan Negeri telahpun meluluskan bagi menambah satu sahaja lagi Sekolah Menengah Agama bagi tahun 1986 ini iaitu Sekolah Menengah Agama Bandar Muadzam Shah. Buat sementara ini sekolah itu akan dimulakan di satu Bangunan Lama di Bukit Ibam. Bangunan itu sebenarnya masih kokoh - sesuai dijadikan bilik darjah dan asrama - sementara kompleks yang sebenarnya siap dibina di Bandar Muadzam Shah. Semoga Allah memberkati usaha-usaha ini.

#### Projek-Projek Kemudahan ASAS Keagamaan

Syukur Alhamdulillah Kerajaan Negeri bagi tahun 1985 ini telah dapat mengadakan satu peruntukan yang berjumlah \$4 juta khusus bagi pembinaan masjid-masjid. Kerajaan Pusat pula telah menyumbangkan sebanyak \$1.95 juta.

Peruntukan ini telah di ageh-agehkan bagi membina masjid-masjid yang baru dan membaiki mengubahsuai dan membesarkan masjid-masjid yang sedia ada.

Sehingga bulan ini kedudukan mengenai projek ini sepanjang tahun 1985 ini ialah:-

- 1) Membesar dan membaiki masjid - 42 buah (\$1.930 juta telah dikeluarkan kepada Pegawai Daerah/JKR).

ii) Pembinaan baru - dalam proses mengeluarkan tender (JKR) - 3 buah.

iii) Pembinaan Baru Cara pasang siap - 13 buah.

Kerajaan Negeri telah memilih dua reka bentuk untuk masjid di atas konsep pelaksanaan pasang siap ini.

Pelan B - untuk 300 orang jemaah

Pelan C - untuk 600 orang jemaah

Antara ciri-ciri utama konsep pasang siap ini ialah:

- Cepat - Insya Allah bulan Sept/Okt ini akan terbangunlah masjid-masjid itu.
- Murah
- Ciri-ciri senibena tradisional

Pihak yang berkenaan sekarang ini dalam proses menyediakan kayu-kayu di kilangnya dan akan di bawa ke tapak-tapak yang berkenaan nanti.

Cadangan-cadangan untuk tahun-tahun yang akan datang ialah sebanyak 17 buah masjid telahpun dikenalpasti dan telah di perakukan untuk kelulusan. Untuk pembinaan-pembinaan yang akan datang harus secara pasang siap jika kita mendapati kaedah itu betul-

betul sesuai apakala siap 13 buah yang sedang dibena ini.

Tahun ini juga Kerajaan Negeri telah bersetuju bagi menjadikan 7 buah masjid sebagai masjid daerah yakni masjid kerajaan sepenuhnya. Masjid-masjid itu ialah:-

- Bandar Pusat Jengka
- Batu 4 Jalan Kuantan - Gambang
- Batu 9 Jalan Kuantan - Gambang
- Benta - Lipis
- Bandar Muadzam Shah
- Bandar Triang
- Bukit Fraser

Sebanyak 37 jawatan - Imam, Khatib, Bilal dan Siak telah diwujudkan dan sedang dilantik sekarang bagi menjadi pegawai dan kakitangan masjid-masjid itu.

#### Kegiatan Dakwah Dan Penerangan

Kerajaan amat menyedari tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh guru-guru agama dalam masyarakat Islam.

Keperluan bagi mengiktiraf guru-guru agama di kampung-kampung secara yang lebih berkesan dan berwibawa sangat-sangatlah dirasakan. Pada masa ini mereka hanya dibayar saguhati

tahunan oleh kerajaan sebanyak \$150 setahun. Jumlah yang menerima saguhati ini ialah 352 orang bagi seluruh Negeri Pahang.

Imam dan Pegawai-pegawai Masjid kampung (Imam, Khatib dan Bilal) juga hanya di berikan saguhati tahunan sebanyak \$700.00 bagi satu masjid. Negeri Pahang mempunyai kira-kira 401 buah masjid.

Keperluan guru-guru agama yang mengajar secara berterusan dan masa yang tetap sangat-sangat dikehendaki sekarang. Ini memandangkan:

- makin kurang jenarasi-jenarasi muda yang sanggup untuk menjadi pemimpin agama di peringkat kampung (Imam, bilal, bawa tahlil dan lain-lain).
- kekosongan kegiatan mengajar agama di masjid/surau di kampung-kampung akan dipenuhi oleh pihak-pihak lain yang mendakwa untuk mengajar agama tetapi motif yang sebenar ialah untuk meninggalkan pengaruh tertentu untuk kepentingan satu-satu parti politik.

GURU-GURU AGAMA KEMAS (Pemimpin-pemimpin Masyarakat KEMAS).

KEMAS adalah sebuah jabatan kerajaan yang bertanggungjawab bagi mengadakan kelas-kelas agama di kampung-kampung dan melantik guru-guru agama di kampung-kampung dan melantik guru-guru agama secara khusus. PM (Agama) sekarang ini adalah seramai 213 orang dengan gaji sebanyak \$345.00 sebulan yang dibayar oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bagi seorang PM biasanya mempunyai 3 kumpulan kelas. Satu kumpulan diajar sekali seminggu (ada PM yang mempunyai 4 atau 5 kumpulan pelajar).

Pegawai KEMAS Negeri telah menerima banyak permohonan bagi menambah lagi PM - PM Agama itu. Bilangan yang ada sekarang ini memang benar-benar tidak mencukupi. Malangnya Pejabat KEMAS tidak mempunyai peruntukan lagi bagi menambahkan jawatan itu. KEMAS menganggarkan keperluan bagi Negeri Pahang ialah kira-kira 200 orang lagi.

Keputusan Kerajaan

Memandangkan keadaan-keadaan di atas itu maka kerajaan negeri akan melantik guru-guru agama di peringkat-peringkat mukim sebagai Pengajar-pengajar Agama Rasmi yang dibayar elaun khas

bulanan oleh kerajaan. Adalah dicadangkan bayaran elaun ini tidak secara elaun tetap bulanan, tetapi berasaskan perkiraan kadar atas 1 jam. Kadar yang dicadangkan ialah \$15.00 sejam. Alasan bagi cara ini ialah:

- i) Jangka masa dan bilangan kelas bagi satu-satu guru itu tidak sama (ada guru agama yang dapat mengajar 2 kali - ada yang boleh mengajar siang, ada yang boleh mengajar malam. Jika gaji tetap bulanan mungkin tidak seimbang tugas antara seorang dengan seorang yang lain).
- ii) Bila dibuat elaun tetap mungkin terpaksa mengenakan syarat minima 'academic qualification' - sedangkan cadangan ini adalah sesiapa sahaja guru agama yang difikirkan sesuai tanpa mengira sangat soal academic qualification dan soal umur.

Guru-guru agama ini bolehlah terdiri daripada golongan-golongan berikut:-

- (i) Guru-guru Agama dari sekolah-sekolah kerajaan atau agensi-agensi kerajaan - secara part time.



(ii) Tok Guru-Tok Guru agama yang sedang mengajar sekarang ini (tertakluk kepada pemilihan khas).

(iii) Imam masjid atau pegawai-pegawai masjid yang mempunyai kebolehan.

Untuk tujuan di atas kerajaan negeri dijangkakan akan membelanjakan sebanyak kira-kira \$800,000 setahun. Pembayaran kepada guru-guru yang berkenaan akan dibuat melalui Yayasan Pahang dengan kerjasama dan Penyelarasan oleh Pejabat-pejabat Kadhi Daerah. Adalah dijangkakan juga seramai kira-kira 200 orang guru-guru agama seperti itu akan dapat dilantik dan Insha Allah sekim ini akan dimulakan mulai Januari, 1986.

#### Memperkemaskan Pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri.

Amatlah disedari bahawa setiap dasar yang diputuskan atau setiap program yang dirancangannya tidak akan menjadi kenyataan jika pihak pelaksananya tidak berjalan dengan berkesan. Keberkesanan atau tidaknya satu-satu tindakan itu adalah bergantung kepada beberapa faktor.

- pentadbiran yang cekap
- sistem yang sempurna
- struktur dan format organisasi yang kemas dan realistik
- tenaga kerja yang mencukupi

Adalah diperhatikan ada kelemahan-kelemahan tertentu dalam struktur organisasi Pentadbiran Jabatan Agama Negeri yang perlu di ubahsuai dan disusun semula. Hal ini bukan sahaja ditujukan kepada Pejabat Agama Negeri tetapi boleh dikatakan seluruh negara. Dengan itu pihak MAMPU telahpun membuat kajian khas atas perkara ini dan telah mengemukakan satu laporan dan cadangan kepada Jawatankuasa Pusat dan juga kepada Kerajaan Negeri. Perkara ini juga sedang di kaji oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri. Oleh sebab perkara ini adalah perkara Agama, maka persetujuan bersama perlulah ada antara pihak Kerajaan Negeri dengan Majlis Agama Islam dalam beberapa hal. Satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk bagi mengkaji beberapa buku detail khusus tentang perjawatan-perjawatan penting dan nama-nama jawatan dalam penyusunan semula itu. Insya Allah apakala ianya diterima sepenuhnya nanti struktur baru akan diperkenalkan.

Dari segi konsepnya struktur baru ini antara lain ialah bagi memastikan pemisahan yang jelas antara:

- Jabatan Halehwal Agama
- Jabatan Kehakiman Agama  
(Mahkamah Syariah)
- Jabatan Mufti (yang khusus untuk perkara-perkara faktwa dan nasihat perundangan).

Pada masa sekarang ini semua jabatan-jabatan itu di bawah Ketua Jabatan Agama sedangkan fungsi tiap-tiap satu jabatan itu berbeza-beza. Mithalnya Kadhi Daerah sebagai seorang Hakim Mahkamah Syariah dipertanggungjawabkan juga atas perkara-perkara pentadbiran harian, projek-projek penguatkuasaan undang-undang, urusan nikah kahwin, dakwah, pelajaran agama dan lain-lain.

Dengan berjaya dan berjalannya sistem yang baru nanti Insya Allah dipercayai perjalanan dan penguatkuasaan undang-undang agama akan lebih berkesan lagi.

#### Penerapan Nilai-Nilai Islam

Syukur Alhamdulillah dari segi konsep dan falsafah program ini telah dapat difahami dan diterima oleh masyarakat-masyarakat di Malaysia ini dan juga oleh Jabatan-jabatan kerajaan. Pendekatan-pendekatan atas sesuatu projek dan Majlis yang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan kerajaan dan lain-lain

sentiasa mengambil kira falsafah penerapan nilai-nilai Islam itu.

Walau bagaimanapun program-program khusus atas dasar ini, hendaklah dibuat atas dayausaha jabatan-jabatan masing-masing. Bagi menjelaskan lagi konsep dasar itu dan beberapa perkara program-program khusus dan terperinci maka kerajaan akan mengadakan satu seminar khas 2 hari mengenai Penerapan Nilai-nilai Islam diminggu kedua bulan November nanti. Beberapa orang tokoh tertentu dari luar negeri Pahang telahpun diundang bagi membentangkan kertas-kertas kerja khas untuk seminar itu nanti.

Konsep penerapan nilai Islam sudah di fahami oleh sebahagian besar masyarakat kita. Kerajaan berpendapat kita harus memasuki peringkat perlaksanaan konsep-konsep Islam di bawah dasar ini. Itulah tujuan seminar ini di adakan, agar kita boleh memperlihatkan perlaksanaan ke arah mencapai objektif-objektif yang hendak diutamakan selaras dengan maksud sebenarnya Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran.

## PERINDUSTRIAN

Objektif pembangunan perindustrian Negeri Pahang dirangka bagi mencapai matlamat yang selaras dengan DEB.

- (a) mengwujudkan kawasan perindustrian dengan prasarana untuk menggalak dan mengawasi aktiviti perindustrian.
- (b) merapatkan jurang pendapatan dan ekonomi antara sektor dan kaum melalui peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi.
- (c) mengwujudkan kestabilan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber/hasil negeri dan tidak hanya bergantung kepada sesuatu sektor sahaja.
- (d) mengwujudkan kegiatan ekonomi yang dapat mengoptimakan penggunaan bahan mentah serta mengwujudkan 'value-added' bagi sumber hasil yang sedia ada.
- (e) mengwujudkan industri sampingan terutama di bidang perkhidmatan, kejuruteraan dan 'fabrication' untuk menjadi sokongan kepada perusahaan-perusahaan berat seperti petrokimia di negeri jiran.

## STRATEGI PERINDUSTRIAN

Kerajaan Negeri Pahang menumpukan kepada usaha-usaha ke arah menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana di samping industri-industri besar. Industri-industri kecil dan sederhana boleh menjadi tulang belakang kepada pembangunan perindustrian seperti di Jepun dan Korea. Di Malaysia, perangkaan 1978 menunjukkan industri kecil dan sederhana menyumbangkan lebih kurang 75% dari jumlah nilai tambahan (value added) terutama dalam sektor pembuatan, pemborongan dan runcit.

Untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian, penekanan dibuat terhadap industri-industri yang mempunyai teknologi pertengahan. Industri-industri yang bercorak 'labour intensive' kurang digalakkan untuk mengelakkan percanggahan keperluan tenaga kerja di sektor pertanian. Pahang belum berupaya menggalakkan industri teknologi tinggi kerana kekurangan tenaga kerja mahir.

Strategi perindustrian juga untuk mengwujudkan segolongan tenaga kerja mahir selaras dengan matlamat kemajuan Kerajaan Negeri bagi meninggikan mutu dan daya pengeluaran penduduk. Langkah-langkah

mengwujudkan penduduk yang berpelajaran dan terlatih diberi keutamaan.

Pengkhususan kegiatan perusahaan mengikut lokasi juga diwujudkan di mana kawasan-kawasan perindustrian Negeri Pahang dibahagi kepada 3 zon.

- (a) Zon berorientasikan eksport yang meliputi kawasan-kawasa perindustrian Gebeng, Semambu dan Peramu.
- (b) Zon industri untuk menampung 'spill-over' dari Lembah Kelang iaitu meliputi Kawasan Perindustrian Bentong.
- (c) Zon industri berasaskan sumber asli dan industri hiliran (down-stream integration). Kawasan-kawasan industri berkenaan ialah Kawasan Perindustrian Rompin, Temerloh, Jerantut, Raub, Kuala Lipis, Jengka dan Mu'adzam Shah.

Dengan penemuan petrolium dan gas di Terengganu serta wujudnya industri berat dan Petro-kimia di Kerteh Kemaman maka kawasan Perindustrian Gebeng dan Pelabuhan Kuantan berpotensi untuk memberi sokongan dan perkhidmatan bagi industri berat dan petrokimia. Perhatian utama juga diberi untuk melaksanakan industri hiliran (down-stream) petrokimia dan industri yang berasaskan eksport.

Kegiatan industri berasaskan sumber asli tetap diberi penekanan bagi mengwujudkan 'value added' melalui kegiatan yang bersepadu 'value added' melalui kegiatan yang bersepadu diperingkat pemerosesan dan pembuatan. Di-antara sumber asli yang terpenting ialah kayu kayan, kelapa sawit dan getah. Pahang membekalkan 141,137 tan metrik daripada jumlah 1.56 juta dan hasil getah Malaysia pada tahun 1983. Daripada jumlah pengeluaran getah negara ini, hanya 59,200 tan sahaja digunakan oleh industri pembuatan barangan getah tempatan. Kadar ini hanya 3.8% daripada jumlah getah yang dihasilkan. Ini menunjukkan industri berasaskan getah mempunyai potensi pertumbuhan yang luas.

Strategi pembangunan perindustrian tidak dapat dihasilkan tanpa sebuah strategi implimentasi atau "action plan" yang kemas dan teratur. Antara penekanan yang dibuat oleh kerajaan negeri adalah untuk memberikan perkhidmatan yang sehabis baik kepada pelabur.

Oleh kerana penyelarasan serta perkhidmatan yang cekap merupakan salah satu daya penarikan kepada para pelabur, kerajaan negeri telahpun membentuk susunan pentadbiran yang lebih dinamis untuk mengawasi agar segala masalah-masalah/perlaksanaan yang dialami oleh para pelabur dapat diawasi dan



di atasi dengan cepat dan licin. Sebuah Jawatankuasa bertindak (INTAK) di pengerusikan oleh saya sendiri telahpun ditubuhkan untuk mengatasi apa juga masalah sama ada masalah penyelarasan mahupun dasar - untuk menjamin pencapaian progem pembangunan perindustrian. Jawatankuasa bertindak ini di bantu oleh sebuah Jawatankuasa Penyelesaian masalah yang dianggotai oleh semua agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam proses kelulusan dan pelaksanaan pembangunan perindustrian di Negeri Pahang.

Seterusnya LKNP ditugaskan sebagai One Stop Agency yang menjadi agensi koordinasi untuk memberi perkhidmatan yang menyeluruh kepada para pelabur. Dengan adanya usaha penyelarasan setempat adalah diharapkan perkhidmatan cekap akan dapat dilahirkan kepada para usahawan sebagai salah satu pendorong kepada mereka di dalam usaha membangunkan perusahaan di Negeri Pahang.

Secara tradisinya strategi galakan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah menerusi misi perdagangan kerajaan ke negara-negara perindustrian. Di samping itu, mengadakan seminar-seminar serta iklan-iklan di akhbar dan majalah-majalah perdagangan. Pengalaman menunjukkan langkah-langkah tersebut kurang

memberi kesan oleh kerana ianya tidak menepati kepada kumpulan sasaran yang benar-benar berminat.

Dengan yang demikian satu strategi baru galakan yang lebih berasaskan kepada kumpulan sasaran pelabur dan jenis-jenis perusahaan telahpun diadakan. Strategi ini memerlukan kajian-kajian projek secara khusus serta mengumpulkan data-data bakal pelabur yang boleh disusuli di dalam proses pemasaran atau galakan pelaburan. Tumpuan galakan dan pemasaran dengan itu bolehlah dibuat kepada sasaran-sasaran yang tepat dengan kemungkinan memperolehi hasil yang lebih baik.

Untuk memperluaskan lagi pendedahan pemasaran kepada usahawan antarabangsa kerajaan mempunyai program untuk mengswastakan kawasan-kawasan perindustrian kepada usahawan-usahawan perseorangan ataupun secara usahasama dengan agensi kerajaan membina serta memasarkan tapak-tapak perusahaan kepada bakal pengusaha-pengusaha perindustrian.

Dalam Rancangan Malaysia ke empat seluas 4,700 hektar kawasan perindustrian di rancangan di seluruh negara dan 593 hektar atau 12.6% dari jumlah ini adalah di negeri Pahang. Pada keseluruhannya negeri Pahang merencanakan seluas 1,633.1 hektar kawasan

perindustrian dalam 10 kawasan iaitu di-  
Semambu, Peramu, Songsang, Maran, Jerantut,  
Bentong, Gebeng, Rompin, Jengka dan  
Muadzam Shah.

Seluas 846.08 hektar telah dimajukan  
sementara 639.08 hektar boleh di jual. Dari  
jumlah yang boleh dijual ini seluas 394.97  
hektar atau 61.8% telahpun di jual. Sehingga  
pertengahan tahun 1985 sebanyak 319 tapak  
telah diluluskan tetapi hanya 148 sahaja  
yang beroperasi. Dari jumlah yang diluluskan,  
8% telah diluluskan kepada pengusaha Bumiputera  
berbanding dengan 73% kepada bukan bumiputera.  
Manakala dari jumlah yang beroperasi pula,  
hanya 6% terdiri dari bumiputera dan 69%  
bukan bumiputera.

Dari segi pelaburan pula, sebanyak  
\$253,821,000.00 telah dilaburkan di semua  
kawasan perindustrian di Negeri Pahang.  
Dari jumlah tersebut, sebanyak \$79,652,000  
atau 31.4% oleh pengusaha bumiputera,  
\$44,744,000 atau 17.6% oleh sektor kerajaan  
dan \$129,425,000 atau 51% oleh bukan  
bumiputera.

Di dalam 10 kawasan perindustrian di  
Negeri Pahang sehingga bulan Mei, 1985,  
sejumlah 6,877 tenaga kerja telah diwujudkan.  
Sebanyak 4,042 adalah terdiri dari tenaga

kerja bumiputera berbanding dengan 2,835 tenaga kerja bukan bumiputera. Ini menunjukkan peratus tenaga kerja bumiputera sebanyak 59%.

Pengusaha bumiputera yang menjalankan perusahaan secara persendirian atau perkongsian atau syarikat yang 100 peratus ekuiti bumiputera diberi insentif istimewa dalam usaha menggalakkan mereka membeli tapak-tapak perindustrian yang disediakan.

Pengusaha tempatan yang terlibat dengan arahan berpindah oleh pihak Berkuasa Tempatan dan perusahaan kecil dengan modal tidak melebihi \$250,000.00 juga layak menikmati insentif ini.

Mereka dibenarkan melanjutkan tempoh bayaran harga tapak sehingga tiga tahun. Biasanya pembayaran harga tapak hendaklah dijelaskan dalam masa enam bulan hingga setahun. Ini akan memberi peluang kepada pengusaha untuk menjelaskan bayaran apabila kilang-kilang telah mula beroperasi. Bagaimanapun lanjutan tempoh ini akan dikenakan faedah 10 peratus bagi menampung kos modal LKNP.

LKNP juga menurunkan harga tapak pada kadar 10% atau pada kos modal (yang mana lebih rendah) kepada pengusaha bumiputera yang dapat menjelaskan bayaran dalam tempoh 18 bulan.

## PELANCUNGAN

Matlamat utama pembangunan industri pelancungan di negeri ini adalah untuk menjadikan pelancungan sebagai sebuah perusahaan yang penting memberi sumbangan kepada pendapatan rakyat dan ekonomi negeri. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menjadikan pelancungan sebagai perusahaan yang membuka peluang untuk memberi sumber pendapatan kepada rakyat dalam beberapa bidang sampingan.

Ini termasuk melalui usaha memperkembangkan kebudayaan rakyat seperti tarian, mainan, kraftangan di samping mempelbagaikan dan mempergiatkan penyertaan bumiputera dalam sektor perkhidmatan pelancungan seperti perhotelan, restoran, khidmat persiaran, cenderamata dan lain-lain.

Strategi pembangunan industri pelancungan bagi Negeri Pahang khususnya berasaskan pengwujudan dua buah destinasi utama yang akan menjadi pintu masuk ke Negeri Pahang selain daripada pintu masuk tradisi melalui ibu negara Kuala Lumpur.

- (a) Kuantan sebagai pintu masuk utama ke Negeri Pahang dan ke negeri-negeri pantai timur.
  
- (b) Pulau Tioman sebagai destinasi utama khusus untuk pembangunan pelancungan di kawasan selatan pantai timur.

Strategi mengwujudkan destinasi adalah berasaskan kepada keperluan identiti yang khusus dalam proses pemasaran. Adalah disedari bahawa strategi pemasaran di masa lampau telah memasarkan Malaysia sebagai destinasi umum kurang memberi kesan, jika dibandingkan dengan pengkhususan pemasaran destinasi secara spesifik. Umpamanya destinasi seperti Pulau Pinang, Cherating dan Tioman lebih terkenal kepada pelancang-pelancang antara bangsa daripada Malaysia.

Seterusnya pula strategi baru di rancangkan ini memberi penekanan kepada pengwujudan sub-destinasi atau destinasi-destinasi sampingan di dalam negeri. Dengan cara ini dirasakan bahawa hasil daripada pelancungan akan benar-benar dapat disebarkan ke peringkat dibawah-bawahnya untuk dinikmati oleh rakyat pada amnya. Strategi yang dirancangkan ini juga diharapkan akan dapat menghasilkan kemasukan

pelancang-pelancang secara besar-besaran dan berterusan pada setiap masa.

Di antara perancangan sokongan kepada pengwujudan Kuantan sebagai salah sebuah destinasi utama ialah Projek Multiplex Pelancungan Tanjung Api yang merupakan sebuah kawasan multiplex pelancungan seluas 182 hektar yang di tebusguna sepanjang pantai Tanjung Api Kuantan yang akan menjadi sebuah "hotel belt" baru yang boleh menempatkan sehingga 8 buah hotel bertaraf antarabangsa dengan jumlah bilik di antara 1600 ke 2000. Projek ini akan juga memusatkan kemudahan riadah seperti padang golf bertaraf antarabangsa, kemudahan sukan air (marina), kemudahan konvensyen dan pusat kebudayaan dan kraftangan.

Sub-destinasi yang lengkap telah dirancang untuk menepati keperluan pelancungan sebagai destinasi sampingan kepada Kuantan sebagai destinasi utama termasuk Tasik Cini, Pantai Lanjut, Projek Pelancungan Tasik Paya Bungor, Kem rekreasi Gunung Tapis, Gua Charah, Bandar Sejarah Pekan, serta projek-projek tempat penginapan bertaraf sederhana.

Selain daripada itu Kuantan akan membuka ruang pelancungan antarabangsa pada keseluruhan Negeri Pahang terutama sekali kawasan Taman Negara, Bukit Fraser, Genting Highlands, Cameron Highlands dan seluruh kawasan pedalaman Negeri Pahang.

Kuantan juga akan menjadi pintu masuk ke negeri-negeri Terengganu dan Kelantan yang kaya dengan unsur-unsur sejarah dan kebudayaan.

Pulau Tioman dikesan sebagai destinasi utama yang kedua kepada Negeri Pahang oleh kerana lokasinya yang terkemuka kepada pasaran Singapura dan perhubungan penerbangan telahpun bermula dalam tahun 1984. Perancangan galakan Tioman sebagai sebuah destinasi utama dikaitkan dengan pembangunan dua buah destinasi sampingan, Pantai Lanjut dan Kawasan Mergastua Endau-Rompin. Saluran baru pelancungan ini bolehlah dikenali 'Tioman-Endau Triangle' yang bukan sahaja akan membuka kepada pelancung-pelancung tiga pusat ini bahkan juga akan mendedahkannya gugusan perpulauan di bahagian utara pantai timur negeri Johor kepada kemajuan pelancungan. Pembangunan Pulau Tioman akan mula digerakkan dengan pembesaran Hotel Merlin-Samudra-



Tioman dan pembinaan kondominium bertaraf antarabangsa serta sebuah padang golf yang akan dimulakan pada tahun 1986.

Fakta yang terpenting di dalam perancangan mewujudkan destinasi-destinasi utama ialah untuk mengadakan sistem perhubungan antara bangsa (external link) yang baik terutamanya dengan destinasi terkemuka. Kuantan sebagai destinasi utama memerlukan perhubungan penerbangan antarabangsa. Lapangan Terbang Kuantan (Padang Geruda) boleh menerima pendaratan Pesawat A300 'Airbus' dan hanya memerlukan tambahan 1500 kaki serta diperkuatkan 'LCN'nya 100 untuk membolehkan pendaratan Pesawat Boeing 747.

Buat masa ini MAS menyediakan 4 penerbangan sehari antara Kuantan-Kuala Lumpur. Di samping SIA pula mengadakan penerbangan antara Kuantan-Singapura untuk memberi perkhidmatan kepada para pelancong dari Singapura ke Pahang. Selain dari itu usaha sedang dijalankan untuk mengadakan penerbangan terus dari Tokyo ke Kuantan. Dengan adanya perkhidmatan ini nanti akan lebih memudahkan para pelancong Jepun untuk ke Pahang.

Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan penerbangan harian Short Sky-Van

daripada Singapura yang boleh membawa 13 penumpang. Landasan kapal terbang ini juga perlu dipanjangkan untuk membolehkan pendaratan pesawat jenis Dornier yang mampu membawa 26 orang pengunjung. Pantai Lanjut pula mempunyai sebuah landasan kapal terbang lama yang boleh menerima pendaratan pesawat jenis Fokker F27 - 'Friendship'.

Saliran perhubungan dalam 'internal link' bagi mewujudkan 'destination travel' diberi keutamaan. Dua buah lapangan kapal terbang telah dikenalpasti bagi Cameron Highlands dan Jerantut. Susunan yang teratur telahpun dirancang untuk menyediakan perhubungan pengangkutan darat seperti bas-bas persiaran, kereta sewa, kereta pandu sendiri, limousine yang sentiasa cukup untuk menampung keperluan para pelancung.

Pengwujudan perkhidmatan Feri Malaysia yang merupakan satu lagi kaedah pengangkutan ke Kuantan memerlukan sokongan daripada saluran perhubungan dalam bagi menjamin pengagihan pelancung ke destinasi-destinasi utama dan sub-destinasi di negeri Pahang atau lain-lain destinasi di Malaysia.

Jeti untuk para penumpang dan kereta di Kuantan sudahpun siap dan diharapkan pihak

Kuching akan dapat menyiapkan kemudahan yang sama akhir tahun ini. Adalah dijangka perkhidmatan feri Malaysia ini akan dapat di mulakan tahun depan setelah tarikh pelancaran awalnya pada 31 Ogos, 1985 ditunda.

Beberapa perancangan bagi mewujudkan "unsur-unsur" baru telahpun dicadangkan. Ia nya melibatkan persejarahan dan mythologi seperti yang terdapat di Pulau Tioman dan Tasik Cini. Projek kebudayaan juga diwujudkan berasaskan program budaya kenegerian yang dapat diatur secara berterusan dan tersusun di kedua-dua destinasi utama dan destinasi-destinasi sampingan.

Pahang sebagai sebuah negeri yang mempunyai kawasan hutan belantara yang luas mempunyai daya penarikan di dalam bentuk hutan dan 'flora' dan 'fauna'. Selain daripada dua buah Taman Negara, projek-projek hutan lipur juga di rancang untuk memberi peluang kepada para pelawat menikmati alam semulajadi.

#### Strategi Implimentasi Pelancungan

Peranan galakan pelancungan tidaklah terhad kepada mana-mana satu jabatan khusus bahkan kepada semua pihak yang terlibat. LKNP telahpun ditugaskan sebagai agensi koordinasi,

seterusnya agensi-agensi wilayah mempunyai peranan di dalam wilayah-wilayah masing-masing. Aktiviti kraftangan ditugaskan kepada Karyanika, Persejarahan dan Kebudayaan kepada Jabatan Muzium Negeri dan Jabatan Orang Asli, Belantara kepada Jabatan Mergastua, pemasaran dan penginapan kepada agensi pelancungan serta syarikat-syarikat perhotelan seterusnya.

Projek-projek pelancungan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang diberi keutamaan adalah projek-projek pelancungan Pulau Tioman, Pantai Lanjut dan Tasik Cini serta pembinaan landasan kapalterbang. Jumlah kos bagi kesemua projek ini adalah sebanyak \$70,028,000 yang dicadangkan pembiayaannya oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu jumlah kos projek-projek pelancungan yang diluluskan pembiayaannya oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak \$22,163,000. Ini termasuk projek persejarahan, kraftangan dan kebudayaan, program galakan, pusat penginapan kos sederhana, hutan lipur, projek perkhemahan dan balai informasi. Projek yang dicadangkan adalah meliputi semua aspek-aspek yang perlu iaitu pembangunan, galakan dan kebudayaan.

Adalah menjadi polisi Kerajaan Negeri iaitu perlaksanaan projek-projek yang bersifat komersial akan dilaksanakan melalui sistem pengswastaan. Dalam unsur yang sama

tuan-tuan punya tanah yang terlibat dengan sebarang projek pembangunan yang akan dilaksanakan akan diberikan equiti melalui penyerapan nilai tanah.

Sistem pengswastaan ini meliputi 3 aspek iaitu:-

- (i) Perlaksanaan keseluruhan pembangunan dan pengurusan oleh swasta termasuk penyediaan infrastruktur.
- (ii) Pembangunan dan penyediaan infrastruktur oleh kerajaan manakala pengurusan oleh pihak swasta.
- (iii) Pihak Kerajaan menyediakan infrastruktur dan pembangunan dan pengurusan diserahkan kepada pihak swasta.

Kerajaan negeri sentiasa memberikan galakan kepada mana-mana juga pihak swasta yang ingin untuk turut sama terlibat dalam pembangunan industri ini. Dengan cara ini, pembangunan industri pelancungan akan dapat digerakkan dengan lebih cepat juga menepati hasrat dan objektif pembangunan.

Di antara projek-projek yang terlibat ialah projek pelancungan Pulau Tioman, projek pelancungan Pantai Lanjut, Projek Pelancungan Tasik Cini, Projek Landasan Kapal terbang dan projek pusat penginapan kos sederhana.

#### BANDAR-BANDAR BARU

Kerajaan sedang rancang melaksanakan dasar penwujudan kawasan-kawasan baru di bandar, atau lebih dikenali sebagai bandar-bandar baru yang merupakan satu instrumen yang membolehkan penglibatan dan pengawalan yang terus menerus oleh kerajaan dalam usahanya untuk mencapai matlamat DEB.

Secara amnya konsep bandar baru berkait rapat dengan fenomena dan ciri-ciri setempat dan pembangunan wilayah dan tanah. Pada peringkat asas pengwujudannya adalah tertumpu kepada penambahan ruang-ruang niaga baru di pekan-pekan atau bandar yang telah sedia wujud dan pembukaan kawasan-kawasan perniagaan baru yang berhampiran dengannya. Contohnya ialah seperti di Rompin, Maran, Jerantut dan Chenor. Peringkat yang lebih besar sedikit ialah pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan baru sama ada berfungsi sebagai pusat

perkhidmatan setempat (local service centre) ataupun sebagai pusat perkhidmatan wilayah (regional center). Contohnya Bandar Pusat Jengka, Simpang Jengka-Jengka Jaya, Simpang Kg. Awah iaitu di kawasan pembangunan wilayah Jengka, Bandar Muadzam Shah, Kota Bahagia, Kota Perdana, Paloh Hinai, Bera di kawasan pembangunan Pahang Tenggara; Balok dan Jaya Gading di Kuantan; Ketari Tiga Segi di Bentong dan Simpang Songsang di daerah Temerloh.

Dalam peringkat pengwujudan pusat pertumbuhan baru, perancangan dan perlaksanaannya adalah berkait rapat dengan pembangunan wilayah dan tanah secara besar-besaran seperti di kawasan Jengka, Pahang Tenggara, Felda, Risda, Felcra, LKPP dan sebagainya. Pembangunan wilayah ini membawa perubahan-perubahan baru dalam kehidupan masyarakat, sosial, ekonomi dan politik.

Pada peringkat yang lebih besar lagi ialah pengwujudan bandar kembar (twin city) seperti Bandar Baru Kuantan di Atabara. Ini lebih merupakan sebuah bandar baru yang lengkap dengan semua kemudahan-kemudahan asas setaraf dengan bandar-bandar utama di negara ini. Pengwujudan juga mempunyai rationale yang lebih mendalam ke arah penyusunan semula masyarakat dan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perbandaran.

Dasar kerajaan di bawah aktiviti perbandaran atau bandar baru adalah seperti yang telah digariskan di bawah matlamat Dasar Ekonomi Baru dan ke arah meramaikan golongan usahawan Bumiputera, meningkatkan kadar penempatan atau kependudukan kaum Bumiputera di kawasan bandar dan membuka seluas-luas peluang untuk kaum bumiputera melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti perbandaran seperti perdagangan, perusahaan, insuran, kepakaran, iktisas, latihan, pengangkutan dan juga perumahan.

Penyertaan Bumiputera dalam program perbandaran meliputi peringkat perlaksanaan (iaitu pembinaan rumah kedai) dan juga pemilikan-nya (iaitu beli atau sewa). Sebagai contoh, daripada jumlah 217 unit kedai yang telah di bina oleh LKNP sebanyak 71% adalah dipunyai oleh kaum bumiputera, sama ada menyewa atau beli. Sebahagian besar daripada kedai-kedai yang di bina oleh LKNP (iaitu 60%) adalah untuk jualan manakala bakinya di sewakan atau sewabeli. Namun begitu terdapat kejadian dikalangan pembeli-pembeli kedai LKNP yang menjual balik atau menyewa kedainya kepada kaum lain semata-mata untuk mencari keuntungan dengan cara mudah. Kejadian ini tidak dapat di kesan kerana ketiadaan data-data yang tepat oleh kerana urusan tersebut dibuat di luar pengetahuan LKNP sendiri.



## PERUMAHAN

Keperluan rumah di Negeri Pahang bagi tempuh Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 85) adalah sebanyak 51,600 unit, di mana 42,075 unit atau 81.5% adalah rumah-rumah jenis kos rendah.

Sektor awam diperuntukkan membina 35,890 unit rumah kos rendah sementara bakinya sebanyak 6,185 unit akan disediakan oleh sektor swasta. Kerajaan negeri secara langsung akan menyediakan 6,209 unit rumah kos rendah sementara bakinya adalah disediakan oleh agensi kerajaan seperti FELDA, LKNP, DARA, LKPP dan LKWJ. Bagaimanapun sejumlah 12,777 unit rumah kos rendah telah dirancang oleh kerajaan Negeri untuk dilaksanakan bagi tempuh Rancangan Malaysia Keempat yang melibatkan kos projek berjumlah \$282,971 juta.

Sehingga akhir tahun 1983, sejumlah 13 buah projek Perumahan Awam Kos Rendah yang mengandungi 879 unit rumah telah siap dibina. Bagi tahun 1983 dan 1984, sejumlah 11 buah projek lagi yang mengandungi 1,487 unit rumah telah siap dibina. Seterusnya, 13 buah projek lagi yang mengandungi 3,239 unit rumah di jangka akan siap dibina dalam tahun 1985.

Bagi melaksanakan projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan seperti berikut telah disediakan:-

- (1) Peruntukan Kerajaan Negeri  
\$30,589,000/- (12.85%)
- (2) Peruntukan Langsung Kerajaan  
Persekutuan \$20,000,000/- (8.40%)
- (3) Peruntukan Pinjaman Kerajaan  
Persekutuan \$187,447,330/- (78.75%)
- (4) Jumlah \$238,036,330/-.

Dari segi fizikal pula, adalah dijangkakan bahawa sebanyak 5,605 unit rumah melalui 37 buah projek akan dapat disiapkan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat iaitu pencapaian sebanyak 43.87% daripada jumlah sasaran sebanyak 12,777 unit rumah. Walau bagaimanapun, pencapaian fizikal secara purata adalah dianggarkan sebanyak 51.4% bilamana bahawa semua projek yang dijangkakan tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, akan berada di dalam berbagai peringkat kemajuan perlaksanaan. Adalah diperhatikan bahawa sejumlah 11 buah projek yang melibatkan pembinaan sejumlah 5,030 unit rumah akan berada di tahap kemajuan

melebihi 50% siap menjelang akhir tempuh Rancangan Malaysia Keempat.

Sejumlah 5,605 unit rumah awam kos rendah dijangka siap dibina sehingga akhir tempuh Rancangan Malaysia Keempat.

Memandangkan sebahagian besar daripada projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah yang telah dan akan dilaksanakan setakat ini adalah terletak di kawasan bandar, sama ada berupa Bandar-bandar Besar/Utama atau Bandar Kecil, adalah dianggarkan sejumlah 4,382 buah keluarga Bumiputera telah berjaya ditempatkan secara tetap di kawasan-kawasan bandar di seluruh Negeri Pahang melalui projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah setakat ini. Jika sekiranya diandaikan sebuah keluarga mengandungi 5.5 orang ahli keluarga, maka akan terdapat sejumlah 24,101 orang bumiputera dikawasan bandar yang tinggal di projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah.

Mengenai penglibatan sektor swasta pula, sejumlah 305 permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah telah diterima oleh kerajaan negeri dalam tahun 1983 dan daripada jumlah itu sebanyak 104 permohonan telah diluluskan. Bagi tahun 1984, sejumlah 287 permohonan telah di terima dan kerajaan telah meluluskan sejumlah 79 permohonan.

## YAYASAN PAHANG

Yayasan Pahang yang di tubuhkan di bulan Disember, 1982, mula beroperasi pentadbirannya pada bulan Oktober, 1983. Walaupun baru dalam tahun kedua ianya beroperasi, Yayasan Pahang telah banyak mengorak langkah menumpukan kegiatannya di bidang pelajaran, sukan, kebudayaan dan keagamaan. Selaras dengan objektif penubuhannya Yayasan Pahang telah dengan giatnya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan berikut:-

### (A) Anugerah Pelajaran

Pembiayaan anugerah pelajaran adalah merangkumi Hadiah Biasiswa, Dermasiswa dan Pinjaman Pelajaran bagi peringkat-peringkat berikut:

- (i) Peruntukan Biasiswa Kecil Yayasan Pahang (BKYP) kepada pelajar-pelajar diperingkat Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama.

- (ii) Peruntukan Hadiah Pelajaran Tinggi (HPT) iaitu: Biasiswa, Dermasiswa dan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar diperingkat Universiti/Institusi Tempatan dan Luar Negeri.

(B) Projek Pelajaran

- i) Pusat Sumber Sekolah
- ii) Bantuan Khas Persekolahan
- iii) Bantuan Aktiviti Ko-kurikulum
- iv) Anugerah Pelajar Cemerlang
- v) Rancangan Sekolah Anak Angkat
- vi) Anugerah Sekolah Maju
- vii) Program Subsidi kepada murid-murid miskin
- viii) Skim Bantuan Sukan
- ix) Bantuan Peperiksaan SPM
- x) Skim bantuan membiayai Jurnal Peperiksaan
- xi) Skim bantuan membekal buku-buku rujukan untuk murid-murid di Tingkatan VI.
- xii) Skim bantuan kepada pegawai-pegawai rendah bagi meningkatkan taraf pelajaran.
- xiii) Skim bantuan untuk melawat sambil belajar.

(C) Projek Keagamaan

- i) Membina dan melengkapkan Asrama Tambahan bagi Sekolah-sekolah Menengah Agama dalam Negeri Pahang.
- ii) Bantuan perpustakaan
- iii) Bantuan Sewa Rumah yang dijadikan Mini Asrama.

(D) Projek Kebudayaan Belia dan Sukan

- i) Bantuan Skim tahunan Program Kebudayaan Belia dan Sukan.

(E) Projek Pembangunan

- i) Kompleks Sukan Lipurdiri
- ii) Pusat Karyaneka

Semenjak dari pengambilalihan tanggungjawab mengendalikan Anugerah Hadiah Pelajaran, Yayasan telah membiayai seramai 5,049 orang pelajar yang mengandungi 4,299 pelajar bagi Biasiswa Kecil Yayasan Pahang dan seramai 750 bagi Hadiah Pelajaran Tinggi. Bagi tahun perancangan 1985/86 Yayasan bercadang untuk membiayai sejumlah 2284 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran mereka di Institusi-Institusi dalam

dan luar negeri. Ini bermakna setakat perancangan yang telah dibuat hingga kini, Yayasan telah memperuntukkan wang sejumlah \$10,155,860.00 bagi program bantuan pelajaran tinggi kepada 7,333 pelajar.

Sehingga ini Yayasan Pahang telah memberi bantuan Pusat Sumber Sekolah kepada 40 buah sekolah diseluruh Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak \$200,000.00. Sebanyak 32 buah sekolah lagi akan diperakukan di bawah bantuan Pusat Sumber ini.

Di samping itu Yayasan Pahang telah juga membina 5 buah asrama tambahan untuk sekolah-sekolah menengah agama yang menelan belanja \$862,280.00, iaitu di Maran, Chenor, Dong, Pulau Tawar dan Ketapang. Dalam tahun 1985, sebanyak 4 buah asrama lagi akan di bina, iaitu di Sekolah Menengah Agama Pelangai, Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Sekolah Tengku Ampuan Fatimah dan Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar. Yayasan Pahang juga telah mewujudkan satu Makmal Bahasa Arab yang bernilai \$45,000 di Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar, Pekan.

Sebuah Kompleks Sukan biayaan Yayasan Pahang juga dirancang untuk dibina di Kawasan Atabara, Kuantan. Pembinaan kompleks tersebut yang akan dilaksanakan secara berperingkat-

peringkat telahpun bermula dan kini dalam proses penyediaan tapak. Sebuah pusat Karyanika yang bernilai \$250,000 sekarang sedang dalam peringkat akhir pembinaannya yang terletak di Telok Chempedak, Kuantan.

Sebagai usaha memperkukuhkan kedudukan kewangan dan dalam menentukan pulangan hasil yang stabil, Yayasan Pahang telah menceburkan diri dalam lapangan-lapangan seperti berikut:-

i) Penyertaan equiti dalam saham-saham terpilih.

Setakat ini Yayasan telah memperolehi 72% saham-saham dari Syarikat Pelaburan Malaysian General Investment Corporation Berhad dengan nilai pelaburan sebanyak \$28.8 juta, dan sebanyak 1.5 juta saham di Development & Commercial Bank Bhd. Yayasan Pahang juga memperolehi saham-saham dalam Syarikat Austral Enterprise Berhad melalui Syarikat anaknya Malaysia General Investment Corporation Berhad (MGIC).

ii) Menceburkan diri dalam lapangan perladangan

Usaha-usaha sedang dibuat ke arah membangunkan kawasan ladang kelapa sawit



secara usahasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri/orang-orang persaan yang mempunyai kemampuan. Untuk tujuan ini, satu projek usahasama akan dilaksanakan dengan Syarikat Island Peninsular bagi memajukan tanah seluas 9,000 ekar untuk tanaman kelapa sawit. Melalui usaha ini adalah dijangka, Yayasan memperolehi sebanyak \$3 juta di tahun hadapan.

iii) Bank Tanah

Yayasan Pahang juga berusaha ke arah penubuhan 'Bank Tanah' bagi tujuan pelaburan yang mana meliputi kawasan-kawasan pertanian dan kawasan-kawasan yang strategik di tiap-tiap bandar utama di daerah-daerah dalam Negeri Pahang.

iv) Aktiviti Pengeluaran

Menjalankan pemerosesan bahan-bahan yang berasaskan hasil keluaran hutan selain dari balak. Bagi tujuan ini, Yayasan telah mengendalikan penubuhan sebuah kilang buluh di Janda Baik Bentong yang dikenali sebagai Syarikat Sumber Perindu Sendirian Berhad. Projek ini yang kini dalam pembinaan berharga \$250,000.00

### Sumber Kewangan

Sumber Kewangan Yayasan Pahang adalah sebagaimana berikut:-

#### Sumber Luaran

- i) Peruntukan Tahunan dari Kerajaan Negeri
- ii) Sumbangan-sumbangan Agensi Kerajaan Negeri, dan pihak Swasta serta orang persaoangan.
- iii) Hasil jualan dari konsesi Hutan Balak yang telah dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan Pahang dengan keluasan keseluruhannya lebih kurang 45,107 hektar.

#### Sumber Dalaman

- i) Dividen dari pelaboran
- ii) Faedah dari pertaruhan tetap

#### Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Pahang.

Yayasan telahpun diluluskan penubuhan Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Pahang; oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri pada 13hb. Mac, 1985, yang memberikan pelepasan cukai kepada penderma-penderma Yayasan Pahang.

## PROJEK PELAJARAN TINGGI

### 1. Universiti Islam Antarabangsa

Projek Universiti Islam Antarabangsa yang telah dipersetujui di dirikan di Pahang telahpun memulakan kegiatannya tahun lalu. Kini Universiti tersebut menjalankan kegiatannya di Petaling Jaya sementara menunggu Kampus Sementaranya siap di atas tanah seluas 7,200 ekar di Janda Baik.

Pembinaan Kampus Sementara ini akan dilaksanakan secara usahasama antara LKNP dengan Syarikat Paremba yang mana dijangka akan dapat membawa perpindahan dalam tahun 1986 nanti. Kawasan kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa masih belum lagi diputuskan, tetapi kawasan antara Bukit Tinggi dengan Bukit Fraser.

### ITM/YPM

Sebagai usaha untuk menambah lagi peluang bagi anak-anak negeri ini melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, sebuah kampus cawangan ITM telah didirikan

di Kuantan. Kampus sementara di Teluk Sisik ini yang memulakan pengambilan pelajar-pelajar awal tahun ini menyediakan empat kursus peringkat diploma. Sebuah kampus kota juga dirancang dan akan dibina di Semambu, Kuantan.

Kerajaan negeri telah menyediakan satu kawasan seluas 1000 ekar di Bandar Pusat Jenka sebagai tapak kampus tetap ITM. Upacara perletakan batu asas kampus tetap ini telah dilakukan sendiri oleh YAB. Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bulan Mac, lalu.

Disamping itu Yayasan Pelajaran MARA telah menempatkan Maktab Sainsnya di Kuantan dengan memulakan pengajian di kampus sementara tahun lalu. Maktab ini mengambil pelajar-pelajar bumiputera sebagai persediaan untuk mereka melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Sebuah kampus tetap Maktab Sains sedang dirancang bagi memuatkan jumlah pelajar sebanyak 3,000 orang pelajar.

Tapaknya akan terletak di Bandar Kuantan dan apabila projek ini siap, Maktab Sains di Batu 6, Simpang Pekan Kuantan akan dijadikan Kampus untuk Junior Maktab Sains.

#### WILAYAH PERSEKUTUAN BUKIT TINGGI

Kerajaan Negeri telah bersetuju pada dasarnya dengan rundingan untuk mengadakan sebuah bandar kembar Kuala Lumpur yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 100 batu persegi di Bukit Tinggi dan dikenali sebagai Wilayah Persekutuan Bukit Tinggi. Dengan wujudnya kawasan Wilayah Persekutuan yang baru ini adalah diharapkan Negeri Pahang dapat menikmati beberapa faedah, antaranya:-

- (i) Faedah 'spill-over effect' daripada penubuhan dan pelaksanaan pembangunan yang dilaksanakan ke atas Wilayah Persekutuan, terutama sekali bagi kawasan-kawasan di Daerah Bentong. Lebih-lebih lagi ia akan dapat membantu perkembangan kemajuan kawasan Perindustrian Bentong yang telahpun wujud;
- (ii) Tanah-tanah dikawasan sekitar akan memperolehi nilai yang baik

kerana ia akan menjadi lebih berpotensi untuk perumahan dan perbandaran;

(iii) Negeri Pahang akan memperolehi tambahan hasil melalui punca air yang akan dibekalkan oleh JKR Negeri untuk keperluan dikawasan Wilayah Persekutuan yang baru;

(iv) Kawasan Wilayah Persekutuan ini berkait rapat dengan pembinaan system keretapi laju yang baru seperti yang telah diumumkan oleh YAB. Dato' Sri Dr. Mahathir tempoh hari. Rangkaian baru ini akan merentasi negeri Pahang dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan seterusnya sampai ke Cukai Kemaman. Stesyen pertama keretapi laju ini ialah Bukit Tinggi.

(v) Nilai pampasan yang akan diterima oleh kerajaan negeri dijangka akan dapat digunakan untuk pembangunan keseluruhan Negeri Pahang. Dalam lain-lain perkataan, Kerajaan Negeri akan menerima peruntukan kewangan yang boleh di ageh-agehkan bagi menyamakan pembangunan Negeri Pahang keseluruhannya.

- (vi) Kerajaan Negeri dapat menumpang faedah yang di bawa oleh pembinaan perhubungan jalan raya baru dan lain-lain kemudahan yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Bandar Baru ini.

Juga dimaklumkan bahawa kawasan yang terlibat tidak melibatkan tanah simpanan Melayu, akan sebaliknya kawasan-kawasan simpanan Melayu di sekitar akan turut dapat mengecapi faedah nilai tanah yang lebih baik.

#### KEWANGAN NEGERI

Bagi memperbaiki keadaan kewangan negeri kerajaan telah mengambil beberapa langkah kawalan pada tahun 1982. Ini adalah kerana pada akhir tahun 1981 Kerajaan negeri mengalami kurangan dalam akaun mengurusnya secara mendadak iaitu meningkat daripada \$13.5 juta kepada \$101.6 juta.

Di antara langkah-langkah ialah mengurangkan pertambahan emolumen (penggunaan kakitangan/gunatenaga) dan pengawalan ke atas projek-projek yang tidak mendatangkan kesan multiplier. Secara kebetulannya pula tahun 1982 ialah tahun kemelesetan. Dengan itu projek-projek yang dirancang dibiayai menerusi pinjaman

daripada kerajaan Persekutuan telah terjejas dengan sendirinya. Hasil Kerajaan Negeri, walau bagaimanapun telah mencatat pertumbuhan yang sihat iaitu sebanyak 37.8%. Disebaliknya kawalan perbelanjaan menunjukkan kesannya apabilamana ianya menurun sebanyak 21.6%, menjadi \$181.21 juta daripada parasnya sebanyak \$230.95 juta pada tahun 1981. Namun begitu kadar penurunan perbelanjaan pembangunan tidaklah begitu ketara sangat, dimana ianya menurun hanya sebanyak 12.2%. Ini mencerminkan penekanan kerajaan kepada aspek kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah kawalan telah dibantu oleh prestasi hasil yang memberangsangkan pada tahun 1983, di mana hasil daripada punca hutan memainkan peranan utama. Pada tahun 1983, kerajaan telah berjaya mencatatkan lebihan sebanyak \$39.1 juta iaitu suatu lebihan yang terbesar pernah dicapai. Kurangan terkumpul dengan itu turun kepada paras \$112.8 juta daripada paras \$151.9 juta pada tahun 1982.

Disamping itu dengan menjangkakan bahawa kemelesetan ekonomi akan menjejaskan prestasi hasil daripada sumber perhutanan iaitu sumber hasil utama, kerajaan telah mengkaji semula sumber-sumber hasil daripada tanah dan air. Kenaikan kepada cukai dan premium tanah dan juga cukai air telah



menguatkan kedudukan hasil. oleh demikian walaupun sumbangan daripada perhutanan menurun pada tahun 1984, adalah dijangka bahawa kerajaan akan masih berupaya mencatat lebih dalam akaun mengurusnya dan terus mengurangkan kewangan terkumpulnya menjadi \$75.1 juta.

	<u>Perbelanjaan</u>	<u>Hasil</u>	<u>Lebih/(Kurangan)</u>
	(\$ juta)	(\$ juta)	(\$ juta)
1981	230.95	129.34	(101.61)
1982	181.21	178.20	(3.01)
1983	181.79	220.93	39.14
1984	182.93	220.66	37.73

#### Kedudukan Kewangan Tahun 1985

Pada tahun 1985, perbelanjaan kerajaan di jangka akan berkembang dengan pesat sebanyak 30.6% setelah bertahan selama tiga tahun sebelumnya. Namun begitu pertumbuhan gunatenaga terus dikawal. Dibalikinya pemberian kepada agensi-agensi seperti Yayasan Pahang, Majlis Perbandaran dan pindahan kepada akaun pembangunan ditingkatkan. Perbelanjaan pembangunan termasuk pembiayaannya menerusi pinjaman dijangka akan meningkat dengan pesat menjadi \$195.1 daripada parasnya sebanyak \$116 juta pada tahun 1984.

## PENTADBIRAN KERAJAAN

Pada keseluruhannya prestasi pentadbiran Kerajaan berjalan dengan baik. Sistem pembahagian kerja kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mengikut potfolio telah digariskan dengan nyata pembahagian tugas di antara Ahli-ahli Kerajaan. Di peringkat pegawai pula kaedah pentadbiran yang baru yang sedang diterapkan oleh Kerajaan Negeri telah menunjukkan kesan yang positif kearah meningkatkan daya pengeluaran para pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Kaedah dan sistem yang ditekankan oleh pucuk pimpinan seperti kad perakam waktu, 'manual procedure' dan fail meja telahpun dilaksanakan di semua jabatan Kerajaan.

Penekanan kepada konsep pengurusan secara objektif ataupun 'Management by objective' telah dapat menentukan dengan jelas saranan-saranan yang harus dicapai oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Kejayaan Pejabat Tanah dalam memastikan saranan 1,000 permohonan diselesaikan pada setiap bulan di semua Daerah di-Negeri Pahang adalah suatu contoh

kejayaan kaedah pengurusan secara objektif.

Bagi menyahut saranan pucuk pimpinan supaya sektor swasta memainkan peranan yang lebih luas dan berkesan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Pengswastaan yang di Pengerusikan oleh YAB Menteri Besar, seorang Ahli EXCO dan pegawai-pegawai kanan di peringkat negeri. Jawatankuasa ini diberi kuasa penuh oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk memberi kelulusan secara prinsip kepada permohonan-permohonan yang datang dari sektor swasta dalam bentuk apa jua projek yang difikirkan memberi manfaat dan keuntungan besar kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Pahang. Jawatankuasa ini diberi kuasa meluluskan pada prinsipnya kelulusan tanah untuk tujuan projek komersial. Dengan adanya kuasa ini maka pemohon-pemohon bolehlah membuat permohonan terus kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk diproses dan apabila keputusan dibuat oleh Jawatankuasa ini maka permohonan secara rasmi bolehlah dibuat kepada Pejabat Tanah Daerah dan seterusnya akan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk diberi kelulusan formal. Kaedah baru ini dijangka akan

membolehkan keputusan diputuskan oleh Kerajaan dalam masa yang sesingkat-singkatnya iaitu dalam masa beberapa minggu sahaja dan seterusnya mereka boleh mengambil tindakan seperti menyediakan pelan secara detail dan kerja-kerja ukur dan sebagainya dalam masa permohonan rasmi di bawa mengikut proses biasa.

Jawatankuasa ini baru sahaja ditubuhkan dan sebuah syarikat mengeluarkan 'mineral water' di Bentong yang melibatkan pelaburan sebanyak \$11 juta telahpun diberi kelulusan pada prinsipnya oleh Jawatankuasa. Dijangka projek-projek dalam bidang-bidang seperti perladangan secara komersial termasuk tanaman-tanaman yang baru, bidang aquaculture, projek-projek perumahan dan perkedaian, projek industri ringa dan projek-projek industri yang melibatkan tana kerajaan akan digalakkan dan sambutan yang kian meningkat di jangka diterima daripada sektor swasta sekiranya kaedah baru ini diketahui oleh mereka dan Insya Allah penyertaan sektor swasta yang lebih luas dan bermakna akan dapat kita lihat di Negeri Pahang ini.

#### PENUTUP

Semua yang dipaparkan ini merupakan pencapaian dan perancangan masa depan

kerajaan. Untuk mencapai hasrat kita, keazaman politik atau "political will" adalah penting. Mudah-mudahan melalui perbincangan dan rumusan-rumusan yang akan lahir dalam konvensyen ini akan menguatkan azam dan tekad politik UMNO Pahang untuk mengisi harapan dan aspirasi rakyat selaras dengan pandangan jauh atau 'Vision' yang jelas dan terang. Insya Allah Pahang akan maju dan terus maju.

LKNP

Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) yang di tubuhkan dalam tahun 1965 dan mula beroperasi pada tahun 1967, bergerak bagi meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial di Pahang terutama sekali di kawasan luar bandar, dengan objektif-objektif seperti berikut:-

- (i) Menyediakan perumahan awam di bandar dan luar bandar;
- (ii) Menyediakan tempat berniaga untuk bumiputera di bandar dan di pusat perniagaan desa;
- (iii) Menggalak dan melaksanakan pembangunan perindustrian di daerah-daerah bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan menarik pelaburan asing;
- (iv) Menyusun semula struktur pelaburan dan menjadi pemegang amanah kepada bumiputera dalam pelaburan;
- (v) Merancang dan memajukan industri pelancongan di Negeri Pahang.

Sebagai agensi yang telah hampir 20 tahun di tubuhkan, LKNP telah menjalankan berbagai aktiviti pembangunan selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru. Antara penekanan yang di buat oleh LKNP kini ialah melaksanakan

dasar pengswastaaan baik dalam pentadbiran dan pengurusannya mahupun dalam melaksanakan projek-projek tertentu di bidang perumahan, perindustrian dan pelancongan kelolaannya.

#### Penswastaaan

Bagi projek bandar baru konsep penswastaaan yang akan dilaksanakan ialah LKNP akan menentukan package-package bagi pembangunan dan akan menjemput pemaju-pemaju untuk melaksanakan package-package tersebut dengan cara mereka membuat cadangan bentuk pembangunan serta peratus menyerahkan balik projek yang telah siap kepada LKNP mengikut syarat-syarat yang dipersetujui. Walaupun projek-projek yang ditentukan itu diberi kepada pihak-pihak swasta tetapi LKNP akan sentiasa mengawal dari segi pencapaian matlamat DEB.

Ini bermakna sekurang-kurang 30% daripada projek-projek yang dibangunkan itu diserahkan kepada LKNP dan pihak LKNP seterusnya akan menjualkan kepada bumiputera.

Pembangunan Bandar Baru Kuantan dijangka menelan belanja sebanyak \$120.9 juta mempunyai matlamat untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur yang akan mengubahsuai pembangunan Kuantan kepada pembangunan yang berunsur perbandaran (urbanisasi) dan untuk menjamin pencapaian yang maksima bagi

pertumbuhannya sebagai pusat pertumbuhan ekonomi di Wilayah Pantai Timur.

Pembangunan Bandar Baru Kuantan secara konsepnya terbahagi kepada kawasan perumahan (55.4%), pusat perdagangan dan perniagaan (10.8%), pentadbiran/institusi Kerajaan (5.6%) dan lain-lain iaitu kawasan untuk kemudahan awam dan rekreasi (28.2%).

Projek-projek lain yang telah disenaraikan untuk diswastakan ialah:-

1. Perumahan Tanah Putih Baru Pr. II
2. Perumahan berhampiran kawasan Perindustrian Jerantut.
3. Perumahan Lembah Ruil, Cameron Highlands.
4. Pembangunan Lurah Temerloh
5. Pembangunan Bandar Baru Ketari

Bagi projek-projek perumahan pula, dua projek utama LKNP telah diswastakan iaitu:

1. Projek Perumahan Bukit Setongkol (Taman Cenderawasih) Kuantan.
2. Projek Perumahan Sri Kemunting (Temerloh).

Pembangunan bagi projek Perumahan Bukit Setongkol ini dilaksanakan mengikut konsep penswastaaan yang baru diperkenalkan dan merupakan projek perumahan yang pertama dilaksanakan oleh LKNP mengikut konsep baru ini.

Projek seluas kira-kira 40 hektar



ini akan mengandungi 1,465 unit rumah, merangkumi berbagai jenis dan terdiri daripada tiga katogeri iaitu Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana, dan Kedai 2 tingkat.

Bagi projek Sri Kemuning Temerloh adalah merupakan projek yang terbesar di Temerloh yang akan mengandungi 2,700 unit rumah. Pembangunan bandar baru Sri Kemuning buat masa ini telahpun dimulakan perlaksanaannya.

Kerajaan Negeri Pahang telahpun memulakan melaksanakan projek-projek rumah murah kerajaan secara penswastaan. Selain daripada projek-projek perumahan bangunan-bangunan perusahaan ringan juga akan diswastakan. Di antara projek yang telah dikenalpasti untuk diswastakan ialah Bangunan Perusahaan Ringan Gebeng, Raub dan Semambu.

Pihak LKNP juga sedang membuat kajian untuk menswastakan beberapa buah Syarikat Anaknya. Diantara yang sedang di dalam proses ialah:-

1. Sri Buana Sdn. Bhd.
2. Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.
3. Samudra Hotels Sdn. Bhd.

Manakala Syarikat Block and Tiles sudahpun di swastakan kepada sebuah syarikat bumiputera.

## L K P P

Di bawah projek sosio ekonomi, LKPP telah menumpukan perhatian kepada pembangunan kawasan ladang yang ditanam dengan kelapa sawit atau getah. Projek ini bertujuan meningkatkan kadar pemilik tanah di luar bandar di samping membantu usaha-usaha penyusunan semula kampung-kampung lama yang dahulunya sering dilanda banjir.

Di antara projek-projek yang dilaksanakan ialah projek Rancangan Tanah Pinggir. Rancangan ini telah memberi faedah kepada 6,294 orang dan melibatkan kawasan seluas 17,380.2 hektar. Sehingga 31.3.1985 jumlah kutipan bayaran balik yang dipungut oleh LKPP ialah \$9,884,432.50 berbanding dengan kutipan yang sepatutnya diterima sebanyak \$18,201,100.00.

Rancangan Pemulihan Mangsa Banjir dimulakan dalam tahun 1970-71 dan memberi kemudahan kepada 2,671 keluarga termasuk rumah kediaman. Rancangan ini dimajukan dengan pinjaman \$8,802,984.00 dan setakat ini bayaran balik yang dikutip ialah \$2,328,344.00.

LKPP juga melaksanakan rancangan penempatan semula keselamatan bagi penduduk-penduduk di kawasan terpencil dan terbuka kepada anasir subversif ke kawasan baru yang terkawal. Empat buah rancangan telah dibuka iaitu di Sungai Chalit, Raub, Kampung Peruang,

Jerkoh dan Merapoh di Kuala Lipis. Seramai 475 peserta telah ditempatkan dan kawasan ladang seluas 3,076.8 hektar telah dimajukan.

LKPP juga bergiat dalam sektor komersyal dengan tiga aktiviti utama iaitu menubuhkan anak syarikat, pembelian saham dalam syarikat tertentu dan penubuhan syarikat-syarikat usahasama. Antara anak-anak syarikat LKPP ialah Far East Holding, Syarikat Kurnia Setia, Syarikat Ladang LKPP, LKPP Perwira Sdn. Berhad, LKPP Sawit Sdn. Bhd. dan Semambu Edible Oil.

Di antara projek-projek baru di bawah RML yang akan diusahakan oleh LKPP ialah projek ladang seluas 5,000 ekar di kawasan Lepar. Tender bagi kawasan ini telah dikeluarkan dan peruntukan berjumlah \$12,500,000 telah dipersetujui.

LKPP sedang mengkaji kemungkinan dilibatkan pengusaha-pengusaha Bumiputera di bawah Dasar pengswastaan. Beberapa konsep baru sedang di kaji oleh LKPP untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

## ASPA

ASPA yang ditubuhkan dalam tahun 1974, kini tegak dengan jumlah harta sebanyak \$65 juta. Ia mempunyai pelaburan melebihi \$47 juta yang mengandungi:-

i) Syarikat Milikan	-	\$42,986,154
ii) Syarikat Bersekutu	-	1,960,374
iii) Lain-lain pelaburan	-	2,333,219
		<hr/>
		\$47,279,747
		=====

### Rancangan Pembesaran Kegiatan ASPA

#### A. Pembesaran Projek Rumah Pasangsiap

Projek ini melibatkan kilang mengeluarkan komponen-komponen rumah pasangsiap seperti panel dinding, panel rangka pintu dan tingkap serta tiang-tiang siap dipotong dan juga pemasangan komponen-komponen tersebut untuk mendirikan rumah-rumah dan juga masjid pasangsiap.

#### B. Kilang Perabut

ASPA-Samick Furniture Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat usahasama dengan Samick Corporation dari Korea Selatan. Tapak untuk kilang seluas 10 ekar telahpun diperolehi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan dengan melibatkan kos sebanyak \$8 juta. Pengeluaran telah dimulakan pada bulan Jun, 1985. Buat permulaan projek ini mengeluarkan perabut-perabut

'knok-down' seperti kerusi makan, meja dan set ruang tamu dan sudahpun dipasarkan.

Disamping itu juga ASPA telah menubuh sebuah Syarikat Perabot iaitu Syarikat Perpa Furniture Industries (PFI) Sdn. Bhd. dengan membeli Syarikat UMW (Furniture Division) di Songsang. Tujuan pembelian ialah untuk menembusi pasaran perabot di USA dengan menjual perabot-perabot jenis 'Colonial' yang diminati oleh pembeli-pembeli di USA.

#### C. Projek Rangka Pintu dan Tingkap

Kilang ini bertempat di Jerantut dan percubaan pengeluaran telah dijalankan pada bulan Julai, 1984. Barangan keluaran kilang termasuk rangka pintu dan tingkap serta pintu biasa (flush doors), bagi kegunaan industri perumahan.

#### D. Projek Setor Kayu di Kawasan Perindustrian Lembaga Pelabuhan Kuantan.

Tujuan utama projek ini adalah untuk menempatkan semua keluaran Kumpulan ASPA sebelum ianya dieksport. Ini ialah sebagai satu langkah di dalam usaha pemusatan aktiviti pemasaran bagi kumpulan ASPA.

Oleh itu setor kayu di Kawasan Perindustrian Pelabuhan Kuantan adalah satu projek yang akan diadakan untuk menjimatkan kos dimana semua eksport Kumpulan ASPA dapat dikendalikan.

Projek dijangka siap pada bulan Oktober, 1985.

#### E. Projek Gluelam

Projek gluelam ialah untuk membuat bahan binaan dengan menggunakan kayu yang dilekat dengan gam. Projek ini masih di dalam kajian dengan sebuah Syarikat dari Norway dan segala 'sample' kayu telah dihantar untuk dikaji selidik

#### F. Projek Pengeluaran dan Memproses Rotan

Kawasan hutan ASPA mempunyai banyak kuantiti Rotan Manau untuk dibuat perabut. Projek ini merupakan usaha sampingan ASPA dan boleh memberi faedah kepada pengusaha-pengusaha perabut rotan dimana sumber bekalan boleh dibekal oleh ASPA secara berkekalan. Disamping penglibatan ASPA di bidang ekonomi, ASPA juga tidak asing dari menitik beratkan aspek-aspek sosial di negeri ini. Penglibatan tersebut adalah di dalam persekitaran pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Perhutanan, khusus untuk menepati perkara-perkara berikut:-

##### A. Menambah peluang-peluang pekerjaan

ASPA telah mengwujudkan lebih kurang 4,016 orang pekerja-pekerja dan kakitangan. Pembayaran kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera di bawah kegiatan ASPA ialah \$13,985 juta. Kegiatan ini telah memperlihatkan pertumbuhan ekonomi di daerah-daerah terpencil seperti di Kuala Rompin, Bukit Ibam, Pekan, Padang Tengku,

Kemayan, Bandar Jengka, Maran dan Belimbing.

B. Menarik Pelaburan Asing di Negeri Pahang

Setakat ini pihak ASPA telah berjaya menarik pihak Jerman Barat dan Korea Selatan untuk melabur di Negeri Pahang melalui Projek Usahasama: ASPA-Lutz dan ASPA-Samick. Adalah dijangka di masa-masa hadapan beberapa pelabur asing terutamanya dari Amerika Syarikat, Norway dan Jepun dapat dibawa ke Negeri Pahang melalui Projek Pelekat, Projek Perabut, Projek "Gluelam" dan Projek "Biomass Fuel" dan pada masa ini, sedang di dalam kajian.

C. Membantu Kerajaan Negeri Pahang di Sektor Perumahan

Melalui Anak Syarikat Mentiga Forest Products Sdn. Bhd, ASPA telah berjaya mendapat satu tawaran dari Kerajaan Negeri Pahang untuk membina 500 buah rumah pasangsiap. Jika bertambah lagi permintaan rumah pasangsiap di Negeri Pahang dan lain-lain negeri, ASPA bersedia memenuhi kehendak pasaran dengan memperbagaikan kegiatannya dibidang perumahan kos rendah ini.

D. Mencarum Wang kepada Yayasan Pahang

Setakat ini ASPA telah mencarum wang sejumlah \$4.5 juta kepada Tabong Amanah Yayasan Pahang bagi memenuhi matlamat penubuhannya dibidang pelajaran, keagamaan, sukan dan kebajikan.

E. Melatih Lebih Ramai Bumiputera Dibidang-bidang Pemerosesan Lanjutan (downstream processing) kayu-kayan.

ASPA akan menumpu dengan lebih pesat lagi di masa hadapan di dalam projek-projek pemerosesan lanjutan kayu-kayan. Bagi mempelbagaikan kegiatan-kegiatan ini ASPA sedang melatih 21 orang pelatih-pelatih eksekutif Bumiputera supaya kepakaran dibidang ini dapat diadakan. Bidang-bidang yang menjadi tumpuan ialah perusahaan perabut, rangka pintu dan tingkap, kayu mouldings, kayu kuda-kuda, kayu cerucuk, dan lain-lain lagi.

F. Menjadi Faktor Penggalak kepada Penggunaan Kemudahan Pelabuhan Kuantan.

ASPA melalui Syarikat Perakayuan Pahang (Marketing) sedang mengadakan sebuah setor kayu di kawasan seluas 4 hektar di Pelabuhan Kuantan bagi menyimpan barang-barang keluaran sementara menunggu kapal untuk diekspot. Apabila siap projek setor kayu ini nanti ASPA akan menguruskan aktiviti penghantaran/forwarding melalui Pelabuhan Kuantan. Lain-lain kemudahan yang akan diadakan nanti ialah setor/jeti dan kilang kering tanor (kiln dry plant). Kilang ini nanti akan memberi khidmat kepada pengeluar/pengekspot dari negeri Kelantan dan Terengganu supaya mengguna Pelabuhan Kuantan.



G. Melibatkan lebih ramai lagi Pengusaha-  
Pengusaha Bumiputera dibidang Khidmat  
Sokongan.

ASPA dan Syarikat-syarikat Anaknya sentiasa memerlukan khidmat sokongan dari pengusaha-pengusaha Bumiputera dibidang pengangkutan, pembekalan, pemasaran, khidmat professional dan lain-lain dari masa kesemasa.

SYARIKAT PERMODALAN DAN PERUSAHAAN PAHANG BHD

Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang Berhad telah bergiat cergas di dalam bidang perlombongan, kuari dan batu-bata.

Pada keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan seluas 41,970 hektar kawasan perlombongan kepada SPPPB dan 918 hektar sedang dikerjakan. SPPPB juga telah membuat permohonan sijil perlombongan untuk kawasan berjumlah 946 hektar dan permohonan 'prospecting permit' untuk kawasan berjumlah 25,259 hektar.

Modal Sri Pandan Sdn. Bhd., adalah sebuah syarikat usahasama di antara SPPPB dengan sebuah syarikat dari Australia, Gonzinc Holding (M) Sdn. Bhd. Syarikat ini sedang melombong satu kawasan seluas 492.28 hektar dengan menggunakan kapal korek.

Modal Kuari Sdn. Bhd. pula menjalankan projek-projek kuari secara usahasama dengan

syarikat-syarikat tempatan di Jerantut, Kuantan dan Kuala Lipis.

Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan SPPPB satu kawasan yang mengandungi lebih kurang 50,000 tan tanah liat yang bermutu tinggi. Satu kajian telah menunjukkan tanah liat ini adalah sesuai untuk membuat Floor, tiles, bata dan sebagainya. Pada masa ini Modal Batu Bata Sdn. Bhd., sedang menjalankan perusahaan bata menggunakan tanah liat tersebut.

SPPPB dalam langkah untuk menyusun semula masyarakat telahpun menetapkan garis panduan seperti berikut:-

- (1) Penjualan saham-saham Syarikat Induk (SPPPB) kepada bumiputera.
- (2) Menggalakkan penyertaan secara bumiputera-bumiputera di dalam projek perlombongan, pengeluaran dan perindustrian SPPPB.
- (3) Melahirkan peluang-peluang pekerjaan khasnya kepada bumiputera tempatan.
- (4) Membangunkan kawasan luarbandar terpencil menerusi projek-projek hasilbumi.

Pencapaian penyusunan semula masyarakat yang dimainkan oleh SPPPB tidaklah begitu memuaskan sehingga ini. Penjualan saham-saham Syarikat Induk terpaksa ditunda memandangkan keadaan kesekitaran ekonomi negara dan saingan dari terbitan saham-saham seperti ASN.

Penyertaan secara terus bumiputera-bumiputera di dalam projek perlombongan

pengeluaran dan perindustrian SPPPB juga tidak menggalakkan kerana bidang-bidang tersebut mengalami kemerosotan daya tumbuh dan kekurangan bumiputera dalam sektor-sektor tersebut.

#### PELABUHAN KUANTAN

Pelabuhan Kuantan yang memulakan operasi sepenuhnya pada awal tahun lalu adalah salah sebuah pelabuhan yang termoden di negara ini yang mampu memberikan pelbagai jenis kemudahan dan perkhidmatan kepada pengeksport dan pengimport.

Matlamat utama ialah untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai pintu keluar-masuk barangan dan penumpang di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Sepanjang tahun 1983 sebanyak 844 buah kapal singgah di Pelabuhan Kuantan dengan jumlah kargo sebanyak 277,734 tan untuk diimport dan 504,367 tan untuk dieksport.

Sehingga Jun tahun ini sebanyak 266 buah kapal singgah di pelabuhan dengan kargo 133,092 tan dan membawa keluar 327,307 tan untuk eksport. Barangan utama yang dieksport ialah kayu balak dan papan lapis ASPA dan minyak sawit.

Untuk menggalakkan perkembangan pelabuhan ini, kawasan seluas 90 hektar disediakan untuk industri iaitu 50 hektar untuk industri seperti petro-kimia dan baja.

Sehingga ini Syarikat Shell, Petronas, Bredero Price dan Glostal telah mendirikan gudang-gudang simpanan masing-masing di kawasan pelabuhan.

Pihak pelabuhan juga menyediakan kawasan 40 hektar untuk perusahaan seperti keluaran minyak sayur-sayuran, tepong dan kelapa sawit. Sehingga ini 20 hektar telah diambil oleh beberapa pihak yang berminat untuk mendirikan kilang termasuk Felda yang akan mengeluarkan pelbagai jenis keluaran minyak sawit dan minyak sayur-sayuran.

Pihak swasta boleh memainkan peranan mereka dengan menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pantai Timur adalah kaya dengan hasil-hasil pertanian dan selama ini menggunakan pelabuhan tradisional yang sedia ada.

Setelah setahun pelabuhan ini dibuka dengan rasminya, sambutan pihak sektor swasta masih tidak begitu menggalakkan. Ada tiga persoalan yang sering diperkatakan terutamanya dikalangan masyarakat peniaga dan pengusaha. Pertama, apakah keretakan di dermaga sudah dibaiki, kedua apakah pelabuhan Kuantan boleh digunakan di musim tengkujuh dan ketiga adakah Pelabuhan Kuantan bersaing dengan pelabuhan Tanjung Berhala.

Pertamanya dermaga telah dibaiki sepenuhnya, kedua Pelabuhan Kuantan adalah

pelabuhan semua musim dan tidak terjejas oleh musim tengkujuh dan akhirnya Pelabuhan Kuantan tidak bersaing dengan Pelabuhan Tanjung Berhala. Pelabuhan Tanjung Berhala adalah dibina khusus untuk mengendalikan kegiatan yang berkaitan dengan industri petrolium di samping mengendalikan keluaran besi waja oleh kilang HICOME.

#### LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA

Setakat ini pembangunan di Wilayah Jengka masih tertumpu kepada peringkat 1, 11 dan Pusat Bandar, Bandar Pusat Jengka dan kedudukan projek-projek yang telah siap secara ringkasnya adalah:-

- 846 unit rumah kediaman tidak termasuk rumah-rumah kediaman yang diusahakan oleh agensi-agensi lain dan bangunan-bangunan sementara yang didirikan oleh LKWJ seperti rumah guru dan mess pekerja.
- 73 unit tempat niaga yang merangkumi kedai-kedai dan gerai-gerai.
- Seluas lebihkurang 200 ekar untuk kawasan perindustrian termasuk kilang Syarikat Jengka Sendirian Berhad.
- Kemudahan sosial lain seperti Masjid di Bandar Pusat Jengka, Balai Polis, Pejabat Pos, Pejabat

untuk 86 unit rumah kos rendah di peringkat 1, Bandar Pusat Jengka telah disempurnakan.

- Kerja pembinaan Rumah Rehat telah disempurnakan dan kerja-kerja dalam sedang dijalankan.
- Pembinaan 2 batang jalan akan dilaksanakan dari Kampung Bintang ke Kampung Pulau Pasir Mandi (20km) dan dari Pasir Mandi ke Batu Sawa (18km).
- Pembinaan jalan laterite (Kelas D) dan kerja-kerja bersangkutan untuk jalan dari Simpang Jalan ASPA ke Kampung Merting dan Kampung Lubok Payong oleh pasukan ukur dari Jepun.
- Penyediaan tapak bagi Sekim Kilang Bimbingan Bank Pembangunan di atas seluas 5 ekar tanah telah dimulakan.

Salah satu gugusan pertumbuhan yang berpotensi telah dikenal pasti untuk dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah Gugusan Kampung Paya Angut/ Pamah Kuing. Strategi pembangunannya ialah konsep penyusunan semula kampung-kampung (Kampung Tersusun) dan status pusatnya ialah sebagai Pusat Perkhidmatan. Ianya akan dijadikan sebagai

projek prinstis bagi pembangunan pusat-pusat perkhidmatan Kampung Tradisional Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

LKWJ sedang menyelaraskan cadangan untuk memperbesarkan kawasan LKWJ (dari utara Sungai Tekai hingga ke Kampung Mat Daling), di antara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri Pahang.

#### LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA

Sektor pertanian adalah perintis dan penggerak utama Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara ini. Kawasan yang berpotensi dan sesuai untuk pertanian di Pahang Tenggara ini berjumlah 465,587 hektar iaitu 46.5% dari kawasan seluruhnya. Mengikut Pelan Induk Matlamat pertanian sehingga tahun 1980 ialah 211,040 hektar dan 340,536 hektar sehingga tahun 1990.

Bidang pertanian terus berkembang dan sehingga akhir Dis, 1984 kawasan pertanian yang diluluskan meningkat kepada 310,670 hektar. Daripada jumlah ini seluas 179,166 hektar atau 58% telah ditanam dan dimajukan sepenuhnya.

Kelapa Sawit masih merupakan tanaman utama dengan kawasan yang diluluskan sebanyak 201,274 hektar pada akhir Dis, 1984.

Memandangkan rancangan mempelbagaikan tanaman belum memuaskan, DARA sentiasa berusaha untuk menarik pelabur-pelabur supaya

melibatkan diri dengan tanaman-tanaman lain selain dari kelapa sawit. Namun demikian minat yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur tidak begitu menggalakkan.

Pada keseluruhannya, kejayaan di bidang pertanian adalah memuaskan. Jumlah pencapaian kawasan yang dimajukan berakhir pada akhir Dis, tahun 1984 ialah 179,166 hektar iaitu 53% daripada 340,536 hektar yang dirancangkan bagi tahun 1990. Jika kesemua kawasan yang telah diluluskan itu dimajukan peratus pencapaian ialah 91%.

Di samping kawasan-kawasan yang diusahakan untuk pertanian terdapat dua kawasan yang dikekalkan bagi tujuan pembalakan dengan menggunakan sistem hutan kekal. Kawasan yang telah ditentukan ialah seluas 62,226 hektar di Ibam dan 52,486 hektar di Lesong.

Dua buah syarikat usahasama yang juga disertai oleh DARA dengan pegangan saham minoriti, telah di pertanggungjawabkan bagi memajukan kompleks-kompleks ini, iaitu Syarikat Perkayuan Tenggara Sendirian Berhad dan Syarikat Lesong Forest Products Sdn. Bhd. Syarikat-syarikat ini telahpun mendirikan kilang masing-masing di Ibam dan di Kuala Rombin.

Kawasan hutan Paya Bebar yang seluas kira-kira 159,514 hektar yang masih belum



diusahakan berpotensi sebagai kawasan pembalakan di dalam Wilayah Pahang Tenggara.

Empat buah kawasan yang jumlah luasnya 85,230 hektar telah dikhaskan bagi kepentingan mergastua, alam sekitar dan pelancungan iaitu Kawasan Mergastua Tasik Chini (3,785 hektar), Kawasan Mergastua Tasik Bera (26,547 hektar), hutan pantai (16,194 hektar) dan Dataran Endau Rompin (38,794 hektar).

Pembukaan Wilayah Pahang Tenggara melibatkan penempatan-penempatan penduduk serta penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur bandar. Pusat penempatan ini dipilih sebolehnya di tengah-tengah kawasan 'hinterland' dengan anggaran jarak 11km. jejari atau tidak melebihi setengah jam perjalanan dengan kenderaan bermotor.

Mengikut Pelan Induk 36 buah bandar dirancangkan dibina sehingga tahun 1990. Tetapi setelah mengambil kira keadaan yang terdapat di DARA, hanya 30 buah bandar di cadang dibangunkan di Wilayah Pahang Tenggara ini. Bandar-bandar yang telah dibina ialah Bandar Chini, Paloh Hinai, Ibam, Kota Perdana, Mu'adzam Shah, Kota Bahagia, Kota Shahbandar, Melati, Pekoti Timor, Chenderawasih, Perwira Jaya, Perantau Damai, Bandar 21, Tun Abdul Razak, Selancar, Seladang dan Bera. Bandar-bandar ini dibangunkan berperingkat-peringkat mengikut keperluan masing-masing.

Jumlah penduduk di bandar-bandar ini dan di sekitar kawasan bandar-bandar yang belum lagi dimajukan pada akhir Dis, 1984 ialah seramai 84,721 orang.

Sejumlah 2,359 unit rumah dan 138 unit ruangniaga yang dibina oleh DARA telah disiapkan. Sementara itu sejumlah 379 unit rumah dan 18 unit ruangniaga berada di berbagai peringkat pembinaan. Disamping itu enam (6) pasar dengan 140 unit Gerai telah siap di bina dan dapat digunakan di bandar-bandar Chini, Mu'adzam Shah, Tun Abdul Razak dan Perwira Jaya.

Selain dari itu jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JKR dan Felda turut membina rumah-rumah untuk kakitangan dan peneroka-pereroka di bandar-bandar yang berkenaan. Rumah yang telah dibina oleh agensi-agensi tersebut hampir berjumlah 12,512 buah.

Sejumlah 16 buah syarikat-syarikat anak dan syarikat-syarikat sekutu telah ditubuhkan dan disertai oleh DARA yang melibatkan modal dibenar sebanyak \$142.5 juta dan yang dibayar ialah sebanyak \$102.9 juta. Sumbangan DARA setakar ini ialah \$57.15 juta.

Bagi projek-projek pertanian, DARA Lam Soon Sdn. Bhd., dan Tehdara Sdn. Bhd., telahpun mencatatkan keuntungan tahunan pada akhir tahun 1984 sementara Sawira Sdn. Bhd.

masih lagi diperingkat pembangunan walaupun keseluruhan kawasan berjumlah 4,084 hektar yang diluluskan telahpun dimajukan.


Dara Koko Buahian Sdn. Bhd. belum lagi memulakan operasinya sementara Dara Lee Yan Lian Sdn. Bhd., di dalam proses pembubaran.



# KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985

Dirasmikan oleh:  
**Y.A.B. DATO' TIMBALAN PRESIDEN,  
UMNO MALAYSIA.**


Tempat:  
**Maktab Perguruan Kuantan**  
Pada:  
**13, 14 & 15hb. Sept. 1985.**



M  
330 9595123  
UMN  
J

Allah menjanjikan orang-orang beriman dan beramal salih di antara kamu (wahai umat Muhammad): bahwa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (Islam) yang telah didirikanNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah!) sesiapa yang kufur dan ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang yang fasik.

(An-Nur: 55).





**YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
PRESIDEN UMNO MALAYSIA**



## PERUTUSAN Y.A.B. PERDANA MENTERI MALAYSIA

Sejarah negara dan sejarah UMNO dengan nyatanya menggariskan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh UMNO sejak dari satu dekad sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. UMNO telah juga berjaya menghadapi berbagai masalah dari masa ke masa bagi memastikan UMNO akan tetap utuh dan ketuhanan UMNOlah yang membolehkan ianya memperjuangkan sehingga berjaya banyak kepentingan berkaitan dengan parti, bangsa, agama dan negara. Masalah-masalah yang dihadapi juga telah menebalkan ketahanan ahli-ahli UMNO. Justeru itu kita janganlah letih menyelesaikan masalah sama ada di dalam atau di luar parti kita.

Dewasa inipun UMNO menghadapi beberapa cabaran dan isu yang mesti diselesaikan dengan teliti dan dengan kerjasama semua ahli. saya yakin segalanya akan kita selesaikan dengan jayanya. Cabaran-cabaran dan isu-isu tersebut berkait rapat dengan etika berpolitik, kedudukan ekonomi ahli-ahli dan masa depan bangsa, serta beberapa kepentingan yang diperjuangkan oleh parti. Marilah kita bersama-sama menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah dan isu-isu tersebut.

Sempena dengan Konvensyen UMNO Negeri Pahang Ke-4 ini, saya berharap Konvensyen ini akan berjaya menerokai perkara-perkara kepentingan parti bagi masa depan UMNO dan kepentingan yang diperjuangkan. Selamat bersidang dan selamat maju jaya.

(DATU SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

Kuala Lumpur,  
3hb September, 1985



Y.A.B. DATO' MUSA BIN HITAM  
TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA





## PERUTUSAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

SETELAH hampir 40 tahun UMNO berjuang untuk menyatupadukan rakyat dari semua kaum, terutamanya masyarakat Melayu sendiri, maka kini hasil titik peluh kita itu telah sampai keambang kejayaan. Rata-rata kita lihat rakyat jelata sedang menikmati taraf kehidupan yang tinggi, kedudukan ekonomi yang sederhana dan pencapaian yang meluas dalam pendidikan dan dilain-lain bidang setanding dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai di negara-negara yang membangun di dunia.

Sungguhpun begitu kita dalam UMNO janganlah berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan tersebut tetapi hendaklah terus memupuk semangat nasionalisma bagi memastikan perpaduan bukan sahaja dikalangan UMNO tetapi juga dikalangan seluruh rakyat jelata. Dengan adanya semangat nasionalisma dan juga perpaduan maka ini akan menjamin kemakmuran dan kebahagiaan negara dimasa hadapan. Atas alasan inilah maka kita memilih slogan "Nasionalisma Teras Perpaduan" sebagai tema Hari Kebangsaan 1985.

Saya berdoa semoga Konvensyen UMNO Negeri Pahang 1985 ini akan dapat merumuskan berbagai strategi untuk menjamin masa depan UMNO demi untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

(DATU MUSA HITAM)



Y.B. DATO' SERI SANUSI BIN JUNID  
SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA



## PERUTUSAN YANG BERHORMAT SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang yang akan mengadakan Konvensyen UMNO Negeri Yang Ke 4 pada pertengahan bulan ini.

Sebagai yang disedia maklum, Badan-badan Perhubungan UMNO digalakkan mengadakan Konvensyen setiap tahun bagi membentangkan berbagai-bagai masalah yang menyentuhi kehidupan kita, khasnya perkembangan politik dalam negeri dan dalam UMNO bagi menambahkan lagi kefahaman ahli-ahli mengenai isu-isu di sekitar mereka.

Perbincangan-perbincangan dalam Konvensyen juga mustahak kerana dapat mendedahkan isu-isu ekonomi yang penting untuk pengetahuan peserta-peserta. Secara bersama mereka dapat fikirkan penyelesaian-penyelesaian bagi meningkat penyertaan bumiputra dalam semua sektor bidang ini. Dalam hubungan ini, ahli-ahli parti hendaklah sentiasa berwaspada terhadap angkara-angkara musuh dan segala perbuatan-perbuatan negatif yang boleh menghalang pelaksanaan dasar-dasar yang baik bertujuan menolong rakyat.

Insyallah berkat dari kerjasama dan kesedaran ahli-ahli parti serta kegigihan pemimpin-pemimpin semua peringkat, segala matlamat yang telah direncanakan oleh parti dan kerajaan akan mencapai kejayaan yang sepenuhnya.

Terima kasih dan selamat bersidang.

**BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT**

(SANUSI JUNID)  
Setiausaha Agung UMNO  
Malaysia.



Y.A.B. DATO' HAJI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
PENERUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG



## PERUTUSAN Y.A.B. DATO' Pengerusi BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PAHANG

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah perkenan dan keizinanNya sekali lagi kita dapat mengadakan Konvensyen UMNO Negeri Pahang.

Kejayaan yang kita capai ini sudah pasti akan memberi petunjuk yang sebaik-baiknya kepada perjuangan kita yang berasas lunas-lunas perlembagaan parti. Saya yakin dan percaya dengan keupayaan dan prestasi yang ada pada kita hasil dari perjuangan tokoh-tokoh yang terdahulu akan meletakkan kita semua sebagai anggota parti yang mempunyai maruah serta kekuatan yang jitu dalam perjuangannya.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Timbalan Presiden UMNO Malaysia kerana sudi menerima undangan dan jemputan dari Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang bagi merasmikan Konvensyen UMNO Negeri ini.

Atas ingatan dan susah payah Y.A.B. Dato' itu akan memberangsangkan ahli-ahli UMNO seluruh Negeri Pahang dalam meninggikan imejnya melalui beberapa bidang pembangunan politik dan ekonomi.

Dengan kerjasama dan bantuan semua pihak maka segala usaha-usaha ke arah menjayakan Konvensyen ini telah dilaksanakan dan saya mengucapkan banyak terima kasih. Atas susah payah pihak Maktab Perguruan Kuantan dalam melaksanakan Konvensyen ini juga diucapkan terima kasih.

Saya berdoa agar usaha-usaha murni kita ini akan di beri taufik dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wataala.

BERSATU — BERSETIA — BERKHIDMAT.

(DATO' MOHD. NAJIB RAZAK)



Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI ABD. RAHMAN  
PENERUSI JAWATANKUASA KERJA  
KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985



## PERUTUSAN YANG BERHORMAT Pengerusi JAWATANKUASA KERJA KONVENSYEN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kita Ahli-ahli UMNO Negeri Pahang dapat sekali lagi mengadakan Konvensyen bagi tahun 1985. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Musa Hitam, Timbalan Presiden UMNO Malaysia kerana sudi melapangkan masa dan merasmikan Konvensyen kali ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Konvensyen dari Bahagian-bahagian, Pemuda dan Wanita seluruh Negeri Pahang. Dengan kerjasama dan penyertaan dari bahagian-bahagian, Konvensyen UMNO Negeri Pahang yang diadakan empat hari Insya Allah akan mendapat kejayaan.

Saya menyeru semua pihak yang terlibat dengan Konvensyen ini akan menggunakan sepenuh peluang yang ada bagi mengetahui dan mengemukakan segala sesuatu bagi kepentingan parti dan kerajaan. Konvensyen kali ini akan membincangkan perkembangan politik semasa, pembangunan dan penyusunan semula penduduk dibandar, dan pembangunan luar bandar dari konteks membasmi kemiskinan. Dengan adanya konvensyen UMNO Negeri Pahang seperti ini akan memberi peluang kepada kita mendekati dan memahami banyak masalah dan mencari penyelesaian. Saya percaya Insya Allah Konvensyen ini akan menghasilkan sesuatu yang baru dalam usaha meningkatkan keupayaan parti dan menerajui kerajaan pada hari ini dan hari-hari yang akan datang.

Akhirnya saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi mengendalikan konvensyen ini khasnya kepada pihak-pihak yang telah menyediakan kertas-kertas kerja.

Terima kasih.

(DATO' HAJI ABDUL RASHID RAHMAN)

## JAWATANKUASA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PAHANG

- |     |  |   |                    |
|-----|--|---|--------------------|
| 1.  | Y.A.B. Dato' Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abd. Razak | - | Pengerusi          |
| 2.  | Y.B. Dato' Haji Mohd Khalil bin Yaakob               | - | Timbalan Pengerusi |
| 3.  | Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif         | - | Setiausaha         |
| 4.  | Y.B. Dato' Haji Abd. Rashid bin Haji Abd. Rahman     | - | Bendahari          |
| 5.  | Y.B. Tuan Haji Mahmud bin Haji Mat Taib              | - | Ketua Penerangan   |
| 6.  | Y.B. Tuan Haji Abd. Rahim bin Abu Bakar              | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 7.  | Y.B. Dato' Haji Sabbaruddin bin Chik                 | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 8.  | Y.B. Dato' Haji Abdul Malek bin Mohamad              | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 9.  | Y.B. Encik Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad             | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 10. | Y.B. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Daud               | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 11. | Y.B. Dato' Haji Abd. Razak bin Haji Hitam            | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 12. | Y.M. Encik Omar bin Othman                           | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 13. | Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Haji Kia                 | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 14. | Y.M. Tuan Haji Mohd Mazlan bin Idris                 | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 15. | Y.B. Senator Hajjah Habibah bt. Haji Abd. Ghani      | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 16. | Y.M. Tuan Haji Fauzi bin Haji Abd. Rahman            | - | Ahli Jawatankuasa  |
| 17. | Y.B. Puan Hajjah Kamariah bt. Mat Noh                | - | Ahli Jawatankuasa  |

## JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO NEGERI PAHANG

- |     |  |   |                     |
|-----|--|---|---------------------|
| 1.  | Y.M. Tuan Haji Mazlan bin Idris              | - | Ketua               |
| 2.  | Tuan Haji Fauzi bin Haji Abd. Rahman         | - | Naib Ketua          |
| 3.  | Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif | - | Setiausaha          |
| 4.  | Encik Zainuddin bin Mat Ali                  | - | Penolong Setiausaha |
| 5.  | Encik Ahmad Kamarulzaman bin Mohd Baria      | - | Penolong Bendahari  |
| 6.  | Encik Mohd Sarit bin Haji Yusoh              | - | Jawatankuasa        |
| 7.  | Encik Adnan bin Yaakub                       | - | Jawatankuasa        |
| 8.  | Y.B. Tuan Haji Hassan bin Ariffin            | - | Jawatankuasa        |
| 9.  | Tuan Dr. Jamaluddin bin Dato' Jarjis         | - | Jawatankuasa        |
| 10. | Tuan Haji Zahari bin Haji Uda                | - | Jawatankuasa        |
| 11. | Encik Shahiruddin bin Abd. Moin              | - | Jawatankuasa        |
| 12. | Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nawawi            | - | Jawatankuasa        |
| 13. | Tuan Haji Suhaimi bin Haji Othman            | - | Jawatankuasa        |



# SUSUNAN ATURCARA PERHUBUNGAN KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985 PADA 13, 14 DAN 15HB. SEPTEMBER, 1985 DI MAKTAB PERGURUAN KUANTAN.

## Hari Khamis (12hb. September, 1985)

- Jam 3.00 petang — Ketibaan para peserta dan mendaftarkan diri serta mengambil tempat penginapan masing-masing di asrama
- Sembahyang Maghrib.
- Jam 8.00 malam — Makan Malam.
- Sembahyang Isyak.
- Jam 9.00 malam — Majlis Taklimat

## Hari Jumaat (13hb. September, 1985)

- Sembahyang Subuh.
- Jam 7.30 pagi — Minum pagi
- \* Jam 9.00 pagi — Membenteng Kertas Ucapan Dasar oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Pahang ✓
- Jam 10.00 pagi — Rehat dan minum pagi
- Jam 10.30 pagi — Sambungan pembentangan Kertas Kerja oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Pahang ✓
- Jam 12.00 tengahari — Makan tengahari
- Jam 1.00 petang — Sembahyang Jumaat
- Jam 2.30 petang — Majlis Perasmian Konvensyen UMNO Negeri Pahang 1985 oleh Y.A.B. Dato' Timbalan Presiden UMNO Malaysia.
- Jam 5.00 petang — Rehat
- Sembahyang Maghrib
- Jam 8.00 malam — Jamuan makan malam di Kediaman Rasmi Y.A.B. Dato' Menteri Besar Pahang.

## Hari Sabtu (14hb. September, 1985)

- Sembahyang Subuh
- Jam 7.30 pagi — Minum pagi
- Jam 8.30 pagi — Sidang bengkel
- Jam 10.00 pagi — Rehat dan minum pagi
- Jam 10.30 pagi — Sidang bengkel
- Jam 1.00 petang — Makan tengahari
- Sembahyang Zohor
- Jam 2.30 petang — Sidang bengkel
- Jam 4.30 petang — Rehat dan minum petang
- Sembahyang Asar.
- Sembahyang Maghrib
- Jam 8.00 malam — Makan Malam
- Sembahyang Isyak
- Jam 9.00 malam — Ceramah Agama

Hari Ahad (15hb. September, 1985)

- Sembahyang Subuh
- Jam 7.30 pagi — Minum pagi
- Jam 9.00 pagi — Sidang Pleno
- Jam 10.30 pagi — Rehat dan minum pagi
- Jam 11.00 pagi — Perasmian Penutup Konvensyen UMNO Negeri Pahang 1985 oleh Y.A.B. Dato' Pengerusi, Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.
- Jam 1.30 petang — Makan tengahari
- Sembahyang Zohor
- Majlis bersurai

## UPACARA PERASMIAN KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985 PADA 13HB. SEPTEMBER, 1985 JAM 2.30 PETANG DI MAKTAB PERGURUAN KUANTAN

- Jam 2.30 petang — Para peserta dan para jemputan mengambil tempat.
- Jam 2.40 petang — Ketibaan Y.A.B. Dato' Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.
- Jam 2.50 petang — Ketibaan Y.A.B. Dato' Timbalan Presiden UMNO Malaysia.
- Jam 3.00 petang — Acara Perasmian dimulakan.
- Bacaan Doa.
- Ucapan Aluan dari Y.A.B. Dato' Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.
- Ucapan Perasmian Oleh Y.A.B. Dato' Timbalan Presiden UMNO Malaysia.
- Penyampaian Cenderamata kepada Y.A.B. Dato' Timbalan Presiden UMNO Malaysia oleh Y.A.B. Dato' Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.
- Bergambar ramai
- Jamuan ringan
- Bersurai

## JAWATANKUASA PERGERAKAN WANITA UMNO NEGERI PAHANG

- |   |                       |
|---|-----------------------|
| 1. Y.B. Senator Hajjah Habibah bt. Haji Abd. Ghani  | - Ketua               |
| 2. Y.B. Puan Hajjah Kamariah bt. Mat Noh            | - Naib Ketua          |
| 3. Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif     | - Setiausaha          |
| 4. Cik Rahimah bt. Mohd Kawi                        | - Penolong Setiausaha |
| 5. Cik Norani bt. Beluah @ Haji Hitam               | - Bendahari           |
| 6. Y. H. Dato' Hajjah Shamsiah bt. Haji Abd. Hamid  | - Jawatankuasa        |
| 7. Puan Hajjah Nilam Sari bt. Awang Ngah            | - Jawatankuasa        |
| 8. Y.B. Datin Hajjah Latifah bt. Haji Abdul Ghaffar | - Jawatankuasa        |
| 9. Puan Hajjah Asmah bt. Haji Ismail                | - Jawatankuasa        |
| 10. Puan Kelsom bt. Yaakob                          | - Jawatankuasa        |
| 11. Cik Melati bt. Ali                              | - Jawatankuasa        |
| 12. Puan Rowena bt. Haji Sharbaini                  | - Jawatankuasa        |
| 13. Puan Dr. Siti Zaharah bt. Sulaiman              | - Jawatankuasa        |

## JAWATANKUASA KERJA KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985

- |  |                |
|--|----------------|
| 1. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Haji Abd. Rahman   | - Pengerusi    |
| 2. Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Urusetia)                   | - Setiausaha   |
| 3. Y.B. Tuan Haji Abd. Rahim bin Abu Bakar<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Makan & Minum)                   | - Jawatankuasa |
| 4. Y.B. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Daud<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penginapan)                       | - Jawatankuasa |
| 5. Y.B. Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Abd. Rahman<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Seranta)  | - Jawatankuasa |
| 6. Y.B. Dato' Haji Abdul Malek bin Mohamed<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pelapor)                         | - Jawatankuasa |
| 7. Y.M. Tuan Haji Fauzi bin Abdul Rahman<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kenderaan)                         | - Jawatankuasa |
| 8. Y.B. Tuan Haji Mohd Zuki bin Haji Kamaluddin<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sambutan)                   | - Jawatankuasa |
| 9. Y.M. Tuan Haji Mohd Mazlan bin Haji Idris<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pendaftaran)                   | - Jawatankuasa |
| 10. Y.M. Encik Ahmad Kamarulzaman bin Mohd Baria<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kecemasan) | - Jawatankuasa |
| 11. Y.B. Tuan Haji Mahmud bin Haji Mat Taib  | - Jawatankuasa |
| 12. Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Haji Kia   | - Jawatankuasa |
| 13. Y.B. Senator Hajjah Habibah bt. Haji Abd. Ghani  | - Jawatankuasa |
| 14. Y.B. Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hitam   | - Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL URUSETIA DAN PENYELARASAN

- |   |                |
|---|----------------|
| 1. Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif | - Pengerusi    |
| 2. Encik Khairuddin bin Ali                     | - Jawatankuasa |
| 3. Encik Halim bin Ngah                         | - Jawatankuasa |
| 4. Encik Abu bin Mansor                         | - Jawatankuasa |
| 5. Encik Lizah bin Haji Hashim                  | - Jawatankuasa |
| 6. Puan Azizah bt. Derham                       | - Jawatankuasa |
| 7. Puan Ramlah bt. Kassim                       | - Jawatankuasa |
| 8. Encik Salim bin Dato Sri Mohamad             | - Jawatankuasa |
| 9. Tuan Jurutera JKR (Bahagian Air)             | - Jawatankuasa |
| 10. Encik Ahmad Nordin bin Mohamad              | - Jawatankuasa |
| 11. Encik Wan Mohamad bin Wan Nawawi            | - Jawatankuasa |
| 12. Tuan Pengarah Talikom/Wakil                 | - Jawatankuasa |
| 13. Cik Norsiah bt. Taujib                      | - Jawatankuasa |
| 14. Encik Mohamad Hanapi bin Salleh             | - Jawatankuasa |
| 15. Tuan Sheikh Osman bin Sheikh Ab. Rahman     | - Jawatankuasa |
| 16. Encik Abdul Mutalib bin Haji Abdul Ghani    | - Jawatankuasa |
| 17. Encik Harun bin Yahya                       | - Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL SAMBUTAN

- |  |                |
|--|----------------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Mohd Zuki bin Haji Kamaluddin            | - Pengerusi    |
| 2. Tuan Haji Mohd Norahim bin Haji Mat Sood                | - Jawatankuasa |
| 3. Y.B. Encik Zulkefly bin Tok Muda Haji Awang             | - Jawatankuasa |
| 4. Y.B. Puan Hajjah Kamariah bt. Mat Noh                   | - Jawatankuasa |
| 5. Y.B. Tuan Haji Hassan Ariffin                           | - Jawatankuasa |
| 6. Y.B. Datin Hajjah Latifah bt.<br>Dato' Haji Abd. Ghafar | - Jawatankuasa |
| 7. Y.H. Dato' Hajjah Shamsiah bt. Dato' Haji Abd. Hamid    | - Jawatankuasa |
| 8. Encik Johar bin Rusi                                    | - Jawatankuasa |
| 9. Tuan Haji Mohd Nor bin Abu Bakar                        | - Jawatankuasa |
| 10. Tuan Haji Abdul Latif bin Kantan                       | - Jawatankuasa |
| 11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Mat Aris                     | - Jawatankuasa |
| 12. Encik Zaharuddin bin Abu Kassim                        | - Jawatankuasa |
| 13. Encik Mohd Yunus bin Abu Samah                         | - Jawatankuasa |
| 14. Encik Ahmad bin Mat                                    | - Jawatankuasa |
| 15. Encik Zubir bin Daud                                   | - Jawatankuasa |
| 16. Y.B. Tuan Haji Ab. Jabbar bin Haji Ibrahim             | - Jawatankuasa |
| 17. Encik Sulaiman bin Haji Mohd Amin                      | - Jawatankuasa |
| 18. Encik Mohamad bin Embong                               | - Jawatankuasa |
| 19. Encik Abdul Basik bin Mohd Sah                         | - Jawatankuasa |
| 20. Puan Zubaidah bt. Samsuddin                            | - Jawatankuasa |
| 21. Puan Kelsom bt. Yaakub                                 | - Jawatankuasa |

- |     |  |   |              |
|-----|--|---|--------------|
| 22. | Tuan Haji Abdul Rahman bin Dato' Haji Yeop Sendiri | - | Jawatankuasa |
| 23. | Tuan Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman              | - | Jawatankuasa |
| 24. | Tuan Haji Sulaiman bin Haji Othman                 | - | Jawatankuasa |
| 25. | Encik Mohd Piah bin Rerah                          | - | Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL PENGINAPAN

- |     |                                      |   |              |
|-----|--------------------------------------|---|--------------|
| 1.  | Y.B. Haji Mohd Amin bin Haji Daud    | - | Pengerusi    |
| 2.  | Tuan Haji Othman bin Ismail          | - | Jawatankuasa |
| 3.  | Encik Wan Abd. Hamid bin Wan Mohsain | - | Jawatankuasa |
| 4.  | Encik Abd. Latif bin Jusoh           | - | Jawatankuasa |
| 5.  | Encik Hakim bin Abd. Karim           | - | Jawatankuasa |
| 6.  | Encik Mohd Fadzil bin Haji Daud      | - | Jawatankuasa |
| 7.  | Cik Melati bt. Ali                   | - | Jawatankuasa |
| 8.  | Puan Zaiton @ Hitam bt. Lebai Sulong | - | Jawatankuasa |
| 9.  | Cik Harida bt. Taha                  | - | Jawatankuasa |
| 10. | Encik Ahmad Mahir bin Haji Salleh    | - | Jawatankuasa |
| 11. | Encik Mohd Azam bin Haji Salleh      | - | Jawatankuasa |
| 12. | Encik Mohd Moni bin Ismail           | - | Jawatankuasa |
| 13. | Encik Mohd Nasir bin Manan           | - | Jawatankuasa |
| 14. | Encik Husin bin Jalil                | - | Jawatankuasa |
| 15. | Encik Shahrin bin Ibrahim            | - | Jawatankuasa |
| 16. | Encik Saadon bin Mohamad             | - | Jawatankuasa |
| 17. | Cik Noor Anura bt. Musa              | - | Jawatankuasa |
| 18. | Cik Shafura bt. Mohd Ali             | - | Jawatankuasa |
| 19. | Cik Faridah bt. Mohd Yusof           | - | Jawatankuasa |
| 20. | Encik Othman bin Haji Mohamad        | - | Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL MAKAN DAN MINUM

- |     |  |   |              |
|-----|--|---|--------------|
| 1.  | Y.B. Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar     | - | Pengerusi    |
| 2.  | Tuan Haji Abbas bin Abd. Ghani               | - | Setiausaha   |
| 3.  | Y.B. Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif | - | Jawatankuasa |
| 4.  | Y.B. Haji Mahmud bin Haji Mat Taib           | - | Jawatankuasa |
| 5.  | Encik Faisal bin Haji Abdullah               | - | Jawatankuasa |
| 6.  | Encik Zubir bin Daud                         | - | Jawatankuasa |
| 7.  | Encik Abdul Mutalib bin Haji Abd. Ghani      | - | Jawatankuasa |
| 8.  | Encik Mohd Ghazali bin Abdul Wahab           | - | Jawatankuasa |
| 9.  | Encik Zainal Abidin bin Mohamad              | - | Jawatankuasa |
| 10. | Encik Bakri bin Husain                       | - | Jawatankuasa |
| 11. | Encik Musa bin Ibrahim                       | - | Jawatankuasa |
| 12. | Encik Arshad bin Komeng                      | - | Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL KENDERAAN

1. Tuan Haji Fauzi bin Haji Abd. Rahman	-	Pengerusi
2. Encik Sallehuddin bin Ishak	-	Setiausaha
3. Encik Abd. Aziz bin Haji Othman	-	Jawatankuasa
4. Encik Abdul Rahim bin Jaafar	-	Jawatankuasa
5. Encik Mansur bin Kassim	-	Jawatankuasa
6. Encik Mokhtar bin Dalip	-	Jawatankuasa
7. Encik Ahmad bin Man	-	Jawatankuasa
8. Encik Harun bin Deraman	-	Jawatankuasa
9. Encik Jamal Nasir bin Ismail	-	Jawatankuasa
10. Encik Husin bin Khadir Kujambu	-	Jawatankuasa
11. Encik Abdul Mutalib bin Haji Abd. Ghani	-	Jawatankuasa

## JAWATANKUASA KECIL PENDAFTARAN

1. Y.M. Tuan Haji Mohd Mazlan bin Haji Idris	-	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Haji Abd. Jabbar bin Haji Ibrahim	-	Naib Pengerusi
3. Encik Zainuddin bin Mat Ali	-	Setiausaha
4. Tuan Dr. Malek bin Mohamad	-	Jawatankuasa
5. Tuan Haji Abd. Rahman bin Dato' Haji Yeop Sendiri	-	Jawatankuasa
6. Encik Syed Ali bin Syed Mohamad	-	Jawatankuasa
7. Tuan Haji Alang Ahmad bin Haji Teh	-	Jawatankuasa
8. Tuan Sheikh Othman bin Sheikh Abdul Rahman	-	Jawatankuasa
9. Encik Wan Abd. Razak bin Wan Mohamad	-	Jawatankuasa
10. Encik Abd. Karim bin Awang Mohamad	-	Jawatankuasa
11. Encik Ahmad Fuad bin Dato' Haji Ibrahim	-	Jawatankuasa
12. Encik Min Hussain bin Haji Mohd Taib	-	Jawatankuasa
13. Encik Azizan bin Yaakub	-	Jawatankuasa
14. Puan Ramlah bt. Kassim	-	Jawatankuasa
15. Encik Tahir bin Dahuri	-	Jawatankuasa
16. Tuan Haji Ishak bin Mohd Taib	-	Jawatankuasa
17. Tuan Drs. Abd. Manaf bin Abdullah	-	Jawatankuasa
18. Tuan Mejar Abdullah bin Uda	-	Jawatankuasa
19. Encik Mohd Sood bin Abdullah	-	Jawatankuasa
20. Encik Abd. Manaf bin Talib	-	Jawatankuasa
21. Tuan Syed Hamzah bin Syed Abdullah	-	Jawatankuasa
22. Encik Abd. Latif bin Awang	-	Jawatankuasa
23. Tuan Sh. Omar bin Sh. Othman	-	Jawatankuasa

## JAWATANKUASA KECIL PELAPOR (RAPPORTER)

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1  | Y.B. Dato' Haji Abdul Malek bin Mohammed  | Pengerusi |
| 2  | Tuan Dr. Abu Tahir bin Lela               |           |
| 3  | Y.B. Puan Hajjah Kamariah binti Mohd Noh  |           |
| 4  | Puan Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman      |           |
| 5  | Encik Shahiruddin bin Abd. Moin           |           |
| 6  | Encik Mohd Sarit bin Haji Jusoh           |           |
| 7  | Encik Ahmad Kamaruzaman bin Mohd Baria    |           |
| 8  | Encik Adnan bin Yaakub                    |           |
| 9  | Tuan Haji Hamdi bin Haji Abdul Basek      |           |
| 10 | Encik Halim bin Ngah                      |           |
| 11 | Encik Abdul Wahid bin Manaf               |           |
| 12 | Tuan Dr. Abdul Malek bin Mohamed          |           |
| 13 | Tuan Sheikh Osman bin Sheikh Abdul Rahman |           |
| 14 | Tuan Drs. Abdul Manaf bin Abdullah        |           |
| 15 | Y.M. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Taib     |           |
| 16 | Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nawawi         |           |
| 17 | Encik Zubir bin Harun                     |           |
| 18 | Encik Zainal bin Ismail                   |           |
| 19 | Y.M. Dato' Mohd Lazim bin Derani          |           |
| 20 | Encik Hashim bin Salleh                   |           |
| 21 | Encik Nazri bin Othman                    |           |
| 22 | Encik Abdul Hadi bin Dato' Ibrahim        |           |
| 23 | Encik Mohd bin Dirun                      |           |
| 24 | Tuan Dr. Ahmad bin Aman                   |           |
| 25 | Encik Haji Long Ahmad Zainal Abidin       |           |
| 26 | Encik Zaharuddin bin Jaafar               |           |
| 27 | Encik Shariff bin Shamsuddin              |           |
| 28 | Encik Zainal Abidin bin Mohammed          |           |

## JAWATANKUASA KECIL PENERANGAN DAN SERANTA

- |    |  |                      |
|----|--|----------------------|
| 1  | Y.B. Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman | - Pengerusi          |
| 2  | Y.B. Haji Mahmud bin Haji Mat Taib               | - Timbalan Pengerusi |
| 3  | Encik Subari bin Ahmad                           | - Setiausaha         |
| 4  | Y.B. Haji Hassan bin Ariffin                     | - Jawatankuasa       |
| 5  | Y.B. Datin Hajjah Latifah bt. Haji Abdul Ghaffar | - Jawatankuasa       |
| 6  | Encik Sulaiman bin Haji Mohd Amin                | - Jawatankuasa       |
| 7  | Encik Mustaffa Kamal bin Haji Ismayatim          | - Jawatankuasa       |
| 8  | Puan Sowiah bt. Dahlan                           | - Jawatankuasa       |
| 9  | Y.M. Tengku Mohd Ali Bustaman bin Tengku Awang   | - Jawatankuasa       |
| 10 | Encik Mohd Nadzri bin Othman                     | - Jawatankuasa       |
| 11 | Encik Abdul Hamid bin Haji Ahmad                 | - Jawatankuasa       |

- |   |                |
|---|----------------|
| 12. Encik Abdul Rahman bin Jaafar             | - Jawatankuasa |
| 13. Tuan Haji Dr. Mohd Yusof bin Haji Md. Ali | - Jawatankuasa |
| 14. Puan Ramlah bt. Kassim                    | - Jawatankuasa |
| 15. Puan Noraihan bt. Abdul Hamid             | - Jawatankuasa |
| 16. Puan Azizah bt. Derham                    | - Jawatankuasa |
| 17. Tuan Haji Alang Ahmad Haji Teh            | - Jawatankuasa |
| 18. Encik Ahmad Kamal bin Dahlan              | - Jawatankuasa |

## JAWATANKUASA KECIL KESELAMATAN DAN KECEMASAN

- |  |                |
|--|----------------|
| 1. Encik Ahmad Kamarulzaman bin Mohd Baria | - Pengerusi    |
| 2. Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nawawi       | - Jawatankuasa |
| 3. Tuan Dr. Yusoff bin Ali                 | - Jawatankuasa |
| 4. Encik Fatah bin Haji Abdullah           | - Jawatankuasa |
| 5. Encik Hamidon bin Abu Bakar             | - Jawatankuasa |
| 6. Encik Ahmad bin Ghani                   | - Jawatankuasa |
| 7. Encik Kamaruddin bin Idris              | - Jawatankuasa |
| 8. Encik Abdul Mutalib bin Awang           | - Jawatankuasa |



# PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTUGAS DI BENGKEL DAN DI PEJABAT URUSETIA

## BENGKEL A - POLITIK DAN PEMBANGUNAN

### Bengkel A1:

Pengerusi Bengkel	—	Y.B. Dato' Haji Mohd Khalil bin Yaakub
	—	Y.H. Dato' Haji Ibrahim bin Arshad
Jurulapur	—	Tuan Haji Fauzi bin Haji Abd. Rahman
	—	Tuan Dr. Jamaluddin bin Dato' Jarjis
Jurutrengkas	—	Cik Asmah bt. Yunan
Jurutaip	—	Cik Mariam bt. Abd. Majid

### Bengkel A2:

Pengerusi	—	Y.B. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
	—	Y.H. Tan Sri Abdul Razak bin Hussein
Jurulapur	—	Tuan Dr. Abu Tahir bin Lela
	—	Y.B. Hajjah Kamariah bt. Mat Noh
Jurutrengkas	—	Cik Suriati bt. Sudli
Jurutaip	—	Cik Sareha bt. Ahmad

### Bengkel A3:

Pengerusi	—	Y.B. Dato' Haji Abdul Malek bin Mohamed
	—	Y.H. Dato' Haji Khairuddin bin Mohd Kawi
Jurulapur	—	Puan Dr. Siti Zaharah bt. Sulaiman
	—	Encik Shahiruddin bin Abd. Moin
Jurutrengkas	—	Cik Junainah bt. Mohd Yusoff
Jurutaip	—	Cik Shamsiah bt. Abu Samah

## BENGKEL B - PEMBANGUNAN EKONOMI LUAR BANDAR

### Bengkel B1:

Pengerusi	—	Y.B. Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hitam
	—	Y.H. Dato' Haji Mohd Nasir bin Mohd Piah
Jurulapur	—	Encik Mohd Sarit bin Haji Jusoh
	—	Encik Ahmad Kamarulzaman bin Mohd Baria
Jurutrengkas	—	Cik Noranisah bt. Adam
Jurutaip	—	Puan Nooradzmi bt. Mohd

### Bengkel B2:

Pengerusi	—	Y.B. Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar
	—	Y.B. Tuan Haji Hassan bin Ariffin
Jurulapur	—	Encik Adnan bin Yaakub
	—	Encik Haji Hamdi bin Haji Abd. Basek
Jurutrengkas	—	Cik Fadilah bt. Latif
Jurutaip	—	Cik Norkhairi bt. Yaakub

**Bengkel B3:**

Pengerusi	—	Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Abdul Rahman
	—	Encik Omar bin Othman
Jurulapur	—	Encik Halim bin Ngah
	—	Encik Abd. Wahid bin Abd. Manaf
Jurutrengkas	—	Cik Fatimah bt. Hashim
Jurutaip	—	Cik Artija bt. Abdul Rahim

**BENKEL C: PEMBANGUNAN DAN PENYUSUNAN MASYARAKAT MELAYU  
DALAM BANDAR****Bengkel C1:**

Pengerusi	—	Y.B. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Daud
	—	Encik Abdul Aziz bin Mohamed
Jurulapur	—	Tuan Dr. Abdul Malek bin Mohamad
	—	Tuan Sh. Osman bin Sh. Ab. Rahman
Jurutrengkas	—	Cik Yushaniza bt. Musa
Jurutaip	—	Puan Jaliah bt. Ariffin

**Bengkel C:**

Pengerusi	—	Y.B. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed
	—	Encik Amir Hamzah bin Ahmad
Jurulapur	—	Encik Abdul Manaf bin Abdullah
	—	Y.M. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Taib
Jurutrengkas	—	Cik Wan Noraisah bt. Wan Sulaiman
Jurutaip	—	Cik Zuariah bt. Haji Mahmud

**Bengkel C3:**

Pengerusi	—	Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Kia
	—	Y.M. Tuan Haji Mazlan bin Idris
Jurulapur	—	Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nawawi
	—	Encik Zubir bin Harun
Jurutrengkas	—	Cik Zaiton bt. Jamil
Jurutaip	—	Cik Mastura bt. Abdul Mubin

## PERTUGAS DI URUSETIA DAN PENDAFTARAN

1. Tuan Sheikh Badar Sh. Embong
2. Encik Wan Amran bin Wan Ali
3. Puan Azizah bt. Derham
4. Cik Wan Asmah bt. Wan Muda
5. Ustazah Khadijah bt. Abdullah
6. Encik Mustaffa Kamal bin Abd. Hamid
7. Cik Rosita bt. Khatib
8. Cik Faridah bt. Mohamad
9. Encik Khalib bin Haji Mohamad
10. Cik Halizawati bt. Ahmad
11. Cik Zaharah bt. Abdullah
12. Cik Fatimah bt. Razali
13. Cik Asiah bt. Yusoff
14. Cik Noraini bt. Ahmad
15. Cik Sarbiah bt. Ngah
16. Cik Sharifah Mastura bt. Syed Alwi
17. Cik Salbiah bt. Mahusin
18. Cik Noraziah bt. Mat Zain
19. Cik Hazidah bt. Abdullah
20. Encik Mokhtar bin Dalip
21. Cik Napsiah bt. Ahmad
22. Cik Faziah bt. Ismail
23. Cik Sharifah Aminah bt. Syed Mahadadi
24. Cik Aji Norehan bt. Haji Ahmad
25. Cik Noradah bt. Razali
26. Encik Abd. Malek bin Hamzah
27. Encik Mat Nawi bin Deraman
28. Encik Wan Mohamad bin Wan Bakar
29. Encik Zulkefli bin Idris
30. Encik Basri bin Sulaiman
31. Encik Zainuddin bin Idris
32. Encik Ramli bin Ismail
33. Encik Buhari bin Geran
34. Encik Mohd Yusoff bin Salleh
35. Encik Alias bin Abdullah
36. Encik Kamaruddin bin Sulaiman



## PENGHARGAAN

*Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa  
Badan Perhubungan UMNO Negeri  
Pahang sukacita merakamkan  
ucapan terima kasih kepada  
semua yang telah mem-  
berikan kerjasama, sum-  
bangan dan bantuan  
untuk menjayakan  
Konvensyen kali  
ini.*



## PERSIDANGAN PLENO PERSIDANGAN BENGKEL

Persidangan Pleno Pembentangan Kertas Kerja  
dan  
Pleno Pembentangan Rumusan-Rumusan.

Pengerusi	—	Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman.
	—	Y.B.M. Dato' Haji Tengku Mustapha bin Tengku Seti.
Jurulapur	—	Tuan Haji Hamdi bin Haji Abdul Basek
	—	Encik Mohd Shariff bin Shamsuddin
Jurutrengkas,	—	Puan Norlia bt. Jusoh
Jurutaip	—	Cik Siti Norlailiwati bt. Sheikh Osman.



# ОТООРАФ






وتوہم کی غسان ملا اور ساتو

BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG

**UCAPAN PERASMIAN  
Y.A.B. DATO' TIMBALAN  
PRESIDEN UMNO MALAYSIA.**

DI KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985

PADA: 13hb, September, 1985



530.95 123

UM

S

UCAPAN Y.A.B. DATO<sup>r</sup> MUSA HITAM  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
MERANGKAP TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA  
DI PERASMIAN KONVENSYEN UMNO  
NEGERI PAHANG YANG KE 4  
DI MAKTAB PERGURUAN KUANTAN  
PADA 13HB, SEPTEMBER, 1985  
JAM 10.00 PAGI

---

SEBUT seheja sejarah politik dan pentadbiran Negeri Pahang Darul Makmur, ingatan kita secara spontan akan tertumpu kepada seorang anak wataninya. Anak watan yang telah tercatat namanya dengan tinta emas dalam sejarah perjuangan politik tanah air kita.

2. Tokoh berkenaan tidak lain dan tidak bukan yang tidak pernah saya lupakan ialah Tun Abdul Razak. Allahyarham adalah seorang pejuang, seorang patriot, seorang nasionalis dan seorang negarawan ulung. Lebih daripada itu, Allahyarham merupakan pelopor pembangunan yang telah meletakkan negara kita dikedudukannya sekarang. Ditempat yang diidam-idamkan dan yang dicita-citakan oleh setiap negara yang merdeka. Sewajarnya beliau diberikan gelaran 'Bapa Pembangunan' kita.

3. Kita berbangga kerana menjadi pewaris Allahyarham kepada legasi peninggalan beliau. Legasi yang merangkumi vision, komitmen dan idealismenya terhadap pembangunan negara. Legasi yang mengandungi prinsip-prinsip serta semangat perjuangannya dalam menegakkan maruah bangsa Melayu dan mertabat negara dimata dunia. Semangat nasionalisme yang diwarisinya dari pejuang-pejuang bangsa Melayu Pahang yang terdahulu daripadanya sendiri. Kemunculannya sebagai seorang pemimpin adalah hasil ledakan semangat nasionalisme yang dipelopori oleh pejuang-pejuang tersebut yang menentang kezaliman, penindasan dan belengu penjajah.



4. Walaupun saya menyebut hanya nama Tun Razak, ini tidak bererti bahawa Allahyarham sahajalah satu-satunya tokoh Negeri Pahang yang lahir dari semangat nasionalisme. Tan Sri Yahya Mohamad Seth, Datuk Mohammad Jusoh, Datuk Abdul Aziz Mohamad serta lain-lain lagi yang sama ada bersama-sama kita pada hari ini ataupun tidak bersama-sama kita adalah diantara tokoh-tokoh sejagat yang jasanya, dikenang oleh negara, khususnya rakyat negeri ini.

5. Saudara/Saudari saya sengaja menyingkap kembali sejarah politik orang-orang Melayu untuk mengingatkan saudara-saudari sekalian tentang perjuangan kita dimasa lampau. Perjuangan bagi menuntut kemerdekaan yang hanya berbekalkan semangat nasionalisme yang tulen. Mudah-mudahan peringatan ini akan menginsafkan kita semua bagaimana semangat nasionalisme telah membangkitkan kesedaran dan memberi rangsangan kepada masyarakat Melayu supaya bangun membela nasib mereka sendiri. Semoga kita tahu menghargai erti kemerdekaan dan seterusnya mengisinya bersesuaian dengan aspirasi bangsa.

6. Kini setelah 28 tahun merdeka, parti kita UMNO yang meneraju Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah membawa banyak kemajuan. Rakyat jelata dari segenap lapisan dan keturunan hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera. Semua ini wujud kerana kita didalam UMNO dan Barisan Nasional percaya bahawa kemerdekaan bukanlah sekadar meniupkan semangat rakyat sahaja. Bagi kita kemerdekaan adalah perjuangan untuk membangunkan rakyat dan negara.

...3/-

7. Impian kita menjadikan kenyataan disebabkan sebahagian besarnya oleh pandangan jauh pemimpin-pemimpin kita dulu khususnya Tun Razak diketika itu. Ditengah-tengah kesibukan mentadbirkan negara, beliau sempat melawat keseluruhan pelusuk tanah air bagi melihat sendiri program-program pembangunan yang dijalankan. Disamping itu, mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu dibangunkan. Hasil daya usaha beliau yang gigih, maka negara kita telah mengalami pembangunan yang begitu pesat. Di antara projek-projek dan strategi-strategi pembangunan yang diilhamkannya ialah pembentukan sistem Bilik Gerakan Negara bagi mengesan kemajuan pembangunan, pembukaan rancangan-rancangan tanah, konsep yang dikenali "bandaraseasi", konsep Berdikari, konsep Jayadiri dan Skim Rukun Tetangga yang masih beroperasi hingga ke hari ini.

8. Kita di Malaysia ini adalah bernasib baik jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di kebanyakan negara lain yang merdeka sebelum dan sesudah kita. Di negara-negara berkenaan rakyatnya masih hidup dalam keadaan daif serta serba kekurangan. Ini adalah kerana jentera pembangunan mereka masih belum dapat digerakkan oleh sebab-sebab tertentu. Antara sebab-sebabnya ialah ketiadaan kestabilan politik atau kestabilan ekonomi, ketiadaan jaminan keselamatan, berlakunya pergaduhan, kaum atau perang bersaudara. Sebaliknya di-negara kita ini, kehidupan rakyat jelata diselaputi dengan berbagai-bagai kejayaan. Peluang-peluang bagi memajukan diri terbuka luas kepada mereka yang berinisiatif kepada yang berusaha dan yang berani mengambil risiko.

9. Lihatlah di Negeri Pahang sahaja, peluang-peluang yang sedemikian menunggu sahaja untuk dieksploitasi. Peluang-peluang ini boleh didapati misalnya di rancangan-rancangan kemajuan tanah, di pusat-pusat pertumbuhan dan di ladang-ladang pertanian yang tumbuh seperti cendawan. Lebih banyak

peluang yang sebegini akan wujud apabila kawasan-kawasan yang masih luas di Negeri Pahang ini dimajukan kelak. Kini terpulanglah kepada rakyat sendiri samada mereka bersedia merebut peluang-peluang ini. Samada mereka berani menghadapi cabaran. Samada mereka ingin menjadi masyarakat yang progresif, masyarakat yang tekun dan kuat bekerja dan masyarakat yang mempunyai budaya kerja.

10. Seperti yang termaklum, negara kita telah mencapai kemerdekaan dengan jalan yang boleh dikatakan mudah. Mudah kerana tidak berlakunya sebarang pertumpahan darah atau pengorbanan jiwa semasa berjuang menuntut kemerdekaan. Kita telah memperolehi kemerdekaan melalui perundingan. Kita mendapat kuasa politik menerusi pilihanraya umum. Lazimnya suatu yang didapati dengan mudah itu kurang dihargai dan cepat dilupai. Jadi janganlah hendaknya oleh sebab kita mencapai kemerdekaan dengan begitu mudah, dan hasil daya usaha penganjur-penganjur dan pelopor-pelopor kita begitu berjaya dan menyenangkan kita sekarang, maka kita mengambil sikap sambil lewa pula.

11. Saya menimbulkan soal ini, kerana saya bimbang, kesenangan dan kemewahan yang kita warisi akan meleka, melalai atau menghayalkan kita. Saya khuatir kemewahan akan membuat kita mengabaikan tugas dan tanggung jawab memelihara kemerdekaan negara. Manalah tahu oleh kerana gelojoh mengejar kebendaan, kedudukan, pangkat dan kuasa maka ada diantara kita yang tidak lagi menghargai diri, sehingga mengenyepikan perpaduan yang berteraskan semangat patriotisme dan nasionalisme. Ingatlah saudara sejarah telah membuktikan bagaimana Empayar Melayu Melaka yang terkenal kegemilangannya hancur lebur disebabkan oleh unsur-unsur negatif yang saya sebutkan tadi.

12. Kita seharusnya menjaga dan mempertahankan kemerdekaan kita dengan sikap penuh bertanggung jawab. Kuasa politik yang ada di tangan kita sekarang hendaklah digunakan sepenuhnya bagi mempertingkatkan kualiti hidup kita sebagai satu bangsa yang merdeka. Matlamat ini akan hanya tercapai sekiranya kita bersatu padu dan jika kita bertindak sebagai satu pasukan.

13. Itulah sebabnya maka pada hari ini pucuk pimpinan kita sering menekankan tentang semangat nasionalisme. Pemimpin-pemimpin kita senantiasa melaung-laungkan supaya dihidupkan semula semangat kebangsaan ini. Tujuan kita ialah supaya rakyat jelata menyedari akan hikmat disebalik semangat tersebut. Kerana pada hemat kita, hanya semangat nasionalisme sahajalah yang dapat menyatu padukan kita semua sepertimana yang terbukti di zaman nenek moyang kita.

14. Begitu juga sebabnya mengapa kerajaan Barisan Nasional kita ingin terus berkuasa. Kita berpolitik dan mahukan kuasa politik bukan kerana kita mabuk atau gila kuasa. Kita berpolitik dan mahu berkuasa oleh sebab kita merasakan berkemampuan dan bertanggung jawab memajukan negara ini ketahap yang lebih tinggi. Apatahlagi memang itulah matlamat asal kita menubuhkan kerajaan campuran di peringkat persekutuan dan di peringkat negeri.

15. Kesungguhan matlamat kita ini sudahpun terbukti. Malah kita masih belum berpuas hati dengan pencapaian dan kejayaan kita dalam semua bidang pembangunan setakat ini. Lebih banyak program, dasar dan strategi telah dan akan dirumus serta dilaksanakan bagi tujuan ini. Usaha-usaha ini akan diteruskan dan diperhebatkan lagi sehinggalah tercapai matlamat kita itu.

16. Misalnya dibawah Rancangan Malaysia Kelima yang bermula tahun depan Kerajaan akan terus, malahan lebih memberikan penekanan terhadap usaha-usaha menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat jelata, terutama sekali, di kawasan luar bandar persekitaran. Berjuta-juta ringgit sedang diperuntukkan bagi bekalan elektrik luar bandar oleh Kerajaan Pusat melalui Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pada tahun ini dan tahun-tahun depan. Selain daripada itu, InsyaAllah, pada hujung tahun ini kita akan dapat mengumumkan satu rancangan raksaksa perbekalan air luar bandar untuk dilaksanakan sebaik sahaja Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan. Disamping itu, sektor pertanian yang menjadi nadi masyarakat desa akan dibantu lagi melalui penggunaan teknologi dan teknik-teknik pertanian moden, dan semua akan dilaksanakan disamping sektor-sektor lain seperti industri pembuatan dan sektor korporat yang juga akan diberi perhatian yang sewajarnya seperti yang telah pun dipelopori sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

17. Walau bagaimana pun saudara-saudara sekalian, usaha-usaha Kerajaan sahaja tidak mencukupi sekiranya rakyat jelata sendiri tidak melibatkan diri secara aktif didalam program-program yang disediakan. Apa sahaja yang dirancang akan menjadi sia-sia jika rakyat bersikap pasif. Segala perancangan akan terjejas sekiranya rakyat membiarkan diri mereka diperalatkan oleh segelintir individu-individu atau kumpulan-kumpulan yang anti kemajuan. Kumpulan-kumpulan yang mengamalkan fahaman sukuan yang sempit atau pun golongan-golongan pelampau agama.

18. Saya telah pun menghuraikan secara kasar panjanglebar program-program pembangunan yang bakal dilaksanakan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun kita yang akan datang. Program-program tersebut akan dibina

bukan oleh Kerajaan semata-mata. Ada diantaranya akan dijalankan secara usahasama dengan sektor swasta.

19. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan-Kerajaan Negeri kepada usaha-usaha menarik pelaburan asing yang digalakkan.

20. Dimasa-masa lalu, Kerajaan-Kerajaan Negeri ada menghantar misi pelaburan ke luar negeri, bagi menarik pemodal-pemodal dari negara-negara yang dilawati, melabur di negeri masing-masing. Setengah daripada misi-misi pelaburan ini telah berjaya berbuat demikian. Tetapi ada juga, yang gagal atau pun lambat mendapat rakan kongsi. Antara sebab-sebab kelewatan ini adalah kerana ketidak sesuaian projek-projek yang ditawarkan, kurangnya minat di pihak pelabur atau pun tidak ada tindakan susulan atau "follow up" di pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri sendiri.

21. Sekiranya kegendalaan itu disebabkan oleh ketiadaan atau kurangnya tindakan susulan, maka pada hemat saya, adalah menjadi tugas sipenawar untuk mengambil tindakan serupa itu seberapa segera. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan hendaklah "mengejar" bakal-bakal pelabur dan bukan sebaliknya, lebih-lebih lagi, setelah pelabur itu menunjuk minat hasil kempen Kerajaan Negeri itu sendiri. Mereka tidak harus menunggu kedatangan ulangan para pelabur ke negeri masing-masing atau membiarkan para pelabur yang sudah pun melawat, berminat atau membuat sesuatu permohonan projek hingga mereka terpaksa menyungung. Apa yang perlu ialah sebaliknya.

22. Saya berpendapat Kerajaan-Kerajaan Negeri tidak harus terlalu bergantung kepada Kerajaan Pusat, Perbadanan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) atau pun pada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Perdagangan kita di seberang laut

dalam mendapatkan rakan kongsi. Mereka haruslah juga berusaha dan mengambil inisiatif dalam soal ini. Sepatutnyalah mereka mengambil sikap atau pendekatan yang lebih agresif dalam kempen-kempen pelaburan mereka. Dalam hal ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang atas usaha-usahanya menarik pelabur dengan begitu agresif dan saya percaya dengan sikap dan strategi yang baru sahaja saya sarankan tadi, berjayalah hendaknya usaha-usaha gigih Kerajaan Negeri Pahang itu. Insyallah.

23. Saya sedar bahawa saudara saudari sekalian akan membincangkan begitu banyak perkara-perkara penting yang mempunyai hubungan kait dengan negara, masyarakat dan parti kita dan UMNO khususnya. Harapan saya ialah supaya apa pun rumusan, perakuan dan keputusan yang dibuat di konvensyen ini akan berpada kepada semangat dan cita rasa yang telah saya sebutkan tadi. Khususnya jangan lupa semangat dan cita rasa pemimpin kita yang dikasihni, Allahyarham Tun Abdul Razak.

24. Dengan doa semoga segala usaha kita akan mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah S.W.T., maka saya dengan sukacitanya merasmikan konvensyen UMNO Negeri Pahang yang keempat ini.  
Selamat Bersidang.




وتو بهن كبغسان ملايو برسائق

BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG

JAWAPAN KEPADA RUMUSAN-RUMUSAN  
KONVENSYEN UMNO  
NEGERI PAHANG  
KETIGA

*Pada: 17, 18, 19hb. Disember, 1982*



330.3535123

UMN



JAWAPAN RUMUSAN-RUMUSAN KONVENSYEN  
UMNO NEGERI PAHANG KETIGA

1. BIDANG TANAH

1. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri menggantikan tanah-tanah rezab Melayu yang diambil untuk pembangunan kawasan perindustrian dengan tanah-tanah yang setimpal nilainya dikawasan yang baru.

Jawapan

Kerajaan Negeri telahpun menggantikan tanah-tanah rezab Melayu yang telah diambil untuk pembangunan kawasan perindustrian dan lain-lain kegunaan. Perangkaan-perangkaannya adalah seperti berikut:-

Kawasan Simpanan Melayu yang asal	- 355268 ha. (877936 ekar)
Kawasan Simpanan Melayu yang telah dikeluarkan	- 29,545 ha. (73,008 ekar)
Cadangan ganti kawasan Simpanan Melayu	- 40,535 ha. (100,165 ekar)
Cadangan kawasan ganti yang telah diluluskan	- 27,206 ha. (67,229 ekar)
Baki sebonor yang akan diganti	- 2,338 ha (5,770 ekar)

Kerajaan Negeri akan meneruskan urusan penggantian itu dan telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk tujuan itu. Kerajaan juga mengambil perhatian di atas nilai kawasan yang baru itu.

2. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji dan berbincang dengan Kerajaan Pusat serta Felda untuk menimbang-nimbang bagi pembayaran saguhati ataupun apa jua bentuk pembayaran ke atas tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada Felda.

Jawapan

Buat masa ini tidak ada peruntukan dibawah mana-mana undang-undang yang membolehkan Kerajaan Pusat serta Felda untuk menimbang-nimbang pembayaran saguhati kepada Kerajaan Negeri ke atas tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Felda melainkan bayaran-bayaran biasa dibawah Kanun Tanah Negara seperti bayaran premium, cukai tahunan dan bayaran pejabat. Walau bagaimana pun, pihak Felda menghargai keperluan kewangan Kerajaan Negeri dari masa kesemasa, oleh itu, pihak Felda pernah menjelaskan dahulu bayaran premium tanah apabila tanah diluluskan sahaja kepada Felda untuk dimajukan. Mengikut kebiasaan, pembayaran ini akan hanya

dibuat secara beransur-ansur apabila pihak FELDA mula memungut bayaran C.A.C. daripada peserta-peserta apabila rancangan itu mengeluarkan hasil.

Oleh yang demikian, adakah fikirkan pembentukan jawatankuasa mengenai pembayaran suguhati oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah tidak diperlukan.

### 3. Rumusan

Kerajaan Negeri patut mengkaji semula dasar pembukaan tanah di bawah rancangan FELDA bagi menjamin Kerajaan dan rakyat Negeri Pahang sendiri tidak akan mengalami kekurangan tanah untuk melaksanakan rancangan pembangunan pada masa-masa akan datang.

### Jawapan

Kerajaan Negeri memang sedar bahawa pembangunan tanah di Negeri ini seharusnya diberi keutamaan kepada rakyat negeri ini sendiri untuk megikmatinya. Sehingga hari ini 1,050,375 ekar telah diluluskan untuk dimajukan oleh FELDA dibawah Akta Tanah (GSA) 1960. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri telah menetapkan satu dasar dimana quota bagi rakyat Negeri Pahang adalah tidak kurang daripada 40%. Oleh sebab quota ini ada kalanya tidak dapat di isi oleh rakyat Negeri Pahang sendiri, maka tindakan untuk memperlahankan tempo pembukaan tanah atau rancangan baru sehingga quota ini dapat dipenuhi oleh rakyat Negeri Pahang sendiri.

### 4. Rumusan

Kerajaan Negeri digesa supaya mengawal dengan sempurna pentadbiran Tanah Simpanan Melayu untuk memastikan tanah-tanah tersebut yang diambil balik oleh Kerajaan diberi pampasan mengikut penilaian pada kadar harga pasaran semasa dan pembayaran pampasan dibuat di dalam masa tidak lebih dari enam bulan.

### Jawapan

Pindaan kepada Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 yang telah dibuat pada 19.1.1984 telah mengambil kira tentang penilaian terhadap tanah-tanah dalam Malay Reserve. Dalam pindaan itu telah menyatakan dengan jelas bahawa fakta satu-satu bidang tanah itu terletak di dalam Malay Reserve tidak seharusnya diambil perkiraan yang boleh menjejaskan penilaian yang sewajarnya.

Jika tidak ada masalah-masalah teknikal yang tertentu pembayaran pampasan seharusnya boleh dibuat dalam masa 6 bulan selepas dibuat pembicaraan.

### 5. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan juga untuk membanyakkan lagi kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu, termasuk mengujudkan Tanah Simpanan Melayu, di kawasan bandar untuk streteji ekonomi dan politik.

### Jawapan

Syor ini diambil perhatian dan sedang dalam tindakan.

6. Rumusan

Mengalakkan agensi-agensi Kerajaan membeli tanah-tanah di sepanjang lebuh raya dari orang-orang Melayu.

Jawapan

Belum difikirkan sesuai untuk dilaksanakan sekarang.

7. Rumusan

Mengosyorkan supaya Kerajaan dapat menyelesaikan segera permohonan-permohonan tanah Kerajaan yang telah dibuat yang mana tanah-tanah tersebut telah lama diterokai.

Jawapan

Tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang positif sedang dilaksanakan sekarang oleh Pejabat-pejabat Tanah.

8. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri mengkaji semula pemberian tanah-tanah kepada agensi-agensi Kerajaan di dalam menjalankan pembukaan tanah kawasan perindustrian untuk diberikan kepada pemaju-pemaju swasta agar mengambil kira Dasar Ekonomi Baru.

Jawapan

Telah diambil perhatian.

9. Rumusan

Jikalau berasaskan kehendak politik, penukaran syarat menjejaskan kedudukan bumiputra, maka permohonan itu hendaklah dibatalkan. Tetapi disebaliknya jika tidak ada alternatif lain dan kawasan itu terpaksa diluluskan, maka peraturan yang dikhaskan kepada bumiputra hendaklah sekurang-kurangnya 50%.

Jawapan

Syar itu diambil perhatian dan sedang dilaksanakan.

10. Rumusan

Adalah disyorkan supaya Kanun Tanah Negara dipinda untuk meluluskan pindahmilik tanah kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan warganegara Malaysia sahaja.

Jawapan

Kanun Tanah Negara telah dipinda dalam tahun 1984 dan 1985 dan antara pindaan itu ialah mengenai dengan sekatan pemilikan tanah oleh warganegara asing. Tanah pertanian dicagah sama sekali dimiliki oleh warganegara asing. Walau bagaimana pun, tanah industri dan perniagaan adalah dibenarkan bagi kepentingan hubungan dagang antarabangsa.

11. Rumusan

Ajensi-ajensi Kerajaan digesa untuk mengkaji dan mengusahakan tanah tanah milik bumiputra yang terbiar dengan melalui perjanjian dengan tuan tanah tersebut dan seterusnya membori balik kepada pemilik asal.

Jawapan

Kanun Tanah Negara telah dipinda untuk membolehkan pihak Kerajaan mengambil alih tanah-tanah yang terbiar untuk diserahkan kepada ajensi-ajensi Kerajaan yang tertentu. Tanah ini akan dimajukan dan diserahkan balik kepada tuan-tuan tanah asal setelah kos pembangunan atau pemulihan telah diperolehi semula.

12. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan untuk mempertimbangkan Hakmilik Kekal kepada bukan sahaja penanam-penanam padi yang mengusahakannya selama tiga tahun berturut-turut bahkan juga kepada pengusaha-pengusaha tanaman kontan yang lain dengan syarat-syarat yang sama.

Jawapan

Diambil perhatian dan dalam perlaksanaan.

13. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan supaya dapat memberi hakmilik kepada penghuni-penghuni LMS yang menduduki tanah-tanah demikian sebelum tahun 1978, walaupun kawasan tersebut kurang daripada 3,000 kaki persegi.

Jawapan

Diambil perhatian dan dalam perlaksanaan.

14. Rumusan

Kerajaan Negeri hendaklah bersikap lebih liberal supaya badan-badan swasta dan perseorangan diberikan pertimbangan wajar berdasarkan kos demi kes untuk memiliki tanah secara besar-besaran bagi mengusahakan industri pertanian secara perdagangan yang 'viable'.

Jawapan

Telahpun dilaksanakan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

15. Rumusan

Mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk merampas balik tanah-tanah pertanian yang diterokai secara haram dan terus dijadikan rancangan Kerajaan tanpa dimusnahkan tanamannya.

Jawapan

Bagi kes-kes tertentu (contohnya Rancangan Felda Triang I dan II dan Mengkuang) Kerajaan negeri telah menyerahkan kawasan-kawasan terokaan ha am itu kepada Felda. Pihak Felda mempunyai caranya yang tersendiri bagi mentadbirkan rancangan itu yang biasanya terpaksa juga pokok-pokok itu dimusnahkan dan ditanam semula. Langkah ini difikirkan adalah lebih praktikal dan kurang masalahnya.

16. Rumusan

Kerajaan Negeri adalah diminta mengemaskinikan rekod-rekod pemilikan tanah dengan menggunakan komputer bagi melupuskan pengagihan tanah yang lebih adil.

Jawapan

Pemakaian komputer disemua Pejabat-pejabat Tanah sedang diuruskan. Buat permulaan ini Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah membekalkan Micro Komputer kepada Pejabat Tanah Bentung dan Kuantan. Kerja-kerja mengumpulkan data mengenai tanah sedang dilaksanakan. Insyaaallah dengan penggunaan komputer ini nanti pentadbiran tanah akan lebih cekap dan berkesan lagi terutama dari segi perakaunan, bil tuntutan cukai tanah, maklumat pemilikan tanah dan seterusnya perancangan pelupusan pengagihan tanah yang lebih adil.

17. Rumusan

Membuat ketetapan supaya Kerajaan Negeri memberi pertimbangan kepada Koperasi Melayu sama seperti Badan-badan Berkanun yang lain untuk memiliki tanah-tanah ladang secara besar-besaran.

Jawapan

Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang kepada Koperasi untuk memiliki tanah-tanah ladang secara besar-besaran. Sungguhpun begitu, perkara ini akan diberi pertimbangan berdasarkan prestasi dan juga perjalanan sesebuah Koperasi itu. Seluas 4,000 ekar tanah ladang sawit telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Pertubuhan Peladang Negeri Pahang.

18. Rumusan

Kerajaan didesak membuat kajian dan penyelidikan untuk menentukan latarbelakang setiap pemohon, sebelum permohonan tanah diluluskan supaya ianya dapat dipastikan yang permohonan itu terdiri daripada orang Melayu Negeri Pahang.

Jawapan

Butir-butir mengenai latarbelakang pemohon-pemohon tanah memang diperolehi terlebih dahulu sebelum satu-satu keputusan permohonan itu dibuat. Keutamaan tentunya diberikan kepada anak jati Negeri Pahang.

19. Rumusan

Kerajaan meminta supaya mencari jalan untuk memajukan tanah-tanah yang terbiar di seluruh Negeri Pahang.

Jawapan

Pembangunan tanah terbiar di seluruh Negeri Pahang adalah termasuk di dalam Rancangan Kampung Tersusun dan juga Rancangan Gerak Sepadu yang akan dilaksanakan secara menyeluruh dalam Rancangan Malaysia Kelima.

20. Rumusan

Mendesak agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan pembangunan tanah, supaya mengemaskan pelaksanaan dan pengurusan selaras dengan dasar yang telah ditetapkan.

Jawapan

Telahpun diambil tindakan.

21. Rumusan

Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah, Bengkel bersetuju menambah dan melantik wakil UMNO Bahagian menduduki Jawatankuasa tersebut.

Jawapan

Dalam tiap-tiap Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah, Y.A.B. Menteri Besar telah melantik seorang Ahli M.M.K. dalam jawatankuasa itu. Disamping itu wakil-wakil rakyat yang berkaitan juga dipanggil untuk turut hadir bersama di dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa itu. Mereka itu adalah disifatkan sebagai mewakili UMNO.

22. Rumusan

Pemungut-pemungut Hasil Tanah diminta agar mengujudkan satu peraturan sistematik untuk mengutip hasil tanah supaya dapat menyenangkan pemilik-pemilik tanah luar bandar.

Jawapan

Pembaikan-pembaikan ke arah pentadbiran yang lebih berkosen sentsia diamalkan.

23. Rumusan

Bengkel mencadangkan supaya menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyelaraskan dan membuat kajian, seterusnya menguruskan di atas tanah-tanah terbiar bagi memastikan kemajuannya.

Jawapan

Jawatankuasa Khas menyelaras kegiatan ini telah dibentuk diperingkat Negeri, Pembangunan Wilayah dan juga diPeringkat Daerah mengikut keadaan sesuatu rancangan tersebut.

24. Rumusan

Kerajaan digesa supaya menyelesaikan segera masalah permohonan tanah-tanah Melayu yang lama di dalam dan diluar bandar.

Jawapan

Diambil perhatian dan dalam perleaksanaan.

25. Rumusan

Bengkel mencadangkan supaya tanah orang-orang Melayu dibandar dan di sekitarnya hendaklah dijadikan hak milik Melayu (Malay Reservation).

Jawapan

Tanah-tanah milik perseorang perlu mendapat persetujuan tuan punya tanah itu terlebih dahulu sebelum tanah itu boleh digezetkan menjadi kawasan Melay Reservation.

26. Rumusan

Bengkel bersetuju supaya Kerajaan menimbangkan pemberian lot tapak perumahan kepada Bumiputra secara berkelompok di dalam bandar dan di pinggir-pinggir bandar untuk mendirikan rumah-rumah mengikut kemampuan pemohon-pemohon berkenaan.

Jawapan

Dalam perleaksanaan - skim ini dinamakan "Site and Service Scheme".

27. Rumusan

Bengkel mencadangkan penubuhan sebuah Koperasi UMNO Negeri Pahang yang dibuka keahliannya kepada tiap-tiap ahli UMNO di Negeri ini. Kerajaan Negeri hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 100,000 ekar tanah untuk dimajukan oleh Koperasi tersebut bagi morapatkan jurang hak milik ladang-ladang antara kaum di Negeri ini.

Jawapan

Masih dalam pertimbangan.

28. Rumusan

Bengkel bersetuju mendesak Kerajaan untuk menimbang permohonan dari Kaum Bumiputra supaya dapat mengimbangkan kedudukan milik tanah pertanian dengan hukan bumiputra.

Jawapan

Permohonan-permohonan dari bumiputra sentiasa diberikan perhatian.

29. Rumusan

Permohonan penoroka-penoroka tanah haram hendaklah dipertimbangkan kepada anak-anak Melayu Pahang sahaja.

Jawapan

Permohonan di atas penerokan tanah haram akan dipertimbangkan mengikut mirip satu-satu kes itu dan dasar-dasar kolulusion tanah haram - tidak semata-mata berasaskan anak Pahang jati sahaja.

30. Rumusan

Hasrat Kerajaan untuk mengonakan undang-undang supaya semua hak milik tanah yang tidak dibayar cukai untuk ditarik balik hak miliknya dan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Walau bagaimanapun, bagi pemilik-pemilik tanah yang kecil-kecil, terutama sekali penduduk penduduk Melayu di luar bandar hendaklah dilonggarkan.

Jawapan

Kerajaan (Pajabat Tanah) telahpun melaksanakan kuatkuasa Undang-undang KTM yang berkaitan iaitu mengeluarkan surat tuntutan rasmi kepada pemilik-pemilik tanah yang mempunyai tunggakan bertahun-tahun.



31. Rumusan

Untuk mengolok dari berlaku pemindahan milik tanah yang berham-piran dengan Labuhraya, kepada Bukan Bumiputra, Bongkel mondesak Kerajaan supaya tanah-tanah tersebut digazetkan sebagai Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation).

Jawapan

Tanah-tanah yang telah diberi milik tidak dapat hendak digezetkan sebagai Malay Reservation kecuali dengan persetujuan tuan-tuan punya tanah yang berkenaan.

32. Rumusan

Kerajaan dalam usaha memberi kemudahan untuk orang ramai, Bongkel moncadangkan supaya tanah-tanah yang terlibat dalam projek-projek pembangunan hendaklah diberi pampasan yang sewajarnya atau diganti dengan satu kawasan yang bersesuaian.

Jawapan

Suatu masa ini Akta pengambilan semula tanah 1960 pampasan hanyalah dalam bentuk wang tunai. Walau bagaimana pun, cadangan dan perundingan bolehlah diadakan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan tanah yang lain berasaskan faktor-faktor tertentu.

33. Rumusan

Bongkel bers tuju supaya tanah-tanah di sekitar kawasan Universiti di kawasan Bentung itu digazetkan sebagai Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation).

Jawapan

Diambil perhatian.

34. Rumusan

Bongkel mengesyorkan supaya Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang atau Lembaga Padi Beras Negara montadbirkan sawah-sawah padi dan tanah-tanah yang terbiar bagi menjayakan perusahaan padi.

Jawapan

Suatu masa ini Kerajaan Negeri sedang memikirkan secara serius samada mahu dikekalkan urusan memajukan Perusahaan Padi diseluruh Negeri kepada Lembaga Padi Negeri Pahang (LPNP) atau menyerahkan peranan dan tanggungjawab ini kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP) setelah mendapati bahawa kejayaan-kejayaan yang dicapai setakat ini disektor berkenaan begitu kurang menggalakkan. Mungkin dalam konteks ini kedudukan Lembaga Padi dan Beras Negera tidak terlibat kerana agensi berkenaan cuma memainkan peranan dari segi pemasaran sahaja.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk meminta bantuan dari pihak perunding dalam usaha untuk mengendalikannya satu kajian yang mendalam dari segenap aspek termasuk keperluan untuk mengokalkan agensi yang sedia ada selaku pentadbir kepada perusahaan padi di seluruh Negeri iaitu LPNP atau menyerahkan peranan tersebut kepada LKPP atau lain-lain agensi. Setelah perakuan diterima dari pihak pengkaji, barulah Kerajaan Negeri akan membuat pendiriannya ke arah mengukuhkan masa depan industri padi. Kita percaya langkah ini dapat diambil sedikit masa lagi.

35. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mengadakan projek-projek pembangunan mental sejajar dalam melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal.

Jawapan

Kerajaan Negeri Pahang sememangnya mengambil berat di atas semua projek-projek yang dirancangan dan kebiasaannya projek-projek ini akan diselaraskan di antara pembangunan mental dan juga pembangunan fizikal. Sebagai contohnya projek Pusat Bina Semangat yang dibangunkan di Gebeng oleh pihak Kerajaan Negeri adalah merupakan serempang dua mata yang akan mendatangkan manfaat kepada Kerajaan Negeri.

Kerja-kerja pembangunan fizikal bagi Pusat Bina Semangat ini telah bermula pada bulan Ogos, 1985 ini dan dijangka siap pada bulan April 1986 sebagai pembinaan fasa pertama. Apabila siap nanti pusat ini akan berfungsi untuk melatih kakitangan Kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatannya dan juga akan menanamkan semangat cintakan negeri di kalangan semua golongan masyarakat di Negeri ini.

Disamping itu juga pembinaan masjid dan surau diserata pelusuk tempat di dalam Negeri Pahang yang telah diberikan peruntukan yang besar juga memainkan peranan sebagai pembangunan mental di kalangan masyarakat Islam ke arah ajaran Islam. Ini adalah merupakan salah satu langkah bagi Penerangan Nilai-nilai Islam kepada rakyat amnya dan pentadbiran negeri khususnya.

36. Rumusan

Kerajaan Negeri adalah diminta mengemaskinikan rekod-rekod pemilikan tanah dengan menggunakan komputer bagi melupuskan pengagihan tanah yang lebih adil.

Jawapan

Menyedari bahawa Komputer adalah amat berguna bagi memperkemas melicinkan dan memudahkannya pentadbiran tanah, maka Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Unit Komputer di Pejabat Pengarah Tanah dan Ciliaan pada tahun 1980.

Setakat ini hanya kerja-kerja memasukkan data tanah kedalam tepe bagi semua daerah telah disiapkan. Data-data yang telah direkodkan ialah bilangan hakmilik, jumlah kawasan tanah mengikut jenis kegunaan samada Pertanian, Bangunan atau Industri, Rozab Melayu dan cukai tahunan.

Sungguhpun matlamat terakhirnya ialah untuk mengkomputerasikan pentadbiran tanah pada keseluruhannya, tetapi buat masa ini tumpuan sedang diberi kepada bidang pungutan cukai secara komputer sahaja kerana inilah bidang yang penting sekali dari segi mendapatkan hasil untuk Kerajaan Negeri.

Dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, Pejabat-pejabat Tanah sedang dan akan dibekalkan dengan "Mini Computer" untuk memperkemas dan melicinkan lagi proses kutipan cukai dan "accounting"nya.

Dengan tujuan untuk memaksimumkan penggunaan tenaga teknikal dalam bidang Komputer supaya boleh memberi khidmat kepada jabatan-jabatan lain selain daripada Jabatan Pentadbiran Tanah, maka Kerajaan Negeri telah memutuskan Unit Komputer di Pejabat Pengerah Tanah dan Galian dipindahkan ke Pejabat Pegawai Kewangan Negeri dimana unit ini akan juga memberi khidmat teknikalnya kepada jabatan-jabatan lain.

### 37. Rumusan

Bongkol bersetuju mendesak Kerajaan untuk menimbang permohonan dari kaum Bumiputra supaya dapat mengimbangkan kedudukan milik tanah pertanian dengan bukan bumiputra.

#### Jawapan

Mini Estate yang dijadikan Kawasan Simpanan Melayu untuk diherimilik kepada pengusaha-pengusaha Melayu (Bumiputra). Peringkat I - seluas 4,450 ekar telah diberimilik kepada 11 pemohon bumiputra.

Keluasan cadangan Mini Estate ialah 56,495 ekar (22,863 hektar).

### 38. Rumusan

Kerajaan Negeri hendaklah bersikap lebih liberal supaya badan-badan swasta dan perseorangan diherikan pertimbangan wajar berdasarkan kes demi kes untuk memiliki tanah secara besar-besaran bagi mengusahakan industri pertanian secara perdagangan yang 'viable'.

#### Jawapan

Mini Estate yang dijadikan Kawasan Simpanan Melayu untuk diherimilik kepada pengusaha-pengusaha Melayu (Bumiputra). Peringkat I - seluas 4,450 ekar telah diberimilik kepada 11 pemohon bumiputra.

Sehingga bulan Disember, 1979 seluas 59,490 ekar atau 34% daripada 174,262 ekar diluluskan kepada bumiputra/syarikat bumiputra.

39. Rumusan

Mengesyorkan supaya kawasan-kawasan pembangunan Wilayah Pahang Barat diadakan juga kilang untuk memproses hasil-hasil keluaran pertanian tersebut.

Jawapan

Projek Pembangunan Pahang Barat diberi tugas utama untuk membangunkan tiga jenis tanaman iaitu kelapa sawit, koko dan getah. Agensi ini tidak dapat melaksanakan pembinaan kilang-kilang oleh kerana ianya diluar bidang tugas seperti yang diperuntukan.

40. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri mengkaji semula pemberian tanah-tanah kepada agensi-agensi Kerajaan di dalam menjalankan pembukaan tanah kawasan perindustrian untuk diherikan kepada pemaju-pemaju swasta agar mengambil kira Dasar Ekonomi Baru.

Jawapan

Sebagaimana dasarnya Kerajaan Negeri meluluskan tanah kepada agensi kerajaan seperti LKNP, DARA dan LKWJ sahaja untuk dimajukan sebagai kawasan perindustrian. Sudah sememangnya pemberian tanah industri ini diutamakan kepada Bumiputra. Tetapi kerana kurangnya bilangan Bumiputra yang melibatkan diri dalam bidang perindustrian terutamanya yang hersekil besar, maka Kerajaan terpaksa timhangkan pemberian milik tanah ini kepada bukan bumiputra atau syarikat-syarikat bukan bumiputra juga.

Seakat ini tanah yang dimajukan sebagai tanah perindustrian adalah seperti berikut:-

<u>Jil.</u>	<u>Kawasan/Daerah</u>	<u>Keluasan</u>
(i)	Gabeng, Kuantan	688 hac (1720 ekar)
(ii)	Semambu, Kuantan	206 hac (515 ekar)
(iii)	Peramu, Pekan	102 hac (255 ekar)
(iv)	Songeang, Temerloh	62 hac (155 ekar)
(v)	Ketari, Bentung	103 hac (256 ekar)
		<u>1161 hac (2903 ekar)</u>

Satu kawasan Mukim Telang, Lipis seluas 220 ekar telah dikenalpasti untuk dijadikan kawasan perindustrian.

41. Rumusan bab 60 an lagi seluar 19.012 akar telah dapat dibayar dan ditarokkan secara haram dalam negeri. Kerajaan Negeri disyorkan juga untuk membanyakkan lagi kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu, termasuk mengujudkan Tanah Simpanan Melayu, di kawasan bandar untuk strateji ekonomi dan politik.

Jawapan

Kerajaan Negeri boleh mengujudkan tanah Simpanan Melayu mengikut Enakmen Rezah Melayu dan juga perlombongan Persekutuan walau bagaimanapun semasa mengujudkan Tanah Simpanan Melayu terdapat juga sekatan-sekatan terhadap pengujudkan kawasan Simpanan Melayu seperti dijelaskan di dalam Seksyen 89 Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan Tanah Simpanan Melayu adalah seperti Lampiran A kepada jawapan 1.

42. Rumusan

Kerajaan Negeri digesa supaya mengawal dengan sempurna pentadhiran Tanah Simpanan Melayu untuk memastikan tanah-tanah tersebut yang diambil balik oleh Kerajaan diberi pampasan mengikut penilaian pada kadar harga pasaran semasa dan pemhayaran pampasan dibuat di dalam masa tidak lebih dari enam bulan.

Jawapan

Bagi tujuan pembayaran pampasan harga pasaran dikira iaitu mengikut tarikh pewartaan mengikut section 8 Akta Pengambilan Tanah dan tidak mengambilkira samada tanah itu tanah Simpanan Melayu atau sebaliknya.

Mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah, Pengambilan Tanah hendaklah diselesaikan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh diwartakan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah oleh yang demikian tempoh pembayaran balik pampasan tidak dapat ditetapkan dalam tempoh 6 bulan oleh kerana beban kerja dan bentuk kes disamping kerjasama pelbagai jabatan lain. Walau bagaimanapun pindaan telah dibuat supaya pemhayaran/deposit dibuat 3 bulan selepas penyerahan Borang B.

43. Rumusan

Mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk merampas balik tanah-tanah pertanian yang diterokai secara haram dan terus dijadikan rancangan kerajaan tanpa dimusnahkan tanaman didalamnya.

Jawapan

Memanglah menjadi tanggungjawab dan prinsip Kerajaan untuk memben-teraskan segala kegiatan penrokaan Tanah Kerajaan secara haram. Satu daripada caranya, ialah dengan merampas balik kawasan-kawasan seumpama itu dan dimana sesuai, diserahkan kepada ajensi-ajensi Pembangunan Tanah Kerajaan untuk mengendalikannya.

Semenjak tahun 60 an lagi seluas 79,012 ekar telah dapat dikesan yang diteroka secara haram dalam negeri ini. Daripada jumlah itu sebahagian besar telah dirampas dan seterusnya diserahkan kepada agensi-agensi berkenaan.

Bagi kawasan-kawasan kecil yang keluasanya tidak ekonomik diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan maka kawasan-kawasan seumpama itu dijadikan kawasan Rancangan Berkelompok yang mana pemberian milik diheri keutamaan kepada penduduk-penduduk yang berhampiran dengan kawasan-kawasan berkenaan.

44. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan untuk mempertimbangkan Hakmilik Kekal kepada bukan sahaja penanam-penanam padi padi yang mengusahakannya selama tiga tahun berturut-turut bahkan juga kepada pengusaha-pengusaha tanaman kontan yang lain dengan syarat-syarat yang sama.

Jawapan

Pengeluaran Hakmilik kekal untuk tanaman padi adalah sesuai oleh kerana tanah paya hanya sesuai untuk tanaman padi sahaja dan hanya dalam beberapa keadaan sahaja ianya sesuai bagi tanaman lain.

Tanaman kontan yang lain tidak sesuai diheri Hakmilik Kekal, lagipun berdasarkan dasar-dasar pemberianmilik tanah sejak dahulu kerajaan tidak pernah menggalakkan untuk dikeluarkan hakmilik kekal atas tanaman kontan mungkin ianya tidak sesuai disegi:-

- a) Perancangan penggunaan tanah
- b) Minat bermusim kepada satu-satu jenis tanaman
- c) Penguatkuasa disegi undang-undang tanah terutama penentuan tanah diusahakan atau tidak.

Lagipun dengan hanya mengeluarkan LMS tidak ada masalah besar yang timbul disegi mengusahakan tanaman kontan.

45. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan supaya dapat memberi hakmilik kepada penghuni-penghuni LMS yang menduduki tanah-tanah demikian sebelum tahun 1978, walaupun kawasan tersebut kurang daripada 3,000 kaki-persagi.

Jawapan

Bagi kawasan-kawasan di dalam Majlis Daerah, Majlis Tempatan biasanya pelan dari Pejabat Perancang Bandar dan Desa diperolehi dan pelan tersebut biasanya mengambilkira penempatan asal milik LMS. Disegi keluasan ianya tertakluk kepada keluasan asal dengan pengubahsuaian mengenai rezab jalan, longkang dan keperluan-keperluan kerajaan jika ada.

Setakat ini Kerajaan Negeri tidak lagi menetapkan keluasan minima yang boleh diluluskan untuk tapak rumah kediaman walaupun keluasan maxima yang dijadikan panduan untuk pemberianmilik ditetapkan kepada  $\frac{1}{4}$  ekar sahaja.

46. Rumusan

Jikalau berasaskan kenadak politik, penukaran syarat menjejaskan kedudukan bumiputra, maka permohonan itu hendaklah dibatalkan. Tetapi sebaliknya jika tidak ada alternatif lain dan kawasan itu terpaksa diluluskan, maka peraturan yang dikhasikan kepada bumiputra hendaklah sekurang-kurangnya 50%.

Jawapan

Kerajaan memang soder bahawa rancangan-rancangan perumahan akan menjejaskan kedudukan dan kegiatan politik jika tidak diberi perhatian yang sewajarnya, oleh itu sebelum meluluskan satu permohonan tukar syarat tanah untuk perumahan dan perniagaan khususnya bagi kawasan-kawasan yang besar, Kerajaan sentiasa menganalisa akibat dan kesan rancangan tersebut dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Jika sekiranya didapati tidak ada alternatif maka pihak Kerajaan akan menentukan syarat-syarat kelulusan yang ketat dan peratusan untuk Bumiputra dinaikkan sehingga 50% atau lebih.

47. Rumusan

Bengkel bersetuju supaya Kerajaan menimbangkan pemberian lot tapak perumahan kepada Bumiputra secara berkelompok di dalam bandar dan di pinggir-pinggir bandar untuk mendirikan rumah-rumah mengikut kemampuan pemohon-pemohon berkenaan.

Jawapan

Rancangan untuk menempatkan kaum bumiputra dibandar-bandar atau pun dipinggir bandar adalah satu daripada usaha untuk menyusun semula masyarakat sebagaimana yang dimatlamatkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Ada kalanya didapati rumah-rumah yang disediakan oleh pemaju dikawasan perbandaran tidak dapat dibeli oleh kaum Bumiputra khususnya oleh sebab tiada kemampuan. Sebagai satu alternatif yang lain, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah melalui Lembaga Kemajuan Negeri Pahang untuk mendapatkan tanah dan memajukannya dengan cara rancangan "site and services" dimana hanya tapak dan infrastruktur disediakan dan pemheli tapak akan membina rumahnya sendiri mengikut kemampuan masing-masing.

48. Rumusan

Konvesyen UMNO hari ini merumuskan bahawa sekim menyediakan kemudahan asas dan tapak perumahan (site and service scheme) di sekitar bandar dan pinggir bandar di mana-mana yang sesuai hendaklah dilaksanakan dengan harsungguh-sungguh dan meluluskan tapak perumahan itu kepada Bumiputra yang layak untuk mereka mendirikan rumah masing-masing atas kemampuan masing-masing. Perleaksanaan sekim ini hendaklah menuju kepada matlamat menyelesaikan masalah perumahan Negeri.

1964 Kabinet Dalam Kerajaan  
1964 Kabinet Luar Kerajaan

Jawapan

Menyadari bahawa untuk menyusun semula masyarakat mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru, satu daripada langkah dan strategi yang diamalkan oleh pihak Kerajaan Negeri ialah dalam bidang perumahan samada perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan mahupun oleh swasta berasaskan kepada objektif Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perumahan, maka Kerajaan telah menetapkan beberapa dasar perumahan seperti berikut:-

- i) Semua projek perumahan swasta hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% quota untuk Bumiputra yang melibatkan semua jenis bangunan.
- ii) Untuk menyesuaikan dengan keupayaan pembeli rumah yang berpendapatan rendah, maka adalah disyaratkan iaitu mana-mana kawasan perumahan yang herkeluasan 2 ekar atau lebih, hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah.
- iii) Projek perumahan atau perbandaran yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan atau agensinya, keutamaan adalah dibri kepada penyertaan Bumiputra.
- iv) Untuk menentukan pemilik rumah dan bangunan perniagaan oleh Bumiputra berterusan, maka beberapa peraturan yang sesuai daripada unit-unit bangunan adalah dijadikan Rezab Melayu atau sekurang-kurangnya dikenakan sekatan kepentingan yang mana pindah milik, pajakan dan gadai adalah tertakluk kepada kebenaran Kerajaan Negeri.
- v) Pembangunan kawasan Rezab Melayu adalah diberi keutamaan dari segi kelulusan tukar syarat. Untuk membolehkan pemilik tanah Rezab Melayu membangun kan tanahnya dengan cara lebih menguntungkan kepadanya dan kepada pembeli-pembeli rumah, maka syarat menyediakan 30% rumah murah adalah dikecualikan bagi kawasan perumahan dalam Rezab Melayu.

49. Rumusan

Pemungut-pemungut Hasil tanah diminta agar mengujudkan satu peraturan sistematik untuk mengutip hasil tanah supaya dapat menyenangkan pemilik-pemilik tanah luar bandar.

Jawapan

Pentadbiran Tanah Negeri Pahang sebenarnya telah melaksanakan langkah-langkah tertentu khusus untuk memperkemaskan lagi sistem kutipan cukai tanah yang berjalan sokarang secara yang lebih sistematik di semua Pejabat-pejabat Tanah Daerah di Pahang. Langkah-langkah yang dijalankan ini ialah:

a) Sistem Kutipan Dalam Pejabat

b) Sistem Kutipan Luar Pejabat



- c) Sistem kutipan tunggakan melalui sistem bayaran secara Ansuran.
- d) Sistem Tindakan Undang-undang.
- e) Hobahan dan Kempen.

Sistem kutipan ini akan lebih komas dan ceket apabila kesomua Pejabat Tanah Daerah di Pahang akan menggunakan sistem komputer mikro dalam pengutipan cukai tanah mulai lhb. Januari, 1986.

50. Rumusan

Hasrat Kerajaan untuk menggunakan undang-undang supaya semua hak milik tanah yang tidak dibayar cukai untuk ditarikh balik hakmilik nya dan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Walau bagaimanapun, bagi pemilik-pemilik tanah yang kecil-kecil, terutama sekali penduduk-penduduk Melayu di luar bandar hendaklah dilonggarkan.

Jawapan

Sebenarnya semua Pejabat-pejabat Tanah Daerah telah melaksanakan sistem tindakan undang-undang yang perlu mengikut peraturan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) iaitu mengeluarkan notis Borang 6A. Tindakan yang digunakan ialah mengesan kes-kes tunggakan, menghantar bill-bill setolah dapat dikoson, mencari jalan penyelesaian d bawah kaedah bayaran secara ansuran dan jika penyelesaian tidak diperolehi, hendaklah dikeluarkan Borang 6A dan seterusnya mengambil tindakan mengikut peraturagan Kanun Tanah Negara (KTN). Setakat ini tidak ada lagi kes perampasan tanah dibuat oleh mana-mana Pejabat Tanah Daerah atas sebab-sebab tertontu seperti politik dan kemanusiaan.

51. Rumusan

Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah, Bangkok bersetuju menambah dan melantik wakil UMNO Bahagian menduduki Jawatankuasa tersebut.

Jawapan

Anggota jawatankuasa ini terdiri daripada:

- i) Pentadbiran Tanah Daerah - Pengerusi
- ii) YB. yang dilantik selaku wakil YAB. Menteri Besar
- iii) YB kawasan berkengon
- iv) Penghulu kawasan berkonean
- v) Penolong Pentadbir Tanah Daerah

Jika wakil UMNO Bahagian dilantik untuk menduduki jawatankuasa ini, sudah tentu parti-parti lain akan mendesak kerajaan untuk mendapat peluang yang sama.

52. Rumusan

Kerajaan didesak membuat kajian dan penyal dikan untuk monontukan latarbelakang setiap pemohon, sebelum permohonan tanah diluluskan supaya ianya dapat dipastikan yang permohonan itu terdiri daripada orang Melayu Negeri Pahang.

Jawapan

Dasar pemberianmilik tanah di Negeri Pahang - syarat-syarat kelayakan telah mendapat persetujuan Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Kewangan Negeri ke-5/85, yang bersidang pada 13hb. Mac, 1985.

Pelaksanaan dasar ini akan dibuat selepas mendapat kelulusan MMK. Keutamaan adalah kepada anak Negeri Pahang.

53. Rumusan

Mongesyorkan supaya Kerajaan dapat menyelesaikan segera permohonan-permohonan tanah kerajaan yang telah dibuat yang mana tanah-tanah tersebut telah lama ditorokai.

Jawapan

Dengan adanya "Stratogi dan cara-cara mempercepatkan lagi proses permohonan dan pemberiagnmilik tanah" yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Kewangan Negeri ke-18/84, yang bersidang pada 17hb. Oktober, 1984, masalah-masalah penyelesaian tunggakan permohonan akan dapat diatasi.

Matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk menyelesaikan permohonan tanah atas kadar 1,000 permohonan sebulan bagi seluruh negeri. Dalam tahun 1984 sebanyak 14,378 permohonan telah dapat diselesaikan. Data permohonan tanah bagi seluruh negeri pada lhb. Januari, 1985 ialah sebanyak 33,251.

## 9. RANCANGAN FELDA

### 1. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri melibatkan diri secara langsung di dalam pemilihan dan penempatan peserta-peserta felda di Negeri Pahang bagi memastikan mereka yang benar-benar sesuai diterima dan jika didepati menentang Kerajaan, maka hendaklah dihantar balik ke tempat asal.

Mengesyorkan juga supaya Kerajaan Negeri mengawasi dan menentukan para pegawai Felda yang dihantar berkhidmat dalam Negeri ini memahami dan mempunyai sikap yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak Kerajaan Negeri.

### Jawapan

Sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penempatan Peneroka Felda telahpun dibentuk yang dipengerusikan oleh YB. Timbalan Menteri Besar, Ahli-Ahli EXCO dan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai Wilayah Felda. Pemilihan Peneroka Felda dibuat berasaskan Jawatankuasa Pemilihan Temuduga di Peringkat Daerah-daerah yang dianggotai oleh YB. Kawasan, Pegawai Daerah, Penghulu dan Pegawai Wilayah. Senarai-senarai peserta yang disokong untuk ditempatkan ke rancangan terlebih dahulu dikemukakan kepada YB. Timbalan Menteri Besar untuk disahkan.

### 2. Rumusan

Kerajaan Negeri patutlah berunding dengan pihak FELDA dengan tujuan mendapatkan sebahagian daripada hasil keuntungan yang diperolehi oleh FELDA dari rancangan-rancangan pembukaan tanah di negeri ini supaya Kerajaan Negeri tidak sahaja berharap kepada bayaran premium yang tidak seberapa yang dibayar oleh FELDA selama ini.

### Jawapan

FELDA ialah salah satu daripada agensi-agensi Kerajaan Pusat untuk membasmi kemiskinan dan untuk 'Restructure' masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini 'Modus Operandi' FELDA ialah memajukan kawasan hutan dara dan menanamnya dengan tanaman-tanaman yang sesuai. FELDA akan membina rumah peneroka dan selepas itu akan menempatkan peneroka ke rancangan-rancangan baru ini. FELDA adalah sebuah "Non Profit" agensi dan hasil daripada rancangan adalah digunakan untuk membayar balik pinjaman daripada Kerajaan Pusat, premium tanah dan lain-lain kos panyelonggaran. Baki daripada hasil adalah dipulangkan balik kepada peneroka-peneroka pada tiap-tiap bulan secara pendapatan mereka. Peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA adalah pemilik tanah sementara dan didaftarkan dalam Buku Pendaftaran Hakmilik Tanah. Apabila peneroka telah siap habis membayar pinjaman kepada Kerajaan Pusat FELDA akan serah balik tanah ke Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan surat Hakmilik kepada Peneroka. Hasil keuntungan daripada rancangan adalah hak peneroka dan bukan FELDA.

3. Rumusan

Kerajaan Negeri hendaklah menentukan bahawa sekurang-kurangnya 60% daripada bakal peserta rancangan tanah FELDA pada masa akan datang terdiri daripada anak watan Negeri Pahang.

Jawapan

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan anak-anak watan Negeri Pahang menyertai rancangan FELDA di Negeri tersebut. Bagi menggalakkan penyertaan meroka, Kerajaan Negeri dan FELDA telah bersetuju memberi beberapa keistimewaan kepada anak-anak watan Negeri Pahang, diantaranya ialah melonggarkan had umur kepada 45 tahun sedangkan bagi calon-calon peneroka yang lain had umur adalah 40 tahun. Selain dari itu Kerajaan Negeri dan FELDA juga mengadakan temuduga khas ditempat-tempat yang berjauhan dari bandar untuk mendapatkan calon-calon peneroka yang terdiri daripada Anak-anak Pahang bagi menyertai rancangan-rancangan FELDA.

4. Rumusan

Kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas yang sesuai ke atas peneroka-peneroka FELDA yang menunjukkan sikap dan tindak-tanduk tidak taat setia kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Jawapan

Agalah menjadi dasar Kerajaan bahawa rancangan-rancangan FELDA hanya diuntukkan kepada rakyat yang bersehaluan dengan dasar dan objektif Kerajaan. Bagi mendapatkan calon-calon yang sesuai untuk menyertai rancangan FELDA, satu jemaah temuduga yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Wakil Kerajaan Negeri dan Wakil FELDA ditugaskan untuk mengkaji latar belakang dan kelayakan calon-calon peneroka. Senarai calon yang berjaya dalam temuduga dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk persetujuan sehelum ditempatkan dirancangan. Selain dari itu, peneroka-peneroka yang telah ditempatkan dirancangan juga tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan penempatan peneroka yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran FELDA. Peneroka-peneroka yang meloweng dari syarat-syarat dan peraturan-peraturan ini akan dikenakan tindakan tatatertih dan sekiranya didapati perlu mereka boleh juga disingkirkan dari rancangan.

5. Rumusan

Adalah diminta supaya FELDA jangan mengubahkan tanaman daripada getah ke kelapa sawit di Rancangan Felda seperti di Lurah Bilut. Ini adalah kerana peserta-peserta terdiri daripada kalangan tua yang tidak mampu menjalankan kerja-kerja di ladang kelapa sawit. Di samping ini, melibatkan perubahan kemahiran.

Jawapan

Menurut kajian daripada Ibupejabat Felda, penanaman kelapasawit adalah lebih menguntungkan daripada penanam getah lebih-labih lagi

melalui pengurusan bersama. Sungguhpun begitu, bagi menentukan jenis penanaman bagi tanaman semula adalah terletak kepada kehendak majoriti peneroka-peneroka sendiri. Bagi tanaman semula di Felda Lurah Bilut, 90% daripadanya telah dipersetujui untuk ditanam dengan getah.

#### 6. Rumusan

Kerajaan Negeri disyorkan supaya meninggikan penyertaan rakyat Pahang di rancangan-rancangan tanah Felda dari 50% - 75% dan rakyat asing hendaklah bermastautin selama 15 tahun untuk diberi pertim-  
bangan.

#### Jawapan

Usaha-usaha telah dibuat untuk membanyakkan lagi rakyat Negeri Pahang jati menyertai di dalam rancangan tanah Felda. Buat masa ini orang-orang yang telah bermastautin lebih 5 tahun telah diterima untuk menyertai rancangan tanah felda. Walau bagaimana pun, kita meng-  
hadapi kesulitan untuk mengisi keperluan dirancangan-rancangan yang  
sedia ada.

#### 7. Rumusan

Kerajaan hendaklah membuat kajian terperinci bagi merancang satu perusahaan sampingan di kawasan Felda di Negeri Pahang bagi menampung tenaga kerja anak-anak peneroka yang keciciran pelajaran.

#### Jawapan

Perkara kepentingan jenerasi kedua dirancangan tanah Felda sedang diambil perhatian oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemejua-  
n Wilayah s rta pihak Kerajaan Negeri.

#### 8. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta berunding dengan pihak Felda dengan tujuan mengadakan wakilnya dalam hadan disiplin/tatatertib Felda.

#### Jawapan

Sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Perpaduan telah dibentuk untuk memberikan perhatian perkara-perkara perpaduan dan keselamatan dan juga perkara disiplin peneroka di dalam rancangan. Jawatan-  
kuasa ini di Pengerusikan oleh YAB. Menteri Besar di peringkat Negeri dan Ahli EXCO di lantik oleh YAB. Menteri Besar di-  
peringkat Wilayah.

9. Rumusan

BangkaI mangosyorkan supaya Kerajaan Negeri berbincang dengan pihak berkuasa FELDA bagi memberi balik sebahagian daripada keuntungan kepada Kerajaan Negeri untuk dinikmati semula oleh rakyat sebagai ganjaran pengorbanan mereka.

Jawapan

Supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Ugama mengkaji Tanah yang dihangunkan oleh Felda kesemuanya atau sokurang-kurangnya 90% bagi sesuatu rancangan adalah diserahkan kepada peneroka yang terdiri dari peladang-peladang sendiri. Oleh hal yang demikian pengambilan balik sepecah daripada hasil keuntungan tersebut bererti berkurangan sangat besar kepada pendapatan peneroka. Kerajaan Negeri sehingga sekarang tidak bercadang untuk berbuat demikian melainkan mengenakan bayaran cukai tanah sebanyak \$12.00 seekar dan lemak tanah sebanyak \$100 seekar sahaja.

... untuk masuk ...  
... tidak ...  
... yang mempunyai ...

... Jabatan Ugama ...  
... di ...

... untuk selantik ...  
... di ...  
... Sabiraya atau ...  
... dapat ...

... Jabatan Ugama ...  
... di ...  
... itu ke ...

... 102 orang ...  
... dilakukan ...  
... yang mempunyai ...  
... sekarang ini ...  
... itu ...  
... ditorkan.

C. BIDANG KEAGAMAAN

1. Rumusan

Meminta supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama mengkaji semula dan melonggarkan syarat-syarat kemasukan ke sekolah-sekolah Menengah Agama.

Jawapan

Syarat-syarat yang dikenakan sekarang ini difikirkan adalah wajar iaitu lulus darjah 6 Sekolah Kebangsaan, boleh menulis dan membaca jawi, boleh membaca Al-Quran dan mempunyai latar belakang pengetahuan Agama Islam yang memadai. Oleh sebab permohonan untuk masuk ke Sekolah-sekolah Menengah Agama makin bertambah dan tempat di sekolah-sekolah itu tidak mencukupi maka terpselah pihak sekolah membuat pemilihan terhadap murid-murid yang mempunyai kebolehan yang lebih dalam aspek agama diutamakan.

2. Rumusan

Meminta supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama mengadakan guru guru agama khas untuk mengajar Quran dan Fardhu Ain di surau-surau dan masjid-masjid.

Jawapan

Kerajaan Negeri sedang menyusun suatu program khas untuk melantik Guru-guru Agama sukarela dengan dibayar elaun khas bulanan untuk mengajar perkara-perkara agama mengenai agama samada di Surau, Masjid mahupun ditempat-tempat awam yang lain seperti Balai raya atau bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah. Skim ini Insyaallah akan dapat dilaksanakan mulai bulan Januari, 1986.

3. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama menambah dan memperbaiki perjawatan guru-guru di sekolah-sekolah Menengah Agama serta menyerepkan guru-guru berjawatan sementara itu ke jawatan tetap.

Jawapan

Mulai bulan Julai 1985 ini watan perjawatan untuk seramai 102 orang guru tambahan telah diluluskan. Proses pengambilan sedang dilaksanakan sekarang ini. Bagi guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan seperti kehondak syarat-syarat perjawatan sekarang ini memang diusahakan bagi diserapkan. Usaha bagi menghantarkan mereka itu mengikuti kuraus perguruan sedang diaturkan.

4. Rumusan

Guru-guru Ugama dibawah Perkhidmatan Kerajaan Negeri di sekolah-sekolah bawah Kementerian Pelajaran diserapkan ke Perjawatan Kerajaan Persekutuan.

Jawapan

Semua guru-guru Agama yang mengajar di sekolah-sekolah rendah Kebangsaan di Negeri Pahang ini (di bawah Kementerian Pelajaran) telahpun diserahkan kepada Kementerian Pelajaran kecuali mereka yang memilih untuk terus kekal di dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri - iaitu seramai 141 orang. Penyerahan itu berkuatkuasa mulai tahun 1984.

5. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri melalui Jabatan Ugama memperbanyakkan sekolah-sekolah agama sekurang-kurangnya 3 buah di tiap-tiap daerah.

Jawapan

Mulai tahun 1985 ini Kerajaan Negeri telah memperbanyakkan lagi pembukaan sekolah-sekolah Menengah Agama. Pada tahun ini 3 buah sekolah telah dibuka iaitu:

- i) S.M.A. Al-Wosto, Berhala Gantang, Temerloh
- ii) S.M.A. Al-Basariah, Kuala Tombeling
- iii) S.M.A. Bandar Pusat Jongka, Meran

Insyaallah untuk tahun 1986 sekurang-kurangnya 2 buah lagi Sekolah Menengah Agama akan dibuka.

6. Rumusan

Sekolah-sekolah Ugama Rakyat dan dibawah tadbir Majlis Ugama Islam hendaklah diambilalih oleh Kerajaan untuk menampung pengaliran murid-murid ke sekolah-sekolah ugama.

Jawapan

Kerajaan memang berhasrat untuk mengambilalih sekolah-sekolah Agama Majlis. Walau bagaimanapun s telah dibuat kajian adalah tidak begitu praktikal bagi mengambilalih semua sekolah-sekolah itu atas sebab-sebab tertentu yang antaranya ialah:

- i) Keadagan fizikal sekolah yang telah uzur dan kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak mungkin dapat diperbesarkan lagi.
- ii) Sekolah-sekolah itu tidak terletak di kawasan tumpuan penduduk - dengan itu potensi sekolah itu untuk berkembang adalah diragukan.
- iii) Ada beberapa sekolah yang lokasinya jauh dipendalaman tanpa adanya kemudahan-kemudahan jalanraya yang baik dan bekalan air dan api yang sempurna.



7. Rumusan

Jabatan Agama juga hendaklah membuka semula kelas-kelas agama dan jawi di waktu petang di semua sekolah-sekolah.

Jawapan

Adalah tidak begitu praktikal untuk membuka semula kelas-kelas agama dan jawi di waktu petang di semua sekolah-sekolah kerana ada beberapa sekolah yang menggunakan bilik darjahnya untuk sidang pagi dan sedang petang. Walau bagaimanapun kesedaran tentang keperluan pengajaran agama tambahan kepada orang dewasa dan murid-murid sekolah juga adalah disedari. Dengan itu Kerajaan sedang merancang untuk melantik Guru-guru Agama secara tetap diperingkat kampung dengan dibayar elaun bulanan mulai tahun 1986 nanti. Dengan adanya skim ini soal pengajaran agama dan jawi itu boleh dirangkumkan bersama.

8. Rumusan

Untuk meningkatkan pembelajaran di sekolah-sekolah Agama, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama hendaklah menambah guru-guru yang berkecualan akademik, menambah bantuan-bantuan buku-buku teks dan membina serta membosarkan asrama-asrama yang sedia ada serta mengadakan Pogawai Asrama.

Jawapan

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama sedang mengusahakan perkara-perkara yang disebutkan itu:

- i) Menambah guru-guru yang berkecualan akademik - sebanyak 102 perjawatan baru telahpun diluluskan dan proses menggambialah sedang berjalan sekarang ini.
  - ii) Bantuan buku-buku tek - memang mendapat kerjasama dari Kementerian Pelajaran dan buku-buku tersebut ada diperolehi.
  - iii) Menambah asrama - 1984 asrama-asrama sekolah berikut telah mula didirikan oleh Yayasan Pahang:  
S.M.A. Maran, S. .A. Chenor, S.M.A. Ketapang, Pekan  
S.M.A. Dong, Raub dan S.M.A. Al Khairiah, Temerloh  
(Kerajaan Negeri)
- 1985 - pembinaan asrama S.M.A Padang Tengku, S.M.A. Tengku Ampuan Fatimah dan Kuliah Tinggi Sultan Abu Abu Bakar, Pekan serta S.M.A. Simpang Pelangai, Bentung.

9. Rumusan

Bagi sekolah-sekolah Menengah Ugama, Majlis Ugama Islam Pahang yang mana jumlah hari belajarnya hanya 3 hari ditambah kepada 5 hari seminggu untuk memudahkan mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Jawapan

Majlis Agama Islam akan membuat kajian atas perjalanan Sekolah Agama Majlis pada masa ini.

10. Rumusan

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama hendaklah meneliti dan mengawasi kegiatan-kegiatan pendakwah-pendakwah (terutamanya gulungan tabligh) dan memastikan mereka-mereka ini mendapat tauliah dari Jabatan Ugama.

Jawapan

Pengawasan terhadap kegiatan dakwah memang sentiasa dilaksanakan. Mana-mana pendakwah yang didapati mengedarkan ajaran salah akan diambil tindakan yang sewajarnya.

11. Rumusan

Mongesyorkan supaya Kerajaan Negeri manambah peruntukan anak-anak Negeri Pahang melanjutkan pelajaran Ugama di dalam ataupun di luar Negeri.

Jawapan

Tahun 1984 Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang telah menghantar seramai 27 orang pelajar melanjutkan pelajaran ke Universiti Azhar, Cairo. Angka ini adalah jauh lebih besar daripada tahun-tahun sebelumnya iaitu hanya dalam lingkungan 5 - 10 orang sahaja. Bagi pelajar-pelajar untuk belajar di Universiti Tempatan (dalam negeri) dalam mata pelajaran agama juga dihorikan pertimhangan yang sama dengan pelajar-pelajar yang lain juga.

12. Rumusan

Meminta supaya Kerajaan Negeri meneliti dan mengambil perhatian di atas perlantikan Pegawai-pegawai Ugama Negeri dan Pegawai-pegawai Ugama Felde supaya mereka itu seialiran dengan kemahuan dan aspirasi Kerajaan.

Jawapan

Sedang diambil perhatian.

13. Rumusan

Mengosyorkan supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama mempastikan setiap hiburannya dari luar ataupun dalam negeri tidak diadakan berhampiran dengan kawasan masjid.

Jawapan

Kerajaan Negeri mengambil perhatian dan tidak ada lagi kejadian yang berlaku sedemikian.

14. Rumusan

Menyokong penuh di atas keputusan Kerajaan mendirikan sebuah Universiti Islam Antarabangsa dan diharap Kerajaan menentukan rakyat-rakyat Negeri Pahang berpeluang memasuki Universiti tersebut.

Jawapan

Pihak Kulia Sultan Abu Bakar sedang memastatkan lagi pembelajaran dan pembangunan di Kyliah itu bagi memastikan pelajar-pelajar kuliah itu akan menunjukkan prestasi yang lebih baik sebagai persediaan untuk membolehkan pelajar-pelajarnya mendapat tempat di U.I.A. Pengajaran bahasa Arab akan lebih dititikberatkan. Perundingan juga insyaallah akan diadakan dengan pihak Universiti bagi memberikan kota khusus untuk pelajar-pelajar dari Negeri Pahang.

15. Rumusan

Bahawa Kementerian Pelajaran hendaklah mendirikan bukan sahaja sebuah malah beberapa Sekolah Menengah Agama Kehangsaan berasrama penuh di Negeri Pahang ini.

Jawapan

Kementerian Pelajaran akan mendirikan sebuah Sekolah Menengah Agama Kementerian Pelajaran di Kempung Temin, Jerantut. Pembinaan kompleks itu dijangka akan bermula dalam tahun 1986. Kerajaan Negeri merayu supaya Kementerian Pelajaran akan membina sebuah lagi.

16. Rumusan

Mengkaji semula dengan segera kedudukan Sek. Men. Agama Kerajaan Negeri Pahang pada masa ini supaya dilengkapkan dengan segala keperluan-keperluan yang diperlukan daripada bilik-bilik darjah sehingga kepada keperluan guru-guru yang secukupnya.

Jawapan

Program-program khusus bagi membaiki dan melengkapkan Sekolah Menengah Agama yang sediada sedang berjalan. Suatu peruntukan sejumlah \$5 juta telah disertakan untuk tujuan itu bagitahun 1985.

17. Rumusan

Mengkaji kedudukan jawatan-jawatan tertentu dalam jabatan agama khususnya Khadi, Imam Masjid dan guru-guru Agama supaya dinaikan taraf sesuai dengan taraf kedudukannya dalam masyarakat dan tugas-tugasnya; dan juga memhanyakkan bilangan kakitangan dimana-mana yang perlu supaya soal-soal penguatkuasaan akan lebih berkesan lagi.

Jawapan

Satu kajian menyeluruh telahpun siap dibuat oleh pihak MAMPU bagi menyusun semula pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri. Laporan itu sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pahang. Insyaallah peraksanaan Kerajaan itu dapat dibuat bagi tahun 1986 nanti.

18. Rumusan

Mengambil perhatian tentang penyenggaraan masjid dan seterusnya meluaskan sekop fungsi masjid sebagai pusat penyebaran didikan agama seperti mengadakan tadika Islam, kursus-kursus Islam dan seumpamanya.

Jawapan

Penekanan mengenai dengan penyenggaraan masjid telahpun dibuat. Jawatankuasa-jawatankuasa Masjid diminta mengamni dayausaha bagi menjalankan aktiviti masing-masing.

19. Rumusan

Mengadakan Jawatankuasa Penyelarasan aktiviti-aktiviti dakwah di peringkat negeri dan daerah dan seterusnya bergiat mengadakan aktiviti dakwah itu disegenap lapisan masyarakat.

Jawapan

Dalam perhatian dan tindakan Kerajaan

20. Rumusan

Menyedari bahawa penubuhan Bank Islam itu telahpun diuruskan, dan menyedari bahwa Bank itu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam yang selaras dengan konsep Islam yang seharmoninya maka:

Konvaysen UMNO hari ini menyokong penuh penubuhan yang dipelopori oleh UMNO itu.

Jawapan

Telahpun memulakan operasi Bank itu diKuantan pada 10hb. Ogos, 1985 yang lalu.

21. Rumusan

Kerajaan diminta meningkatkan taraf jawatan kadi di daerah-daerah supaya selaras dengan taraf pegawai-pegawai Kerajaan Kanan di daerah-daerah.

Jawapan

Telah dijawab - rujuk Bengkel B(3).

22. Rumusan

Diminta Kerajaan Negeri membuat satu kertas kerja Tabika Islam dan seterusnya melaksanakan khusus untuk mem eri pendudukan asas agama islam dalam erti kata yang sebenarnya.

Jawapan

Majlis Agama Islam telah memulakan Kelas Tabika Islam ini di Temerloh dan Pekan - didapati berjaya. Pihak majlis sedang mengkaji perlaksanaannya di lain-lain daerah.

23. Rumusan

Kerajaan diminta mengujudkan kembali kelas-kelas agama yang berupa kelas-kelas pengajian Quran dan Fardhu Ain. Ini boleh dijalankan dengan kelas agama petang bagi penuntut bagi dan kelas agama pagi bagi penuntut-penuntut petang.

Jawapan

Telah dijawab - rujuk Bengkel A(&).

24. Rumusan

Kerajaan diminta mengujudkan sekolah-sekolah agama berasrama penuh di Pahang agar pendidikan Islam yang sempurna dapat dileaksanakan di samping memherikan persediaan asas untuk penuntut-penuntut melayakan diri memasuki Universiti Islam Antarabangsa.

Jawapan

Ada di dalam program Rancangan Malaysia Kelima.

25. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta mencontohi negeri-negeri lain dengan menyerehkan pentadhiran sekolah agama negeri kepada Kementerian Pelajaran serta guru-guru agama diserapkan ke dalam perkhidmatan pelajaran Persukutuan.

Jawapan

Kerajaan Negeri berpendapat bahawa Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri masih berupaya bagi melaksanakan pentadbiran Sekolah-sekolah Menengah Agama di Negeri Pahang ini secara yang memuaskan dan berkesan. Usaha-usaha kearah pembaikan dan keberkesanan sedang rancang dilaksanakan. Tambahan pula perkara-perkara agama adalah dibawah bidang kuasa D.Y.M.M. Sultan dan Majlis Agama Islam Negeri Pahang.

26. Rumusan

Bahagian Penerangan Jabatan Agama diminta supaya memajukan peranan yang lebih luas dalam memperkembangkan Agama Islam sebagai satu cara hidup dan tidak terbatas hanya kepada soal-soal ibadat sahaja.

Jawapan

Sedang diambil perhatian.

27. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta berhati-hati dan berwaspada dan bertindak tegas terhadap golongan-golongan yang menyeleweng seperti komunis dan pelampau-pelampau agama.

Jawapan

Sedang diambil perhatian.

28. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta memperkuatkan pengajaran agama melalui Kemas dengan membanyakkan guru-guru Agama Kemas.

Jawapan

KEMAS Mengambil perhatian tentang perkara ini.

29. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta mengadakan satu peraturan mengawasi supaya Jawatankuasa Surau tidak dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab hingga memecahbelahkan masyarakat.

Jawapan

Sedang diambil perhatian.

30. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta mengadakan pegawai-pegawai zakat bagi menilai hart a-harta orang Islam supaya zakat dapat dibayar dengan sempurna.

34. Rumusan

Hukum khalwat hendaklah dikenakan dengan lebih berat dan orang yang hukan ugama Islam hendaklah juga dihukum setimpai dengan kesalahan-kesalahannya.

Jawapan

Satu Jawatankuasa Mengkaji semula Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang 1982 telah dibentuk oleh Majlis Agama Islam Negeri. Kajian yang menyeluruh masih dalam proses. Mengenai hukum khalwat juga adalah dalam penyomakan.

35. Rumusan

Gerajaan hendaklah mendirikan sekolah Menengah Ugama beresrama penuh dalam Negeri Pahang dengan secepat mungkin. Pegawai Ugama bertauliah, unit peperiksaan, sukatan pelajaran dan penyel aan serta pentadbiran sempurna hendak diwujudkan bersama.

Jawapan

Kementerian Pelajaran akan membina Sekolah Menengah Agama Beresrama penuh di Kg. Temin, Jerantut. Inshaallah pembinannya akan dilaksanakan dalam tahun 1986 ini. Lain-lain perkara yang berkaitan seperti sukatan pelajaran dan lain-lain itu adalah dalam makluman dan tindakan.

D. BIDANG PERTANIAN DAN NELAYAN

1. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak di bawah YB. Menteri Besar ditubuhkan untuk memberi perhatian khusus kepada kemajuan Kampung Tradisional termasuk mengadakan kemudahan asas dan memperbaiki cara-cara pertanian di kawasan berkenaan.

Jawapan

Adalah didalam perhatian.

2. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan di tiap-tiap daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh Pegawai yang mengawal jabatan-jabatan JKR, Talikom, LLN dan JPT di peringkat daerah untuk menyelaras kerja-kerja pembangunan supaya tidak berlaku pembaziran.

Jawapan

Sebuah Jawatankuasa Pertanian Daerah yang di Pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai disektor Pertanian dan wakil rakyat telahpun dibentuk oleh pihak Kerajaan bagi menyelaras semua kerja-kerja pertanian peringkat daerah.

3. Rumusan

Bengkel mengesyorkan, oleh kerana LKPP akan berkurangan tugas, maka ianya hendaklah menjalankan usaha di dalam pertanian yang bercorak komersial selain daripada tanaman getah dan kelapa sawit untuk mendapat hasil yang lebih dan pasaran yang sempurna.

Jawapan

LKPP sedang menjalankan syor-syor yang dikemukakan seperti berikut:-

- a) Tanaman buah-buahan, ditanam disemua ladang komersial yang mempunyai keluasan diantara 100 - 300 ekar.
- b) Tanaman koko menjadi tanaman utama diprojek-projek baru dimana sesuai.
- c) Tanaman rotan dikawasan pinggir sempadan ladang-ladang LKpp.
- d) Penglihatan dalam usaha pem rosesan, contohnya, pengambilan alih kilang di Somambu.
- e) Usaha "joint venture" dengan syarikat-syarikat seperti Koperasi Angkatan Tentera, Polis serta orang-perseorangan.



4. Rumusan

Bongkol mengdesg Kerajaan supaya mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan seperti pemberian lesen, pukut tunda dan bot-bot nelayan.

Jawapan

Telahpun diambil perhatian.

5. Rumusan

Bongkol mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil berat tentang keadaan perkampungan nelayan yang terbiar.

Jawapan

Sememangnya dalam Rancangan Malaysia Keempat usaha-usaha untuk mengindahkan perkampungan nelayan telah dibuat melalui program-program kecil berupa galakan, pembaikan dan penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal seperti projek kemudahan untuk industri perikanan iaitu:

- a) Jeti kecil dan sebagainya
- b) Jambatan kecil, titian dan polantar
- c) Balai serbaguna
- d) Jalan-jalan kampung, surau, perigi/hekalan air, tempat rekreasi dan tandes.

Program kecil ini adalah dilaksanakan melalui kerja gotong-royong oleh masyarakat nelayan tempatan.

Program-program Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- a) Mengadakan rumah-rumah kos rendah di Nenasi, Kuala Pahang dan Balok
- b) "Site and services" di Kuala Pahang dan Tg. Lumpur.

6. Rumusan

Memandangkan hahawa petani-petani dan nelayan-nelayan merupakan bahagian besar penduduk kampung-kampung tradisional. Menyedari bahawa petani-petani dan nelayan-nelayan merupakan golongan yang berpendapatan terendah dibandingkan dengan lain-lain profesyen.

Konvensyen UMNO pada hari ini mendesak supaya Kerajaan memberi bantuan dan/atau mengadakan kemudahan/kelengkapan yang moden seperti cold room dan sebagainya demi meninggikan lagi pendapatan mereka ini supaya seimbang dengan mereka dari lain-lain pekerjaan.

Jawapan

Sehingga ini FAMA telah membina dua buah bilik sejuk dinegeri ini iaitu di Jerantut dan Kuantan.

7. Rumusan

Kerajaan patut bersikap tegas untuk melaksanakan Dasar Ekogomi Baru dengan mengadakan penyelarasan daripada peringkat atas kepada Daerah dan Mukim dan melaksanakan tindakan yang bersepadu berse-suaian dengan keadaan-keadaan tempatan. Dalam perhubungan ini, pegawai-pegawai atasan dan pemimpin-pemimpin haruslah diberi kursus-kursus k rohanian dan keagamaan supaya penyelewengan tidak akan berlaku.

Jawapan

Telahpun dilaksanakan.

8. Rumusan

Bengkak mendesak Kerajaan Negeri menyekat kemasukan nelayan-nalayan asing ke perairan Negeri Pahang.

Jawapan

Telah diambil perhatian.

9. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula struktur pertanian di luar kawasan Rancangan Pertanian bersepadu di Endau, Rompin dan Pahang Barat supaya kawasan-kawasan berkenaan dapat dimajukan bercorak komersyul.

Jawapan

Seperti penentuan zon pertanian.

10. Rumusan

Konvensyen UHNO pada hari ini merumuskan supaya Kerajaan Negeri memandang serious supaya diadakan zon-zon pertanian berkenaan mengikut kesesuaian tanah dan lain-lain faktor.

Jawapan

Jabatan Pertanian telah mengenalpasti dan mengentukan zon-zon mengikut tanaman, disamping disesuaikan mengikut keadaan tanah. Jabatan Pertanian dengan bantuan MARDI dan Ibu Pejabat Pertanian, Kuala Lumpur telah mendapatkan jenis huah-huahan dan sayur-sayuran mengikut zon.

Penentuan zon ini diasaskan kepada kesesuaian tanah, pembangunan perbandaran dan cuaca.

Walaupun penentuan kawasan tanaman telah dibuat, kebebasan untuk penanam-penanam tidak dapat disekat. Sebagai satu cara galakan Kelonggaran diberi sekiranya petani-petani menanam sebanyak 80% tanaman mengikut zon.

Satu cara lagi dalam menggalakkan penanaman mengikut zon ialah dengan dibuat skim tanam herkolompok.

11. Rumusan

Mendesak Kerajaan supaya mengambil berat tentang pemasaran barang kelaualan pertanian terutama diluar bandar.

Jawapan

Kerajaan memang sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap masalah pemasaran hasil-hasil pertanian di luar bandar dan hebe-  
rapa langkah sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi  
tujuan tersebut.

12. Rumusan

Menyekat kemasukan nelayan asing ke dalam perairan Pahang.

Jawapan

Jabatan Perikanan memang mengambil berat di atas perkara ini dan  
beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

13. Rumusan

Bangka mendesak Kerajaan mengambil berat tentang masalah yang  
dihadapi oleh nelayan seperti pemberian lesen pukut tunda.

Jawapan

Dasar Jabatan memang mengalakkan nelayan untuk pergi menangkap  
ikan ke laut tengah dan dikawasan ZEE. Selaras dengan ini jabatan  
telah memhuat beberapa garis panduan untuk memaju matlamat  
tersebut boleh dibuat:-

- i) Bot-bot pukut tunda kecil yang ada sekarang digalakkan  
tukar kepada bot-bot yang lebih besar dan lebih ber-  
kemampuan untuk keluar ke laut dalam.
- ii) Jabatan tidak lagi mengeluarkan lesen pukut tunda yang  
baru bagi bot-bot kecil, sebaliknya menimhangkan per-  
mohonan-permohonan membina bot baru 40 GRT dan 70 GRT  
ke atas untuk menjalankan perusehaan Pukat Tunda dan  
jerut.
- iii) Bagi bot-bot kehawah daripada 40 GRT hanya diberi kepada  
pengusaha sendiri.
- iv) Pihak LKIM telah mengadakan SKK untuk menggalakkan nelayan  
membina bot-bot baru yang melebihi daripada 70 GRT.

6. BIDANG PERINDUSTRIAN

1. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta mengujudkan kawasan perindustrian di Kuala Lipis memandangkan potensi yang akan diujudkan dengan adanya pembinaan lebuh raya Kuala Lipis - Gua Musang dan pembukaan Felda yang luas di Kecau.

Jawapan

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah pun menyediakan 'zoning' bagi kawasan perindustrian Kuala Lipis dengan tujuan untuk menempatkan semula perusahaan yang sedia ada di sekitar daerah itu. Sebahagian dari kawasan tersebut akan dibangunkan oleh LKNP dalam Rancangan Malaysia Kelima manakala yang lainnya dijangka akan dibangunkan oleh tuan punya tanah.

2. Rumusan

Menyedari bahawa ramai usahawan bumiputra mempunyai modal kecil dan terhad adalah disyorkan LKNP mendirikan bengkel/kilang kos rendah dan disewakan dengan kadar yang rendah kepada usahawan bumiputra yang mempunyai kemahiran serta kemampuan menjalankan perusahaan.

Jawapan

Dimaklumkan bahawa setakat ini LKNP telahpun mendirikan bengkel-bengkel untuk dijual dan disewakan iaitu sebanyak 23 buah di Semambu dan 40 buah di Songsang. Sewa bagi bengkel tersebut adalah dalam lingkungan \$509/- sebulan. Di samping itu, dalam tahun 1985 ini LKNP akan mendirikan bengkel kos rendah (harga + \$50,000) di kawasan Songsang, Jerantut, Bentung, Peramu, Rompin, Maran dan Jaya Gading.

3. Rumusan

Dalam pembukaan tapak industri, LKNP dikehendaki memastikan penyertaan bumiputra sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Jawapan

Usaha membantu dan menggalakkan pelabur bumiputra supaya menceburi kegiatan di bidang perindustrian memang dilaksanakan oleh LKNP. Ini termasuk pemberian diskaun untuk membeli tapak-tapak industri oleh syarikat atau orang perseorangan bumiputra dan pemberian khidmat nasihat serta bimbingan melalui Unit Penyertaan Bumiputera, LKNP.

F. AMANAH SAHAM PAHANG

1. Rumusan

Meminta ASPA membantu dan memberi peluang yang seluas-luasnya kepada bumiputra menyertai di sektor perusahaan perkeyuan.

Jawapan

ASPA sentiasa memberi peluang yang luas kepada bumiputra di beberapa bidang kegiatannya seperti perhutanan, perkilangan, pemasaran, dan khidmat sokongan. Sehingga ini, dari 342 orang peserta yang terlibat dengan ASPA, seramai 220 orang adalah terdiri dari usahawan bumiputra. Sehingga akhir tahun 1984, nilai penyertaan bumiputra ialah sebanyak \$13,985,116 iaitu 44.9% dari jumlah nilai penyertaan yang meliputi berbagai jenis bidang kegiatan di bawah ASPA. Di masa-masa akan datang ramai lagi usahawan bumiputra dapat dilibatkan dalam projek-projek pembinaan Rumah Pasang Siap dan Masjid Pasang Siap.

2. Rumusan

Menyokong penubuhan Jawatankuasa merunding semula perjanjian ASPA dengan Maran Road Sawmill dan sekiranya rundingan itu gagal di dalam tempoh tertentu, maka Kerajaan hendaklah mengambil balik kawasan hutan seluas 90,000 ekar yang telah diperuntukan kepada Maran Road Sawmill.

Jawapan

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telahpun bertindak membatalkan perjanjian serta mengambil balik kawasan hutan berkenaan seluas 90,000 ekar. Walau bagaimanapun, usaha ini masih lagi dalam tindakan mahkamah.

3. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula kedudukan perjawatan di dalam ASPA supaya benar-benar mencerminkan identiti Negeri Pahang, iaitu dengan mengutamakan anak-anak Negeri Pahang.

Jawapan

Adalah dimaklumkan bahawa dalam tempoh kebelakangan ini ASPA telahpun melantik seramai 21 orang eksekutif pelatih dan 3 orang eksekutif kanan yang terdiri daripada anak-anak negeri Pahang bagi tujuan dijadikan kumpulan kumpulan pengurus ASPA akan datang.

4. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri supaya memastikan Pegawai-pegawai dan ahli Lembaga Pengarah dalam kumpulan ASPA tidak melibatkan diri dalam perniagaan dengan ASPA dan syarikat-syarikat anaknya.

Jawapan

ASPA telahpun mengemil tindakan tegas dengan mengenakan syarat-syarat yang ketat dalam sekim perkhidmatannya dimana kakitangan ASPA dilarang sama sekali melibatkan diri dalam perniagaan sewaktu berkhidmat dengan ASPA. Mengenai Ahli-ahli Lembaga Pengarah ASPA oleh kerana mereka tidak berkhidmat secara penuh masa dengan ASPA, mereka tidak boleh dilarang melibatkan diri dalam perniagaan asalkan kegiatan mereka tidak bercanggah dengan kepentingan ASPA.

5. ISU PERUMAHAN LKNP

1. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri melalui LKNP supaya membuka peluang pemilikan rumah-rumah kos rendah dan tapak-tapak rumah diberikan kepada pemohon-pemohon yang masih bujang.

Jawapan

Dimaklumkan bahawa LKNP telahpun mempunyai polisi memberi peluang kepada pembeli-pembeli yang masih bujang dan mampu untuk membeli rumah-rumah yang didirikannya. Walau bagaimanapun, disebabkan ramainya pemohon sedangkan bilangan rumah adalah terhad, keutamaan pemilikan diberi kepada rakyat Negeri Pahang yang mampu dan berkeluarga.

2. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri melalui LKNP mengkaji semula reka bentuk rumah-rumah kos rendah yang dijual kepada orang ramai supaya selesa dan sesuai.

Jawapan

Dalam projek-projek perumahan LKNP, pihak LKNP memang memastikan rekabentuk rumah-rumah yang didirikan adalah sesuai dan selesa bagi penghuni. Sekiranya sesuatu rekabentuk itu tidak sesuai, LKNP akan menukarkan atau mengubahsuaikan rekabentuk tersebut. Contohnya di projek perumahan Bonus 1 dimana rumah yang pada mulanya mempunyai 2 bilik tidak diubahsuaikan supaya mempunyai 3 bilik tidur.

3. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri menentukan rumah-rumah yang telah dijual oleh LKNP ataupun pihak swasta kepada orang Melayu hendaklah diduduki sendiri ataupun disewakan kepada orang Melayu sahaja.

Jawapan

Bagi mengelakkan rumah-rumah yang telah dijual kepada orang Melayu dari diduduki oleh orang lain, LKNP mempunyai polisi di mana keutamaan pemilikan pembeli adalah diberi kepada penduduk-penduduk yang lahir dan bekerja di tempat projek-projek itu didirikan.

4. ISU YAYASAN PAHANG

1. Rumusan

Kerajaan dikehendaki menguatkuasakan dengan tegasnya pembekalan perjanjian biasiswa pelajaran (Pengajaran Agama) atau penuntut-penuntut akan terus berkhidmat di sekolah-sekolah Agama seperti yang disyaratkan.

Jawapan

Dimaklumkan bahawa pihak Yayasan Pahang senantiasa tegas dengan pembekalan syarat-syarat Perjanjian ke atas semua Pemegang-pemegang Biasiswa Pengurusan (Pengajaran Agama) dan akan mengambil tindakan dari segi undang-undang terhadap mana-mana pemungkir janji yang enggan atau terus berkhidmat di sekolah-sekolah agama di negeri Pahang. Sebarang permohonan untuk mendapatkan pelepasan atau meniggalkan perkhidmatan dengan sekolah-sekolah agama akan hanya diberi pertimbangan setelah mendapat pengesahan bertulis daripada pihak Jabatan Agama Pahang bahawa tenaga khidmat mereka tidak diperlukan di sini.

2. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula penubuhan Yayasan Pahang dengan merujuk kem ali kepada cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam tahun 1978.

Jawapan

Dinaklumkan bahawa Yayasan Pahang telahpun ditubuhkan melalui Enakmen No. 6/82 pada 23hb. Disember, 1982, dan pelancarannya telah dirasmikan oleh D.Y.H.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 26hb. September, 1983.

1. ISU SYARIKAT JENGA Sdn., Bhd

1. Rumusan

Meminta Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pusat mengkaji kedudukan pengurusan syarikat dan pembaziran belak di dalam Syarikat Jengka Sdn., Bhd. Pegawai-pegawai Pengurusan syarikat ini hendaklah diberi keutamaan kepada anak-anak negeri Pahang.

Jawapan

Behawa pihak Kerajaan Negeri telah membuat keputusan dan telah bersetuju oleh pihak Kerajaan Pusat untuk mengambil alih Syarikat Jengka Sdn., Bhd. Penyusunan semula sepenuhnya pentadbiran Syarikat ini sedang dilaksanakan.

2. BELIA DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

1. Rumusan

Mengesyorkan supaya JKBS Negeri Pahang mempercepatkan urusan bantuan pinjaman perniagaan kepada belia-belia.

Jawapan

Pihak JKBS telahpun mengambil beberapa langkah positif bagi mempercepatkan urusan bantuan-bantuan pinjaman tersebut, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh belia-belia dalam usaha menjalankan perniagaan dan seterusnya pihak JKBS telah membantu mereka. Pihak Kementerian telahpun mengadakan mesyuarat khas bagi mempercepatkan proses mengeluarkan pinjaman seperti menyelaraskan permohonan-permohonan mengikut zon-zon. Bagi zon timor, satu mesyuarat telah pun diadakan di Kuala Trengganu.

2. Rumusan

Kerajaan hendaklah menyegerakan palupusan tanah-tanah untuk belia peladang.

Jawapan

Pihak Kerajaan Negeri telahpun meminta perkara ini diberi perhatian oleh pihak J.K.B.S dan pihak J.K.B.S telahpun menyelaras dan mengenalpasti kawasan-kawasan yang bersesuaian di setiap daerah untuk dimajukan oleh Persatuan-persatuan Belia di daerah-daerah. Disamping itu, mengikut dasar yang berkuatkuasa pada masa ini, pihak Kerajaan bersedia mengimbangkan permohonan-permohonan tanah secara Lesen Menduduki sementara (T.O.L) untuk tanah-tanah yang hendak dimajukan oleh belia-belia tidak lebih daripada 50 ekar.



3. Rumusan

Meminta J.K.B.S mengadakan kursus-kursus berunsur agama kepada belia-belia.

Jawapan

Pihak J.K.B.S Negeri Pahang telahpun mengadakan beberapa kursus berunsur agama sekurang-kurangnya dua kali setiap tahun, khusus mengenai usaha melengkapkan belia-belia dari aspek keagamaan sejajar dengan langkah-langkah penerapan nilai-nilai Islam pada masa ini. Disamping itu sebanyak lebihkurang 50 kursus telah dan akan diadakan setiap tahun. Bagi setiap kursus ini, usaha-usaha telah dibuat oleh pihak J.K.B.S untuk memberikan ceramah-ceramah agama sesuai dengan matlamat yang disebutkan di atas tadi.

4. Rumusan

Belia-belia hendaklah diberikan peluang melawat negara-negara Timur Jauh seperti Jepun dan Korea, sejajar dengan Dasar Pandang Ke Timur.

Jawapan

Mengenai lawatan ke Timur Jauh, pihak Kementerian Belia pernah mengadakan beberapa lawatan diperingkat Kementerian, manakala peringkat pemimpin belia pula, pihak J.K.B.S Negeri Pahang menyediakan beberapa program untuk dikemukakan kepada pihak Kementerian bagi dilaksanakan. Bagi lawatan ke Jepun dan Korea, pihak Kementerian telahpun menghantar beberapa orang pemimpin belia ke negara-negara tersebut, samada dalam bentuk pertukaran lawatan, mahupun urusan mengikuti latihan kemahiran.

5. Rumusan

Menyokong cadangan mengadakan Pusat Latihan Bina Semangat. Latihan-latihan mestilah menentukan timbulnya identiti kebudayaan dan semangat Negeri Pahang.

Jawapan

Peraksanaan Pusat Latihan Bina Semangat telahpun berjalan dengan lancar dan dijangka operasi sepenuhnya dapat dijalankan pada hujung tahun ini. Pihak Kerajaan Negeri akan menentukan bahawa latihan-latihan yang akan dijalankan nanti dapat mengujudkan identiti kebudayaan serta semangat Negeri Pahang Darul Makmur.

6. Rumusan

Mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengadakan rumah-rumah Persatuan Belia di tiap-tiap cawangan.

Jawapan

Pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menyediakan rumah-rumah persatuan-persatuan belia di peringkat negeri dan juga peringkat daerah. Usaha ini termasuklah mendapatkan rumah-rumah kerajaan yang tidak lagi didiami di daerah-daerah untuk diubahsuai dan diberi kepada persatuan-persatuan belia yang memerlukannya, disamping menyediakan rumah-rumah bersesuaian dibawah kemampuan kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk mengadakan rumah-rumah persatuan disetiap cawangan masih lagi diperingkat perancangan sebelum perkara tersebut dapat dilaksanakan.

4. PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT

1. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan satu perbadanan penyertaan bumiputra di Peringkat Negeri dengan diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif sepenuh masa yang setaraf dengan Pengurus Besar, LKNP.

Jawapan

Dalam perhatian Kerajaan Negeri.

2. Rumusan

Mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri menawarkan kontrak-kontrak ataupun tender-tender yang kurang dari 10 juta kepada pemborong-pemborong bumiputra Negeri Pahang yang mempunyai kelayakan.

Jawapan

Dalam perhatian Kerajaan Negeri.

## L. KEMUDAHAN ASAS

### 1. Rumusan

Jabatan Parit dan Talianair diminta membuat penelitian dalam merancang projek-projek penanaman padi supaya kawasan tanah diratakan terlebih dahulu sebelum lain-lain perancangan dijalankan. Ini akan membolehkan pengaliran air yang sempurna.

#### Jawapan

Rancangan Parit dan Talianair untuk penanaman padi hanya akan dibuat bagi kawasan yang benar-benar mahu diusahakan oleh petani-petani. Kawasan perparitan yang harus kesemuanya dihua secara meratakan tanah hendak terlebih dahulu sebelum Parit dan Tal air dilaksanakan seperti dirancangan Endau/Rompin.

### 2. Rumusan

Bengkel mengesyorkan supaya segala kemudahan-kemudahan asas yang diberikan kepada kampung baru diheri juga kepada kampung-kampung tradisional.

#### Jawapan

Telahpun dilaksanakan.

## M. PEMBANGUNAN WILAYAH

### 1. Rumusan

Kerajaan Negeri diminta mengujudkan sebuah jawatankuasa di peringkat negeri untuk mengkajiden mengikuti prestasi projek-projek pembangunan Wilayah di Negeri Pahang.

#### Jawapan

Kedua-dua hua perbadanan kemajuan Wilayah yang terdapat di Negeri Pahang (LKWJ dan DARA) adalah agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan tanah dan Wilayah. Oleh itu tanggungjawab bagi memastikan prestasi projek-projeknya adalah menjadi perhatian utama kepada Kerajaan Persekutuan. Apa yang menjadi perhatian Kerajaan Negeri dalam projek-projek pembangunan wilayah ialah kepentingan dan dasar-dasar pembangunannya diambilkira dalam perancangan projek-projek tersebut.

Bagi menjaga kepentingan itulah Kerajaan telah berjaya mendapatkan pertimbangan Kerajaan Persekutuan supaya Pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah kedua-dua organisasi pembangunan wilayah itu terdiri dari anak-anak Pahang yang mewakili partai yang memerintah. Selain dari itu Timbalan Setiausaha Kerajaan juga telah dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah sebagai mewakili Pentadbiran Negeri, iaitu disamping melantik wakil-wakil rakyat sebagai anggota Lembaga Pengarah bagi mewakili rakyat bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan wilayah pembangunan yang berkenaan.

2. Rumusan

Kerajaan diminta meneliti tiap-tiap projek Pembangunan Wilayah supaya Pembangunan dapat seimbang dengan perancangan. Ini adalah untuk memastikan faedah-faedah pembangunan tidak dinikmati oleh pihak-pihak yang tidak dirancangan.

Jawapan

Adalah dalam perhatian Kerajaan Negeri.

3. Rumusan

Kerajaan Negeri diseru membuat desakan kepada Kerajaan Persekutuan agar diadakan kajian semula perindustrian di Pantai Timur, terutama sekali pempinaan industri berat semata-mata di Negeri Trengganu. Kajian semula juga perlu dibuat ke atas pembinaan sebuah pelabuhan yang bersaing dengan Pelabuhan Kuantan di Telok Kalong, Trengganu. Kerajaan Persekutuan juga didesak untuk mengagihkan sekurang-kurangnya sebuah industri berat di Kuantan untuk menggunakan infrastruktur yang telahpun dibekalkan di kawasan perindustrian Gebong.

Jawapan

Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan yang wajar untuk menempatkan beberapa projek yang berkaitan dengan industri petroleum di Negeri Trengganu. Ini memandangkan kerana bahan-bahan tersebut telah dijumpai di luar Pantai Negeri Trengganu dan juga faktor-faktor kos yang mana adalah lebih ekonomik untuk menempatkan industri tersebut di Negeri itu. Industri-industri yang telah didirikan itu cuma merupakan 'primary processing' sahaja kecuali kilang besi berongga (sponge-iron plant) yang terletak di kawasan Perindustrian Telok Kalong, Kemaman.

Walaupun bagaimana pun Kerajaan Negeri Pahang akan sentiasa berusaha dengan Kerajaan Persekutuan mengenai penempatan industri-industri lanjutan berasaskan petroleum yang lain untuk ditempatkan di Negeri ini, terutama di kawasan Perindustrian Gebong. Kerajaan Negeri juga akan memastikan supaya projek-projek industri berat yang menggunakan bahan-bahan mentah dimana sebahagian besar bahan-bahan tersebut terdapat di Negeri Pahang, maka industri itu mestilah ditempatkan di Negeri ini. Hasil usaha Kerajaan dibidang ini mungkin akan dapat dilihat di masa akan datang.

Pembinaan Pelabuhan baru di Tanjung Berhala tidak memberi saingan kepada Pelabuhan Kuantan kerana kedua-dua Pelabuhan tersebut mempunyai fungsi-fungsi yang berlainan. Pembinaan Pelabuhan di Tanjung Berhala adalah khusus untuk mengendalikan kargo-kargo yang berkaitan dengan industri petroleum dan juga sebagai 'supply base' kepada kerja-kerja mencarigali di luar pantai Negeri Trengganu. Pelabuhan Berhala adalah lebih merupakan sebuah Pelabuhan yang mengendalikan kargo-am. Ini bermakna kawasan 'hinterland' yang mendapat perkhidmatan dari Pelabuhan Kuantan ini tidak terjejas dengan adanya Pelabuhan baru di Tanjung Berhala.

4. Rumusan

Mengesyorkan supaya kawasan-kawasan pembangunan Wilayah Pahang Beret diadakan juga kilang untuk memproses hasil-hasil keluaran pertanian tersebut.

Jawapan

Telah diambil perhatian.

5. Rumusan

Disyorkan Kerajaan Negeri membekalkan kemudahan asas yang cukup kepada kampung-kampung tradisional.

Jawapan

Kerajaan Negeri amat memandang berat di atas perancangan untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung Traditional disepanjang tempuh Rancangan Malaysia Kelima. Ini bertolak dari kesedaran bahawa kampung-kampung ini akan semakin jauh ketinggalan dari segi pembangunan berpandukan kepada kekurangan kekurangan semasa yang sediaada.

Dalam hal ini kajian-kajian untuk mengenalpasti jumlah kampung-kampung Traditional yang patut dipulihkan telah dilakukan khususnya dikawasan-kawasan DARA & LKWJ.

Melalui pendekatan yang juga dikenali sebagai Kampung Tersusun ini, penempatan semula penduduk akan dibuat disatu kawasan yang khusus dimana segala bentuk kemudahan asas dan awam seperti bekalan elektrik, air, jalanraya, masjid, balairaya, klinik desa, sekolah, pondok polis, taman bimbingan kanak-kanak, balairaya dan ruang-ruang niaga serta tapak tapak pekan sari akan disediakan. Disamping itu kegiatan-kegiatan ekonomi perladangan dalam konsep pengurusan yang bercorak "economic base" peserta-peserta yang terlihat.

Disamping tumpuan yang disebutkan diatas, pembekalan kemudahan asas terus dilaksanakan bagi kampung-kampung tradisional di sekitar kiri-kanan tobing Sungai Pahang.

6. BADAN-BADAN BERKANUN

1. Rumusan

Bongkel mendasak supaya Kerajaan mengkaji semula fungsi-gungsi antara badan-badan Berkanun supaya tidak bertindih di antara satu sama lain dan seterusnya membayar balik segala hutang-hutang dengan Kerajaan Negeri untuk menampung kemelesetan ekonomi dunia.

Jawapan

Adalah dalam perhatian Kerajaan.

## 2. Rumusan

Kerajaan Negeri diseru membuat desakan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengkaji semula pemindaan undang-undang kelayakan Kerajaan Negeri menuhuh perbadanan yang telah mengongkong kuasa-kuasa dan hak asasi Negeri Pahang.

### Jawapan

Pindaan besar kepada Incorporation (State Legislatures Competency) Act 1962 yang telah diluluskan oleh Parliament pada 31.1.1981 adalah dengan bertujuan untuk mengemaskinikan urusan badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

## 0. PENGURUSAN

### 1. Rumusan

Bongkel mendesak supaya pelaksanaan bandar baru Atabara disegerakan.

### Jawapan

Kerajaan telah committed secara sepenuhnya dengan pelaksanaan pembangunan Bandar Baru ini di atas kesedaran bahawa herjaya atau sebaliknya projek ini mempunyai kaitan yang rapat dan langsung dengan imej Kerajaan Negeri yang memerintah sekarang ini. Kerajaan juga lebih eodar dan merasakan urgencynya pelaksanaan Bandar Baru ini disegerakan. LKNP selaku agensi pelaksana telah menubuhkan satu unit khas yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek ini. Semua projek-projek besar Kerajaan Negeri dan Kergjaan Persekutuan seperti Komplek Sukan Negeri, Hospital Negeri, akan di-hina di Bandar Baru ini. Begitu juga dengan pembinaan bangunan Pejabat SUK, Dewan Undangan Negeri yang baru, Perpustakaan Awam Negeri.

Commitment kewangan dalam projek-projek yang sedang dilaksanakan i.e. Komplek Pejabat Kerajaan, jalan keliling utama, Komplek Sukan Negeri, Perumahan Awam Kos Rendah, adalah besar. Kerajaan b rocadang untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang besar bagi penyediaan infrastruktur utama dalam tempoh RM4. Tetapi sepertimana yang tuan-tuan sedia maklum kes pengambil balik tanah yang dituntut oleh tuan-tuan tanah yang berkenang mendapat simpati Mahkamah. Ekoran dari rundingan luar mahkamah dengan tuan-tuan tanah tersebut Kerajaan Negeri terpaksa membayar satu jumlah pampasan yang 4 kali besarnya dari jumlah asal. Peruntukan-peruntukan dag lain-lain sumber kewangan yang asalnya dijangka dapat digunakan untuk pembangunan telah disalur untuk digunakan bagi membiayai bayaran pampasan yang telah dijelaskan tadi.

Sehingga ini satu bangunan Komplek Kerajaan 14 tingkat telah pun siap dan diduduki awal tahun 1985. Kemajuan pembangunan projek yang lain di Atabara adalah seperti Berikut:-

- a) Rumah Murah Kerajaan (2,000 yunit? dalam peringkat piling;
- b) Komplek Sukan dalam peringkat penyediaan tapak
- c) Projek Perumahan Lembaga Tabung Angkatan Tentera di peringkat menunggu kelulusan plan
- d) Projek Perumahan Immigresen dan Bank Negara dalam peringkat penyediaan plan.

## 2. Rumusan

Kerajaan disyorkan supaya penyiasatan rapi dan tindakan undang-undang dibuat di atas penyelewengan yang berlaku didalam Badan-badan Berkanun Kerajaan.

### Jawapan

Untuk membolehkan sesuatu tindakan undang-undang diambil terhadap penyelewengan yang dikatakan berlaku di dalam badan-badan berkanun perlulah laporan mengenainya dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah atau Polis. Tindakan undang-undang boleh juga diambil berikutan dengan laporan audit dan sebagainya.

## 3. Rumusan

Kerajaan Negeri hendaklah memberi tanggungjawab dan kuasa serta sokongan kewangan terus-menerus kepada agensi-agensi Kerajaan yang diberi tanggungjawab di dalam pembangunan perindustrian.

### Jawapan

Di dalam usaha untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan meninggikan lagi daya pengeluaran, memang telah menjadi hasrat Kerajaan Negeri Pahang untuk memajukan sektor industri di Negeri ini. Sebanyak 4 buah agensi yang bertanggungjawab untuk membantu mencapai hasrat Kerajaan ini telah pun ditubuhkan iaitu Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA), Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang Bhd (SPPPB), Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) dan juga Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP). Kesemua agensi yang tersebut di atas mempunyai peranan dan tugas masing-masing di dalam memajukan industri yang berasaskan sumber-sumber yang berlainan, umpamanya ASPA khusus untuk kegiatan berasaskan kayu-kayan, SPPPB bergiat di dalam bidang per lombongan, kuari dan pemuatan, LKPP untuk perusahaan berasaskan pertanian dan LKNP pula bertanggungjawab untuk kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, rumah-rumah kedai dan juga tapak-tapak perindustrian.



فتوہیں کی بخشش از ملا یوسف سائق


**BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG**

**KERTAS KERJA  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
DALAM KONTEK  
MEMBASMI KEMISKINAN**

Oleh:  
**Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid Rahman**

DI KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985

PADA: 13hb, 14hb dan 15hb. September. 1985





KANDUNGAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Saudara/saudari,

Ahli-Ahli Konvensyen yang dihormati sekalian.

Selamat bertemu kembali dalam Konvensyen UMNO Negeri  
Pahang 1985.

Dengan hormat dan sukacitanya dibentangkan kertas kerja 'PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DALAM KONTEK MEMBASMI KEMISKINAN' untuk menjadi tatapan, semakan dan bahan perbincangan saudara/saudari di sepanjang konvensyen ini. Kertas ini adalah bertujuan memaparkan strateji, perancangan, pelaksanaan, pemasaalahan dan pencapaian dari sektor-sektor pembangunan Luar Bandar dan Pertanian. Memang telah terbukti usaha Pembangunan Luar Bandar dan Membasmi Kemiskinan akan mencapai kejayaan yang lebih besar dan cepat kiranya usaha tersebut dapat dijalankan serentak dengan satu penerimaan yang berkesan dari pihak Kerajaan dan juga rakyat, sebagai pengerak dan juga sebagai penerima. Dengan adanya azam politik 'Political Will' dibantu oleh azam budaya 'Cultural Will', kesemuanya dari hasrat rakyat sendiri, roda yang kita sedang kendalikan ini Insya Allah akan bergerak dengan lebih laju lagi, mengikuti zaman. Lantaran pengertian sedemikian saya berharap kita sama-sama akan dapat merumuskan sesuatu yang lebih berkesan dimana kertas yang disediakan akan menjadi panduan. Andainya terdapat apa-apa kekurangan di dalam kertas ini saya memohon maaf dan adalah juga menjadi matlamat konvensyen ini untuk melengkapkan dimana-mana yang kurang.

Terima kasih.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

DATO' HAJI ABDUL RASHID RAHMAN,  
PENGERUSI,  
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR.

## KANDUNGAN

1. Kata-kata Aluan Oleh :-  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luarbandar.
2. Kertas Maklumat Mengenai Pembangunan Luarbandar  
Dalam konteks Membasmi Kemiskinan.
3. Senarai lampiran:-
  - 3.1 Jabatan pertanian  
MARDI
  - 3.2 Jabatan Haiwan
  - 3.3 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
  - 3.4 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
  - 3.5 Lembaga Pertubuhan Peladang
  - 3.6 Lembaga Padi Dan Beras Negara
  - 3.7 Projek Pertanian Endau Rompin
  - 3.8 RISDA  
PELDA
  - 3.9 Jabatan Parit Dan taliair
  - 3.10 Jabatan Perikanan
  - 3.11 Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
  - 3.12 Projek Pertanian Pahang Barat
  - 3.13 Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka
  - 3.14 Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
  - 3.15 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP)
4. Penghargaan / Penutup.

Pembangunan Luarbandar Dalam Konteks  
Membasmi Kemiskinan

1. Pendahuluan.

1.1. Skop Luarbandar.

Berasaskan jarak dari bandar, kawasan tempat tinggal manusia boleh diberikan kepada 3 iaitu BANDAR, PINGGIR BANDAR dan LUARBANDAR. Tiap-tiap pembahagian penempatan ini mempunyai ciri-ciri masing-masing yang membezakan di antara satu dengan lain. Bandar merupakan pusat; Pusat bagi kegiatan-kegiatan ekonomi, sosial dan juga pentadhiran, manakala pinggir bandar merupakan gabungan antara bandar dan luarbandar. Kawasan-kawasan pinggir bandar merupakan kawasan yang akhirnya akan dibangunkan untuk menampung pembesaran bandar. Pinggir bandar di segi kegiatan masih mirip kepada corak pertanian tetapi di segi kepentingan ekonominya banyak bergantung kepada kegiatan-kegiatan di bandar. Luarbandar pula merupakan kawasan yang berjauhan dari bandar. Disegi kegiatannya ia banyak tertumpu kepada kegiatan-kegiatan pertanian.

Dalam konteks Malaysia, kawasan luarbandar mempunyai beberapa ciri-ciri khusus:-

- (a) Kawasan yang didiami oleh 90% orang-orang Melayu yang rata-rata menjadi petani.
- (b) Taraf kemiskinan yang tinggi yang disebabkan oleh produktibiti yang rendah, dan pemilikan harta yang kurang.
- (c) Jumlah pengangguran belia yang tinggi.
- (d) Kemudahan-kemudahan asas yang kurang sempurna berbanding dengan bandar, dan sistem penempatan tidak teratur atau tersusun.
- (e) Kawasan luarbandar juga menjadi tumpuan pembangunan ladang-ladang besar pemodal asing dan tempatan.

- 1.2. Dalam membangun sektor pertanian di Negeri Pahang pinggir bandar dan luarbandar diberikan perhatian yang berlainan skopnya. Matlamat pembangunan kadangnya adalah sama iaitu ke arah membasmi kemiskinan. Oleh kerana kedua-duanya mempunyai kelainan di segi ciri-cirinya adalah wajar 'Modus Operandi' pembangunannya dibuat secara berlainan. Perkara ini akan dibincangkan kemudian kelak.

## 2. Keadaan Pinggir dan Luarbandar Masa Kini.

- 2.1. Statistik menunjukkan bahawa di Negeri Pahang ini 72% dari penduduk luarbandar masih lagi duduk di bawah paras kemiskinan. Ini bermakna usaha-usaha pembangunan selama 28 tahun selepas merdeka belum begitu berkesan kearah mengimbangkan taraf hidup bandar dan luarbandar. Dan ini merupakan satu cabaran bagi kita dalam merealisasikan Dasar Ekonomi Baru.

- 2.2. Walaupun pada keseluruhannya penduduk-penduduk luarbandar itu terlibat dengan sektor pertanian tetapi pendapatan sebenar dari sumber pertanian sendiri adalah kurang. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti:-

- (a) Daya pengeluaran yang rendah.
- (b) Pemilikan tanah pertanian yang kecil dan terasing antara satu bidang dengan bidang tanah yang lain.
- (c) Penggunaan teknologi pengeluaran yang rendah dan taraf pengurusan yang tidak rapi.
- (d) Kekurangan gunatenaga buruh pertanian.

- 2.3. Pemesatan bidang pelajaran di kalangan anak-anak muda luarbandar dan peluang pekerjaan yang lebih baik di bandar menyebabkan penghijrahan ke bandar terjadi secara meluas. Ini sememangnya satu ciri umum modernisasi. Tetapi akibatnya ialah tanah-tanah terbiar menjadi-jadi di kawasan-kawasan kampung tradisional. Petani-petani yang rata-rata di antara 45 - 65 tahun tidak mampu mengerjakan semua bidang tanah yang telah diterokai.

- 2.4. Tanah terbiar ini bukan sahaja disebabkan oleh penghijrahan ke bandar. Tetapi beberapa jenis penghijrahan lain juga berlaku seperti:-
- (a) Menyertai pembukaan tanah baru FELDA.
  - (b) Perpindahan ke kawasan penempatan banjir.
  - (c) Perpindahan ke rumah-rumah kos murah.
  - (d) Berpindah dari kawasan tepi-tepi sungai ke kawasan tepi jalan raya yang baru dibina.
- 2.5. Akibat dari pembangunan ini apa yang jelas ialah banyak kampung-kampung di luarbandar terutamanya di kawasan pedalaman menjadi semakin 'mengecut' bukan sahaja di segi kependudukannya tetapi juga di segi aktiviti, kepentingan ekonomi dan sosialnya. Apa yang jelas paras kemiskinan menjadi lebih tinggi lagi. Sudahpun banyak kampung-kampung yang dulunya penting baik di segi syarah dan ekonominya sudahpun tertinggal langsung. Salah satu darinya ialah Kampung Tebing Tinggi Jerantut.
- 2.6. Jelapang-jelapang padi dipenuhi semak samun, kebun getah tertinggal tidak bertoreh, dusun-dusun terbiar dan rumah-rumah jatuh menyembah bumi. Yang masih tinggal seorang dua sudah putus asa. Inilah 'Scenerio' di setengah-setengah kampung. Yang lebih menyedihkan kemudahan-kemudahan asas telahpun diwujudkan di setengah-setengah kampung tersebut. Letrik ada, jalan kampung sudahpun ditar, sekolah ada, klinik ada, ampangan sawah ada. Yang tiada ialah orang.
- 2.7. Disebabkan kekurangan gunatenaga kerja, petani-petani yang masih tinggal kurang motivasi. Mereka bekerja sekadar untuk memenuhi keperluan harian. Bagi mereka yang disara oleh anak-anak 'bertani' merupakan memenuhi masa sahaja, kerana pertanian sahaja 'cara hidup' mereka. Dengan ini usaha-usaha menerapkan teknologi pertanian moden kekawasan-kawasan seperti ini adalah sukar sekali. Bantuan-bantuan prasarana dan material oleh kerajaan tidak dimaafaati sewajarnya. Dalam banyak keadaan ia menjadi 'Pembaziran' semata-mata. Untuk mewujudkan pembangunan pertanian di kalangan masyarakat begini bimbingan dan dorongan yang lebih perlu diberikan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya.

3. Kemiskinan Luarbandar.

3.1. Konsep kemiskinan yang digunakan berbeza antara satu negara dengan satu negara yang lain. Keadaan kemiskinan yang paling keterlaluan adalah kemiskinan mutlak di mana terdapat keadaan kebuluran dan kekurangan makanan seperti yang terdapat di beberapa negara-negara yang sedang membangun.

3.2. Konsep kemiskinan yang digunakan di Malaysia adalah kemiskinan relatif di mana agihan pendapatan dan kemudahan asas dijadikan perbandingan. Oleh itu golongan yang dianggap miskin adalah golongan yang pendapatan perkapita dan purata pendapatan bulanan keluarga tidak mencapai satu tahap minima yang dianggap oleh kerajaan sebagai paras kemiskinan.\*

3.3. Ciri-ciri Kemiskinan.

Golongan yang diiktirafkan golongan miskin di atas pada umumnya mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-

- 1) Tidak mampu mendapatkan dengan selesa keperluan asas, iaitu makanan, perumahan atau pakaian dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah.
- 2) Dari segi ekonominya ia mempunyai tingkat pendapatan, pemilikan harta dan pekerjaan yang rendah.
- 3) Dari segi sosial golongan ini menduduki lapisan bawah dalam sistem susun lapis masyarakat.

3.4. Profil Kemiskinan.

3.4.1. Sungguhpun perancangan luarbandar dikaitkan dengan matlamat membasmi kemiskinan, penekanan kearah membasmi kemiskinan ini tidak benar-benar dibuat sehingga di dalam Rancangan Malaysia Kedua (Tahun 1971-1975).

\* Untuk tahun 1970, kerajaan telah menggunakan \$33 per kapita sebulan dan \$45 per kapita sebulan untuk tahun 1978 sebagai garis kemiskinan. Dalam tahun 1980, garis kemiskinan dinaikkan kepada \$300/- sebulan bagi purata keluarga seramai 5 orang.

- 3.4.2. Sebagai asas perancangan dalam tahun 1970, kerajaan telah menganggarkan 49% dari penduduk di Semenanjung Malaysia berpendapatan di bawah paras kemiskinan (dan 86% dari mereka ini tinggal di luarbandar). Melalui usaha-usaha pembangunan mulai tahun 1971 peratus kemiskinan ini menurun kepada 40% pada akhir Rancangan Malaysia Kedua dan kepada 29.2% pada tahun 1980.
- 3.4.3. Dalam sektor pertanian pula kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan dari 68.3% dalam tahun 1970 kepada 46.1% dalam tahun 1980.
- 3.4.4. Dari segi bilangan pula jumlah kemiskinan di luarbandar telah turun daripada 582,000 dalam tahun 1970 kepada 576,000 pada tahun 1975 dan 443,000 pada tahun 1980. Ini memberi makna bahawa dalam masa 10 tahun silam 138,700 isi rumah telah dapat dikeluarkan dari paras kemiskinan. Juga 72,200 isi rumah telah terkeluar dari garis kemiskinan melalui pembukaan tanah baru (RME, para 99). Seramai 56,700 isi rumah pula telah dapat dikeluarkan dari garis kemiskinan melalui program-program tananam semula, perairan, tanaman selingan, kemudahan subsidi, pinjaman, teknologi baru, pembukaan kawasan-kawasan pembangunan tanah dan sebagainya.
- 3.4.5. Walaubagaimanapun di dalam membicarakan soal kemiskinan di negara ini kita perlu berhati-hati dengan tahap pencapaian di dalam usaha-usaha membarui kemiskinan ini. Sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada bahan pertanian mentah naik dan turun harga pasaran dunia bagi satu-satu komoditi memberi kesan yang besar

kepada peratusan kemiskinan. Keluarga-keluarga diluarbandar terutama pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit, dan kelapa mudah sekali terjejas pendapatan mereka dengan turun naiknya harga komoditi ini di pasaran dunia.

3.4.6. Kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara baru-baru ini juga mempengaruhi sosio-ekonomi di kalangan isi rumah yang miskin. Di dalam sektor pertanian, kadar kemiskinan dianggarkan 51% pada tahun 1982. Kumpulan miskin yang paling terjejas ialah pekerja ladang dan pekebun kecil kelapa.

1957/8	1967/8	1970	1973	1976	1982

3.4.7. Dari segi perbandingan status kemiskinan bandar - luarbandar, kemiskinan di luarbandar bertambah dalam tempoh 1981-1982 manakala di bandar keadaannya bertambah baik. Pada tahun 1982, dianggarkan bertambah kepada 41%. Sementara keadaan kemiskinan di luarbandar semakin meningkat disebabkan oleh penurunan harga komoditi di pasaran dunia, kedudukan kemiskinan di bandar menunjukkan tanda-tanda yang lebih baik dalam tempoh masa tersebut. Kadar kemiskinan di kawasan bandar dianggarkan turun sedikit daripada 13% pada tahun 1980 kepada 12% pada tahun 1981 dan 11% pada tahun 1982.

Tren Ketidaksamaan Pendapatan.

3.5.1. Sungguhpun pada keseluruhannya peratus kemiskinan telah berkurangan, nisbah Gini menunjukkan pertambahan daripada 0.41 pada tahun 1957/58 kepada 0.502 pada tahun 1970, 0.50 pada tahun 1973 dan 0.567 pada tahun 1982/83.

3.5.2. Perubahan ke arah ketidaksamaan ini juga ditunjukkan dengan perubahan bahagian pendapatan yang diterima oleh kumpulan-kumpulan yang ditentukan menurut kategori pendapatan (jadual 1)\*. Bahagian pendapatan yang dinikmati oleh 20% kumpulan atasan ialah 48.6% pada tahun 1957/58 kepada 55.9% pada tahun 1970 dan 61.9% pada tahun 1976. Bahagian pendapatan yang dinikmati oleh 5% golongan atasan bertambah dari 22.1% pada tahun 1957/58 kepada 28.1% pada tahun 1970. Ini adalah berbeza dengan bahagian pendapatan yang dinikmati oleh

\*1957/58 dan 1970/71  
di luar bandar.



kumpulan 40% bawahan yang menurun daripada 15.9% pada tahun 1957/58 kepada 11.6% pada tahun 1970 dan 10.3% pada tahun 1976. Jadual 2 menunjukkan pula perubahan ketidaksamaan pendapatan di bandar dan di luarbandar.

Jadual 2: Pembahagian Pendapatan Isirumah,  
Luar Bandar dan Bandar.

Tahun	Isi Rumah Luarbandar					Isi Rumah Bandar				
	1957/8	1967/8	1970	1973	1976	1957/8	1967/8	1970	1973	1976
<b>Pembahagian Pendapatan</b>										
40% atas	19.0	19.2	23.9	n.a	n.a	20.7	23.4	27.5	n.a.	n.a.
20% atas	11.5	46.8	51.0	n.a.	n.a.	49.6	51.8	55.0	n.a.	n.a.
15% pertengahan	37.3	36.7	35.9	n.a.	n.a.	33.2	34.0	32.8	n.a.	n.a.
15% bawahan	18.2	16.5	13.1	n.a.	n.a.	17.2	14.2	12.2	n.a.	n.a.
<b>Pendapatan isirumah</b>										
atas (M\$)	172	185	201	n.a.	n.a.	307	360	407	n.a.	n.a.
bawah (M\$)	131	134	145	n.a.	n.a.	216	246	283	n.a.	n.a.
<b>Indeks Gini</b>	.38	.40	.46	.46	.50	.42	.45	.50	.48	.575
<b>Indeks Theil</b>	.25	n.a	.40	n.a.	.548	.30	n.a	.45	n.a.	.704
<b>Ukuran sampel</b>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 1977.

3.5.3. Apa yang dilihat menunjukkan tren dikeseluruhan negara iaitu agihan yang semakin tidak sama di seluruh negara.

4. Profil Kemiskinan Di Negeri Pahang.

4.1. Banci Pertanian 1977 menunjukkan bahawa dalam tahun 1976 dari 118,500 isi rumah yang terdapat di negeri ini, 37,900 atau 32% terdiri dari golongan miskin. Sementara itu 35,100 atau 92.6% dari golongan miskin ini tinggal di luar bandar.

- 4.2. Dari kajian jenis pekerjaan pula 56% dari penduduk-penduduk di luarbandar negeri ini menerima sumber utama pendapatan mereka dari pertanian. Lihat jadual 3, 4 dan 5.

Jadual 3: Bahagian Pendapatan Mengikut Kumpulan Isirumah Di Negeri Pahang.

	20% di atas	40% Pertengahan	40% Di bawah
Bahagian Pendapatan	54.5%	34.3%	12.2%
Median Pendapatan	\$900	\$391	\$147
Bahagian Per Kapita	46.9%	37.7%	15.4%
Median Per Kapita	\$228	\$83	\$32

Jadual 4: Taburan Peratus Pendapatan/Bulanan Isirumah Negeri Pahang.

	Jumlah	Bandar	Luarbandar
Kurang dari \$150	34.6	23.6	37.7
\$151 - 300	34.0	33.1	34.2
\$301 - 500	18.2	23.6	16.7
\$501 - 800	8.5	10.1	8.1
\$801	4.7	9.6	3.3
	100%	100%	100%

Jadual 5: Pendapatan Bulanan Isirumah Negeri Pahang.

	Purata	Median
Keseluruhan	307	204
Bandar	424	265
Luar bandar	273	191

(Sumber: Banci Pertanian 1977)

4.3 Ternyata dari data-data di atas ketidak seimbangan pendapatan juga wujud di kalangan penduduk-penduduk di sini, di mana 20% dari isirumah menikmati 54.5% dari pendapatan tersebut. Apa yang membimbangkan lagi ialah keadaan di mana 72% dari penduduk luarbandar masih menerima pendapatan yang kurang dari \$300/- sebulan.

#### 5. Jenis-jenis Kemiskinan Luarbandar.

5.1. Peratusan kemiskinan yang tinggi di luarbandar (termasuk pinggir bandar) boleh dibahagikan kepada beberapa golongan atau kumpulan mengikut faktor-faktor tertentu iaitu:-

1) Golongan yang tiada harta dan pendapatan tetap.

Golongan ini terdiri dari golongan nelayan, buruh ladang dan pekerja-pekerja upahan. Golongan nelayan yang termasuk di dalam kumpulan ini adalah mereka yang menjalankan usaha-usaha menangkap ikan secara kecil-kecilan dan disamping itu menjalankan kerja-kerja upahan semasa tidak ke laut. Golongan buruh-buruh ladang yang dibayar gaji tetap atau harian yang sebilangan besar mempunyai ahli keluarga yang ramai dan tidak berpeluang mendapatkan kerja-kerja sambilan.

Bagi golongan ini, keluarga-keluarga yang tinggal di pinggir bandar berkemungkinan mendapat kerja 'off-farm' di kawasan perindustrian dan lain-lain.

Bagi yang tinggal di luarbandar yang jauh dari peluang pekerjaan, mereka tidak ada pilihan selain dari mengambil upah menjalankan kerja-kerja sambilan yang berpendapatan rendah dan tidak menentu.

ii) Golongan miskin yang kedua terdiri dari keluarga di luarbandar yang mempunyai lot-lot tanah yang kecil di antara 1 hingga 4 ekar dan mempunyai ahli keluarga yang ramai. Tanah yang mereka miliki tidak cukup untuk menampung keperluan harian mereka. Disamping hakmilik tanah kecil sistem

penanaman dan pengurusan tanah masih tradisional dengan hasil pulangan yang rendah.

- iii) Golongan miskin yang ketiga terdiri dari mereka yang sungguhpun mempunyai hakmilik yang luas di antara 4 hingga 10 ekar, golongan ini tinggal di kawasan-kawasan pedalaman jauh dari kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, pusat pemasaran dan khidmat-khidmat agensi untuk membolehkan mereka mengusahakan tanah hakmilik mereka secara moden dengan pulangan hasil yang tinggi. Golongan ini seperti terdapat di kawasan pedalaman di tepi Sg. Pahang seperti Tembeling, sebilangan besar dari mereka mempunyai hakmilik tanah yang jauh terpencil dan jauh dari kemudahan-kemudahan asas seperti letrik dan jalanraya, tidak membolehkan mereka menukarkan harta mereka untuk menjadikan sumber pendapatan yang lumayan. Kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan input dan memasarkan hasil ladang, menjadikan mereka kurang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah hakmilik mereka secara serious.

#### 6. Pencapaian Agensi-agensi Di dalam Pembangunan Luarbandar.

- 6.1. Oleh kerana kadar kemiskinan yang tinggi terdapat di luarbandar, usaha-usaha membasmu kemiskinan banyak ditumpukan kearah luarbandar khususnya disektor pertanian, usaha-usaha menambahkan pendapatan ditumpukan kepada golongan yang mempunyai daya pengeluaran pertanian yang rendah. Kerajaan berpendapat dengan penggunaan teknik-teknik baru dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik daya pengeluaran dan hasil dari golongan ini akan dapat dipertingkatkan.

- 6.2. Selaras dengan usaha-usaha di atas juga agensi-agensi dan jabatan-jabatan baru diwujudkan manakala yang telah wujud disusun semula supaya jentera perlaksanaan rancangan-rancangan tersebut dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Tempoh	55.2%	6.7%
Miran	10.8%	45.2%
Tempoh	42.1%	48.1%

- 6.3. Melalui usaha agensi-agensi yang terlibat berbagai jenis perkhidmatan dari segi fizikal ekonomi dan sosial diberikan dengan prestasi pencapaian yang berbagai juga.
- 6.4. Di segi pembangunan sosial, kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan letrik, air, perkhidmatan kesihatan, pelajaran, kepimpinan dan perumahan diberikan.

Jadual 6 : Jumlah Penduduk Luarbandar Yang Mendapat Bekalan Air 1980-1983.

('000)

Negeri	1980		1983	
	Orang	%	Orang	%
Pahang	275,843	47.0	366,016	56.0
Malaysia	3,886,302	43.2	4,803,610	51.2

(Sumber : Usp.)

- 6.5. Sungguhpun peratus penduduk negeri Pahang yang mendapat bekalan air dalam tahun 1983 lebih tinggi dari Malaysia, peratus itu adalah masih kecil kerana masih ada 44% lagi penduduk luarbandar di negeri ini yang masih belum dapat menikmati kemudahan asas ini.

Jadual 7 : Peratus Pencapaian Perkhidmatan Bekalan Letrik Di Luarbandar Negeri Pahang (1983).

Daerah	Sudah dapat	
	24 jam	12 jam
Kuantan	79.7%	5.5%
Pekan	70.2%	22.5%
Rompin	65.5%	6.7%
Maran	10.6%	45.2%
Temerloh	42.1%	19.1%

Daerah	Sudah Dapat	
	24 jam	12 jam
Jerantut	10.9%	32.9%
Raub	65.4%	19.9%
Bentong	59.3%	24.9%
C.Highlands	95%	-
Lipis	10.4%	34.7%
Jumlah peratus	50.8%	23.4%

(Sumber: LLN)

- 6.6. Jadual di atas menunjukkan bahawa masih terdapat 25.8% dari penduduk di luarbandar yang belum menerima kemudahan bekalan letrik ini. Daerah Jerantut, Lipis dan Maran adalah di antara daerah-daerah yang ketinggalan dengan kemudahan-kemudahan asas ini.

Jadual 8: Pembinaan Jalan-jalan Luarbandar  
1981 - 1983 (kilometer)

Negeri	Matlamat RME	Panjang jalan yang dibina/dibaiki 1981 - 1983	Pencapaian
Pahang	384	289	75.3
Malaysia	2,768	2,184	78.3

- 6.7. Pencapaian pembinaan jalan luarbandar agak tinggi dari segi prestasi di dalam RME akan tetapi tidak dapat mencerminkan samada peratus pencapaian matlamat sepenuhnya juga adalah tinggi.

Jadual 9: Bilangan Doktor dan Nisbah Doktor/Penduduk  
1980 dan 1983.

Negeri	1980		1983	
	Bilangan	Nisbah Doktor:Penduduk	Bilangan	Nisbah Doktor:Penduduk
Pahang	158	1:5,055	186	1:4,682
Malaysia	3,514	1:3,911	4,234	1:3,517

6.8. Dibandingkan dengan negeri lain nisbah doktor:penduduk di negeri Pahang telah bertambah baik. Bagi Negeri Kelantan misalnya nisbah doktor:penduduk dalam tahun 1983 ialah 1:8,478 manakala di Perak nisbahnya ialah 1:3,792.

Jadual 10: Taburan Perkhidmatan Kesihatan Luarbandar(1983)  
Negeri Pahang.

Daerah	Klinik Desa	Rumah Bidan
Kuantan	8	11
Temerloh	40	9
Maran	6	-
Bentong	8	3
Raub	8	7
Jerantut	13	7
C.Highlands	3	1
Lipis	14	3
Pekan	18	9
Rompin	3	4
Jumlah:	121	54

(Sumber: PPK)

Catatan

1. Klinik desa dengan kadar penduduk 4,000 orang ke atas.
2. Rumah bidan bagi penduduk 2,000 orang.

6.9. Pembangunan di bidang ekonomi pula banyak ditumpukan melalui program-program:-

- 1) Pembangunan Wilayah seperti Pembangunan Wilayah Pahang Tenggara (DARA), Wilayah Jengka, dan pembangunan pemindahan (FELDA).
- ii) Pembangunan In-situ yang melibatkan pemulihan kawasan-kawasan lama dan pinggir kampung (FELCRA)
- iii) Pembangunan Kawasan dengan tanaman-tanaman kekal yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti RISDA dan Jabatan Pertanian, Perusahaan ternakan di bawah khidmat nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan perikanan oleh Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- iv) Pembangunan Berkelompok dan Individu di kawasan-kawasan Pinggir Bandar dengan tanaman makanan seperti sayur-sayuran dan lain-lain.
- v) Khidmat-khidmat Sokongan kepada pembangunan ekonomi dari aspek-aspek penyelidikan (MARDI), pemasaran dan pemerosesan (FAMA), pengurusan/koperatif (LPP/Koperasi), kredit (BPM/LPP), Khidmat Kejenteraan (DOA/LPI) dari Industri Kecil (MARA/Kemas).

6.10. Prestasi pencapaian ekonomi di atas usaha-usaha dijalankan adalah seperti jadual-jadual:

Jadual 11: Kemajuan Pembangunan Tanah  
1981 - 1983 (hektar)

Negeri	Matlamat RME Asal	Matlamat RME dipinda	Pembangunan Tanah 1981-1983	Pencapaian dari Matlamat RME Asal (%)
Pahang	168,992	132,677	76,374	45.2
Malaysia	543,461	529,644	303,234	55.8

(Sumber: Kajian Sepenuh Penggal (KPP))



- 6.11. Prestasi pembangunan ekonomi mengikut komoditi dapat diperturunkan seperti berikut:-

Jadual 12: Kemajuan Pembangunan Kelapa Sawit dan  
Getah oleh Agensi-Agensi Sehingga 1983  
(ekar)

Agensi-agensi	Keluasan dimajukan (ekar)
RISDA	87,876 (getah)
FELDA	233,549 (kelapa sawit, getah)
FELCRA (1979-83)	10,000 (-sda-)
DARA	152,049 (-sda-)
Jumlah:	483,474

- 6.12. Melalui penyertaan agensi-agensi di atas penghasilan dan pendapatan kaum tani dari tanaman getah telah meningkat dari 752 kg/hektar setahun dalam tahun 1971 kepada 900 kg/hektar tahun 1983, iaitu peningkatan pendapatan \$1,504 kepada \$1,800 sehektar setahun pada paras harga \$2.00/kg. FELDA telah mencatatkan peningkatan pendapatan penerokanya dari \$595.40 dalam tahun 1979 kepada \$747.55 dalam tahun 1983.

Jadual 13: Kemajuan Penanaman Tembakau Di Negeri Pahang  
Dalam Masa Lima Tahun (1979 - 1984).

Tahun	Kuota (Kg)	Pengeluaran (Kg)	Keluasan(ha.)	Bil.Penanman
1979	183,710	81,069	336	524
1980	200,904	129,881	305	451
1981	264,479	112,000	186	461
1982	181,000	129,752	206	585
1983	132,000	125,642	243	488

- 6.13 Lembaga Tembakau Negara, agensi tunggal yang mengawasi pembangunan tanaman ini telah meluluskan penanaman seluas 3,190 ekar tembakau bagi negeri ini yang melibatkan 2,527 orang petani dengan perbelanjaan sebanyak \$8.96 juta.

Jadual 14: Kemajuan Pengedaran Subsidi Baja Padi  
Dalam Tempoh 5 tahun yang lalu.

Tahun	Jumlah Petani	Keluasan Ekar
1979/80	10,803	24,815
1981	10,615	16,203
1982	10,785	11,948
1983	10,413	10,989
1984	10,500	11,406

- 6.14 Dua agensi menyediakan perkhidmatan secara keseluruhan di negeri ini iaitu Jabatan Pertanian untuk khidmat pengembangan dan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk subsidi baja. Seluas 63,956 ekar telah mendapat subsidi baja dengan nisbah 4 bag campuran, 2 bag urea dan 1 bag semeaian dan melibatkan 42,616 orang peserta.

- 6.15 Sementara itu Lembaga Padi Negeri Pahang (LPNP) menunjukkan kepada pembangunan paya-paya Pahang Tua/Langgar dan Paya Ganchong. IADP Endau-Rompin pula bertanggungjawab terhadap pembukaan kawasan baru Endau/Rompin seluas 24,000 ekar.

Jadual 15: Kemajuan Perlaksanaan Rancangan AID (1975-83).

Nama Projek	Pencapaian					
	1979	1980	1981	1982	1983	1984 <sup>A</sup>
<u>Perkhidmatan &amp; Mempelbagai</u> <u>tanaman.</u>						
(a) Bunkupulih dusun (ha)	678.05	1025.2	776.24	588.6	223.06	-
(b) Memajukan sayur-sayuran (ha)	-	-	255.28	202.98	186.38	26
(c) Subsidi lain-lain tanaman (ha)	4181.2	2872	3118.2	1491.6	2483.64	81
(d) Subsidi alat pertanian (pam & penyembur (unit)	-	-	-	600	605	-

Subsidi dari Program AID dihentikan. Program tanaman sayur dan koko dan peruntukan Negeri dan Pahang Barat.

6.16. Jabatan Pertanian merupakan agensi utama dalam perancangan tanaman ini. Agensi-agensi lain termasuk LPP., RISDA dan DARA. Jumlah penanaman seluas 48,137 ekar telah dapat dijayakan dalam jangkamasa lima tahun bermula 1979. Sebanyak \$15.5 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. LPP telah menjayakan seluas 9,969 ekar dengan disertai 7,716 orang peserta dan perbelanjaan sebanyak \$2.45 juta. DARA juga telah menanam seluas 3,356 ekar.

6.17. Lain-lain perkhidmatan dan kemajuan yang dicapai adalah seperti berikut:-

Perikanan.

6.18. Jabatan Perikanan telah dapat menyediakan sebanyak 167 pemilik bot persendirian dari kaum bumiputra. Sebanyak 913 kolam ikan air tawar pula telah dibina untuk 716 berjumlah 542.5 ekor.

6.19. Mengikut kajian yang dijalankan dalam tahun 1980, pemeliharaan ikan air tawar dapat menambahkan pendapatan kaum tani antara \$150 - 300 sebulan.

Ternakan.

6.20. Perkhidmatan ini diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan prestasi adalah seperti Lampiran I.

Perkhidmatan.

6.21. Jabatan Parit & Taliair telah dapat menyediakan taliair untuk kawasan paya seluas 8,110 ekar dengan perbelanjaan berjumlah \$19.5 juta.

Pemasaran.

6.22. FMMA telah menyediakan 5 buah bilik sejuk dan pusat pemasaran yang menelan belanja berjumlah \$2.714 juta di lima buah daerah iaitu Jerantut, Temerloh, Kuantan dan C.Highlands.

Bagi tanaman getah RISDA telah menyediakan perkhidmatan pemasaran dengan membina 70 buah depo pemasaran yang bernilai \$7.159 juta.

Kredit.

- 6.23 LFP, Bank Pertanian dan juga RISDA menyediakan kemudahan pinjaman. Sebanyak \$60.4 juta telah dikeluarkan oleh Bank Pertanian kepada 4,691 orang peminjam dalam jangkamasa lima tahun lalu.
- 6.24 RISDA melalui sekim secepat telah memberi pinjaman kepada 5,563 pekebun kecil getah bernilai \$5,793 juta.

Pemerrosesan.

- 6.25 Tiga agensi telah menyediakan tempat memproses hasil-hasil pertanian iaitu RISDA, MARDEC, dan juga FELDA, RISDA telah membina sebanyak 124 buah Pusat Pembangunan Pekebun Kecil yang bernilai \$2.8 juta.

7. Kekesanan Prestasi Pencapaian Pembangunan Luarbandar Kepada Usaha-usaha Membasmi Kemiskinan.

- 7.1. Data-data prestasi dan pencapaian kemajuan bagi program-program pembangunan luarbandar oleh berbagai agensi di atas seharusnya telah dapat mencapai matlamat kerajaan ke arah membasmi kemiskinan. Walaubagaimanapun kekesanan strategi dan program yang dijalankan untuk mempercepat proses pembangunan tersebut juga perlu dianalisa.
- 7.2. Sungguhpun belum ada kajian keberkesanan program-program di dalam usaha membasmi kemiskinan dibuat, secara khusus, beberapa kajian berkaitan yang dibuat dapat digunakan juga untuk mengukur setakat mana keberkesanan telah tercapai dan jika perlu merumus semula atau mengubahsui program dan strategi yang telah dirancang dan dilaksanakan.
- 7.3. Kajian SERU tahun 1981 (unpublished date 1983) menunjukkan bahawa kadar kemiskinan (1981/82) bagi daerah-daerah, dan taburan pendapatan isirumah adalah seperti jadual:-

Jadual 16: Kadar Kemiskinan (1981/82).

Daerah	Kadar(%)
Lipis	57.3
Rompin	54.3
Pekan	45.2
Raub	41.1
Jerantut	40.2
Temerloh	37.9

Daerah	Kadar(%)
C.Highlands	33.7
Bentong	35.8
Kuantan	14.6
Pahang	38.2

Sumber: Kajian Kesejahteraan hidup isirumah  
oleh SERU 1981/82

- 7.4 Kadar kemiskinan Negeri Pahang masih tinggi berbanding dengan 30.3% bagi Malaysia. Kadar kemiskinan yang paling tinggi terdapat di daerah-daerah Lipis, Rompin dan Pekan. Dengan pendapatan per kapita yang lebih tinggi dari Malaysia (Jadual 17) tetapi kadar kemiskinan yang juga lebih tinggi dari Malaysia ternyata terdapat ketidakseimbangan dari segi pengagihan pendapatan di negeri ini.

Jadual 17: Pendapatan Per Kapita.

Tahun	Pahang	Malaysia
1970	\$975.20	\$993.60
1971	\$1,176.00	\$1,099.70
1983	\$2,187.10	\$2,119.90

- 7.5. Kajian yang sama menunjukkan bahawa pertanian masih merupakan kumpulan utama punca pendapatan penduduk-penduduk di negeri ini (lihat jadual 18).

Jadual 18A : Klasifikasi Pekerjaan Ahli-Ahli  
Isirumah Mengikut Kumpulan  
Pekerjaan Utama (%)

Daerah	Kumpulan Utama 1	Kumpulan Utama 2	Kumpulan Utama 3	Kumpulan Utama 4/5	Kumpulan Utama 6	Kumpulan Utama 7/8/9
Raub	4.0	0.1	4.5	16.3	53.3	21.8
Kuantan	7.2	0.1	10.8	27.7	22.4	31.8
Tenerloh	4.1	0.4	3.7	16.4	61.7	13.7
Fekan	7.8	-	4.3	12.8	43.3	31.8
Lipis	5.0	0.1	2.4	10.4	71.1	11.0
Jerantut	2.5	0.6	4.0	7.3	66.3	19.3
Rompin.	4.4	-	1.5	5.7	72.9	15.5

1 : Iktisas, Teknikal dan Kerja-kkerja berkaitan.

2 : Pentadbiran dan Pengurusan.

3 : Pekerja-pekerja perkeranian dan yang berkaitan.

4/5 : Pekerja-pekerja peniagaan dan perkhidmatan.

6 : Pertanian, Penternakan, Perhutanan.

7/8/9 : Pekerja-pekerja Pengeluaran, Pengangkutan, Buruh.

Jadual 18B: SEKTOR PEKERJAAN LUARBANDAR & BANDAR.

Daerah	P/kecil Getah	P/kecil K/sawit	P/kecil Kelapa	P/kecil Padi	Lain-lain Pertanian	Nelayan	Pekerja Ladang	% Kerja diluar bandar	& Kerja Dibandar
Lab	42.0	1.1	-	3.7	9.6	-	1.1	57.5	42.5
Antan	4.4	10.1	-	0.4	2.0	1.6	0.4	18.9	81.1
erloh	32.4	25.0	-	2.1	0.5	-	6.3	66.3	33.7
an	30.5	3.2	1.1	2.1	6.3	6.3	2.1	51.6	48.4
lis	22.2	5.1	-	12.8	25.7	-	2.0	67.8	32.2
erantut	37.6	14.8	-	5.9	7.6	-	1.3	67.1	32.9
mpin	5.2	19.3	-	3.7	34.4	5.3	-	67.9	32.1

7.6. Di daerah-daerah Rompin, Lipis, Jerantut dan Temerloh, bilangan

isirumah yang terlibat dalam pertanian masih mengatasi kumpulan-kumpulan lain. Ini memberi gambaran bahawa kegiatan sebilangan besar penduduk masih tertumpu kepada kawasan luarbandar.

Jadual 19 - Taburan Pertausan Pendapatan Sabulan Isirumah Mengikut Kelas Pendapatan

Daerah	\$200	\$200-399	400-599	600-999	1000-1999	2000-4999	5000
Lab	20.7	36.4	21.2	11.4	7.5	2.4	0.4
Antan	4.2	24.4	27.2	21.9	15.9	5.3	1.1
erloh	18.8	36.3	24.8	14.1	3.9	2.1	-
an	24.7	32.4	20.6	12.4	8.2	1.7	-
lis	38.9	29.1	14.2	9.4	7.0	1.1	0.3
erantut	18.5	45.4	17.2	13.3	3.6	1.1	0.4
mpin.	28.5	38.2	20.3	9.3	2.4	0.8	-

- 7.7. Dari segi pendapatan pula ternyata masih ramai penduduk-penduduk di negeri ini berpendapatan di bawah \$400/- sebulan. Dengan garis kemiskinan yang semakin meningkat di mana dalam tahun 1983, garis kemiskinan ialah pendapatan \$370/- sebulan untuk keluarga purata 5.5 orang, jelaslah peratusan kemiskinan tidak begitu berubah walaupun prestasi kemajuan program-program pembangunan memberikan petunjuk-petunjuk positif. Peratusan isirumah yang menerima pendapat di bawah \$200/- sebulan juga masih tinggi.
- 7.8. Apabila dibandingkan pekerjaan utama dengan pendapatan terbukti bahawa daerah-daerah yang mempunyai sebilangan besar penduduknya terlibat dengan pertanian mempunyai pendapatan yang rendah. Bagi daerah Rompin misalnya sebanyak 66.7% dari penduduk di daerah tersebut menerima pendapatan kurang dari \$400/- sebulan. Begitu juga daerah Jerantut dan Lipis.
- 7.9. Tinjauan kepada pendapat penduduk di daerah-daerah pula berbagai pandangan yang berbeza telah diberikan oleh penduduk-penduduk berkenaan. (Jadual 20):-

Jadual 20A: Perbandingan Taraf Hidup  
Sekarang Dengan 5 tahun Yang Lalu.

Taraf Hidup	%
Jauh lebih baik	16.9
Baik Sedikit	37.7
Sama	23.5
Buruk sedikit	13.0
Jauh lebih buruk	6.0
Tiada jawapan	2.7

(Sumber : SERU)



- 7.7. Dari segi pendapatan pula ternyata masih ramai penduduk-penduduk di negeri ini berpendapatan di bawah \$400/- sebulan. Dengan garis kemiskinan yang semakin meningkat di mana dalam tahun 1983, garis kemiskinan ialah pendapatan \$370/- sebulan untuk keluarga purata 5.5 orang, jelaslah peratusan kemiskinan tidak begitu berubah walaupun prestasi kemajuan program-program pembangunan memberikan petunjuk-petunjuk positif. Peratusan isirumah yang menerima pendapat di bawah \$200/- sebulan juga masih tinggi.
- 7.8. Apabila dibandingkan pekerjaan utama dengan pendapatan terbukti bahawa daerah-daerah yang mempunyai sebilangan besar penduduknya terlibat dengan pertanian mempunyai pendapatan yang rendah. Bagi daerah Rompin misalnya sebanyak 66.7% dari penduduk di daerah tersebut menerima pendapatan kurang dari \$400/- sebulan. Begitu juga daerah Jerantut dan Lipis.
- 7.9. Tinjauan kepada pendapat penduduk di daerah-daerah pula berbagai pandangan yang berbeza telah diberikan oleh penduduk-penduduk berkenaan. (Jadual 20):-

Jadual 20A: Perbandingan Taraf Hidup  
Sekarang Dengan 5 tahun Yang Lalu.

Taraf Hidup	%
Jauh lebih baik	16.9
Baik Sedikit	37.7
Sama	23.5
Buruk sedikit	13.0
Jauh lebih buruk	6.0
Tiada jawapan	2.7

(Sumber : SERU)

Jadual 20B: Perbandingan Taraf Hidup Sekarang  
Dengan 5 tahun Yang Lalu (%)  
Mengikut Daerah.

Daerah	Jauh Lebih Buruk	Buruk sedikit	Sama	Baik Sedikit	Jauh Lebih Baik	Tiada Jawapan
Raub	7.8	16.9	29.4	29.4	13.3	3.2
Kuantan	8.5	9.9	20.8	37.8	20.5	2.5
Temerloh	5.1	16.2	23.5	35.5	15.8	3.9
Pekan	6.5	12.4	15.8	42.4	21.7	1.2
Lipis	3.4	12.7	23.3	34.5	19.9	6.1
Jerantut	7.5	13.5	20.3	111.6	2.1	-
Rompin.	4.9	5.7	21.1	43.1	23.6	1.6

(Sumber: SERU)

- 7.10 Kalau dianggap bahawa golongan yang memberi jawapan 'sama' tidak berpuashati dengan taraf hidup mereka, maka jumlah mereka yang tidak berpuashati ialah 42.5%.
- 7.11. Di sini timbul persoalan tentang sebab-sebab keadaan kadar kemiskinan dan kurang berpuashati yang agak tinggi. Salah satu sebab ialah jenis pekerjaan di mana sebanyak 55.36% daripada penduduk adalah terlibat dalam pertanian yang ternyata purata pendapatan mereka masih terlalu rendah. Perbezaan pendapatan juga boleh memberi implikasi bahawa terdapat jurang ketidaksamaan pendapatan di negeri

ini di mana mereka yang mendapat faedah dari pembangunan mampu memperbaiki taraf hidup mereka. Manakala mereka yang tertinggal menghadapi taraf hidup yang semakin merosot.

- 7.12 Keadaan-keadaan di atas menunjukkan masyarakat tani tradisional masih ketinggalan di belakang walaupun berbagai program telah diwujudkan untuk mereka. Secara perbandingan, peneroka-peneroka FELDA dapat menikmati pertambahan pendapatan dari \$500.00 - \$700.00 sebulan manakala petani-petani tradisional masih dengan paras pendapatan \$200 - \$300/- sebulan.

#### E. Matlamat, Strategi dan Program Pembangunan Luar Bandar.

##### 8.1 Matlamat

Bagi tujuan mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar matlamat-matlamat berikut hendaklah dilaksanakan di negeri ini:-

- (a) Menjalankan usaha-usaha mempertingkatkan pendapatan minima petani-petani dalam lingkungan \$500.00 sebulan dan purata pendapatan \$800.00 sebulan.
- (b) Memperluaskan pemilikan tanah pertanian pada paras purata 10 ekar bagi satu keluarga, baik secara hakmilik sendiri ataupun melalui pemilikan saham.
- (c) Mengurangkan bilangan penduduk yang terlibat dengan sektor pertanian dan menggalakkan usaha-usaha pengeluaran secara intensif dan di tahap pengurusan yang tinggi.
- (d) Menarik minat dan menggalekkan golongan belia yang terlatih di segi pertanian untuk menceburkan diri secara terus dalam bidang pertanian.
- (e) Mewujudkan pengkhususan dan mempertingkatkan kemahiran pengurusan di kalangan petani-petani.

##### 8.2 Strategi

8.2.1. Untuk mencapai matlamat-matlamat di atas strategi-strategi berikut akan dilaksanakan:-

- Strategi Pembangunan Wilayah dan Tanah.
- Strategi-Strategi Pembangunan Kawasan Tradisional.

8.2.2. Strategi Pembangunan Wilayah dan Tanah.

8.2.2.1. Bagi tujuan memberi peluang pemilikan tanah kepada rakyat negeri ini khususnya dan rakyat Malaysia 'amnya, usaha-usaha pembukaan kawasan-kawasan pertanian baru akan diteruskan di bawah kendalian pihak FELDA. Pembukaan kawasan-kawasan baru dan pemindahan penduduk-penduduk ke kawasan-kawasan tersebut di bawah kendalian FELDA akan diteruskan sehingga tahun 1990. Kajian seterusnya akan dibuat dalam perkara ini.

8.2.2.2. Pembangunan wilayah dan Tanah akan terus dapat mengatasi masalah mereka yang tidak mempunyai harta dalam arus mempertingkatkan pendapatan petani-petani melebihi paras kemiskinan.

8.2.2.3. Pembangunan Wilayah meliputi pembukaan bandar-bandar baru sebagai pusat-pusat pembangunan (growth centre) disamping pembangunan tanah-tanah baru. Dalam hubungan ini pihak-pihak berwajib yang terlibat adalah DARA, JENGA. Bagi kawasan-kawasan di bawah Jengka, agensi pembangunan tanah ialah FELDA. Kawasan-kawasan di wilayah Pahang Tenggara pula dibangunkan oleh agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan individu-individu secara ladang komersial. Di mana penyusunan semula kampung atau kampung tersusun dilaksanakan di dalam wilayah-wilayah ini FELCRA akan memainkan peranan utama.

8.2.3. Pembangunan Kampung-Kampung Tradisional.

8.2.3.1. Pembangunan kampung-kampung tradisional menekankan konsep pembangunan in-situ yang menumpukan kepada pembangunan kawasan penempatan yang sedia ada. Konsep perpindahan tidak begitu ditekankan, kecuali di kawasan di mana usaha-usaha penyusunan semula kampung perlu dibuat. Tumpuan pembangunan adalah ke arah pembangunan ladang kelompok komersial hakmilk petani.

Beberapa strategi khusus telah disediakan untuk pembangunan kawasan-kawasan ini seperti berikut:-

- i) Strategi Pembangunan Kampong Tersusun.
- ii) Strategi Pembangunan Gerak Sepadu.
- iii) Strategi Pembangunan Kelompok dan Individu.

8.2.3.2.

Pembangunan Kampong-kampong Tersusun.

Tiga ciri pendekatan penting yang menjadi asas kepada program Kampong Tersusun adalah seperti berikut:-

- i) Penggabungan kebun dan sawah-sawah kecil supaya dapat menjadi estet dengan keluasan atau saiz yang menasabah untuk diurus dengan baik.
- ii) Penggunaan cara perladangan moden bagi meningkatkan taraf kecekapan.
- iii) Pengumpulan dan penyusunan semula kampong-kampong terpencil dan penempatan semula para penduduk untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan desa yang lebih efektif dan pembinaan prasarana dan kemudahan awam yang lengkap.

Ada dua jenis penyusunan semula kampong ini:-

- i) Bagi kampong yang berselerak dipedalaman.

Kampong-kampong yang berselerak dan terpencil digabungkan di segi penempatan penduduknya di kawasan yang khusus. Dengan ini kemudahan asas mudah dan ekonomik dibina bagi memberi kesempatan penduduk-penduduk merasai keselesaan hidup. Ladang-ladang yang sedia ada dibangunkan dengan tanaman yang sesuai. Kawasan-kawasan baru di pinggir kawasan yang telah dimiliki dibangunkan juga jika perlu, jika kawasan lama terlalu jauh dari kawasan penempatan semula, tanah-tanah lain diberikan sebagai ganti, salah satu kawasan yang akan dibangunkan cara ini ialah Tembeling Tengah (Jerantut).

11) Kampung-kampung Lama Yang Tidak Tersusun.

Di segi pewujudan kampung-kampung tradisional ada juga kampung-kampung yang berdekatan antara satu sama lain. Dengan pemelesaian pembangunan di bandar, kampung-kampung ini mengalami kekurangan penduduk disebabkan oleh perpindahan atau penghijrahan. Dengan ini adalah baik penduduk kampung-kampung ini ditempatkan semula di satu kawasan khusus. Cara pembangunannya adalah sama seperti juga dengan cara (i). Misalan kawasan penyusunan seperti ini ialah Kampung Salung, Pekan.

Aspek-aspek Penting Kampung Tersusun.

a) Satu lagi aspek penting konsep Kampung Tersusun ialah petani-petani digalakkan untuk memberikan keizinan supaya tanah-tanah milik mereka diuruskan secara estet. Para pemilik tanah akan mendapat bahagian keuntungan mengikut nisbah keluasan tanah yang diberikan kebenaran untuk diuruskan secara estet. Walaubagaimanapun dari segi hak milik tanahnya masih kekal sebagai hak milik tuan tanah.

b) Selain daripada itu konsep Kampung Tersusun juga akan menekankan pengujudan satu kawasan khusus untuk menampung kegiatan industri kampung berasaskan bahan-bahan mentah semulajadi yang terdapat di satu-satu kawasan seperti buluh, rotan, mengkuang dan tanah liat. Begitu juga dengan industri pemerosesan makanan seperti pisang, ubi, keropok dan lain-lain kegiatan kemahiran tangan.

Keseluruhan usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran di sektor pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja di desa serta ingin mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan serta lain-lain prasarana yang meliputi seluruh keperluan-keperluan kemudahan asas dan kemudahan awam kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

### 8.2.3.3. Strategi Pembangunan Kawasan Gerak Sepadu.

Pembangunan kawasan Gerak Sepadu melibatkan penyusunan semula ladang-ladang dan dusun-dusun yang sedia ada ke taraf komersial. Pembangunan ini tidak melibatkan penyusunan semula kampung-kampung atau penempatan semula penduduk. Petani-petani masih tetap tinggal di kawasan tempat asal mereka. Kawasan Gerak Sepadu boleh meliputi 2 atau lebih kampung yang bersempadan.

Kemudahan-kemudahan asas ditambah atau diperengkapkan. Prasarana-prasarana seperti jalan ladang, perparitan, pengairan dan lain-lain khidmat sokong disalurkan oleh agensi-agensi yang berkaitan secara perancangan bersama.

Tekanan pembangunan adalah terhadap penggunaan semula tanah-tanah terbiar, tanah yang kurang produktif secara berkelompok. Struktur ladang akan disusun semula dan jika perlu ditukar dengan jenis tanaman yang lebih berekonomi. Projek ini juga menggalakkan kegiatan pemerosesan dan industri kraftangan serta lain-lain industri kecil.

Jika didapati kawasan pertanian belum mencukupi bagi menjamin pendapatan melebihi garis kemiskinan, kawasan tambahan akan diberikan kepada petani-petani. Bantuan yang diberikan adalah secara berkelompok. Pemberian bantuan secara individu atau perseorangan akan dikurangkan dan akhirnya dihentikan terus.

Pengurusan secara saham juga akan digalakkan jika kekurangan tenaga kerja didapati meruncing. Agensi agensi yang terlibat untuk memajukan kawasan-kawasan ini adalah RISDA, Jabatan Pertanian, LPP, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, FAMA dan Jabatan Perikanan. Misalan kampung-kampung yang sesuai di segi ini ialah Kg. Pahang Tua/Lamir/Langgar di Pekan. Di bawah Kementerian Pertanian satu projek khusus iaitu IADP Pahang Barat telah diwujudkan untuk melaksana aktiviti-aktiviti pembangunan ini. 9 mini IADP telah diwujudkan Pihak IADP juga terlibat dengan pembangunan kelompok-kelompok pertanian.

Asas pemilihan kawasan Gerak Sepadu adalah sebagai berikut:-

- (i) Kedai dan prasarana fizikal dan sosial di kampung seperti letrik, air dan jalan-jalan kampung dan lain-lain kemudahan sosial.
- (ii) Adanya sumber-sumber asli dari kawasan yang dapat mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti industri kampung, industri kecil dan kraftangan.
- (iii) Tahap kemiskinan di kawasan-kawasan tersebut.
- (iv) Faktor sokongan dari kalangan penduduk iaitu mereka positif dan responsif kepada usaha/pendirian Kerajaan.
- (v) Pemilihan pusat pertumbuhan yang difikirkan dapat memberi kejayaan dan memberi harapan projek dapat dilaksanakan.

#### 4. Strategi Pembangunan Kelompok Pertanian dan Individu.

Di bawah Rancangan ini penekanan adalah terhadap pembangunan satu-satu kawasan yang lebih berorientasikan tanaman ataupun pembangunan komoditi-komoditi lain. Misalnya satu-satu kelompok itu akan dimajukan dengan tanaman koko, padi, getah atau kombinasi beberapa jenis tanaman. Mungkin juga kelompok itu hendak dimajukan dengan sayur-sayuran atau ternakan. Ia juga merupakan salah satu usaha membangunkan kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung di pinggir bandar. Di segi skop pelaksanaan ia melibatkan satu kampung atau satu KKK.

Penekanan adalah terhadap penglibatan agensi-agensi untuk mewujudkan projek-projek berkelompok secara terselaraskan. Tiap-tiap agensi akan melaksanakan program masing-masing jika didapati sesuai. Forum penyelarasan adalah kumpulan 2L atau badan pengurusan kelompok yang ditubuhkan bawah sistem 2L. Kemudahan-kemudahan dan khidmat bimbingan diberi secara berkelompok. Tabung projek diwujudkan dan dikendalikan oleh kumpulan petani bagi tujuan modal pusingan.





9. Program-program Pembangunan Luarbandar.

Selaras dengan strategi yang telah diatur untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah digariskan beberapa program telah dirancang:-

(i) Program Pembangunan Komoditi Ekspot.

Program ini melibatkan aktiviti-aktiviti pembangunan tanaman-tanaman komersial seperti kelapa sawit, getah, dan koko. Ini akan melibatkan pembukaan tanah oleh FELDA dan FELCRA untuk ditanam dengan tanaman-tanaman tersebut secara ladang komersial.

Bagi kawasan-kawasan hakmilik petani, dusun-dusun dan lot-lot tanah yang kecil dan tidak ekonomi akan dicentum dan dimajukan secara pengurusan berkelompok. Tumpuan tanaman adalah koko/buah-buahan. Di mana sesuai kelapa sawit juga akan diusahakan secara berkelompok oleh petani-petani. Di segi pembangunan getah keluasan tanaman seboleh-bolehnya akan dihadkan kepada keluasan yang sedia ada tetapi tahap pengeluarannya akan di pertingkatkan.

Di bawah pembangunan wilayah tanaman-tanaman yang diutamakan adalah kelapa sawit dan getah. Penyusunan semula kampung pula akan juga melibatkan kedua tanaman tersebut dengan ditambahkan tanaman koko sebagai tanaman penting. Begitu juga dengan pembangunan gerak sepadu dan kelompok. Dengan ini tanah-tanah terbiar akan terus dapat dipulihkan secara perladangan yang teratur.

(ii) Program Pengeluaran Bahan-Bahan Makanan.

A. Bahan-bahan Tanaman.

Di bawah program ini pengeluaran bahan-bahan makanan akan dipertingkatkan. Tumpuan adalah terhadap pengeluaran sayur-sayuran, padi, tanaman kontan seperti

jagung, kacang tanah, keledek dan lain-lain lagi.

Di segi sayur-sayuran disamping terus menggalakkan penanaman di kawasan tinggi, kawasan-kawasan sebelah timur (pantai) akan dibangunkan dengan tanaman ini terutamanya di pinggir bandar. Padi akan terus ditanam di kawasan-kawasan besar seperti Endau/Rompin, Pahang Tua/Langgar dan lain-lain kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang sempurna. Perlaksanaanya adalah secara kelompok atau estet. Tanaman tanaman lain juga akan diusahakan secara berkelompok.

**B. Bahan-bahan Ternakan.**

Untuk mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan ternakan rancangan rancangan berikut telahpun digariskan:-

**(a) Menggalakkan kegiatan Pemeliharaan Lembu Tenusu.**

Kegiatan memelihara lembu tenusu akan diperluaskan meliputi petani-petani di kawasan-kawasan tradisional. Baka-baka lembu yang baik akan diberikan kepada penternak-penternak. Pusat Pengumpulan Susu akan terus diwujudkan bagi tujuan pemerosehan dan pemasaran.

**(b) Pengeluaran Daging.**

Bagi pengeluaran daging lembu dan kerbau ada tiga pendekatan digariskan:-

- **Sistem Feed Lot.**

Lembu-lembu diberikan kepada petani untuk digemukkan. Bahan-bahan makanan dari sisa kelapa sawit, nenas, rumput kering, jagung (concentrate) diberikan kepada lembu-lembu tersebut.

- **Fembangunan Padang Ragut.**

Padang ragut dibangunkan dengan tanaman rumput yang bermutu tinggi. Kelapa sawit ditanam untuk tujuan teduhan dan juga sumber modal. Penternak-penternak akan menggunakan padang ragut ini secara bersama.

- Ladang-ladang Ternakan Komersial

Pihak swasta digalakkan untuk membangunkan ladang-ladang ternakan secara besar-besaran. Di segi ternakan ayam daging dan telur usaha-usaha seperti sekarang ini akan terus digalakkan.

(ii)

(c) Ikan

Perusahaan ternakan air tawar akan dipertingkatkan untuk menampung bekalan tempatan. Penangkapan ikan di laut pula akan terus dipertingkatkan melalui penggunaan peralatan moden. Penezerakaan lautan dalam akan dipesatkan dengan penggunaan bot-bot yang besar. Bagi kawasan pertengahan tukun-tukun tiruan akan dibina untuk menggalakkan pembiakan ikan.

(iii) Program Teranakan Secara Syarikat.

Di bawah program ini peteni/penternak menubuhkan syarikat yang khusus untuk bidang ternakan. Dengan ini hanya sebahagian sahaja dari petani-petani akan terlibat dengan bidang ternakan. Orang-orang lain boleh menumpukan bidang usaha tanaman atau lain-lain. Rezab ternakan yang ada boleh dimajukan oleh syarikat tersebut.

Bagi kawasan rezab yang luas perumahan boleh dibuat bagi membolehkan mereka menjadi penternak sepenuhmasa. Bimbingan profesyenal akan diberikan oleh Jabatan/ Agensi berkaitan.

Usaha persyarikatan ini boleh dilakukan bagi ternakan ikan kolam, ikan sangkar, ayam dan itek.

(iv) Program Industri Kecil/Kraftangan.

Dalam perkara ini industri kecil dan kraftangan patut digalakkan sepenuhnya. Jika sebahagian dari petani-petani dapat menumpukan kepada industri kecil kraftangan akan dapat juga menggalakkan bidang-bidang kegiatan baru di kalangan petani, misalnya menanam buluh, memelihara ulat sutera.

Di segi kraftangan pula anyaman, pengukiran, menenun sutra atau songket boleh diperluaskan lagi. Mencap batik secara kecil-kecilan patut digalakkan bagi mempelbagaikan kegiatan.

Di segi industri makanan, pengeluaran gula kabung dan gula kelapa patut dipermoderenkan sedikit. Penyelidikan di segi jenis kabung atau kelapa yang paling sesuai dibuat. Cara pemungutan nira dipermudahkan dan sebagainya.

(v) Franchise dari Syarikat-Syarikat Besar.

Untuk menambahkan pendapatan petani-petani konsep "Franchise" patut dimulakan. Ia meliputi bahan makanan, perabot, atau batik. Pihak syarikat boleh memberikan segala kemudahan alat-alat dan bahan-bahan. Mutu pengeluaran dijamin oleh pengeluar.

Misalannya di segi pengeluaran perabot petani-petani boleh diminta untuk memasang bahagian tertentu sahaja di masa lapang mereka dan menyerahkan kepada syarikat apabila siap. Begitu juga di segi mengcap batik atau menjahit pakaian.

Sistem "franchise" ini boleh juga digunakan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan seperti sos, kicap dan sebagainya.

(vi) Program-Program Lain Jabatan/Agensi.

Tiap-tiap agensi berkaitan dengan luarbandar mempunyai program-program masing yang meliputi pembangunan komoditi, pembangunan tanah, perkhidmatan kredit dan pertubuhan, pembangunan sosial, penyelidikan dan sebagainya. Program-program ini pada dasarnya ada yang selaras dengan program-program disebutkan di atas.

Keterangan lanjut mengenai program-program tersebut adalah seperti Lampiran-lampiran berkembar.

10. Pembatasan-pembatasan.

Dalam melaksanakan strategi-strategi ini beberapa pembatasan pembatasan mungkin dihadapi yang mana boleh melambatkan pencapaian objektif strategi tersebut. Di antara pembatasan pembatasan yang dijangkakan ialah:-

- 1) Kesukaran untuk mewujudkan sistem pemasaran dan pasaran yang stabil dari kalangan petani-petani.
- ii) Pengurusan secara pusat atau bersyarikat mungkin sukar diwujudkan disebabkan masalah penyerahan tanah dan tanggungan hutan secara bersama.
- iii) Tidak semua petani mahu pindah dari kampung asal mereka ke kawasan baru kecuali keadaan terpaksa.

11. Penutup.

11.1. Prestasi dan kemajuan yang didapati melalui pembangunan pertanian di negeri ini, sungguhpun menunjukkan tanda-tanda positif, kemajuan dan prestasi ini tidak begitu berkesan ke arah mencapai matlamat kerajaan membasmi kemiskinan. Hanya sebilangan kecil sahaja dari mereka yang berada di luar kawasan projek-projek tertentu yang dapat betul-betul meningkatkan taraf hidup kepada kedudukan dan pendapatan yang stabil. Sungguhpun peratusan dan bilangan yang miskin telah menurun akan tetapi mereka yang terbeban dari jenis kemiskinan ini tidaklah begitu ketara. Dalam ertikata pendapatan mereka hanya di dalam lingkungan \$400/- sebulan. Dengan peningkatan jenis kemiskinan dari tahun ke tahun besar kemungkinan mereka-mereka akan menjadi miskin semula. Oleh itu untuk membolehkan kemiskinan ini dibasmi dengan berkesan, satu strategi baru yang radikal perlu dilaksanakan. Ini bukan sahaja membolehkan petani-petani hidup selesa tetapi pendapatan dari pertanian boleh menandingi pendapatan dari sektor-sektor lain. Matlamat pendapatan mereka mestilah mencapai ke angka \$750/4 sebulan. Paras ini adalah paras yang

menasabah memendangkan ketidaksamaan pendapatan di antara golongan atas jauh berbeza dengan pendapatan golongan yang dikira miskin.

- 11.2. Untuk mencepai angka pendapatan seperti ini memerlukan pelaksanaan pengurusan pertanian secara komersial dan efisien dan ini hanya boleh didapati melalui tanaman secara perladangan. Dengan ini corak pertanian masyarakat tradisional di negeri ini juga perlu diorientasikan ke arah secara komersial.

JABATAN PERTANIAN  
NEGERI PAHANG



RANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN PERTANIAN  
NEGERI PAHANG 1986.

Pendahuluan.

Tahun 1986 merupakan tahun pertama dalam RML. Dalam Rancangan Malaysia Kelima beberapa pecahan kepala (B - 32) diubahsuai dari RM4 dan beberapa pecahan kepala baru diwujudkan.

Pecahan Kepala adalah seperti di bawah:-

Pecahan Kepala B.32	Pecahan Tajuk.
B. 32-01 Program Pengeluaran & Pembiakan Benih.	1) Pengeluaran Benih Tanaman Kekal dan Saka.  ii) Pengeluaran biji benih tanaman singkatmasa dan sayur-sayuran.  iii) Pengeluaran Benih Jambangan.
B. 32.02 Projek Menggalakkan Tanaman Sayur-Sayuran.	1) Latihan  ii) Kemudahan untuk Peladang-Peladang.
B. 32-03 Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian.	1) Perkhidmatan Pembajakan Tanah.  ii) Perkhidmatan merata tanah.  iii) Perkhidmatan penggalakkan tanaman padi berjentera.  iv) Perkhidmatan menuai padi.  v) Perkhidmatan Pengairan Tanah.
B. 32-04 Rancangan Pembangunan Tanaman Komersial.	1) Tembakau  ii) Pemulihan Tanah Terbiar. a) Kelapa Sawit. b) Buah-buahan & lain-lain.

Pecahan Kepala B.32	Pecahan Tajuk.
<p>B. 32-05</p> <p>Rancangan Memajukan Industri Tanaman Koko.</p>	<p>i) Bantuan Tanaman Koko.</p> <p>ii) Bantuan pemerosesan dan galakan pemasaran koko.</p> <p>iii) Latihan dan lawatan.</p>
<p>B. 32-06</p> <p>Perkhidmatan Sokongan Pengembangan.</p>	<p>i) Ladang Bimbingan</p> <p>ii) Galakan benih baru.</p> <p>iii) Pembangunan kawasan secara Gerak Bersepadu.</p> <p>iv) Gotong Goryong.</p> <p>v) Pondok 2L.</p> <p>vi) Pameran dan Pertandingan Pertanian.</p> <p>vii) Kemudahan Perlindungan Tanaman.</p> <p>viii) Ladang Contoh.</p>
<p>B. 32-08</p> <p>Pembinaan Kompleks Pejabat Pertanian.</p>	<p>Peruntukan sebanyak \$1.5 juta di bawah JKR B 37-27 atau B32-08 RM4 telah diluluskan.</p>
<p>B. 32-09</p> <p>Pembangunan Muzium Tanaman Atabara.</p>	<p>(Di bawah kajian separuh penggal Peruntukan sebanyak \$1.515 juta telah diperuntukkan).</p>
<p>B. 32-10</p> <p>Program Kajian &amp; Penilaian.</p>	<p>-</p>

B 32-01(i) Pengeluaran dan Pembiakan Benih Tanaman Kekal dan Saka.

- A. Pada keseluruhannya tugas penting Pusat-Pusat Pengeluaran Benih adalah untuk mengeluarkan bahan-bahan tanaman yang menampung pembangunan komoditi-komoditi koko dan buah-buahan. Benih-benih ini dikeluarkan untuk jualan kepada petani-petani dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

B. Tujuan Projek

Projek ini merupakan projek sambungan dari RME.  
Tujuan Projek ini adalah:-

- a) Membiak dan mengeluarkan benih-benih baka baik terdiri daripada buah-buahan, koko, mata tunas koko dan pisang untuk jualan dan kegunaan Jabatan.
- b) Membantu program pembangunan komoditi koko di segi penyediaan benih di bawah B.32-05 Rancangan Memajukan Tanaman Koko (RMTK), Rancangan Tanaman Koko (IADP Pahang Barat).
- c) Mengadakan kemudahan-kemudahan prasarana dan alat-alat untuk tujuan pengeluaran dan pembiakan benih tanaman.

C. Keterangan Mengenai Projek.

C.1 (a) Pengeluaran Benih Buah-buahan.

Pengeluaran benih buah-buahan ini adalah untuk menampung keperluan-keperluan berikut:-

- 1) Untuk dijual kepada petani-petani dan orang-orang Awam.
- 1i) Untuk digunakan untuk program-program Jabatan seperti Ladang Contoh, Ladang Bimbingan, dan Pusat-Pusat.

- iii) Untuk menampung keperluan Skim Galakan Buah-buahan (SGBB) di bawah Skim Persekutuan. Jualan adalah pada paras harga yang ditetapkan oleh Skim tersebut.
- iv) Untuk memperkenalkan klon-klon baru bermutu tinggi ke Negeri Pahang.
- v) Menampung keperluan pokok lindungan tanaman koko. Benih-benih dijual kepada petani-petani.

Buah-buahan yang dikeluarkan adalah:-

Durian, Rambutan, Cempedak, Limau, Ciku, Duku, Mangga, Petani. Lain-lain pokok buah-buahan dikeluarkan sebagai kajian dan percubaan sahaja.

(b) Koko

Anak benih koko dikeluarkan untuk menampung keperluan Rancangan Tanaman Koko (RTK) di bawah IADF Pahang Barat dan untuk jualan kepada pengusaha-pengusaha koko. Sebahagian kecil pula digunakan untuk program Jabatan terutamanya Ladang Bimbingan.

Bagi keperluan benih untuk Rancangan Memajukan Tanaman Koko peruntukan pengeluaran anak benih dimasukkan di bawah rancangan tersebut (B. 32-05). Perlaksanaan fizikalnya dibuat bawah kegiatan yang sama juga. Ini disebabkan anak benih ini diberikan percuma kepada petani-petani.

(c) Mata Tunas Koko

Mata tunas koko dikeluarkan di Pusat-Pusat Pengeluaran dari klon-klon yang bermutu tinggi. Mata tunas ini adalah untuk cantuman kepada pokok koko di ladang-ladang petani. Pengedaran mata tunas ini adalah secara jualan.

d) Pisang

Benih pisang dibiakkan bagi tujuan untuk digunakan sebagai lindungan sementara kepada koko. Benih pisang ini dijual kepada petani-petani dan juga kepada IADP Pahang Barat.

E. PRESTASI PROJEK 1984.

Dalam tahun lepas pengeluaran benih buah-buahan dan koko sebagai berikut telah dapat dikeluarkan. Sasaran pengeluaran adalah 57,000 pokok.

1) Buah-buahan

a) Durian	-	14,488 pokok
b) Rambutan	-	6,000 "
c) Mangga	-	520 "
d) Ciku	-	383 "
e) Manggis	-	1,290 "
f) Cempedak	-	1,434 "
g) Petai	-	5,640 "
h) Duku	-	<u>1,000 "</u>

30,755 pokok atau 54%

=====

ii) Koko 362,000 pokok

Koko cantum 2,865 pokok.

2. Sejumlah 48,180 benih buah-buahan telah dapat dijual. Nilai jualan adalah \$96,361.00. Manakala sebanyak 228,881 pokok koko telah dapat dijual untuk kegunaan projek IADP Pahang Barat bernilai \$114,440.50.

F. KEMAJUAN PERLAKSANAAN PROJEK DALAM TAHUN SEMASA (1985)

Dalam tahun 1985 peningkatan pengeluaran benih dijangka dapat dicapai terutamanya pengeluaran benih koko. Di segi buah-buahan pula tumpuan akan diberikan kepada durian dan rambutan yang mana mempunyai permintaan yang banyak dari orang-orang awam. Beberapa jenis benih tanaman lain seperti ciku, manggis, cempedak dan petai akan diteruskan lagi.

Benih mangge dan limau akan dikurangkan pengeluarannya disebabkan kurang permintaan dan juga kerana kos penyelenggaraan yang tinggi.

2. Sementara itu matatunas koko dijangka dapat dikeluarkan untuk jualan mulai tahun ini. Peningkatan pengeluaran dijangka lebih pesat pada akhir tahun ini apabila pokok-pokok yang ditanam menjadi lebih matang. Benih pisang tidak dapat dikeluarkan untuk jualan dalam tahun ini.

3. Kemajuan penyediaan benih sehingga akhir Mei, 1985 adalah seperti berikut:-

Bil:	Jenis	Kuantiti Yang dicadangkan bagi satu tahun di bawah RME	Kuantiti Yang diubahsuai bg. tahun 1985	Pencapaian hingga bulan Mei 1985	Ulasan
1.	Buah-buahan (Cantum dll)	50,000 pokok	100,000 pokok	29,500 pokok	
2.	Petai	-	17,000 pokok	-	Menunggu bekalan biji benih.
3.	Koko	-	1,000,000	240,000	Termasuk penyediaan 30% bagi tahun 1986.
4.	Mata Tunas Koko.	-	1,000 meter	-	Akan mula digunakan dalam bulan Ogos.
5.	Benih Pisang.	-	-	-	Mula dikeluarkan dalam tahun 1986.

G. PERLAKSANAAN YANG DIRAMALKAN BAGI TAHUN BARU (1986).

Bagi tahun 1986, pengeluaran adalah tertumpu kepada Pusat Pengeluaran dan Pembiakan. Tahap pengeluarannya akan dipertingkatkan. Koko akan menjadi tumpuan terpenting, dan diikuti oleh durian dan rambutan. Benih-benih lain dikeluarkan secara terhad.

2. Kegiatan pengeluaran bagi tahun 1986 adalah seperti berikut:-

Bil:	Pusat Pengeluaran & Pembiakan Tanaman.	Jenis Benih				
		Buah-Buahan	Petai	Koko	Mata-Tunas Koko	Pisang
1.	Bukit Goh, Kuantan	62,000 pokok	10,000 pokok	1,670 000	-	-
2.	Bukit Rang, Jerantut.	-	-	-	3,000 meter	5,000 sulur
3.	Karak Setia, Bentong.	-	-	-	3,000 meter	-
4.	Pintu Padang, Raub.	-	-	-		40,000 sulur
5.	Padang Tengku, Lipis.	-	-	-	2,000 meter	5,000 sulur
6.	Ibu Pejabat	-	-	-	-	-
	Jumlah	62,000	10,000	1,670, 000	8,000 meter	50,000 sulur

B-32-01(ii) Pengeluaran Biji Benih Tanaman Singkat Masa dan Sayur-sayuran.

Pusat Pengeluaran dan Pembiakan Tanaman Batu 8 dan Pusat Baru Pulau Manis.

1. Tujuan

Tujuan utama Pusat Pengeluaran dan Pembiakan Tanaman Batu 8 dan Pulau Manis ialah untuk mengeluarkan benih-benih yang bermutu tinggi serta menyayai ketulinan jenis nya.

2. Menjalankan percubaan tempatan bagi jenis-jenis sayur yang baru diperkenalkan.

Prestasi Projek

Pada tahun 1984, Pusat pengeluaran dan Pembiakan Tanaman Batu 8 telah dapat mengeluarkan benih sayur sebanyak 300.35 kg. Disamping itu, sayur segar untuk jualan dapat dikeluarkan bernilai \$ 2,631.20.

Kemajuan Pelaksanaan Projek Dalam Tahun Semasa (1985).

Setakat ini kemajuan pelaksanaan yang tercapai adalah seperti berikut:-

<u>Jenis sayur ditanam untuk mendapatkan benih</u>	<u>Jumlah benih diperolehi sehingga sekarang</u>	<u>Jangkamasa benih diperolehi</u>
1. Bayam	-	Ogos
2. Peria	-	Ogos
3. Kacang Panjang	21 kg.	-
4. Kacang Buncis	50 kg.	-
5. Bendi	70 kg.	Ogos
6. Terung	-	Ogos
7. Cilli	-	sedang pungut
8. Timun	-	Ogos
9. Maman	-	Sept

(ii) PENGELUARAN DAN PEMBIAKAN BENIH JAMBANGAN

A. Tujuan Projek

Projek ini dijalankan di Pusat Pertanian Bukit Ubi, Kuantan.

Tujuan projek ini adalah:-

- a) Untuk membiakkan benih-benih bunga untuk dijual dan disewa;
- b) Menjalankan perkhidmatan 'land-scape' secara terhad terutamanya bagi bangunan-bangunan kerajaan;
- c) Membina prasarana bagi membolehkan pengeluaran benih jambangan dibuat.



B. PRESTASI PROJEK 1984

Dalam tahun 1984 sebanyak 20,574 keratan bunga dalam (polybag' telah dapat dikeluarkan. Sebanyak 3,120 jambangan pasu telah dikeluarkan. Hasil jualan benih-benih ini sejumlah \$15,199.40 telah dapat dikutip.

Kursus-kursus telah juga dapat diberikan kepada pekerja-pekerja dari Briged Polis Hutan, Kem Galing dan pekerja-pekerja dari Politeknik dan Maktab Perguruan Kuantan.

C. KEMAJUAN PERLAKSANAAN PROJEK DALAM TAHUN SEMASA 1985

Adalah dianggarkan sebanyak 20,000 benih jambangan dan pokok teduhan dapat dikeluarkan dalam tahun ini. Setakat ini, (sehingga bulan Mei) sebanyak 10,000 keratan telahpun dikeluarkan. Kutipan hasil dari jualan adalah sebanyak \$7,184.90.

Pembelian benih-benih untuk dibiakkan sedang dibuat seperti pokok sena, (300 keratan), kelapa rendah (dwarf) sebanyak 360 biji, dan palma merah *Dyrtostachys* lakka (100 pokok). Kerja 'landscape' di Pejabat Kerajaan Negeri di Atabara, Kuantan sedang dijalankan. Projek ini bernilai \$60,000.00 bagi fasa pertamanya. Disamping itu kerja penanaman pokok jambangan Maktab Perguruan Kuantan sedang berjalan dengan bimbingan Unit Kelturakebunan (Horticulture). Kerja 'landscape' bagi Bangunan Puriwirawan (Pertubuhan Peladang Negeri Pahang) telahpun disiapkan.

Kerja-kerja pembiakan dan penambahan prasarana di Pusat Pertanian Bukit Ubi, Kuantan sedang dijalankan. Adalah dijangka apabila siap kelak, kegiatan pengeluaran dan penjualan jambangan dapat dipertingkatkan lagi sehingga keparas \$5,000-\$10,000.00 jualan bulanan, termasuk jualan benih buah-buahan yang dikeluarkan di Bukit Goh.

Kemajuan penjualan benih-benih jambangan sehingga akhir Mei, 1985.

Jenis	Kuantiti Yg dicadangkan bagi tahun 1985	PenCapaian Setakat ini	Ulasan
1. Pokok Lenek			
i) Olybag	14,000 pokok	7,000 pokok	
ii) Pasu	2,500 "	1,200 "	
2. Palma			
	1,500 pokok	900 pokok	
3. Teduhan			
	2,000 pokok	1,050 pokok	
JUMLAH	20,000 pokok	10,150 pokok	

D. PERLAKSANAAN YANG DIRAMALKAN BAGI TAHUN BARU (1986)

Dengan penambahan kemudahan yang sedia ada adalah dijangkakan pengeluaran dapat ditingkatkan sehingga 60,000 - 80,000 keratan setahun. Kawasan-kawasan yang masih lapang akan digunakan untuk membiakkan pokok teduhan seperti sena, mepari, gliricidia dan palma. Adalah dijangka antara 3,000-4,000 pokok akan dibaikkan secara berperingkat. Dengan kemudahan pengairan yang ada di Pusat Pertanian Bukit Goh beberapa jenis jambangan akan dikeluarkan dan disalurkan ke Pusat Pertanian Bukit Ubi untuk jualan.

Projek Menggalak Tanaman Sayur-Sayuran  
Secara Berkelompok

B. 32-02

A. Pendahuluan

Projek menggalak Tanaman sayur-sayuran secara Berkelompok adalah projek sambungan dari Rancangan Malaysia ke 4.

Keperluan bahan-bahan makanan khas nya sayur-sayuran kian bertambah di Negeri Pahang. Kebanyakan bekalan sayur-sayuran adalah dari luar Negeri Pahang seperti Kuala Lumpur, Melaka dan lain-lain kawasan tanaman sayur. Projek ini diwujudkan bawah RM4 dengan harapan Negeri Pahang dapat menambahkan pengeluaran sayur untuk kegunaan Negeri. Disamping itu juga sebagai satu langkah untuk mewujudkan sistem pemasaran yang lebih tersusun dan sistematik.

B. Tujuan-tujuan

- (i) Untuk menentukan pengeluaran sayur-sayuran yang mencukupi bagi keperluan Negeri Pahang.
- (ii) Untuk menentukan petani mengeluarkan sayur-sayuran secara berterusan supaya sistem pemasarannya dapat diatur, sambil menjaga kualiti sayur-sayuran yang dikeluarkan.
- (iii) Untuk menentukan petani mendapat harga pasaran yang baik bagi sayur-sayur keluaran mereka. Manakala pehak pembeli memperolehi harga yang berpatutan.

C. Cara Perlaksanaan.

- (i) Dengan menyediakan kemudahan latihan untuk belia-belia yang berminat di Pusat Latihan Pertanian Paya Besar dan Pusat Pengeluaran dan Pembiakan Tanaman <sup>2</sup> atau 8 berhubung dengan semua aspek tanaman sayur-sayuran.

(ii) Dengan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan peladang-peladang seperti:-

- (a) Infrastruktur
- (b) Input-input Pertanian
- (c) Kemudahan membajak
- (d) Perkhidmatan tunjukajar dari segi teknik pengurusan dan lain-lain.

Prestasi Rancangan Sayur Berkelompok 1984.

Peruntukan Rancangan Sayur Berkelompok 1984 adalah sebanyak \$150,000.00.

Rancangan ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:-

- a) Latihan Praktikal tanaman sayur untuk belia
- b) Menyediakan kemudahan asas ladang untuk petani-petani dalam perusahaan tanaman sayur diperingkat kawasan.

Dalam tahun 1984, seramai 18 orang belia telah diberi latihan di Pusat Pengeluaran dan Pembaiakan Tanaman Batu 8. Latihan praktikal ini di jalankan selama 6 bulan. Semasa latihan dijalankan semua input ladang seperti baja, racun serangga, racun rumput, alat-alat ladang dan lain-lain keperluan disediakan. Belia-belia yang diambil untuk latihan ini ialah dari Daerah Kuantan, Pekan, Maran dan Rompin.

Bagi projek Sayur Berkelompok yang dijalankan di Daerah dalam tahun 1984 adalah seperti berikut:-

Daerah	Kawasan	Keluasan (ek)	Bil. Peserta (orang)
Rompin	Kg. Jawa	6	6
	Kerpai	4	4
	Peragoh	6	12
	Parit	6	12
	Batu 7	6	12
	Sabak	10	10
Kuantan	Kg. Ubai	12	20
	Kg. Pandan II	5	14
Temerloh	Kg. Jergoh	10	25
Jumlah		65	109

Input-input yang dibekalkan adalah baja, kimia, baja asli (tahi ayam), racun rumput, racun serangga, racun cendawan, benih sayur, alat-alat ladang, pinjaman pam air dan penyembor bermotor.

Perlaksanaan Projek Sayur Berkelompok Semasa (1985).

Peruntukan Rancangan Sayur Berkelompok 1985 adalah sebanyak \$160,000.00.

Aktiviti-aktiviti yang sedang dan telah dijalankan adalah seperti berikut:-

1. Latihan Untuk Belia-belia.

- (a) Seramai 24 orang belia sedang menghadiri kursus praktikal tanaman sayur di Pusat Pengeluaran dan Pembiakan tanaman Batu 8, Kuantan
- (b) Menyambung kerja-kerja membina ~~Asrama baru~~.
- (c) Menyediakan semua input-input seperti baja kimia, baja asli, racun rumput, racun serangga, racun penyakit, alat-alat ladang, penyembur, benih dan lain-lain keperluan.

Kemudahan Untuk Peladang-Peladang.

Bagi tahun 1985, corak pelaksanaan projek bagi peladang-peladang adalah berbeza sedikit dengan tahun-tahun yang lepas. Pada tahun 1985, hanya prasarana asas ladang disediakan seperti Pam air, Parit, Paip dan sebagainya. Input-input ladang dan sebahagian dari kemudahan asas ladang disediakan oleh peladang sendiri.

Hanya 4 kawasan akan dimajukan pada tahun 1985 seperti berikut:-

Daerah	Kawasan	Keluasan	Bil.Peserta
Kuantan	Pandan II	32 ekar	16 orang
	Permatang Pauh	18 ekar	9 orang
	Kg. Air Hitam	20 ekar	10 orang
Rompin	Sabak	8 ekar	5 orang
Jumlah :		78 ekar	40 orang

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan dalam tahun ini.

- (a) Menyediakan semua infrastruktur asas di Pandan II
  - (i) Rumah Pam Air
  - (ii) Paip untuk bekalan ladang
  - (iii) Sebuah Setor
  - (iv) Sebuah Pondok Kumpul Sayur
  - (v) Parit untuk mengeringkan kawasan
  - (vi) Membersihkan Taliair
  - (vii) Lain-lain
- (b) Menyediakan bekalan air ke ladang Projek Berkelompok Sabak
- (c) Menyiapkan bekalan air ke ladang untuk Projek Permatang Rawang.

Dengan membangun faktor-faktor yang telah dinyatakan, pada tahun 1986, kawasan kelompok yang betul-betul menunjukkan potensi untuk dimajukan akan diberi kemudahan-kemudahan seperti berikut :-

- a) Memasang sebuah Pam Air
- b) Memasang Paip Air jenis PVC untuk bekalan air ke ladang
- c) Menyediakan longkang dan parit untuk kawasan kelompok
- d) Menyediakan jentera membajak jenis 2 roda
- e) Lain-lain keperluan mengikut keadaan setempat.

Kemudahan-kemudahan yang disebutkan hanya akan disediakan dengan kerjasama peladang-peladang menyumbang-kan perbelanjaan kosnya sebanyak sekurang-kurang 30%. Pihak Jabatan akan berusaha untuk mengaturkan pinjaman dari Bank Pertanian bagi tujuan ini.

Adalah ditegaskan bahawa kemudahan ini hanya disediakan untuk kawasan berkelompok sahaja dan tidak diberikan kepada kawasan individu. Kawasan berkelompok yang dimaksudkan adalah kawasan yang lebih dari 5 ekar dengan peserta lebih dari 5 orang.

A. PROGRAM PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN PERTANIAN

- I) Rancangan Perkhidmatan Pembajak Tanah.
- II) Rancangan Perkhidmatan Menggalakkan Tanaman Padi Berjentera.
- III) Rancangan Perkhidmatan Tuai Padi.
- IV) Rancangan Perkhidmatan Pengairan Tanah Darat.

B. Tujuan

Membolehkan petani-petani dikawasan yang kecil dan terencil mendapat perkhidmatan kejuruteraan pertanian yang tidak dapat diberi oleh agensi yang bertanggungjawab.

Memberi perkhidmatan meratakan tanah sawah dan paya yang tidak diberi oleh agensi lain.

Memberi perkhidmatan tanaman padi secara tabur terus dengan menggunakan seedvator atau penanam padi.

Memberi perkhidmatan tuai padi di kawasan yang tidak dapat dijayakan oleh pihak swasta.

Memberi perkhidmatan pengairan kepada kawasan yang ditanam dengan sayuran dan tanaman jangka pendek seperti tebu, jagung dengan tidak mengharap air hujan.

Memberi tunjuk ajar atau khidmat nasihat menggunakan alat-alat yang direka khas seperti pengering koko, pemecah koko, pengering bijian dan lain-lain alat untuk meninggikan penghasilan.

C. Pencapaian dalam tahun 1984 dan tahun 1985

Dalam Rancangan Malaysia keEmpat dibawah program ini hanya dua rancangan diadakan.

- i) Rancangan Subsidi Tenggara
- ii) Rancangan Pembelian Traktor dan Alat-alat

Dalam tahun 1984 jumlah kutipan yang diperolehi dari mengerjakan tanah-tanah seperti plough, sisir dan roto adalah \$124,404.00.



Seluas 4,741 ekar telahpun dikerjakan. Seramai 2,841 orang petani telahpun mendapat faedah darinya.

Dalam tahun 1985 sehingga bulan April, jumlah kutipan adalah \$30,409.00 dan jumlah ekar yang dikerjakan ialah 1005.27 ekar. Kira-kira 639 orang petani telahpun menikmati faedahnya.

D. Peruntukan Yang Diperlukan Dalam Tahun 1986

(1) Rancangan Perkhidmatan Pembajak Tanah

Untuk melaksanakan rancangan ini keperluan alat-alat adalah seperti berikut :-

- (a) 5 buah bajak piring 3 mata
- (b) 5 buah harrow
- (c) 2 buah rotovator 60"
- (d) 2 buah pembatas 3 mata
- (e) 1 buah heavy duty mulches.

Faedah Dan Justifikasi

Jabatan Pertanian Negeri Pahang mempunyai 66 buah traktor yang boleh digunakan untuk mengerjakan tanah darat dan sawah. Kebanyakan alat-alat yang digunakan dibeli kira-kira 8 tahun yang lalu dan tidak dapat digunakan lagi.

Pembelian alat-alat ini sebagai gantian kepada alat-alat yang tidak ekonomik dibaiki.

Melalui rancangan ini kira-kira 1,000 ekar tanah akan dapat dibajak harrow dan roto yang akan dapat menghasilkan \$80,000 ringgit. Tumpuan akan ditujukan kepada projek-projek Jabatan seperti sayur kelompok, geraksepadu, baik pulih dusun, tanaman koko dan lain.

Dari perkhidmatan ini adalah dianggarkan kira-kira \$30,000 dari 100 ekar tanah yang telah diratakan. Kira-kira 50 orang petani akan dapat faedah dari perkhidmatan ini dan bayaran yang akan dikenakan ialah \$300 setiap ekar yang diratakan.

Rancangan Perkhidmatan Menggalakkan  
Tanaman Padi Berjentera.

Untuk melaksanakan rancangan ini keperluan kewangan adalah seperti berikut :-

- (a) 2 buah seedovator 70"
- (b) 2 buah seedrill 6 baris
- (c) 2 orang buruh sementara.

Faedah Dan Justifikasi

Perkhidmatan ini dijalankan di kawasan sawah yang mempunyai penghasilan yang tinggi tetapi keluasan perkhidmatan yang tidak dapat diberi oleh pihak swasta. Perkhidmatan ini akan mengurangkan tenaga buruh dari segi menyemai, mencedong dan lain-lain perbelanjaan yang bersangkutan. Perkhidmatan ini akan memberi faedah kepada 250 orang petani dan keluasan kira-kira 500 ekar. Anggaran kutipan hasil ialah \$60,000 dengan bayaran \$120/- pada tiap-tiap ekar yang ditanam.

Rancangan Perkhidmatan Tuai Padi

Untuk melaksanakan rancangan ini keperluan kewangan adalah seperti berikut :-

- (a) Sebuah pedastrian combine harvester lengkap dengan trek lebar (+ 30 hbp)

Faedah Dan Justifikasi

Perkhidmatan ini dijalankan di kawasan dimana tidak dapat kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak swasta atau L.P.P. Kawasan-kawasan yang mempunyai paya-paya yang sederhana dalam yang tidak boleh dimasukki oleh jentuai yang berat dan besar.

Perkhidmatan ini akan memberi kemudahan kepada kira-kira 250 orang petani yang menanam 500 ekar padi. Anggaran hasil kutipan dan perkhidmatan ini ialah bagi tiap-tiap ekar yang dituai akan dikenakan bayaran \$120. Jumlah kutipan adalah \$60,000.00

#### Rancangan Perkhidmatan Pengairan Tanah Darat

Untuk melaksanakan rancangan ini keperluan kewangan adalah seperti berikut :-

- (a) Alat-alat untuk 20 buah tiubwell
- (b) 2 buah pam air.

#### Faedah Dan Justifikasi

Rancangan ini akan memberi kemudahan kepada kira-kira 100 ekar kawasan tanaman sayur kelompok, gerak sepadu dan lain. Dengan adanya kemudahan pengairan tanah darat ini, maka akan bertambahlah lagi projek-projek sayur berkelompok terutama dikawasan Pekan, Rompin dan Kuantan.

Perkhidmatan ini akan menghasilkan pulangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$15,300 iaitu dengan bayaran balik dari petani kira-kira \$60% dari harga membuat satu tiubwell. Tiap-tiap satu tiubwell ini akan dikenakan bayaran \$765.

PROJEK PENANAM/PENGAWIT TEMBAKAU  
NEGERI PAHANG.

32-04 (1)

(A) OBJEKTIF PROJEK

Percubaan-percubaan yang dijalankan oleh MARDI/MTC sejak tahun 1977 telah menunjukkan bahawa tanaman tembakau di tanah bris boleh memberikan hasil dan mutu yang tinggi. Percubaan-percubaan lanjut oleh badan yang sama, juga telah menunjukkan bahawa Sistem Penanam Pengawit untuk pengeluaran tembakau adalah satu sistem yang ekonomi, viable dan boleh dipraktikkan. Ini telah dibuktikan dari Projek Penanam Pengawit Tembakau Alor Ketitir yang sedang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu sekarang. Faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam jangka panjang adalah seperti berikut:-

- i) Membuka peluang-peluang pembangunan pertanian dikawasan tanah kerajaan yang sedia ada dan tanah-tanah yang diberi hakmilik dan didapati sesuai.
- ii) Membuka peluang-peluang menempatkan kepada rakyat miskin dan diluar bandar, terutamanya kaum nelayan.
- iii) Memberi hasil dan pendapatan yang tinggi dan stabil kepada peserta-peserta.

CARA PERLAKSANAAN

a) Keterangan Mengenai Projek

Dua corak perlaksanaan yang dicadangkan bagi pembangunan Projek ini ialah:-

- (i) Pembangunan dikawasan baru iaitu ditanah Kerajaan.

Peserta-peserta adalah terdiri dari golongan petani dan nelayan yang mempunyai minat bagi menjayakan projek ini.

- (1) Pembangunan dikawasan Baru iaitu ditanah Kerajaan dicadangkan 40 unit dibuka sebagai peringkat perintis. Adalah dijangka komampuan tanah yang telah dikenalpasti ini mampu untuk dibangunkan sekurang-kurangnya ketahap penempatan sebanyak 250 keluarga peserta (unit). Pengeluaran sebanyak 120,000 kg. tembakau berharga \$1,620,000.00 @ \$13.50/kg. dijangka dapat dikeluarkan oleh 40 peserta perintis ini. Jika terdapat 250 keluarga adalah dijangka 750,000 kg. dapat dikeluarkan bernilai \$10,125.00. Dikawasan Baru peserta akan menumpukan kebanyakan daripada tenaga kerja keatas penanaman tembakau iaitu selama lebih kurang 8 bulan setahun. Masa yang selebihnya akan ditumpukan kepada penanaman tanaman selingan seperti padi tugal, jagung, tembikai dan lain-lain. Adalah juga diharapkan dimasa-masa inilah peserta akan menumpukan kepada pembaikan alatan dan juga membaharui mana-mana yang perlu.

Cadangan perlaksanaan dalam RML (1986 - 1990) adalah seperti berikut:-

Pihak LTN adalah diminta untuk meluluskan quota pengeluaran seperti tercatit dibawah:-

Tahun	Kawasan Baru		Kawasan Petani		Jumlah Quota (kg)
	Bil. Peserta	Hasil (kg.)	Bil. Peserta	Hasil (kg.)	
1986	40	120,000	20	60,000	180,000
1987	100	300,000	30	90,000	390,000
1988	150	450,000	40	120,000	570,000
1989	200	600,000	50	150,000	750,000
1990	250	750,000	30	90,000	840,000

PENGURUSAN PROJEK

(i) Program Dikawasan Baru

a) Pengurusan keseluruhan bagi projek ini dicadangkan di serahkan kepada Malaysia Tobacco Company Bhd. Satu Jawatankuasa Pemandu perlu dibentuk bagi mengawasi dan 'monitor' projek tersebut yang terdiri daripada:-

- i) Jabatan Pertanian Negeri - Pengerusi dan Urusetia
- ii) Unit Perancangan Ekonomi Negeri
- iii) Jabatan Parit dan Taliair Negeri
- iv) Lembaga Tembakau Negara
- v) Lembaga Pertubuhan Peladang
- vi) MARDI
- vii) Bank Pertanian Malaysia
- viii) Pemungut Hasil Tanah Kuantan
- ix) Malaysian Tobacco Company Bhd.

Jawatankuasa Pemandu tersebut perlu berjumpa sekurang-kurangnya dua kali setahun dan akan bertanggungjawab mengenai :-

- i) Membuat dasar/polisi keseluruhan
- ii) Menyalurkan peruntukan-peruntukan Kerajaan
- iii) Mengkoordinasikan Input/Output Agensi
- iv) Meluluskan Belanjawan dan Kewangan Tahunan
- v) Menentukan program-program untuk projek dijalankan mengikut yang dipersetujui.

Pengurusan projek yang baik dan berkesan diperlukan dari peringkat awal pelaksanaan projek. Kejayaan projek diperlukan bagi kejayaan jangka panjang terhadap industri tembakau dan pembangunan tanah yang dimaksudkan.

32- 04 (ii) RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAMANAN KOMERSIAL.

(Rancangan Memajukan Tanaman Kelapa Sawit & Buah-buahan).

Latar Belakang & Tujuan.

Kajian kesesuaian tanah di Negeri Pahang menunjukkan bahawa dari keluasan Negeri yang berjumlah 3.6 juta ha. lebih kurang 41.5% atau 1.5 juta ha. adalah sesuai untuk tujuan pertanian. 9.8% (0.4 juta ha.) kurang sesuai dan 48.7% tidak sesuai. Dari keluasan yang sesuai diusahakan, hanya 2/3 sahaja yang boleh diusahakan. Kebanyakan kawasan ini adalah bawah Rancangan Felda, LKPP dan Ledang Swasta dan hanya 340,000 ha sahaja diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil. Sebilangan besar dari keluasan tanaman tersebut diliputi oleh kelapa sawit (314,527 ha.) dan getah (274,238 ha.), 9,495 ha. koko, 10,976 ha. buah-buahan dan lain-lain ditanam dengan kelapa, tanaman kontan dan sayur-sayuran.

Ternyata di atas bahawa tanaman buah-buahan masih rendah keluasannya jika dibandingkan dengan potensi keluasan yang boleh ditanam. Sungguhpun mutu pengeluarannya telah dapat ditingkatkan melalui rancangan-rancangan subsidi yang membekalkan benih-benih baka baik dan baja-baja serta lain-lain keperluan. Keluasan tanaman yang ada pada masa ini adalah terlalu sedikit walaupun untuk menampung keperluan tempatan.

Walaupun didapati dari angka tersebut di atas bahawa tanaman kelapa sawit adalah tanaman yang luas sekali di Negeri Pahang, tetapi angka itu hanya meliputi ladang swasta, Felda, Felcra dan LKPP. Didapati bahawa penglibatan pekebun kecil adalah sangat berkurangan.

Dalam negeri Pahang terdapat kawasan-kawasan tanah terbiar yang luas. Maklumat menunjukkan terdapat lebih kurang 730,000 ha. tanah terbiar yang sebahagian besarnya sesuai untuk ditanam dengan buah-buahan dan kelapa sawit.

Rancangan yang dicadangkan ini adalah dibahagi kepada 2 bahagian iaitu:-

- (a) Memajukan Tanaman Kelapa Sawit.
- (b) Memajukan Tanaman buah-buahan.

Cadangan ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan tujuannya adalah seperti berikut:-

Tujuan:

- a) Menggalakkan pembangunan perusahaan kelapa sawit dan buah-buahan oleh pekebun-pekebun kecil secara komersial untuk meningkatkan daya pengeluaran dan menambah pendapatan petani-petani berkenaan.
- b) Menentukan bekalan buah-buahan tempatan bermutu tinggi yang mencukupi untuk penduduk yang semakin bertambah.
- c) Menentukan petani mendapat pendapatan yang stabil dari perusahaan tanaman kelapa sawit.
- d) Mengusahakan tanah terbiar dengan sepenuhnya untuk tujuan pengeluaran yang menguntungkan.

Keterangan Mengenai Projek:

Projek yang dicadangkan ini tidak melibatkan penempatan semula petani-petani. Ia berasaskan pembangunan kelompok yang sekarang ini menjadi teras sistem pengembangan Latihan dan Lawatan (2L).

Pengenalpastian Kawasan:

- (a) Sebagaimana dinyatakan terlebih awal tadi, kawasan yang menjadi fokus adalah kawasan kampung yang terbiar dan tanah-tanah pinggir kampung yang tertinggal yang mempunyai keluasan di bawah 40 hektar. Satu ciri penting dalam usaha membangunkan tanah-tanah ini dengan tanaman kelapa sawit atau buah-buahan ialah wujudnya kemudahan pemasaran dan pemerosesan.



- (b) Sekarang ini telah banyak wujud kilang-kilang kelapa sawit perbadanan kerajaan dan swasta di seluruh negeri ini. Kilang-kilang ini mendapatkan hasil dari ladang-ladang sendiri ataupun membeli hasil-hasil dari ladang-ladang berhampiran. Adalah wajar sekali 'spill-over' kegiatan kilang kilang perbadanan kerajaan dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk di pinggir kawasan operasi mereka. Juga penwujudan kilang-kilang swasta semestinya mengambil kira pembangunan masyarakat sekelilingnya. Selain dari mendapat peluang pekerjaan, hanya perkara negatif seperti pencemaran udara dan air sahaja didapati oleh penduduk-penduduk sekitarnya.
- (c) Dalam merancang projek ini, maklumat-maklumat penting akan dikumpulkan oleh jabatan ini. Di mana sesuai maklumat-maklumat ini akan dibentangkan kepada agensi-agensi lain seperti FELCRA dan RISDA untuk membangunkan komoditi ini di kawasan-kawasan yang lebih luas. Pihak berkuasa Tanah dan Daerah juga akan dirujuk di peringkat perancangan ini bagi membolehkan beberapa peraturan tanah disesuaikan.

Justifikasi:

Beberapa manfaat yang boleh mencapai matlamat meningkatkan pendapatan petani-petani dan seterusnya membasmi kemiskinan akan dicapai melalui rancangan ini.

- a) Menambahkan jenis tanaman komersial di kalangan petani-petani.

Dengan terlaksananya rancangan ini satu lagi tanaman alternatif kepada getah dapat diusahakan secara meluas oleh petani-petani di kawasan tradisional. Kelapa sewit adalah tanaman yang agak stabil di segi pasarannya. Dengan ini punca pendapatan petani-petani dapat dipelbagaikan lagi.

- b) Pemulihan Tanah Terbiar.

Tanaman ini boleh diusahakan secara bersendirian ataupun secara pengurusan berkelompok. Dengan ini kawasan-kawasan yang selama ini terbiar disebabkan penghijrahan atau kekurangan gunatenaga dapat diusahakan semula. Tanah-tanah yang selama ini terbiar, boleh diubahsuai sistem perparitannya dan ditukarkan dari padi kepada tanaman ini.

- c) Pengusahaan tanaman buah-buahan akan dapat diusahakan dengan lebih sistematik dan ekonomi dari segi penjagaan dan pengeluaran nanti.

- d) Petani-petani yang terlibat akan memperoleh pendapatan yang terjamin dan berterusan.

Keperluan Peruntukan Bagi Tahun Pertama  
Rancangan Tanaman Kelapa Sawit.

Keluasan yang dicadangkan = 100 ekar  
Jumlah peruntukan diperlukan = 130,000.00

Pecahan Peruntukan diperlukan.

1. Menebang dan memerun @ \$300/ac.	\$30,000.00	
2. Lining holing & Planting (29'x29'x29')	\$13,200.00	
a) Lining @ \$12/ac	\$1,200.00	
b) Holing/planting @ \$1.50/holex60x100	= \$9,000	
c) Rock phosphate @ \$0.50/- palmx60x100	= \$3,000	
3. Cover crop @ \$63/ac x 100 ac	\$ 6,300.00	
4. Benih kelapa sawit @ \$4/palm x 60 x 100	\$24,000.00	
5. Mengganti pokok mati dengan kadar 5%	\$ 1,700.00	
6. Baja untuk cover crop	\$25,500.00	
7. Baja untuk kelapa sawit	\$ 6,000.00	
8. Mengawal lalang	\$ 900.00	
9. Mengawal serangga & penyakit	<u>\$ 1,000.00</u>	
	Jumlah kecil	\$108,600.00
10. Keperluan buruh sambilan seramai 5 orang @ \$3,000/tahun.	\$15,000.00	
11. Lain-lain	<u>\$6,400.00</u>	
		<u>\$130,000.00</u>

Keperluan Peruntukan Bagi Tahun Pertama  
Rancangan Memajukan Tanaman Buah-buahan.

Keluasan yang dicadangkan = 100 ekar  
Jumlah peruntukan diperlukan : \$100,000.00

Pecahan Peruntukan diperlukan.

1. Menebang menebas dan memerun @ \$300/ac	=	\$30,000.00
2. Bekalan bahan-bahan pagar dan upah memasang.	=	\$15,000.00
3. Benih pokok 4,800 pokok @ \$2.00/pokok	=	\$ 9,600.00
4. Mengganti pokok mati @ 10%	=	\$ 1,000.00
5. Baja @ 50/ac	=	\$ 5,000.00
6. Racun rumput @ 50/ac	=	\$ 5,000.00
7. Racun serangga & Penyakit @ 40/ac	=	\$ 4,000.00
8. Alat ladang	=	\$ 5,000.00
		<hr/>
	Jumlah kecil:	\$74,600.00
9. Buruh sambilan seramai 6 orang @ 3,000/orang/tahun		\$18,000.00
10. Lain-lain keperluan	=	\$ 7,400.00
		<hr/>
		\$100,000.00
		=====

Ringkasan Keperluan Peruntukan:

1. Memajukan Projek Tanaman Kelapa Sawit	=	\$130,000.00
2. Memajukan Projek Tanaman Buah-buahan	=	\$100,000.00
		<hr/>
		\$230,000.00
		=====

RANCANGAN MEMAJUKAN INDUSTRI TANAMAN KOKO

B. 32-05

A. PENDAHULUAN

Rancangan ini mempunyai 3 (tiga) bahagian/pecahan iaitu;-

- i) Bantuan Tanaman Koko
- ii) Bantuan Pemerosesan Biji Koko
- iii) Latihan Pegawai dan Petani

B. TUJUAN PROJEK

De segi perleksanaan projek ini merupakan projek sambungan 1985 iaitu dibawah Bantuan Kampung (B 32-05). Mulai 1986 kepala B 32-05 ditukarkan khusus untuk memajukan industri tanaman koko. Rancangan ini bertujuan untuk;-

- a) Memajukan tanaman koko dikawasan-kawasan kampung, dusun, tanah kelompok dan tanah terbiar diseluruh negeri pada tahap lebih kurang 500 hektar setahun,
- b) Memberi bantuan bangsal pengering koko bagi tujuan menggalakkan usaha-usaha pemerosesan hasil koko bagi menentukan petani-petani mendapat kepulangan yang tinggi melalui penjualan biji koko yang bermutu.
- c) Memberikan latihan kepada petani dan pegawai-pegawai bagi mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai Jabatan dan petani-petani dalam teknologi koko bagi menentukan industri koko di negeri ini dilaksanakan pada tahap tinggi.
- d) Mempertingkatkan kepulangan dari per-hektar kawasan pertanian melalui usaha-usaha tanaman campuran antara koko/kelapa atau koko/buah-buahan/pisang.

REPERBUAN NEGARA PASIR

Reperbuan Tanah Rempah

Di bawah perintah ini bantuan-bantuan seperti berikut di-  
sebutkan kepada petani-petani:-

KELUASAN POTENSI KOKO NEGERI PAHANG  
DI BAWAH RML

DAERAH	1986	1987	1988	1989	1990	Jumlah
Kuantan	75	80	80	80	80	395
Pekan	120	220	420	420	260	1,440
Rampin	215	40	40	40	35	370
Maran	250	270	270	270	270	1,350
Temerloh	285	5	220	180	175	1,145
Jerantut	170	680	635	590	555	2,630
Bentong	330	270	190	180	180	1,150
Saub	190	180	170	170	90	800
Tapis	310	230	220	220	220	1,200
JUMLAH	1,965	2,255	2,245	2,150	1,865	10,480

C. KETERANGAN MENGENAI PROJEK

(1) Bantuan Tanaman Koko

Di bawah pecahan ini bantuan-bantuan seperti berikut di-salurkan kepada petani-petani;-

- a) Benih
- b) Baja
- c) Racun-racun serangga, rumpai dan cendawan.
- d) Pagar
- e) Pinjaman alat-alat seperti gergaji rantai.

Keluasan yang terlibat bagi satu-satu permohonan adalah antara 0.2 hektar - 2 hektar ( $\frac{1}{2}$  ekar - 5 ekar). Tiap-tiap permohonan mestilah terdiri dari satu-satu kelompok kawasan tanaman di antara 4 hektar (10 kar) sehingga 20 hektar (50 ekar) atau lebih setiap kelompok.

Untuk keperluan pokok lindungan dua cara adalah di-cadangkan iaitu;-

a) Pisang

Petani-petani dikehendaki mencari sendiri sumber benih dan Jabatan akan membayar bekalan tersebut berasaskan bilangan yang telah ditanam di ladang.

b) Buah-buahan dan Petai

Benih buah-buahan terutamanya durian dan petai akan dijual kepada petani-petani.

c) Gliricidia

Petani-petani dikehendaki mencari sendiri lindungan dari sumber-sumber sendiri atau dari kawasan-kawasan Jabatan. Tidak ada bayaran dikena atau diberikan.

ii) Bantuan Pemerosesan Biji Koko

Jabatan akan menyediakan bangsal dan alat-alat pengering jenis samaa pasang siap. Pembinaannya akan dibuat oleh petani-petani atau oleh pemborong. Bantuan bernilai \$ 750.00 bagi tiap-tiap unit pengering. Petani-petani dikehendaki membayar balik kos selebihnya melalui pinjaman bank atau dari modal sendiri.

Unit pemerosesan ini terdiri dari;-

- a) Bangsal, dapur dan dulang.
- b) Tong-tong pemeraman.

iii) Latihan Pegawai-Pegawai dan Petani-Petani

Latihan di segi teknologi-teknologi penanaman, penyelenggaraan, peningkatan mutu akan diberikan kepada pegawai-pegawai dan petani-petani dengan kerjasama dari MARDI dan FAMA.

Latihan ini terdiri dari;-

- a) Lawatan (Dalam dan Luar Negeri)
- b) Kursus, seminar, bengkel.

D. JUSTIFIKASI

a) Bantuan tanaman koko perlu diberikan kepada petani-petani di Negeri ini bagi tujuan-tujuan berikut;-

- i) Menambahkan pendapatan petani-petani melebihi garis kemiskinan.
- ii) Mengatasi masalah tanah-tanah terbiar.
- iii) Mempertingkatkan kepulangan per hektar kawasan pertanian melalui peningkatan produktiviti (daya pengeluaran) dan pengagalian tanaman.



- iv) Menjadikan tanaman koko tanaman ketiga terpenting di Negeri ini dan juga sebagai alternatif kepada getah.
- v) Mewujudkan usaha pertanian bercorak komersial melalui sistem pengurusan berkelompok.

E. PRESTASI PROJEK 1984.

Projek ini adalah projek baru diwujudkan di bawah RML. Walaubagaimanapun kedudukan tanaman ini di bawah Projek Persekutuan (A.I.D) dan IADP Pahang Barat adalah sebagai berikut:-

Jumlah Keluasan Keseluruhan	Dimajukan dibawah AID sehingga 1983	Dimajukan dibawah IADP Pahang Barat (1984)
10,500 hektar	2285 hektar	190.3 hektar

F. KEMAJUAN PERLAKSANAAN PROJEK DALAM TAHUN SEMASA (1985)

Peruntukan sebanyak \$ 395,130 telah diluluskan di bawah Bantuan Kampung dalam tahun ini. Dengan umlah ini adalah dianggarkan kawasan seluas 450 ekar (182 hektar) akan dapat dimajukan, dan seluas 250 ekar (100 hektar) kawasan sedia ada dapat dipulihkan semula. Setakat ini (Mei) peruntukan sebanyak \$ 165,077.10 telah dibelanjakan. Input sedang giat diedarkan ke daerah-daerah dan persediaan kawasan sedang rencak dibuat.

Aktiviti	Kuantiti
1. Benih telah disediakan	240,100 pokok
2. Baja CIRP telah diedar	1,450 kampil
3. Kawet Duri	5,000 gulung
4. Dowpon	722 kilo

Aktiviti projek ini dijangka akan kemuncak pada bulan Julai, Ogos dan September 1985 ini.

KEMAJUAN TANAMAN KOKO

JANUARI - OGOS, 1985.

<u>Sl</u>	<u>Daerah</u>	<u>Negeri</u>	<u>Phg. Barat</u>	<u>RPSKK</u>	<u>Jumlah</u>
1.	Kuantan	-	-	126	126
2.	Pekan	-	-	30	30
3.	Rompin	-	-	93	93
4.	Maran	40	52	-	92
5.	Temerloh	111	62	-	173
6.	Jerantut	65	37	-	102
7.	Bentong	97	71	-	168
8.	Raub	74	54	-	128
9.	Lipis	30	30	-	60
	<u>Jumlah:</u>	<u>417</u>	<u>306</u>	<u>249</u>	<u>972</u>
		=====	=====	=====	=====

Target - 2,477 ekar

% Pencapaian - 40%

G. PERLAKSANAAN YANG DIRAMALKAN BAGI TAHUN BARU (1986)

- 1) Setakat ini kawasan-kawasan kelompok koko seluas 2,900 ekar ( 1174 hektar) telahpun dikenalpasti, ter i-i dari;-

<u>Daerah</u>	<u>Keluasan</u>
a) Kuantan	28.34 hektar (70 ekar)
b) Pekan	44.53 hektar (110 ekar)
c) Maran	68.82 hektar (170 ekar)
d) Rompin	214.57 hektar (530 ekar)
e) Bentong	133.60 hektar (330 ekar)
f) Jerantut	68.82 hektar (170 ekar)
g) Temerloh	198.38 hektar (490 ekar)
h) Raub	100.80 hektar (249 ekar)
i) Lipis	311.34 hektar (769 ekar)
<b>JUMLAH:-</b>	<b>1169.2 hektar (2888 ekar)</b>

Kawasan-kawasan ini akan diselaraskan antara Rancangan-Rancangan Negeri, IADP Pahang Barat dan RPSKK Target bagi tiap-tiap rancangan adalah sebagai berikut;-

Negeri	500 hektar
IADP Pahang Barat	500 hektar
RPSKK	280 hektar baru & 405 pemulihan
JUMLAH:-	<u>1280 hektar</u>

Adalah dijangkakan perlaksanaan bagi tahun 1986 dapat dijalankan dengan licin. Sebahagian dari persediaannya akan dibuat dalam tahun 1985 terutamanya di segi penyediaan biji benih. Antara 30 - 40% keperluan biji benih bagi awal tahun 1986 akan dibuat dalam tahun 1985. Ini disebabkan benih mengambil masa 3 bulan sebelum diedarkan. Pengenalpastian kawasan yang lebih awal pula akan membolehkan kerja-kerja penerangan dan persediaan dijalankan.

2. Adalah dicadangkan dalam tahun 1986, 40 unit pengering jenis Samoau dapat dibina diseluruh negeri secara subsidi. Pembinaan cara pasang siap oleh Bahagian Kejenteraan Ladang dan Unti Binaan ini akan dapat mempercepatkan kerja-kerja pemasangan di kawasan-kawasan petani-petani.

B. 32-06 : Perkhidmatan Sokongan Pengembangan.

Pendahuluan:

Peruntukan ini bertujuan untuk memberi khidmat sokongan bagi segala aktiviti pengembangan di bawah sistem latihan dan lawatan yang kini lebih terkenal dengan Sistem 2L. Sistem pengembangan ini telahpun diubahsuai dan kini telah diujudkan sistem pengembangan Bersepadu yang melibatkan semua Jabatan Agensi yang ada kaitan dengan kerja pengembangan dengan sistem 2L sebagai terasnya.

Sebelum ini dibawah Rancangan Malaysia Keempat Jabatan ada mengujudkan suatu peruntukan yang diberi tajuk 'Bantuan Kampung' di bawah kepala B. 32-05. Peruntukan ini mempunyai tujuan hampir sama tetapi mempunyai maksud umum iaitu bagi memberi bantuan kepada petani-petani yang tidak memenuhi syarat untuk menyertai Rancangan Subsidi Jabatan. Oleh kerana tajuknya begitu umum serta peruntukannya di-himpunkan maka usaha untuk mengesan perbelanjaan bagi menyukat prestasi sesuatu program menimbulkan masalah.

Prestasi:

Pencapaian bagi tahun 1984:

Bagi tahun 1984 peruntukan yang telah diluluskan berjumlah \$200,000 di bawah peruntukan 'Rancangan Bantuan Kampung - B. 32-05.' Peruntukan ini melibatkan program seperti berikut:-

a. Pembangunan kelompok	- \$ 30,000
b. Ladang Bimbingan	- \$ 50,000
c. Tanaman Sayur-sayuran	- \$ 45,000
d. Gotong Royong	- \$ 20,000
e. Pondok 2L	- \$ 25,000
f. Kawalan Musuh	- \$ 20,000
g. Hadiah Pertandingan	- \$ 10,000

Jumlah : \$ 200,000

Dari jumlah yang diperuntukan Jabatan telah membelanjakan sebanyak \$147,753.35 atau 74%. Diantara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

<u>Bil:</u>	<u>Perkara</u>	<u>Pencapaian 1984</u>
1.	Peruntukan	\$ 200,000
2.	Perbelanjaan	\$ 147,753.35
	<u>Pembangunan Kelompok</u>	
1.	Bilangan Projek	513
ii.	Keluasan Projek	7,340.65 ha
iii.	Bilangan Petani Terlibat	9,112 orang
4.	<u>Ladang Bimbingan</u>	
i.	Bil Ladang Bimbingan	254
ii.	Keluasan	332 ha
iii.	Bil. Petani Terlibat	254 orang
5.	<u>Tanaman Sayur-sayuran</u>	
i.	Bil. Projek	8 buah
ii.	Keluasan	26 ha
iii.	Bil. Petani Terlibat	109 orang
6.	<u>Gotong Royong</u>	
i.	Bil. Gotong Royong diadakan	40 kali
ii.	Bil. Petani Terlibat	1839 orang
7.	<u>Pondok 2L</u>	
i.	Bil. Pondok dibina	48 buah
ii.	Bil. Kumpulan 2L terlibat	48 kumpulan
iii.	Bil. Petani Terlibat	1440 orang
8.	<u>Pertandingan &amp; Pameran</u>	
i.	Bil. Pertandingan dan Pameran Peringkat Negeri.	1 kali
ii.	Bil. Pertandingan Peringkat Daerah.	1 kali
iii.	Bil. Pelawat ke Pameran	21,000 orang

## II. Pencapaian Yang Diramalkan Bagi Tahun Semasa (1985)

Sehingga akhir bulan Mei sebanyak \$187,638.24 telah dibelanjakan termasuk tanggungan. Program-program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a. Gerak Sepadu (Tanaman Sayur)
- b. Ladang Bimbingan
- c. Gotong Royong
- d. Kawalan Musuh
- e. Pondok 2L
- f. Pertandingan/Pameran
- g. Pembelian Benih Padi
- h. Rancangan Memajukan Tanaman Koko.

Dalam tahun ini sebanyak 4 buah kawasan sedang diusahakan dibawah projek Gerak Sepadu di kawasan-kawasan Pandan II, Kubang Karah, Kg. Contoh Serandu dan Sg. Meranti.

Sebanyak 179 buah Ladang Bimbingan sedang dilaksanakan di seluruh Negeri Pahang. Pada peringkat ini sebahagian besar input-input telah diedarkan kepada pengusaha-pengusaha Ladang Bimbingan.

Jabatan telahpun mengadakan sebuah pameran/pertandingan di Kg. Jaya Gading dalam bulan Mac, 1985. Dalam bulan Julai pula kemungkinan akan diadakan pameran/pertandingan bagi Daerah Cameron Highlands. Pada bulan September akan diadakan Pameran/Pertandingan Hasil Pertanian serta Pertandingan Kumpulan 2L bersempena Perayaan Hari Peladang dan Nelayan Peringkat Negeri Pahang 1985.

Dari segi Tanaman Koko Jabatan sedang di-  
giatkan menggalakkan tanaman ini. Sehingga sekarang  
sejumlah 800 ha telahpun dirancang untuk dilaksanakan  
dalam tahun 1985. Keluasan ini termasuk 600 hektar  
yang akan dibiayai dari peruntukan RPSKK dan Pahang  
Barat. Adalah dijangka 1300 orang petani akan mendapat  
menafaat dari rancangan ini.

Perlaksanaan program lain seperti Gotong Royong,  
Pembinaan Pondok 2L, Pembekalan benih padi dan kawalan  
musuh juga sedang dilaksanakan bersesuaian dengan  
kelulusan peruntukan baginya.

#### Peruntukan 1986:

Dibawah projek Perkhidmatan sokongan peruntukan  
telah dibahagikan kepada beberapa program tertentu  
dengan peruntukan telah ditentukan. Program yang  
terlibat adalah seperti berikut:-

- i. Ladang Bimbingan
- ii. Galakan Benih Baru
- iii. Pembangunan kawasan
- iv. Gotong Royong
- v. Pondok 2L
- vi. Pameran/Pertandingan Pertanian
- vii. Kemudahan Kawalan Tanaman
- viii. Ladang Contoh.

Bagi tahun 1986 sejumlah \$601,810 adalah di-  
perlukan bagi menjalankan program-program diatas.  
Peruntukan yang dipohon akan dibahagi-bahagi kepada  
daerah untuk dilaksanakan manakala pihak Ibu Pejabat  
pula akan mengawal peruntukan pada keseluruhan. Terdapat  
juga peruntukan yang perlu disimpan oleh pihak Ibu Pejabat  
bagi tujuan menambah daerah-daerah yang memerlukan  
tambahan ataupun bagi tujuan pembelian untuk kegunaan  
umum.

PERANAN MARDI DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGARA  
1985

Disediakan Oleh:

Dr. Ahmad Aman

(Ketua Pegawai MARDI Negeri Pahang)

Pejabat Ketua Pegawai MARDI,  
Wisma Sri Pahang,  
KUANTAN.

(Konvensyen Anjuran UMNO Negeri Pahang, Kuantan, Pahang, - 13hb.,  
hingga 15hb. September, 1985).

BERTARIKH: 11hb. September, 1985.



## 1. PENDAHULUAN

Sempena Konvensyen Anjuran UMNO Pahang 1985 ini pihak Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berasa syukur kerana dapat bersama-sama di dalam memaparkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan setakat ini bagi pengetahuan dan makluman kaum petani dan nelayan di Negeri Pahang.

Kertas ini ditulis dengan tujuan khusus memaklumkan kepada peserta-peserta seminar Konvensyen UMNO Pahang berhubung dengan fungsi, dasar dan objektif MARDI di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan negara selaras dengan kehendak Dasar Pertanian Negara. Nama bahagian-bahagian Penyelidikan dalam MARDI juga dinyatakan serta lokasi stesyen-stesyen penyelidikan yang terdapat di Pahang.

## 2. MARDI telah ditubuhkan mengikut Akta Parliman dalam tahun 1969 dengan fungsi-fungsi utama seperti berikut:-

- a. Menjalankan penyelidikan dari segi saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkaitan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemrosesan semua jenis tanaman (kecuali getah dan kelapa sawit) dan ternakan di negara ini.
- b. Berkhidmat sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat, berkenaan dengan perkara-perkara saintifik, teknikal dan ekonomi berhubung dengan perusahaan pertanian termasuk penerbitan laporan dan kertas-kertas kerja ilmiah yang berkaitan.
- c. Bertindak sebagai pusat pakar perkhidmatan perkembangan yang khusus dalam perusahaan pertanian.
- d. Memberi khidmat nasihat mengenai latihan lanjutan pekerja-pekerja bagi penyelidikan saintifik dan teknikal serta perkembangan pertanian.
- e. Mengeluarkan bantuan bagi maksud penyelidikan-penyelidikan saintifik, teknikal dan ekonomi berkaitan dengan perusahaan pertanian.
- f. Sentiasa mengadakan perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan lain, samada awam atau swasta, dalam negeri atau luar negeri yang mengambil bahagian dalam penyelidikan dari segi sains, teknik, ekonomi dan sosial berkenaan dengan perusahaan pertanian.

## 3. Dasar dan Keutamaan Penyelidikan

Selaras dengan kehendak Dasar Pertanian Negara (DPN) MARDI telah mengenal pasti dasar dan keutamaan penyelidikannya seperti berikut:-

- 3.1. Penyelidikan guna dalam bidang pembangunan bahan komoditi dan kejuruteraan akan dipergiatkan untuk memperbaiki hasil dan mutu pengeluaran disamping mempercepatkan proses meningkatkan teknologi.

- 3.2. Penyelidikan bahan komoditi ditumpukan kepada tanaman-tanaman untuk makanan dan industri, tanaman-tanaman export yang sedia ada dan tanaman-tanaman yang mempunyai potensi untuk export.
- 3.3. Penyelidikan dalam bidang-bidang pemrosesan, penyimpanan dan pengangkutan hasil-hasil pertanian serta juga penggunaan semula sisa-sisa bahan pertanian.
- 3.4. Penyelidikan juga diarahkan kepada penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan berupaya menggalakkan pembangunan pertanian secara perladangan dan besar-besaran.
- 3.5. Penyelidikan sosio-ekonomi dan pengumpulan data dilaksanakan secara berterusan bagi mengatasi kekurangan maklumat yang diperlukan untuk perancangan dan pelaksanaan pembangunan pertanian yang berkesan.

#### 4. Objektif MARDI

- 4.1. Untuk menghasilkan dan memperkenalkan bahan-bahan tanaman baka-baka ternakan serta sistem-sistem pengeluaran dan pengurusan yang wajar dan cekap yang berupaya meningkatkan daya pengeluaran.
- 4.2. Mewujudkan teknik-teknik pengurusan yang cekap dalam bidang pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan hasil-hasil pertanian bagi mengurangkan kehilangan lepastuai dan meningkatkan mutu.
- 4.3. Mewujudkan teknologi-teknologi pemrosesan makanan dan bukan makanan yang boleh meningkatkan penggunaan bahan-bahan pertanian dan bahan sampingan serta sisa-sisa pertanian bagi menambahkan nilai ditambah.
- 4.4. Mewujudkan sistem-sistem pengawalan tanaman dan ternakan terhadap mahluk perosok, penyakit dan lain-lain bencana.
- 4.5. Mewujudkan teknologi-teknologi pengeluaran yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan kejerihan kerja dan yang berupaya memajukan pertanian secara perdagangan dan besar-besaran.
- 4.6. Mengumpul dan memahami maklumat-maklumat asas berkenaan dengan sains dan teknologi pertanian bagi menyokong dan mengukuhkan penyelidikan gunaan.
- 4.7. Mengenal pasti peluang-peluang pasaran dan menentukan keperluan-keperluan permintaan hasil-hasil pertanian bagi menyokong perancangan dan menunjukkan arah penyelidikan.
- 4.8. Menerbit dan menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan dengan teknologi pertanian yang diperolehi melalui penyelidikan.

- 4.9. Melatih dan memberi khidmat nasihat kepakaran kepada pekerja-pekerja penyelidikan dan pelatih-pelatih kakitangan yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian dan;
- 4.10. Mempromosikan teknologi-teknologi yang telah diwujudkan dan memberi khidmat pakarunding mengenai pembangunan pertanian kepada golongan sasaran.

#### 5. Tujuan MARDI

Berpandukan kepada fungsi-fungsi yang telah diterangkan serta juga dasar dan objektif MARDI diatas, maka beberapa bahagian tertentu diwujudkan didalam MARDI bertujuan menghasilkan teknologi "package" supaya ianya dapat digunakan oleh golongan sasaran seperti petani dan nelayan dengan berkesan didalam memodenkan sektor pertanian.

Teknologi-teknologi "package" yang dihasilkan merangkumi teknologi-teknologi yang wajar, lengkap, efisien serta kos efektif.

Diantara bahagian-bahagian tersebut termasuklah Bahagian Penyelidikan Komoditi. Ini pula mengandungi beberapa bahagian seperti berikut:-

- Bahagian Penyelidikan Padi
- Bahagian Penyelidikan Koko/Kelapa
- Bahagian Penyelidikan Tembakau
- Bahagian Penyelidikan Buah-buahan
- Bahagian Penyelidikan Ternakan
- Bahagian Tanaman Pelbagai (sayur-sayuran, tanaman hiasan, lada hitam dan lain-lain).

Bahagian-bahagian di atas bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan dan perlaksanaan semua bidang-bidang penyelidikan dari peringkat pengeluaran sehingga ke peringkat lepastani termasuklah ujian penyusunan setempat dengan petani-petani di ladang.

Pendekatan penyelidikan akan mengandungi semua bidang-bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri komoditi berkenaan. Perlaksanaan program-program penyelidikan yang telah dikenalpasti adalah mengikut keutamaan betapa mustahaknya ia dalam menyelesaikan masalah komoditi berkenaan.

Untuk membantu MARDI menuju cita-citanya, ditubuhkan pula Bahagian Khidmat Sokongan Penyelidikan dan Pembangunan. Ianya terdiri daripada bahagian-bahagian seperti berikut:-

- i) Bahagian Makmal Penyelidikan Pusat
- ii) Bahagian Kajian Tekno-ekonomi dan Sosial

- iii) Bahagian Perkhidmatan Teknikal
- iv) Bahagian Teknologi Makanan
- v) Bahagian Promosi Teknologi

6. Stesyen dan Unit MARDI di Pahang

1. Pejabat MARDI Negeri (Wisma Sri Pahang)

- i. Ketua Pegawai MARDI Negeri (Wisma Sri Pahang) merangkumi berbagai-bagai tugas:-
  - a) Mewakili MARDI dan Ketua Pengarah MARDI bagi kegiatan MARDI di Pahang.
  - b) Mengaitkan hubungan MARDI dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian, FAMA, LKFP, LPP dan lain-lain lagi.
  - c) Memberi khidmat nasihat dan pakarunding berkenaan teknologi pertanian.
  - d) Mengalakkan projek-projek perintis dari segi pertanian.

Disamping Pejabat Ketua Pegawai MARDI yang terdapat di Kuantan (Wisma Sri Pahang) terdapat:-

- ii. Stesyen Penyelidikan MARDI Cameron Highlands Tanah Tata:-
  - tumpuan kepada bidang penyelidikan yang melibatkan tanaman dataran tinggi seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.
  - secara bersepadu (integrated system) mengawal serangga-serangga dan musuh sayur-sayuran.
- iii. Stesyen Penyelidikan MARDI Bukit Ridan, Mundzam Shah:-
  - bidang penyelidikan utama ialah ternakan lembu dan kerbau daging.
  - disamping itu terdapat juga penyelidikan bahagian buah-buahan dan koko/kelapa.
- iv. Stesyen Penyelidikan MARDI Sungai Baging, Kuantan:-
  - tumpuan kepada bidang penyelidikan tanaman pelbagai (sayur-sayuran) di atas tanah bris, tanaman makanan ternakan, gajus dan sains tanah.
- v. Unit MARDI Kuala Rompin:-
  - diwujudkan sebagai komponen MARDI didalam Projek Pembangunan Pertanian Rompin-Endau, dimana ia ber-


tanggungjawab menjalankan penyelidikan berhubung dengan tanamen padi serta juga menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi baru tanamen padi.

- ia juga berfungsi bagi menggalakkan penggunaan teknologi baru di bidang pertanian di kawasan Rempin dan Pekan.

vi. Unit MARDI Bentong:-

- diwujudkan sebagai komponen MARDI didalam Projek Pembangunan Pertanian Wilayah Pahang Barat dan bertanggungjawab menjalankan penyelidikan tanamen buah-buahan dan koko.
- ia juga berfungsi bagi menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi baru di bidang pertanian di enam buah daerah di Pahang Barat iaitu Bentong, Temerloh, Maran, Jerantut, Raub dan Kuala Lipis.

Penyaluran Dan Pengubahsuaian Maklumat Penyelidikan



## Pencapaian MARDI Di Pahang

### Koko

Klon-klon koko yang berpotensi dicuba dibeberapa kawasan di Pahang Barat. Klon-klon ini termasuklah KKM 1, KKM 2, KKM 5, KKM 6, KKM 7, dan klon-klon MHP dan MJS. Penyelidikan dibuat juga dengan tanaman koko solingan dengan pokok buah-buahan dan kelapa. Teknologi cantuman baru juga digalakkan. Memandangkan Pahang Barat dibuat dengan tanaman koko klon-klon yang berpotensi dicuba dari segi kesesuaian.

### Buah-Buahan

Penyelidikan tentang pengeluaran pisang-pisang emas, rastali dan pisang nangka dikaji di Pahang Barat. Bagi tanah-tanah Bris (Kuantan, Pekan dan Rompin) jenis-jenis tembikai seperti 'Yellow Baby' dan 'New Dragon' dan melon wangi mempunyai potensi.

### Jagung Dan Lain-Lain Tanaman

Jagung manis 'Thai Supersweet' adalah sesuai bagi kawasan-kawasan di Pahang seperti di Lancang, Bentong. Pengeluaran didapati diantara 17,000 - 45,000 tonggkol sehektar.

Bagi jenis-jenis sayuran Asparagus, Cauliflower, Broccoli, kacang bendi mempunyai potensi di Pahang terutama di kawasan-kawasan Kuantan, Pekan dan Rompin. Bagi tanaman Asparagus MARDI sudahpun mempunyai teknologinya.

Sistem-sistem tanaman juga dibuat kajian di Pahang.

### Ternakan

Penyelidikan dari segi ternakan lembu daging tidak ketinggalan. Penggunaan baka-baka kacukan yang berpotensi seperti Hereford x lembu Kedah-Kelantan diselidik secara integrasi dengan kelapa sawit (Jengka) sedang berjalan dengan pesat. Tumbesar adalah lebih 1.0 kg sehari bagi baka-baka ini. Penggemukan dengan menggunakan hampas-hampas kelapa sawit juga diselidiki di Jengka. Penanaman dan penyelidikan penanaman pokok petai belalang (jenis ML 1 dan ML 2) sebagai sumber makanan protin tambahan untuk binatang di-Kuantan, Rompin dan Pekan.

## KERTAS KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG.

### Peranan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang.

#### Pendahuluan:

Kertas ini ditulis dengan tujuan khusus memaklumkan kepada peserta-peserta konvensyen berhubung tujuan, matlamat, strategi serta pencapaian Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang.

Objektif utama Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang merangkumi dua perkara iaitu:-

1. meningkatkan pengeluaran bahan makanan seperti daging, susu, ayam dan telur sesuai dengan peningkatan permintaan terhadap bahan makanan tersebut yang semakin bertambah. Bahan-bahan tersebut dapat disampaikan kepada pengguna di dalam keadaan yang bersih dan selamat dimakan.
2. Meningkatkan pendapatan penternak kesatu tahap yang sekurang-kurangnya melebihi taraf kemiskinan semasa.

#### Matlamat Jabatan.

- Daging ditingkatkan ke paras 80% dari permintaan tahun 1990.
- Daging ayam ke paras 100% dan eksport.
- Telor dikelakan seperti pengeluaran sekarang (20%)
- Pengeluaran susu 1.4 juta liter setahun pada tahun 1990.

#### Keadaan semasa.

Adalah didapati bahawa peningkatan pengeluaran daging Negeri Pahang adalah lembab. Taksiran pengeluaran daging tempatan (Negeri Pahang) pada tahun 1980 adalah 863 ton metrik dan pada 1983 899.5 ton metrik. Peratus sumbangan pengeluaran daging tempatan terhadap penggunaan bahan tersebut menurun dari 88.4% (1980) kepada 65.2% dalam tahun 1983. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan yang cepat ekoran dari kadar pertumbuhan penduduk dan taraf hidup yang tinggi.

#### Strategi.

Beberapa strategi telah disusun bagi mencapai objektif di atas iaitu:-

#### 1. Pembangunan Penternak Kecil.

Dianggarkan 70% pengeluaran hasil ternakan adalah melalui

Penternak kecil. Oleh yang demikian strategi Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran melalui pembangunan penternak kecil. Namun demikian pehak swasta juga digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam perusahaan ternakan.

2. Mengurangi kos Pengeluaran dan meningkatkan keuntungan.

Untuk mengurangi kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan kaedah pemeliharaan secara intergrasi dengan perladangan terutama perladangan kelapa sawit dan getah juga akan mendapat tumpuan perhatian Jabatan. Program penggemukkan ternakan lembu daging secara intensif (feedlot) dipertingkatkan. Ini merupakan strategi jangka pendek untuk meningkatkan pengeluaran daging.

3. Perkhidmatan Kesihatan Jabatan ditumpukan kepada pencegahan penyakit dan mengurangi kematian dan kerugian penternak dan dengan itu meningkatkan pengeluaran dan pendapatan.

4. Latihan Penternak dan kakitangan dirangka untuk tujuan peningkatan kemahiran di dalam semua bidang ternakan. Perubahan sikap penternak melalui program pengembangan akan ditingkatkan.

Program Jabatan.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang telahpun menyemak semula serta memperbaiki programnya sejajar dengan DPN (Dasar Pertanian Negara). Diantaranya ialah:-

- i) Rancangan Ternakan Lembu/Kerbau.
- ii) Pembangunan kawasan Padang Ragut sebagai Pusat Kemajuan Ternakan.
- iii) Projek intergrasi dengan tanaman utama/perladangan.
- iv) Pembangunan Tenuku.
- v) Program kesihatan dan kawalan penyakit.
- vi) Pembangunan penternak kecil melalui sekim bimbingan penternak komersial.

1) Rancangan Ternakan Lembu/Kerbau.

Dua rancangan utama akan dijalankan:-

- a) Rancangan Pemeliharaan Bibit.
- b) Rancangan Penggemukkan.

a) Rancangan Pemeliharaan Bibit.

Penternak digalakkan memelihara 1 unit mengandungi sekurang-kurangnya 20 ekor ternakan yang membiak. Penternak dipilih dari kawasan persekitaran padang ragut-padang ragut, tanah-tanah terbiar, dusun ladang kelapa sawit atau kawasan-kawasan lain yang ada sumber rumput dan makanan yang lain. Cara pemeliharaan secara



lepas/bebas atau separah bebas. Bantuan pinjaman ternakan akan disediakan oleh Jabatan. Pinjaman melalui Bank Pertanian juga digalakkan.

b) Rancangan Penggemokkan Anak-Anak Lembu Jantan secara intensif (feedlot)

Rancangan ini melibatkan pemeliharaan anak-anak lembu jantan (umur 6 - 12 bulan) untuk diperbesar dari berat badan asal 150kg - 200kg kepada mencapai berat badan 350kg - 400kg. Jenis lembu yang akan digunakan ialah dari baka kacukan pedaging. Pemeliharaan adalah secara 'feedlot' dengan memberi makanan campuran rumput dan PKE (dedak Isirong Palma) atau 100% makanan siap (Palm Kernel Pellet). 1 unit pemeliharaan tidak kurang dari 10 ekor.

11) Pembangunan Kawasan Padang Ragut Sebagai Pusat Kemajuan Ternakan.

Terdapat sejumlah 268 kawasan simpanan Padang Ragut dimana jumlah keluasanya adalah 16,423 hektar. Satu pengurusan yang cekap perlu diwujudkan jika padang ragut ini diurus secara komersial dan disamping itu aktiviti ekonomik akan diwujudkan.

a) Projek Intergrasi Tanaman Pokok-Pokok Komersial dengan pemeliharaan Ternakan (kelapa sawit)

Selain dari kelapa sawit pokok-pokok buah-buahan seperti Rambutan, Mangga, Ciku dan Manggis boleh dicadangkan (kecuali Durian). Padang ragut yang sesuai akan dimajukan oleh Jabatan kemudian akan diserahkan kepada penduduk/penternak setempat untuk menguruskan sebagai sebuah perladangan ternakan kecil. Sumber ternakan yang akan dibiak adalah dari penternak sendiri yang ingin memasuki rancangan. Walau bagaimanapun pemilihan baka (selection) akan dibuat sebelum ternakan tersebut dipelihara secara berkelompok di dalam padang ragut tersebut. Peserta-peserta digalakkan menjadi ahli PPK. Sistem pengurusan yang dinamik akan dilaksanakan oleh 2 J/Kuasa iaitu J/K Kerja dan J/K Pengurusan. Mereka ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan projek. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini pengurusan ini akan berjalan secara berjawatkuasa sehingga tahap penyenggaraan organisasi/keuangan mantap dan kuat. Sebuah syarikat akan ditubuhkan. Sistem equiti akan diperkenalkan kepada penternak apabila projek telah berjalan. Bayaran keuntungan projek ialah seperti berikut:-

- i) 65% daripada keuntungan bersih projek akan dibayar kepada peserta mengikut sistem equiti.
- ii) 25% untuk kegunaan modal kerja.
- iii) 5% bayaran insentif kepada J/K Pengurusan dan J/K kerja mengikut yang diputuskan oleh J/K Pengurusan.
- iv) 5% kos perkhidmatan PPK sebagai penyelenggaraan akaun.

Pokok-pokok komersial seperti kelapa sawit akan ditanam 30 - 50% dari kaedah penanaman biasa bagi membolehkan pastura/fodder yang ditanam diantara pokok-pokok komersial tumbuh dengan memuaskan. Padat isi bilangan ternakan (stocking density) dalam projek-projek intergrasi adalah ditetapkan tidak kurang daripada 2.5 ekor/hektar (1 ekor seekar).

b) Projek Pemeliharaan ternakan.

Di bawah projek penggemukkan (feedlot) dan Tenusu kecil, padang ragut yang mempunyai keluasan kurang dari 40 hektar boleh dipertimbangkan. Program ini merupakan program jangka pendek untuk meningkatkan pengeluaran daging. Baka-baka kacukan pedaging akan dipilih, bagi sistem intensif. Modal untuk projek ini dicadang diperolehi sebahagian besarnya melalui pinjaman Bank Pertanian. Pinjaman yang diperlukan adalah modal untuk membeli anak-anak lembu, kos infrastruktur, premium insuran dan sebahagian dari kos makanan. Pemberian makanan akan berasaskan kepada:-

- a) Rumput ragutan/rumput potong 100%
- b) Rumput dan makanan tambahan
- c) Makanan kosentrat, adunan atau lain hasil sampingan pertanian secara 100%.

c) Projek Penanaman Tanaman Makanan Ternakan.

Penanaman makanan ternakan dimana hasil dari tanaman tersebut boleh digunakan/dibeli oleh penternak. Ini termasuk rumput basah, kering, jagung, ubi kayu, petai belalang dan lain-lain yang dianjurkan oleh Jabatan. Bagi penanaman tanaman makanan ternakan, konsep ini adalah baru dan memerlukan beberapa kajian lanjut. Walaupun potensi keperluan bahan makanan ternakan seperti jagung adalah tinggi beberapa faktor lain perlu dikaji terutama dari segi kos pengeluaran serta kesediaan pengilang-pengilang makanan ternakan membelinya.

111) Projek Intergrasi dengan tanaman utama.

Untuk mengurangi kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan kaedah pemeliharaan secara intergrasi dengan perladangan terutama perladangan kelapa sawit dan getah akan ditumpukan oleh Jabatan. Adalah dicadangkan pemeliharaan kelapa sawit/lembu dan getah/biri-biri dijalankan secara berperingkat di kawasan FELDA atau FELCRA. Projek ini juga akan dijalankan secara intergrasi bercorak perladangan komersial dengan cara pertubuhan atau korporasi yang dikendalikan oleh Jawatankuasa kerja bersama-sama pentadbiran FELDA/FELCRA/RISDA/Syarikat Swasta atau Pemilik ladang.

Belok-belok FELDA/FELCRA akan diselaraskan bagi menampung ternakan (bibit) yang ada atau ternakan yang akan dimasukkan. Ternakan-ternakan jantan akan dimestikan menyertai projek penggemukkan.

Satu projek printis telahpun dilaksanakan di FELDA Seberang

Triang, dimana sejumlah 100 ekor bibit akan ditempatkan di Belok-Belok yang telah pun dicamkan. Sistem ini telah pun memberi kefahaman kepada penëroka bahawa pentingnya pengurusan yang teratur dalam kontak penternakan yang sebenarnya. Sistem ini bahkan dapat mengurangkan kos merumpai bagi pihak pengurusan disamping menambah pendapatan sampingan peserta daru jualan ternakan.

#### IV) Pembangunan Tenusu.

Pembangunan Tenusu (Ternakan lembu susu) meliputi 3 daerah iaitu Bentong/Jerantut/Cameron Highlands. Tiap-tiap satu kawasan ini mempunyai satu pusat Tenusu (PPS) untuk menyalurkan perkhidmatan yang perlu. Semua pusat-pusat sudah berfungsi lengkap dengan kelengkapan dan kemudahan untuk mengendalikan susu. Jumlah penternak di ketiga-tiga pusat ini ialah 98 penternak dan mengeluarkan hasil susu 750 liter sehari. Pusat pusat juga digalakkan membuat dan memasarkan bahan-bahan susu seperti dadih dan lain-lain. Pekebun-pekebun kecil tenusu digalakkan dan dimajukan untuk menjadi unit-unit tenusu yang ekonomik, membuat usaha tenusu sebagai punca utama pendapatan. Daya pengeluaran yang tinggi dan kecekapan pengeluaran menuju konsep perladangan komersial.

#### V) Program Kesihatan

Program dijalankan sebagai sokongan kepada Industri ternakan di Negeri Pahang iaitu program kesihatan ternakan dan kesihatan awam Veterinar. Di bawah program kesihatan, perkhidmatan dan langkah-langkah berikut dipertingkatkan:-

- a) Perkhidmatan rawatan klinikal/ambulatori.
- b) Kesihatan Berkelompok.
- c) Pencegahan dan penghapusan penyakit.
- d) Perkhidmatan makmal/diagnostik.

Dalam usaha untuk menyampaikan bahan makanan dalam keadaan bersih dan berkhasiat langkah-langkah berikut diperkemaskan:-

- a) Pemeriksaan ternakan sebelum dan selepas sembelih.
- b) Mengawas/mengubahsuaikan Rumah-rumah Sembelih.
- c) Pemeriksaan susu sebelum ianya dijual atau dipasarkan.

#### VI) Pembangunan Penternak Kecil melalui Sekim Bimbingan Penternak Komersial.

Sekim ini adalah satu usaha membimbing penternak ke arah meningkatkan pendapatan dengan mengujudkan unit-unit penternakan komersial.

Dalam melaksanakan sekim ini tumpuan adalah ke arah memaksimumkan pengeluaran ladang serta menggalakkan aktiviti penternakan yang lebih ekonomik.

Di bawah sekim ini latihan akan diberi kepada penternak dalam cara-cara pengurusan penternakan, pengurusan modal dan pemasaran dengan tujuan membangunkan keluarga penternak lebih progresif dan berdikari. Rancangan Ternakan yang diperkenalkan di bawah sekim ini ialah:-

- = Rancangan Pemeliharaan Bibit
- = Rancangan Penggemukkan.

Sikap penternak merupakan perkara pokok di dalam dafinasi jabatan bagi penternak komersial. Mereka hendaklah mengangap penternak merupakan satu perusahaan dimana modal dan pelaburan diperlukan dan memperhitungkan pula pendapatan dan keuntungan. Dari segi fizikalnya setiap penternak memelihara tidak kurang dari 20 ekor induk dan 20 ekor lembu jantan untuk sekim penggemukkan.

Program ini diharap dapat mempercepatkan peningkatan yang lumayan dari aktiviti penternakan dan dijangka dapat memaksimumkan pengeluaran ladang atau aktiviti pertanian sesuai dengan Dasar Pertanian Negara.

PENCAPAIAN PENGELUARAN HASIL KELUARAN TERNAKAN NEGERI PAHANG  
( Dalam tempoh RM - Keempat )

Tahun	1981	1982	1983	1984	1985*	Jumlah
Pengeluaran daging tempatan (ton metrik)	813	879.7	899.5	1,014.2		2,604.4
Pengeluaran daging ayam (ton metrik)	1,591	1,676	1,950	2,188	TD	7,405
Pengeluaran telur ayam (1000 biji)	TD	TD	2,499	TD	TD	2,499
Pengeluaran Susu (liter)	BO	BO	125,107	240,714	TD	365,921
Pengeluaran anak ayam (ekor)	200,000	210,000	220,000	220,000	TD	850,000
		TD	- Data belum dikumpulkan.			
		BO	- Belum Operasi.			

PENCAPAIAN PROGRAM JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN PAHANG  
( TEMPUH RM - 4 (1981 - 1985) )

Nama Program	Pencapaian sehingga Jun 1985	Catatan
1. Rancangan Ternakan Lembu/Kerbau	Bil diagihkan Lembu Pawah 1229 ekar Bil diagihkan Kerbau Pawah 87 ekor Jumlah Hasil: \$779,772	
2. Pembangunan Padang Ragut sebagai Pusat Kemajuan Ternakan	Padang Ragut: 1,200 ekar Petak Persendirian 1,100 ekar Padang Ragut dan Kelapa sawit 400 ekar	Di dalam Kawasan Projek Pahang Barat (3 projek).  Di Sebertak, Triang.
3. Projek Intergrasi/Perladangan	1 projek percubaan.	
4. Rancangan Pembangunan Tenusu	3 buah FPS Penternak 98 orang Pendapatan: \$500/= ke atas 10 orang 350/- - 500/= 25 orang 350 ke bawah 63 orang	Bentong, Jerantut, C.Highland  Pendapatan ini tidak termasuk jualan anak jantan.
5. Rancangan Kesihatan Ternakan	Kerja penapisan Penyakit: 1500 contoh.	
6. Sekin Bimbingan Penternak Komersial	Projek bimbingan di seluruh daerah.	Projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 1986.

**STRATEGI PEMBANGUNAN NELAYAN KEARAH  
PEMBASMIAN KEMISKINAN**

Disediakan oleh:

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),  
Negeri Pahang.**

**(KONVENSYEN ANJURAN UMNO NEGERI PAHANG,  
KUANTAN, PAHANG,  
13HB. HINGGA 15HB. SEPTEMBER, 1985)**

Bertarikh: 11hb. September, 1985

STRATEGI PEMBANGUNAN NELAYAN KEARAH  
PEMBASMIAN KEMISKINAN

1. DASAR

- 1.1 LKIM diwujudkan dengan tujuan meninggikan taraf hidup dan sosio-ekonomi kaum nelayan serta memajukan sektor perikanan. Setelah wujud 13 tahun lamanya, hasil dan kesan usahanya dapat dilihat melalui pelaksanaan program-programnya yang telah diluluskan oleh kerajaan.
- 1.2 Mengikut Dasar Pertanian Negara (DPN), sektor perikanan telah dikategorikan sebagai satu komponen dalam bidang pertanian yang terlibat dalam pengeluaran makanan (ikan). Selaras dengan ini, garis panduan dasar pembangunan sektor ini dirumuskan seperti berikut:-
  - a. Keperluan ikan negara akan dipenuhi melalui penggunaan kaedah moden dalam mengusahakan sepenuhnya sumber-sumber perikanan.
  - b. Penangkapan ikan dilaut akan dipertingkatkan melalui penggunaan kepakaran tempatan dan luar negeri dengan mengadakan bot-bot penangkapan ikan yang mencukupi.
  - c. Perusahaan ternakair akan dimajukan untuk menampung bekalan ikan tempatan. Disamping itu, industri ini juga mempunyai potensi yang besar dari segi pendapatan eksport. Oleh yang demikian, pembangunan industri ini akan digalakkan.
- 1.3 Dalam pelaksanaan program pembangunan sektor perikanan, matlamat utama LKIM ialah:-
  - a. Memaksimumkan pendapatan (nelayan) dari usaha penangkapan ikan dan ternakair.
  - b. Memajukan perusahaan supaya ianya dapat lebih menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.
- 1.4 Polisi dan strategi pembangunan sektor perikanan di negara ini telah jelas dinyatakan dalam Majlis Tindakan Negara, 1982. YAB. Perdana Menteri telah menegaskan bahawa masa hadapan perikanan terletak kepada kemampuan mengadakan industri yang moden, besar dan produktif. Bagi maksud itu, LKIM hendaklah merancang dan melaksanakan program-program tertentu supaya keperluan tenaga manusia, peralatan dan kepandaian mengikut bilangan jenis dan peringkat dapat diadakan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun.



2. STRATEGI

2.1 Untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara dan Majlis Tindakan Negara, strategi yang dicurahkan oleh LKIM adalah seperti berikut:-

a. Perikanan Laut Pantai

2.1.1 Strategi pembangunan dalam perikanan laut pantai ialah bagi menyusun semula dan mengkonsolidasikan struktur perusahaan berkenaan dari segi bot penangkapan ikan dan nelayan berbanding dengan sumber perikanan laut yang ada bagi mencapai kadar eksploitasi yang optima. Memandangkan bahawa sumber perikanan laut pantai sedang merosot, usaha penangkapan perlu dikurangkan. Ini bermakna sebilangan bot dan nelayan perlu dikeluarkan dari sektor tersebut. Usaha juga diambil untuk membaik pulih sumber perikanan laut pantai supaya nelayan yang akan kekal dalam sektor ini dapat memperolehi hasil tangkapan yang baik.

b. Perikanan Laut Dalam

2.1.2 Strategi untuk memajukan perikanan laut dalam ialah melalui dua peringkat:-

- (i) Kepakaran dan modal tempatan bagi perairan diantara 12 hingga 30 batu notikal dari pantai; dan
- (ii) Kepakaran dan modal negeri asing secara langsung atau usahawan dengan usahasama tempatan bagi perairan lebih dari 30 batu notikal dari pantai. Oleh kerana penangkapan ikan laut dalam melibatkan pelaburan yang tinggi, teknologi yang lebih sofistikated dan risiko yang tinggi, berbagai galakan seperti penyediaan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah, penghapusan cukai keatas alat-alat, penyediaan kredit galakan cukai dan sebagainya perlu diadakan.

c. Ternakaair

2.1.3 Perusahaan ternakaair akan dimajukan dengan dua cara:-

- (i) Rancangan ternakaair anjuran kerajaan dengan penyertaan nelayan secara pekerjaan sepenuh masa dan
- (ii) Rancangan ternakaair secara estet oleh sektor swasta. Usaha akan ditumpukan kepada jenis ternakan (species) yang mana teknologi ternakan serta pengeluaran benih tidak menjadi masalah.

Seimbang dengan usaha memajukan perusahaan ternakair, teknologi ternakan dan pengeluaran benih dan makanan bagi jenis-jenis ternakan tertentu perlu dipertingkatkan untuk menjamin supaya perusahaan ternakair dapat diperluaskan tanpa rintangan.

(d) Pemasaran

- 2.1.4. Usaha akan dijalankan untuk mewujudkan satu sistem pemasaran ikan yang cekap supaya ianya dapat mempercepatkan pembangunan perikanan serta membolehkan nelayan memperoleh harga yang berpatutan. LKIM tidak akan menjalankan perniagaan secara langsung tetapi memberikan khidmat sokongan dalam aspek-aspek berikut:-
- (i) Galakan Penyertaan nelayan didalam pemasaran hasil tangkapan mereka melalui PN;
  - (ii) Peningkatan infrastruktur fizikal pemasaran (termasuk pendaratan ikan);
  - (iii) Mengurangkan pembaziran melalui pengenalan cara pengendalian ikan yang cekap;
  - (iv) Membangunkan saluran pemasaran; dan
  - (v) Meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputra dalam pemasaran ikan.

(e) Pembangunan Sosial Dan Institusi

- 2.1.5 Usaha ditumpukan untuk memberi dorongan memupuk semangat, berdikari dan saling bantu antara satu sama lain dikalangan nelayan melalui latihan dan pembangunan institusi nelayan (PN) yang berkesan. Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan sosial akan juga dipercepatkan supaya suasana kerja dan tempat tinggal di kawasan nelayan diwujudkan supaya kualiti hidup nelayan dapat dipertingkatkan. Program pembangunan masyarakat diadakan bagi membentuk satu masyarakat nelayan yang mana anggotanya menjadi lebih sedar dan berusaha untuk mencapai pembangunan, malahan bersedia menyahut, menyokong dan membantu didalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang disediakan untuk kebaikan mereka. Persatuan Nelayan akan diperkukuhkan supaya ianya akan menjadi satu institusi nelayan yang berkesan dan berupaya menjalankan kegiatan-kegiatan yang bermanfaat kepada ahli-ahlinya.

(f) Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN)

- 2.1.6 Pelaksanaan segala program-program pembangunan khususnya untuk faedah nelayan akan dibuat secara bersepadu dibawah konsep Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN). KPN berfungsi sebagai ejen pemusatan untuk menyalurkan segala kemudahan dan perkhidmatan bagi keperluan masyarakat nelayan serta bagi memajukan sektor perikanan pada keseluruhannya. Setakat ini pejabat-pejabat

KPN telah ditubuhkan di 9 kawasan di Semenanjung Malaysia termasuk KPN Kuala Pahang - Nenas yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri dalam bulan Mac 1985 yang lalu. Bagi tempoh 1985 - 1990, 11 lagi KPN akan diwujudkan termasuk KPN Kuantan dijangka dalam tahun 1988.

MASALAH

- 3.1 Pepatah Melayu ada berkata: "Manusia hanya dapat merancang tetapi Tuhan sahaja yang menentukan". Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menjadikan penentuan Allah sebagai suatu alasan yang menyebabkan kegagalan. Kebanyakan daripada kegagalan projek-projek yang dijalankan oleh LKIM adalah atas faktor-faktor yang berpunca daripada kelemahan manusia sendiri. Setelah wujud sekian lama dan setelah berusaha menjalankan berbagai-bagai projek, pengalaman yang diperolehi oleh pihak pengurusan LKIM menunjukkan bahawa kegagalan-kegagalan berlaku kerana perkara-perkara berikut:-
- (a) Perancangan yang tidak rapi.
  - (b) Pelaksanaan projek secara tergesa-gesa mengikut kehendak sesuatu pihak yang tertentu.
  - (c) Pengurusan projek yang lemah berdasarkan kurang kemahiran dan pengalaman.
  - (d) Sikap negatif dan dingin para nelayan terhadap projek yang dilaksanakan.
- 3.2 Masalah yang disebutkan di perenggan 4.1 (a), (b) dan (c) adalah masalah pengurusan yang dapat diatasi oleh LKIM sendiri. Walau bagaimanapun, masalah yang disebutkan di perenggan 4.1 (d) adalah masalah yang rumit yang hanya dapat diatasi dengan adanya kerjasama daripada para nelayan sendiri.
- 3.3 Sikap negatif dan dingin, para nelayan terhadap projek yang dilaksanakan oleh LKIM berpunca daripada beberapa sebab:-
- (a) Para nelayan tidak faham atau salah faham tentang tujuan sesuatu projek yang dilaksanakan.
  - (b) Para nelayan menganggap projek yang dilaksanakan tidak memenuhi kehendak mereka tetapi sekadar memenuhi kehendak kerajaan.
  - (c) Para nelayan berpendapat bahawa projek-projek yang dijalankan dibiayai penuh oleh kerajaan dan mereka tidak hirau tentang pembaziran.
  - (d) Semangat kekitaan tidak ada dikalangan para nelayan dimana segala pemberian yang dibuat oleh kerajaan samada melalui 'Launching Grant' atau subsidi tidak dihargai atau tidak dijaga dengan baik.
  - (e) Sikap bergantung kepada bantuan daripada kerajaan dan kurang berusaha sendiri.

- (f) Sikap berpuas hati dengan kadar pendapatan dan taraf hidup yang ada sekarang dan tidak berminat untuk meningkatkannya.
  - (g) Tidak ada perhubungan yang sihat dan kurang persefahaman diantara nelayan dan pegawai cawta kakitangan LKIM.
- 3.4 Selagi sikap dan perasaan yang disebutkan di atas tidak dihapuskan, maka selama itulah kita akan menemui kegagalan. Pihak kerajaan pun telah menyedari bahawa penumpuan yang dibuat selama ini terhadap pembangunan kurang memberi kesan dan kejayaan, oleh kerana adanya gejala-gejala ini dikalangan kumpulan sasaran. Kursus-kursus kesedaran, kerohanian, kepimpinan dan penerapan prinsip-prinsip Islam diadakan dengan pesat akhir-akhir ini dengan tujuan untuk menyedarkan para nelayan tentang peranan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara. Dengan adanya kesedaran, kejayaan pasti akan dapat dicapai.
- 3.5 Selaras dengan program pembangunan dari segi ekonomi, program sosial juga diaturkan untuk menyemangatkan peningkatan taraf hidup dengan penambahan pendapatan kaum nelayan. Kesedaran tentang penghargaan nilai-nilai hidup kekeluargaan dan kemasyarakatan adalah perlu untuk mengujudkan kesentosaan dalam hidup mereka.

#### PROGRAM LKIM

- 4.1 Berasaskan kepada dasar, strategi dan masalah yang telah dikenalpasti ini, LKIM telah menyusun beberapa program pembangunan untuk mencapai hasrat tersebut. Program-program yang diwujudkan itu bercorak pembangunan dan juga perkhidmatan. Program Pembangunan terdiri daripada:-

- (a) Program Pembangunan Perikanan Laut,
- (b) Program Ternakair, dan
- (c) Program Pembangunan Masyarakat Nelayan.

Manakala Program Perkhidmatan pula terdiri daripada:-

- (a) Program Penyediaan Infrastruktur Nelayan, dan
- (b) Program Pemasaran.

- 4.2 Program-program yang tersebut di atas disusun dengan rapi dengan matlamat yang sama. Cara ringkas, pecahan program-program ini adalah seperti berikut:-

(A) Pembangunan Perikanan Laut

(i) MODERNISASI PENANGKAPAN IKAN

- Skim Pemilikan Bot (Sewabeli) dibawah skim ini, para nelayan akan berpeluang memiliki bot-bot yang diusahakan, apabila mereka telah berjaya membayar balik harga bot-bot yang dibina oleh kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Skim ini juga mempunyai komponen latihan yang berbentuk kempen kesedaran atas tanggungjawab dan daya kepimpinan para peserta dan juga latihan berbentuk kemahiran bagi meningkatkan prestasi kerja dan produktiviti.

- Skim Kemudahan Kewangan (SKK) dibawah skim ini, LKIM menyediakan kemudahan kredit dengan pemberian insentif kepada nelayan-nelayan untuk memiliki bot atau untuk meningkatkan bot mereka. LKIM akan mengenalpasti kumpulan sasaran serta projek (bot) yang viable untuk dibiayai menerusi skim ini dan Bank Pertanian Malaysia akan dilibatkan dalam penguatkuasaan pinjaman dari segi mengeluarkan pinjaman dan juga mengutip balik pinjaman.

(ii) MODENISASI AKTIVITI BERKAITAN

- Projek Teknologi Baru: meliputi 3 aspek iaitu:-

Projek Gerak Nelayan Mengawal Keselamatan Di laut

Bot-bot nelayan akan dibekalkan dengan kemudahan radio untuk memudahkan perhubungan dan keselamatan nelayan akan lebih terjamin apabila perluasan perairan negara dikuatkuasakan sehingga 200 batu notikal dari garis pantai melalui Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).

Projek Gerak Nelayan Dalam Menambahkan Hasil Tangkapan

Salah satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah pemusnahan kawasan pembiakan ikan di kawasan pantai ialah dengan pembinaan Tempat Pengumpulan Ikan (TPI) yang terdiri daripada Tukun Tiruan dan Unjam-unjam yang diperbuat dari tayar-tayar buruk, bot buruk dan konkrit.

Projek Teknologi Peralatan

Dibawah projek ini, tumpuan diberi kepada pengenalan peralatan-peralatan elektronik seperti sonar, radar, fish-finder, pukot jerut 'powerblock' rawai automatik, pukot sotong, bubu ketam dan penggunaan lampu penarik pukot jerut kepada nelayan-nelayan.

(iii) Program Peningkatan Perusahaan Memproses Ikan

Dalam pelaksanaan skim ini, LKIM akan mengujudkan pusat memproses ikan sebagai projek industri desa di kampung nelayan yang berpotensi. Hasil-hasil pengeluaran yang akan diproses termasuklah ikan kering, ikan bilis, keropok, belacan, budu, satay ikan dan bebola ikan (fishball).

Selain daripada modul pusat memproses ikan, skim latihan juga diberi keutamaan dimana latihan kemahiran dalam bidang pemrosesan dan usahawanan diberi penekanan dan peruntukkan.

(B) Program Ternakair

(i) Projek Menternak Udang Air Payau

Projek ini akan dilaksanakan dibawah sistem unit keluarga atau Konsep Unit Keluarga (KUK) secara kelompok. Setelah pembinaan kolam siap, sekumpulan 50 nelayan akan diambil untuk mengusahakan kolam-kolam tersebut yang keluasan lebih 60 hektar. Kolam-kolam berkenaan akan disediakan kepada para peserta projek selama satu tempoh dimana kos projek dapat dikutip semula.

(ii) Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar/Kurungan (KUK)

Ternakan Ikan Dalam Sangkar adalah satu sistem pengurusan ternakair dimana ikan dikurung di dalam sangkar-sangkar yang terapan diperairan yang mempunyai pengaliran air yang cukup. Dibawah program ini para peserta akan dilibatkan sepenuh masa didalam usaha ternakan ini dan secara tidak langsung menarik mereka keluar dari usaha tangkapan ikan di laut.

(iii) Projek Penetasan Ikan/Udang Air Payau

Projek ini bertujuan untuk mengeluarkan benih ikan siakap dan udang belang bagi keperluan projek-projek ternakair LKIM. Luas kawasan ialah 4 - 12 hektar. Projek akan menjalankan penetasan udang belang, siakap dan kerapu dimana sesuai.

(iv) Program Latihan/Lawatan Sambil Belajar Untuk Para Peserta Projek Ternakair

Dibawah program ini, nelayan ternakair akan dihantar untuk berlatih dan belajar teknik-teknik ternakan ikan di dalam dan di luarnegeri. Pengalaman dari latihan dan lawatan sambil belajar mempunyai daya pengeluaran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang ternakan mereka.

(C) Program Pembangunan Masyarakat Nelayan dan Institusi Nelayan

1. Pembangunan Sosial dan Institusi Nelayan yang dirancang ini mempunyai matlamat berikut:-

(i) Membentuk masyarakat yang

- mempunyai sikap yang bersesuaian dengan pembangunan;
- bersedia menerima inovasi;
- melibatkan diri dalam pembangunan.

(ii) Membantu mengadakan matlamat ini beberapa program kecil telah diatur seperti berikut:-

Projek ini bertujuan untuk membangunkan benih ikan siakap dan udang belang bagi keperluan projek-projek ternakair LKIM. Luas kawasan ialah 4 - 12 hektar. Projek akan menjalankan penetasan udang belang, siakap dan kerapu dimana sesuai. ...8/-

Program Latihan/Lawatan Sambil Belajar Untuk Para Peserta Projek Ternakair

Projek ini bertujuan untuk membangunkan benih ikan siakap dan udang belang bagi keperluan projek-projek ternakair LKIM. Luas kawasan ialah 4 - 12 hektar. Projek akan menjalankan penetasan udang belang, siakap dan kerapu dimana sesuai.

(a) Program Kecil Galakan Pembangunan Masyarakat Nelayan

Bertujuan untuk melahir satu masyarakat yang sadar, bertanggungjawab dan berusaha untuk kepentingan masyarakatnya. Aktiviti yang telah dirancang ialah:-

- Kursus Kepimpinan.
- Ceramah Kewangan.
- Ceramah Kerohanian.
- Ceramah Kebajikan/Penabungan Kesihatan dan sebagainya.

(b) Program Kecil Galakan Pembangunan Masyarakat Keluarga Nelayan

Program kecil ini menitikberatkan aspek pelajaran masyarakat nelayan sebagai satu usaha untuk meningkatkan pencapaian anak-anak nelayan dibidang pelajaran. Projek-projek ini termasuklah mengadakan:-

- Kelas-kelas bimbingan untuk anak-anak nelayan yang mengikuti peperiksaan;
- Kelas TADIKA;
- Kelas Ekonomi Rumahtangga;
- Bantuan Pelajaran, dan
- Penyediaan bahan-bahan bacaan.

Pelaksanaan projek-projek ini tidaklah dibuat secara bersendirian oleh LKIM tetapi adalah dengan kerjasama dari agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya KEMAS, dan juga masyarakat tempatan.

(c) Program Kecil Galakan Pembaikan dan Penyediaan Kemudahan Fizikal

Projek yang boleh dipertimbangkan ialah:-

- Kemudahan untuk industri perikanan seperti jeti kecil dan sebagainya;
- Jambatan kecil/titian/pelantar;
- Balai Serbaguna;
- Jalan-jalan Kampung;
- Surau;
- Perigi/Bekalan air;
- Tempat rekreasi;
- Tandas;
- Pengindahan kampung.

(d) Program Kecil Galakan Penin,katan Kemahiran dan Keusahawanan

Diantara kursus/latihan yang diberikan adalah terdiri daripada

- kursus kemahiran seperti pertukangan, perabut, anyaman, mekanik;

- Kursus-kursus keusahawanan dan pengurusan kewangan;
- Kursus industri kecil.

(e) Program Pembangunan Institusi Nelayan

Dibawah program ini, penumpuan diberi kepada aktiviti untuk memperkukuhkan Persatuan Nelayan seperti berikut:-

- Penubuhan Persatuan Nelayan Kebangsaan;
- Program Latihan untuk Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli;
- Penerimaan keluar kakitangan LKIM daripada PNK yang teguh;
- Meluaskan peluang perniagaan dan pelaburan kepada PN-PN.

(D) Program Khidmat Sokongan Pemasaran

Selaras dengan keadaan semasa dimana penglibatan Bumiputera dalam pemasaran ikan adalah hanya 18% dan hasrat Dasar Ekonomi Baru, objektif pemasaran ialah untuk meningkatkan penyertaan Usahawanan Bumiputera dalam pemeroses ikan. Sejalan dengan objektif di atas, Persatuan Nelayan (PN) akan diberi perhatian, sebagai kumpulan Bumiputera yang penting. PN adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam pemasaran ikan. Dalam jangka panjang, PN dijangka akan melibatkan diri dalam semua peringkat dari peringkat pengeluaran hingga eksport. Untuk mengatasi masalah dan kekurangan yang timbul, beberapa program akan dilaksanakan:-

- (a) Rancangan Meningkatkan Kemahiran Usahawanan;
- (b) Kempen dan Galakan;
- (c) Kajian Pemasaran.

(E) Program Penyediaan Infrastruktur Perikanan

Dipusat-pusat pendaratan yang sederhana dan memerlukan infrastruktur asas pendaratan maka kompleks-kompleks akan dibuat dalam bentuk yang murah dan praktikal selaras dengan arahan Majlis Tindakan Negara. Pembinaan Mini Kompleks ini merupakan program baru yang diwujudkan didalam kajian separuh penggal RME yang mengandungi 3 projek iaitu di Kuantan (Pahang), Tadai Beluh (Kelantan) dan Kemaman (Terengganu). Mini Kompleks yang dicadangkan akan memberi perkhidmatan kepada bot-bot berukuran sehingga 100 tan. Didalam RML, sebanyak 18 buah Mini Kompleks dirancang di seluruh negara yang mana 4 dibina di Pahang iaitu Kuantan, Kuala Pahang, Kuala Rompin dan Nenasi.

Pejabat LKIM Negeri Pahang.

9hb. September, 1985.



INTISARI DASAR  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(F.A.M.A.)

-----

Pejabat FAMA Negeri Pahang.  
Tingkat 5, Bangunan HSBC.,  
Jalan Mahkota,  
KUANTAN.

Dasar dan struktur organisasi FAMA telah dikaji dan digubal semula untuk meningkatkan sumbangannya ke arah mewujudkan petani-petani (sama ada petani perseorangan ataupun kumpulan) dan amat penting untuk memastikan apa juga usaha-usaha yang dibuat diperingkat ladang tidak dijejaskan oleh ketidakcekapan dan ketegasan (rigidities) di dalam industri sesuatu komoditi itu.

Ringkasnya, dasar FAMA yang telah digubal semula menetapkan peranan FAMA sebagai :

- (a) Badan Berkuasa Pembangunan Pemasaran bertanggungjawab di dalam :
  - (i) Analisa dan maklumat pasaran;
  - (ii) Peningkatan pengetahuan dan penyertaan petani di dalam pemasaran;
  - (iii) Pembangunan perantara-perantara pemasaran bumiputera;
  - (iv) Fungsi kawalan untuk memastikan struktur pemasaran yang berasing dan sihat; dan
  - (v) Pembangunan pasaran.
- (b) Agensi perniagaan kerajaan dengan tujuan mengadakan saluran pilihan bagi hasil-hasil petani.

Selaras dengan dasar di atas, strategi FAMA yang telah ditentukan adalah seperti berikut :

- (a) Khidmat nasihat dan galakan iaitu untuk meluaskan peluang-peluang pasaran melalui penyelidikan dan analisa pasaran khususnya di dalam menasihati keadaan penawaran, permintaan, harga dan jenis-jenis hasil pertanian yang mendapat pasaran dan sebagainya;

- (b) Pembangunan - untuk memastikan wujudnya kemudahan dan kemudahan pasaran di tempat yang strategik untuk membolehkan penyertaan petani-petani dan usahawan usahawan bumiputera di dalam pemasaran hasil pertanian;
- (c) Kawalan - bertujuan untuk mempengaruhi amalan-amalan peserta-peserta dan perantara-perantara pasaran; dan
- (d) Urusniaga - untuk mengadakan saluran pilihan bagi hasil-hasil petani dan menyokong pertumbuhan kumpulan-kumpulan petani (seperti PPK dan NAFAS) di dalam pemasaran.

PERANAN URUSNIAGA FAMA adalah lebih menonjol di masa yang akan datang. Peranan ini digubal semula di mana peranan urusniaga FAMA hendaklah semata-mata untuk mengatasi masalah mendapatkan ruang pasaran pada paras harga yang munasabah tetapi urusniaga ini hendaklah dikendalikan dengan tujuan membantu petani bagi satu jangka masa sehingga petani boleh mengambilalih pemasaran hasil mereka sendiri. Oleh itu, urusniaga perlu dijalankan untuk menyokong kemasukan petani-petani di dalam sistem pemasaran khususnya secara kumpulan.

Urusniaga yang dikendalikan oleh FAMA hendaklah mempunyai tujuan berikut :-

- (a) Mengadakan saluran pilihan bagi hasil-hasil petani atau kumpulan petani yang memerlukan bantuan;
- (b) Mengadakan kemudahan-kemudahan yang perlu (seperti bekas plastik, kemudahan bilik sejuk dan lain-lain) untuk digunakan di dalam aktiviti urusniaga oleh petani-petani yang memasarkan hasil-hasil pertanian mereka sendiri;
- (c) Membangunkan pertumbuhan-pertumbuhan petani tempatan dengan mengadakan saluran pemasaran kepada mereka;

- (d) Membantu penglibatan pertubuhan-pertubuhan petani dan NAFAS di dalam pemasaran. Salah satu caranya ialah dengan membantu membekalkan hasil-hasil pertanian kepada kumpulan petani tersebut bagi membolehkan mereka mendapat bekalan yang berterusan di dalam menenuhi kontrak-kontrak bekalan hasil-hasil pertanian.

Oleh kerana pertubuhan-pertubuhan petani ini masih perlu dibangunkan sehingga menjadi institusi pemasaran yang berkesan dan petani-petani memerlukan satu jangka masa untuk berdikari, urusniaga FAMA adalah merupakan khidmat sokongan pemasaran khususnya bagi petani-petani yang menyertai program-program tajaan kerajaan seperti Sekim Pemasaran Bersepadu, Rancangan Ayam Berkelompok dan beberapa projek Pembangunan Bersepadu (EADP). Di peringkat awalnya, pertubuhan-pertubuhan petani dan petani-petani yang baharu menceburi di dalam lapangan ini mungkin memerlukan sokongan harga dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan pasaran. Justeru itu, FAMA adalah di perlukan untuk terus memainkan peranan socio-ekonomi di dalam fungsi urusniaga ini.

Walaupun bagaimanapun, urusniaga FAMA hendaklah dijalankan untuk mengurangkan pembaziran dengan langkah-langkah berikut :-

- (a) Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan seperti kutipan dan penghantaran hasil pertanian tepat pada waktunya, pembayaran kepada hasil-hasil petani dengan segera;
- (b) Memastikan kumpulan sasaran yang perlu dibantu;
- (c) Memastikan kawasan-kawasan termasuk kawasan-kawasan yang dikenali pasti sebagai kawasan kemiskinan menikmati perkhidmatan urusniaga FAMA;
- (d) Memastikan penggunaan yang berkesan kemudahan kemudahan infrastruktur pemasaran;
- (e) Memastikan pengurusan kewangan yang bijaksana dan kawalan kos yang berkesan;
- (f) Memastikan pengurusan tenaga manusia dengan

- (g) Mengwujudkan asas penentuan harga yang sempurna selaras dengan paras harga pasaran;
- (h) Selanjutnya, membantu petani-petani sasaran untuk melaksanakan urusan secara kontrek dan bekalan lantas mengwujudkan urusan yang lebih teratur; dan
- (i) Menyatukan pusat-pusat operasi yang tidak ekonomik untuk meningkatkan perkhidmatan kepada petani-petani.

Pada asasnya, peranan urusan FAMA ialah untuk mewujudkan hubungan kepada petani-petani luar bandar yang keluar dari arus perdagangan biasa. Peranan urusan adalah sahaja menyediakan dan mengwujudkan saluran pemasaran kepada petani-petani tetapi juga mendorong kemunculan usahawan di dalam bidang pemasaran dikalangan petani-petani. FAMA akan mewujudkan hubungan dan saingan di dalam rangkaian pasaran yang sedia ada.

Oleh itu, khidmat urusan FAMA akan diperkukuhkan dan ditingkatkan keupayaan dengan memperbaiki kemudahan-kemudahan perkhidmatan kepada petani-petani sasaran dan memperbanyakkan saluran-saluran pemasaran kepada petani-petani. Langkah-langkah untuk meningkatkan sumbangan kegiatan urusan FAMA akan merangkumi perkara-perkara berikut :-

- (a) Mengenalpasti kawasan-kawasan bekalan;
- (b) Menubuhkan pusat-pusat operasi dan pengumpulan sebagai unit kos tersendiri;
- (c) Penyelarasan yang lebih kemas dengan PPK dan lain-lain kumpulan petani;
- (d) Pengurusan stok yang baik; dan
- (e) Pengedaran yang lebih berkesan dengan kutipan dan pembayaran yang segera dan lain-lain.

Peranan urusniaga FAMA adalah satu-satunya yang perlu diperkukuhkan dan ia dianggap amat penting, seperti juga penglibatan petani-petani di dalam pemasaran hasil pertanian mereka. Demikianlah sumbangan perkhidmatan pembangunan FAMA di mana komponen-komponen program khusus di bawah program ini ialah :-

- (a) Penyelidikan pemasaran dan pasaran;
- (b) Perisik Pasaran;
- (c) Pendidikan dan hubungan pemasaran;
- (d) Pembangunan pasaran;
- (e) Pembaharuan atau kaedah bahru di dalam pasaran;
- (f) Kawalan pasaran; dan
- (g) Perkhidmatan perusahaan pertanian.

Pelaksanaan komponen-komponen program ini memerlukan pengkukuhkan keupayaan penyelidikannya. Kajian-kajian yang mendalam serta menyeluruh hendaklah dijalankan untuk mengenalpasti, struktur pemasaran, masalah-masalah dan sebagainya bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian dan berkesan dapat diambil untuk memperbaiki dan memajukan sistem pemasaran. Selain dari itu, kajian-kajian akan dilaksanakan untuk menentu asas pemasaran dan penilaian yang berterusan mengenai pencapaian program-program kemajuan pemasaran. Maklumat-maklumat akan dikumpul, diproses dan dihebahkan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pasaran khususnya kepada petani-petani. Sepatutnya menjalankan kajian-kajian samaada bersendirian atau bergabung dengan pihak lain untuk menyedia dan menggalakkan taburan di dalam industri makanan.

Yang terpenting di dalam peranan pembangunan ini ialah usaha-usaha untuk meramaikan bumiputera di dalam sektor pemasaran hasil pertanian selaras dengan DEB. FAMA seharusnya memastikan lebih banyak lagi usahawan bumiputera bukan sahaja untuk membekalkan kepada pembeli-pembeli institusi tetapi juga bersaing di dalam pasaran yang sedia ada dengan bantuan-bantuan seperti bekalan, kemudahan-kemudahan infrastruktur, latihan, kontrak perniagaan, galakan dan maklumat pasaran.

Hasil daripada penyelidikan dan kajian menjadikan FAMA tepat pengumpulan dan simpanan maklumat yang membolehkan ia memainkan peranan pembangunan yang lebih berkesan.

Selain daripada mencapai DEB, rasional kepada galakan lebih ramai lagi peserta-peserta bumiputera di dalam pemasaran hasil pertanian ialah untuk mewujudkan pasaran yang lebih terbuka dan bersaing. Justeru itu amalan monopoli yang tidak sihat mengikut tim dapat dikurangkan. Matlamat ini boleh dicapai bersama-sama dengan matlamat menggalakkan penyertaan petani-petani di dalam pasaran oleh kerana kebanyakan petani-petani ini adalah bumiputera.

FAMA akan mencari langkah-langkah dan cara-cara untuk membangun sistem pemasaran yang berkesan bukan sahaja dengan mewujudkan persaingan dengan meramaikan usahawan-usahawan dan penyertaan bumiputera di dalam pemasaran tetapi juga memecahkan tembok-tembok halangan kepada penyertaan mereka. Selain daripada itu, usaha akan dibuat untuk mengurangkan kos pemasaran dengan mewujudkan saluran pemasaran atau melaksanakan kaedah-kaedah pengurangan kos seperti pengurangan kerugian lepas tuai, kawalan yang lebih baik, pengangkutan dan simpanan.

Melalui program pembangunan pasaran, FAMA akan maju dan mengembangkan pasaran-pasaran melalui galakan-kawalan penggunaan hasil-hasil pertanian, mengawal import hasil pertanian yang bertanding, menambahkan permintaan dengan memajukan hasil-hasil pertanian, cara-cara pembungkusan yang baru dan galakan eksport.

Pencapaian besar FAMA boleh diukur dari keupayaan meningkatkan penglibatan petani-petani di dalam pemasaran hasil-hasil mereka bukan sahaja dengan rancangan bantuan melalui aktiviti urusniaga tetapi dengan mewujudkan peluang-peluang, mengadakan tempat urusniaga dan saluran-saluran pemasaran kepada petani-petani, meningkatkan kemahiran mereka dengan memberi latihan dan pengetahuan dan membanyakkan pengguna-pengguna, pembeli-pembeli institusi atau kontrek-kontrek kerajaan. Melalui kegiatan pembangunan sedemikian, petani-petani perseorangan ataupun kumpulan akan didedahkan kepada keperluan-keperluan dan perubahan-perubahan pasaran yang boleh membantu mereka menjadi lebih mantap untuk menyesuaikan kepada keadaan pemasaran yang berbeza-beza.

Teras urusniaga FAMA ialah memastikan terdapatnya saluran pilihan bagi hasil-hasil petani dan teras program-program pemasaran FAMA sebagai badan berkuasa ialah untuk memastikan pembangunan pemasaran yang teratur untuk menggerakkan sektor pertanian.

Struktur pengurusan korporat FAMA akan menekankan pengasingan peranan urusniaga dari peranan badan berkuasa dengan pengasingan organisasi pengurusan perkhidmatan bantuan pemasaran dan perkhidmatan urusniaga. Pengasingan fungsi dengan jelas ini ialah untuk memastikan perhatian dan liputan yang lebih oleh fungsi-fungsi berkenaan. Pengasingan urusniaga dengan tanggung jawab untuk mengawas dan mengawal kegiatan di peringkat negeri dan daerah adalah diharapkan akan meningkatkan keupayaan pengurusan bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik mengenai kutipan hasil pertanian, penyimpanan, pengedaran dan bayaran kepada petani-petani, tetapi juga akan meningkatkan tahap perhubungan serta keyakinan petani-petani kepada peranan FAMA di dalam hal-hal ini. Begitulah juga pemusatan aktiviti-aktiviti badan berkuasa pemasaran akan meningkatkan pemusatan keupayaan dan kepakaran mengenai peranan pembangunan dan sumbangnya kepada kemajuan struktur di dalam sistem pemasaran.



Keseluruhan pendekatan di dalam penyusunan semula FAMA ini ialah untuk memastikan supaya petani-petani kumpulan sasaran yang daif dan miskin di luar bandar yang digalakkan untuk menghasilkan lebih banyak tanaman-tanaman kontan tidak dikecewakan oleh keadaan nasib mereka terkeluar dari arus perdagangan utama. Oleh itu, keseluruhan penyusunan semula bukanlah sahaja mempasti dan memperbaiki perkhidmatan pemasaran tetapi juga diharap untuk membolehkan petani-petani didedah, dilibat dan dididik untuk meningkatkan penyertaan mereka di dalam sistem pemasaran di dalam industri yang berkembang.

PRESTASI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
PELADANG NEGERI PAHANG  
SEHINGGA JUN, 1985.

Lembaga Pertubuhan Peladang,  
Negeri Pahang.

September, 1985.

## PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

### Keahlian:

Sebanyak 20 buah PPK dan sebuah PPN telah ditubuhkan dengan jumlah keahlian seramai 27,263 orang iaitu penyertaan 53% daripada jumlah keluargatani.

### Modal Saham:

Jumlah Modal Saham yang terkumpul di PPN dari seluruh PPK berjumlah \$84,000 dan bagi PPK Modal Saham yang dapat di kumpulkan bernilai \$428,934.

### Aktiviti-aktiviti PPK dan PPN

#### Perniagaan Input-input Pertanian.

Perniagaan pembekalan input-input pertanian adalah merupakan aktiviti utama kebanyakan PPK dan PPN. Selain dari memberikan sumber pendapatan ianya juga dapat menolong petani mendapat input-input yang bermutu dengan harga yang berpatutan.

Dalam tahun 1984, perniagaan ini berjumlah \$3,805,603 meningkat 1% berbanding dengan tahun 1983. Sementara sehingga Jun 1985 berjumlah \$1,256,242. Jumlah ini berkurangan kerana jumlah/aktiviti yang sebenarnya meningkat pada setiap setengah tahun yang kedua pada tiap-tiap tahun. Ini beramaan jumlah ini di jangka akan meningkat diantara bulan September hingga bulan Disember.

#### Perniagaan Pemasaran Hasil-hasil Pertanian

##### Barang-barang Pengguna dan lain-lain perniagaan.

Jumlah perniagaan pemasaran hasil pertanian pada tahun 1984, ialah \$341,182 iaitu meningkat 187% dibandingkan dengan tahun 1983 iaitu \$119,033. Peningkatan ini adalah di sebabkan oleh pemasaran padi yang dijalankan oleh PPK Pekan hasil dari projek padi Paye Pahang, Tue.

Jumlah nilai perniagaan barang-barang pengguna pada tahun 1984 ialah \$522,699. Barang-barang yang diniagakan adalah terdiri daripada bahan makanan mentah dan yang siap diguna.

PPN Pahang dan PPK Tioman mempunyai nilai perniagaan 94% daripada keseluruhan nilai perniagaan barang-barang pengguna.

Untuk tahun 1984 jumlah nilai lain-lain perniagaan yang telah dijalankan oleh PPN dan PPK ialah \$253,355. Ini melibatkan barang-barang elektrik, perabot dan lain-lain kelengkapan rumah tangga dan bahan binaan dan sebagainya.

Kedudukan perniagaan pemasaran hasil-hasil pertanian, perniagaan barang-barang pengguna dan lain-lain perniagaan

### 1.3.3 Kesidatan Pelaburan.

Pertubuhan Peladang telah membuat pelaburan berjumlah \$283,515 sehingga tahun 1984. Dari jumlah itu 64.1% merupakan pelaburan di PPN Pahang, 12% di Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan 23.9% di berbagai institusi pelaburan.

Dari Pelaburan-pelaburan ini PPK telah menerima dividen bernilai \$42,453.

### 1.3.4 Perkhidmatan Kredit.

Perkhidmatan kredit bertujuan membantu ahli-ahli mengusahakan sesuatu projek dan sebahagian besarnya dalam bentuk barangan. Dalam tahun 1984 sejumlah \$583,012 telah dikeluarkan iaitu meningkat 32% (\$140,716) berbanding dengan tahun 1983 (\$442,296). Sementara bayaran balik dalam tahun yang sama ialah \$384,978. Pemberian kredit ini dibiayai sebahagian besarnya melalui peruntukan PPK sendiri.

### 1.3.5 Skim Subsidi Baja Padi (SSBP)

Tahun 1984 adalah merupakan tahun kelima pelaksanaan SSBP di negeri ini iaitu sejak ia dimulakan pada tahun 1979.

Bantuan diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak dengan kadar 1 bag baja samsam (ammophos - 4 kilo), 2 bag baja urea (20 kilo/bag) dan 4 bag baja campuran (20 kilo/bag) bagi setiap tanaman padi, setakat 6 ekar maxime.

Sepanjang tahun 1984 sebanyak 9,669 baja ammophos bernilai \$29,874, 23,504 bag urea bernilai \$157,215 dan 45,627 bag baja campuran bernilai \$350,350 telah diedarkan kepada para petani kesemuanya bernilai \$537,224.

PERANAN PPK DALAM PROJEK-PROJEK PENGELUARAN LADANG.

Pemulihan Tanah Terbiar.

3 projek perintis telah dipilih oleh Kementerian Pertanian bagi menjayakan projek pemulihan tanah terbiar dimana peruntukan yang diberi adalah secara 'centright grant' dan pelaksanaan projek ini secara bersepadu dan melibatkan lain-lain agensi. PPK bertindak menyedia dan menyelaraskan projek-projek ini.

(a) Projek Jambu Gajus Seluas 76 Ekar (PPK Kuantan Utara)

Projek ini dijalankan di kampung Sungai Ular dan kampung Chbrating dan telah dilaksanakan pada penghujung tahun 1983 dan tanaman sepenuhnya siap pada awal 1984. Perbelanjaan sehingga tahun 1984 berjumlah \$46,627.50. Hasil pertama di jangka pada tahun 1986.

(b) Projek Padi Paya Lengkong (PPK Bentong)

Projek ini telah mula dilaksanakan Disember, 1981 dengan keluasan 16.2 ha. (40 ekar). Sehingga tahun 1984 projek ini masih berjalan dengan melibatkan 23 orang peserta. Perbelanjaan projek berjumlah \$36,251. Hasil yang diperolehi lebih kurang 400 gantang/ekar.

(c) Projek Padi Pagar Sasak (PPK Kuala Lipis)

Di mulakan pada Januari, 1982 dengan keluasan 18.6 ha dan melibatkan 23 keluarga. Perbelanjaan yang telah di gunakan bernilai \$74,488.30.

(d) Lain-lain Projek Pemulihan Tanah Terbiar

Terdapat beberapa projek di atas tanah terbiar yang di jalankan oleh petani-petani dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti:-

<u>PPK</u>	<u>Bil. Petani</u>	<u>Tempat/Keluasan(ha)</u>	<u>Tanaman</u>
(1) Temerloh Utara	10	Kg. Pandan/12.1	Padi
(2) Jerantut Hilir	55	Paya Kangsar/30	Padi
(3) Lipis Selatan	16	Tg. Besar/16.2	Padi
(4) Maran	56	Kg. Luit/28.3	Padi

2.2. Projek Mini Estet Padi

Pada tahun 1984 IPK Pekan telah melaksanakan Projek Mini Estet Padi yang terletak di Paya Pahang Tua, Pekan seluas 360 ekar (145.7 ha)

Tujuan projek mini estet ini ialah:-

- (i) Untuk cuba mengatasi masalah tanah terbiar.
- (ii) Menambah pendapatan para petani melalui penyewaan tanah mereka oleh IPK.
- (iii) Memberi peluang-peluang pekerjaan kepada tuan-tuan punya tanah dan penduduk tempatan.
- (iv) Menambah pendapatan IPK.

Perlaksanaan projek ini telah dibiayai melalui sumbangan ekuiti yang berjumlah \$146,388.71. Projek ini telah di mulakan pada April 1984 dan telah mengeluarkan hasil pada Oktober 1984 dengan memberikan jumlah pendapatan bernilai \$203,240.26 dan keuntungan bersih \$50,861.63.

2.3. Estet dan Mini Estet PPN

Estet Kelapa Sawit PPN Pahang

PPN Pahang mempunyai kawasan ladang seluas 1,619 hektar yang akan dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit seluas 877.7 terletak di Mukim Bera dan bakinya seluas 741.7 hektar di Mukim Keratong.

Pembangunan kawasan di Mukim Bera dijalankan pada penghujung tahun 1984 sebagai peringkat pertama.

(a) Kemajuan Fizikal

(1) Semai Kelapa Sawit

Bagi memenuhi keperluan benih, tapak semai seluas 50 ekar telah dibangunkan di Mukim Keratong. Sehingga Jun 1985 sebanyak 140,000 biji benih telah ditanam. Bilangan benih mengikut peringkat umur adalah seperti berikut:

<u>Umur</u>	<u>Bilangan (pokok)</u>
9 bulan	40,000
8 bulan	60,000

Benih-benih yang berumur 8 - 9 bulan akan di tanam di ladang pada awal bulan Ogos ini.

(2) Ladang.

Dari jumlah 877.7 hektar peringkat pertama, kerja-kerja 'Stacking' secara mekanikal telah siap bagi 659.9 hektar sehingga 30/6/85. Bakinya akan disiapkan pada akhir bulan Julai.

Lain-lain kerja yang sedang dijalankan secara serentak ialah membuat tapak menanam (platform) menanam benih di mana 210.5 hektar telah siap di tanam dan juga kerja-kerja membaris seluas 457.5 hektar.

Kerja-kerja menanam bagi 40,000/benih akan dibuat pada awal bulan Ogos ini.

(3) Kewangan.

Sejumlah \$618,000 telah dibelanjakan daripada pinjaman yang diluluskan oleh Bank Pertanian. Dari jumlah ini \$318,000 di khaskan untuk somian dan bakinya untuk pembangunan ladang. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan sebenar sehingga 30/6/85 ialah \$654,000. Kekurangan ini telah ditanggung oleh kewangan PPN sendiri sebanyak \$5,200 dan pendahuluan oleh Syarikat Ladang LKPT sebanyak \$32,000.

SKIM SUBSIDI BAJA PADI

Pendaftaran

Di Negeri Pahang sehingga tahun 1984 seramai 10,866 orang petani dengan keluasan 12,805 hektar sawah telah didaftarkan bagi menerima bantuan dibawah Skim Subsidi Baja Padi. 17 buah FTK telah dilantik sebagai stokis untuk mengedarkan baja-baja berkenaan kepada petani-petani.

Kedudukan pendaftaran petani dan keluasan mengikut FTK/stokis adalah seperti berikut:-

Bil	PKK/Stokis	Bilangan Petani Didaftarkan dan Diluluskan	Luas Kawasan Tanaman Padi Yang Diluluskan (ha)
1.	Kuantar	1,409	1,121
2.	Maran	336	296
3.	Pekan	1,373	2,033
4.	Rompin	2,440	3,629
5.	Temerloh Utara	192	254
6.	Temerloh Selatan	200	147
7.	Temerloh Timur	1,013	1,219
8.	Temerloh Barat	325	362.3
9.	Raub	975	1,081
10.	Jerantut Barat	238	213
11.	Jerantut Hilir	564	484
12.	Tembeling	129	189
13.	Kuala Lipis	819	972.5
14.	Lipis Selatan	319	274
15.	Merapoh	223	212
16.	Bentong	65	49
17.	Pelangi	246	272
	Jumlah:	10,866	12,805.8

Pihak PKK/Stokis sedang menjalankan semakan pendaftaran petani-petani yang telah didaftarkan. Semakan ini dibuat untuk memastikan petani-petani yang masih mengusahakan tanaman padi sahaja diberi bantuan. Ini adalah kerana berdasarkan dari jumlah pengedaran 1984, hanya 36% sahaja dari jumlah kawasan tanaman padi yang didaftarkan telah diusahakan.

### 3.2. Pengedaran dan Komisyen

Kedudukan jumlah pengedaran dan tuntutan komisyen untuk tahun 1984 adalah seperti berikut:



No.	PPK/Stokis	Jumlah Baja Diedarkan 1 Jan-31 Dis 1984			Anggaran Komisyon Tongedaran @ \$0.64/bag ↓
		Urea (bag)	Campuran (bag)	Jumlah (bag)	
1.	Kuantan	1219	2348	3567	2,282.88
2.	Maran	338	678	1016	650.24
3.	Tekon	3304	6639	9943	6,363.52
4.	Rompin	6984	13968	20952	13,409.28
5.	Temerloh Utara	1157	2715	3872	2,478.08
6.	Temerloh Timur	626	1447	2073	1,326.72
7.	Temerloh Selatan	367	708	1075	688.00
8.	Temerloh Barat	-	-	-	-
9.	Jerantut Hilir	276	546	822	526.08
10.	Jerantut Barat	1099	2210	3309	2,117.76
11.	Tembeling	-	-	-	-
12.	Kuala Lipis	2688	3724	6412	4,103.68
13.	Lipis Selatan	1208	2254	3462	2,215.68
14.	Merapoh	735	1468	2203	1,409.92
15.	Bentong	156	311	467	298.88
16.	Telangai	1304	2566	3870	2,476.80
17.	Kaub	2043	4045	6088	3,883.52
	<b>Jumlah:</b>	<b>23504</b>	<b>45627</b>	<b>69131</b>	<b>44,243.84</b>

Perusahaan Kecil

Kilang Padi

Sehingga tahun 1984 4 buah kilang padi telah menerima bantuan dibawah projek Pemulihan Kilang Padi.

Kedudukan Kemajuan Kilang-kilang padi berkenaan pada tahun 1984 adalah seperti berikut:-

PTK	Pengedaran		Jumlah Petani yang mendapat perkhidmatan orang	Penyata Untung/Rugi	
	Jumlah Padi Dikisar M. ton	Jumlah Dedak Dijual M. ton		Pendapatan ₹	Perbelanjaan ₹
Rompin	71.8	1.25	290	602	3030
Tekan	66.5	8.36	1934	3231	3166
Lipis Selatan	180	14.1	523	11033	9112
Kuala Lipis	4.3	1.8	200	1913	754
Jumlah	325.4	25.51	2947	16779	16062

Kilang-kilang padi berkenaan tidak dapat dijayakan secara komersial disebabkan oleh beberapa masalah yang dihadapi. Antaranya ialah kekurangan tenaga pekerja, sukar mendapat bekalan alat ganti, seingan dengan lain-lain kilang, sukar mendapat bekalan padi yang berterusan dan permohonan lesen yang belum diluluskan.

#### 5. SKIM PAYONG TELOR NAFAS

Skim ini dimulakan pada 1/5/85. Pihak PTK Pahang dilantik oleh NAFAS sebagai agen dan pihak PTK dilantik menjadi pengedar bagi pihak PTK Pahang.

Pecahan badan-badan dan agensi-agensi kerajaan yang menerima bekalan telor dibawah skim ini adalah:

#### Bilangan

1) Sekolah/Pelajaran	16
2) Hospital/Kesihatan	5
3) Kem Tentera/Pertahanan	7
4) Penjara	2
5) Lain-lain/Kebajikan	1

#### 5.1. Penglibatan PTK.

12 buah PTK terlibat untuk mengedarkan telor kepada agensi-agensi berkenaan dan PTK-ITK Bentong, Temerloh Barat, Temerloh Timur, Maran serta Kuantan digunakan sebagai 'Stocking Point' oleh pihak PTK.

Jumlah edaran yang telah dibuat dalam bulan Mei dan Jun 1985 adalah seperti berikut:-

PPK	Pengedaran		Jumlah (biji)
	Mei	Jun	
Kuantan	75,966	61,547	137,513
Kuantan Utara	47,418	34,988	82,406
Pekan	2,851	2,462	5,313
Rompin	3,390	1,740	5,130
Jerantut Barat	16,267	4,500	20,767
Temerloh Utara	32,869	32,744	65,613
Temerloh Barat	28,990	15,400	42,390
Bentong	15,554	6,172	21,726
Kuala Lipis	13,160	11,436	24,996
Lipis Selatan	2,338	2,400	4,738
Maran	4,580	1,660	6,240
Raub	24,870	20,000	44,870
Jumlah:	266,253	195,049	461,302

### Kewangan

Keuntungan kasar bagi tiap-tiap PPK adalah seperti berikut

Bil.	PPK	Keuntungan Kasar §
1.	Kuantan	1,948.07
2.	Kuantan Utara	1,065.41
3.	Temerloh Barat	601.94
4.	Bentong	308.51
5.	Maran	88.61
6.	Pekan	75.44
7.	Raub	637.16
8.	Lipis Selatan	67.28
9.	Rompin	72.85
10.	Jerantut Barat	294.90
11.	Temerloh Utara	931.70
12.	Kuala Lipis	349.27
	Jumlah:	6,441.15

6. HARTA DAN TANGGUGAN.

Harta yang dimiliki oleh ITK/IPN berjumlah \$8,221,151 (diambil dari lapuran audit 1983 dan 1984) Sementara tanggungan pula berjumlah \$5,853,945.

7. KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TERKUMPUL.

Berikut adalah kedudukan keuntungan dan kerugian tahun semasa serta terkumpul bagi ITK/IPN:-

Bil.	ITK	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Sehingga Tahun 1983 \$	Keuntungan (Kerugian) 1984 \$	Jumlah Keuntungan (Kerugian) Terkumpul Hingga Tahun 1984 (\$)
1.	Kuantan	( 83,050 )	29,832 +	( 60,676 )
2.	Kuantan Utara	-	-	-
3.	Tekan	( 39,792 )	18,728	( 21,064 )
4.	Rompin	8,278	30,655	38,933
5.	Tioman	7,110	5,721 +	12,831
6.	Maren	21,230	25,403	46,633
7.	Temerloh Utara	( 75,264 )	7,276 +	( 67,988 )
8.	Temerloh Timur	146	47,313 +	37,297
9.	Temerloh Barat	( 13,574 )	19,688	33,262
10.	Temerloh Selatan	( 28,842 )	( 5,341 )	( 34,183 )
11.	Jerantut Barat	( 51,144 )	5,506 #	( 39,953 )
12.	Jerantut Hilir	( 72,938 )	( 5,824 )+	( 78,762 )
13.	Tembeling	( 86,410 )	6,179 #	( 28,820 )
14.	Kuala Lipis	( 51,694 )	19,705 +	( 38,071 )
15.	Lipis Selatan	( 80,687 )	3,537 +	( 5,415 )
16.	Merapoh	( 21,618 )	( 4,739 ) #	( 2,343 )
17.	Raub	(110,723 )	13,639 +	( 97,084 )
18.	Bentong	( 71,303 )	7,042 +	( 64,261 )
19.	Pelangai	(125,877 )	(37,625) #	(108,333 )
20.	Cameron Highlands	( 67,695 )	6,067	( 61,628 )
	Jumlah:Kecil	(824,392 )	192,765	(539,625 )
21.	PPN Pahang	(222,314 )	32,734 +	(114,395 )
	Jumlah Besar	(1,046,706 )	225,499	(654,020 )

+ Di petik dari penyata yang belum di audit

# Di petik dari lapuran audit yang belum di sahkan.

MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH FPK/PTN.

- a. Perhubungan yang sukar di tempat-tempat seperti Tioman, Merapoh, Tembeling dan Cameron Highlands menyukarkan usaha-usaha pembangunan di kawasan berkenaan.
- b. Kekurangan modal menghadkan kegiatan FPK/PTN.
- c. Persaingan dari pihak swasta dalam perniagaan terutamanya input-input pertanian dari segi harga dan bekalan.
- d. Kekurangan pengalaman samaada dikalengen petani atau kakitangan FPK seringkali menyebabkan projek-projek yang dijalankan menemui kegagalan.
- e. Penglibatan petani-petani di dalam kegiatan Pertubuhan-Pertubuhan Peladang masih lagi kurang memuaskan.
- f. Kesukaran untuk mengutip balik kredit yang diberi kepada ahli dan bukan ahli telah menyukarkan FPK/PTN membayar balik hutang-hutang.
- g. Masalah mendapat kelulusan permohonan tanah untuk melaksanakan projek-projek/estet dari kerajaan negeri.

CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH BERKENAAN

- a. Mengenalpasti punca-punca modal selain dari LPP, seperti Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan lain-lain institusi kewangan.
- b. Menghadkan pemberian kredit kepada projek-projek yang menguntungkan dan kepada ahli-ahli yang benar-benar berminat.
- c. Memberi kawalan terhadap pelaksanaan sesuatu projek yang dibiayai melalui kredit supaya kutipan balik kredit dapat dibuat.
- d. Menglibatkan lebih ramai ahli-ahli di dalam pengurusan FPK/PTN yang berkaitan dengan projek, perniagaan dan lain-lain lagi.
- e. Memberi latihan yang khusus kepada ahli-ahli FPK dan kakitangan pengurusan.

10.

STRATEGI PEMBANGUNAN PERTUBUHAN PELADANG.

Ringkasan peranan utama yang perlu ditumpukan oleh  
Pertubuhan Peladang ialah:-

- a. Meningkatkan daya pengeluaran para peladang  
menerusi permodenan pertanian.
- b. Pertumbuhan sektor pertanian yang pesat menerusi usaha  
penyusunan semula ekonomi desa dan memperdagangkan  
pertanian kecil.
- c. Meningkatkan perniagaan dan pertambahan pelaburan  
Pertubuhan Peladang.
- d. Peningkatan taraf sosio-ekonomi dan kualiti penghidupan  
para peladang.
- e. Memperimbangkan pembangunan sektor pertanian dan  
perindustrian menerusi perusahaan asastani di desa.

Bagi melaksanakan peranan-peranan yang dinyatakan diatas,  
strategi-strategi berikut akan dijalankan:-

- i. Meningkatkan PENGELUARAN PERTANIAN menerusi  
penyusunan semula sistem perladangan secara tersusun.
- ii. Perluasan dan mempelbagaikan bidang PERNIAGAAN  
PERTANIAN Pertubuhan Peladang di semua peringkat.
- iii. Menperluaskan kegiatan PEMEROSAHAN dan INDUSTRI  
ASASTANI.
- iv. Mempertingkatkan penyertaan Pertubuhan Peladang dalam  
SEKTOR KORPERAT menerusi PELABURAN.
- v. Pertambahan dan PENGEMBELINGAN modal Pertubuhan Peladang.
- vi. Meningkatkan KUALITI PENGURUSAN Pertubuhan Peladang  
melalui rancangan latihan.
- vii. Menggiatkan penyertaan Pertubuhan Peladang dalam  
aktiviti-aktiviti KEMASYARAKATAN.
- viii. Meningkatkan KUALITI PENGHIDUPAN Keluarganya dan  
menggadakan peluang-peluang pekerjaan.

PEMBINJAN KOMPLEKS KILANG PADI  
LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA  
DI KUALA ROMPIN

Disediakan Oleh:

Pen. Ketua Pegawai LPN Negeri Pahang

Pejabat Lembaga Padi Dan Beras Negara,  
Kuantan,  
Pahang.

(KONVENSYEN ANJURAN UMNO NEGERI PAHANG,  
KUANTAN, PAHANG,  
13HB. HINGGA 15HB. SEITEMBER, 1985)

Bertarikh: 11hb. September, 1985

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

PEMBINAAN KOMPLEKS KILANG PADI LPN  
DI KUALA ROMPIN

1. Kompleks Kilang Padi LPN di Kuala Rompin ini dibina antara lain adalah bertujuan:-
  - (i) Bagi menampung keperluan pemasaran dan pengilang padi yang dihasilkan didalam Negeri Pahang, khasnya terutama kepada Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau, daerah-daerah Rompin/Endau yang diluar kawasan projek itu dan Pekan.
  - (ii) Mengeluarkan hasil beras bagi menambah keperluan Negeri dan Negara. 90% keperluan beras negeri ini adalah dari negeri-negeri lain.
  - (iii) Menyesuaikan dengan rancangan-rancangan penempatan semula petani-petani dari lain-lain kawasan kedalam Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau yangmana salah satunya bertujuan menyekat pengaliran penduduk-penduduk luar bandar ke bandar serta memperbaiki ekonomi dan mempertingkatkan hasil pendapatan petani didalam usaha-usaha membasmi kemiskinan.
2. Kompleks Kilang Padi LPN ini akan dibina di satu kawasan seluas 25 ekar yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri didalam kawasan Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau yang mempunyai keluasan keseluruhannya 46,000 hektar (113,580 ekar). Dari jumlah tersebut hanya 11,200 hektar yang didapati sesuai untuk diusahakan sebagai sawah padi yang ditanam 2 kali setahun. Perlaksanaan Projek Pembangunan Pertanian ini terbahagi kepada 2 fasa, iaitu fasa pertama seluas 4,374 hektar adalah didalam perlaksanaan mulai tahun 1981 hingga 1987 dan bakinya seluas 6,826 hektar adalah didalam fasa kedua mulai tahun 1988. Kilang Padi LPN ini akan dibina dalam fasa pertama dan dijangka siap untuk digunakan dalam tahun 1988.
3. Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau ini yang berupa rancangan penanaman padi secara kelompok atau estate dijangka akan dapat mengeluarkan hasil padi @ 18,370.8 tan metrik semusim (Anggaran 4,200 bilogram atau 49 guni se hektar) bagi 4,374 hektar fasa pertama projek menjelang 1987 dan hasil tersebut dijangka meningkat kepada 47,868.6 tan metrik semusim setelah fasa kedua dijayakan. Dengan itu Kompleks Kilang Padi LPN ini akan dapat memberikan khidmat pemasaran serta



pengilangan keatas padi-padi yang dihasilkan itu disamping padi-padi daripada kawasan-kawasan lain didalam Negeri Pahang, terutama bagi kawasan Rompin/Endau yang diluar Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau dan Pekan, serta daerah-daerah lain yang mempunyai kawasan-kawasan tanaman padi seperti di Lampiran 'A' berkembar.

4. Dua kawasan didalam Negeri Pahang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang menghasilkan padi, bukan sahaja untuk keperluan sendiri, tetapi juga untuk dipasarkan. Kawasan tersebut adalah daerah-daerah Rompin/Endau dan Pekan. Pengeluaran-pengeluaran padi daripada kedua-dua kawasan tersebut dan lain-lain daerah di Negeri Pahang adalah seperti di Lampiran 'B'.
5. Dikedua-dua kawasan tersebut LPN telah mengeluarkan enam Lesen-lesen Membeli Padi:-

(i) Daerah Rompin/Endau : (a) Pengurus  
Pertubuhan Peladang Kawasan Rompin,  
Kuala Rompin.

No. 006551

(b) Abd. Razak b. Aziz,  
Kampung Setajam,  
Endau, Rompin.

No. 1897

(c) Tuan Haji Yahya Bongsu,  
Batu 4, Kampung Jawa,  
Endau, Rompin.

No. 1586

(ii) Daerah Pekan : (a) Pengurus  
Pertubuhan Peladang Kawasan Pekan,  
Pekan.

No. 1726

(b) Abdullah b. Tahir,  
Syarikat Berkeluarga Kilang Padi,  
Kampung Pahang Tua,  
Pekan.

No. 1912

(c) Abu Bakar b. Mohd Sidek,  
Kampung Lamir,  
Pahang Tua, Pekan.

No. 008915

Dan satu pelesen di:-

- (iii) Daerah Jerantut : (a) Penguas,  
 Tertubuhan Peiladang Kawasan  
 Jerantut Hilir, ~~daerah~~ <sup>daerah</sup> ialah  
 Simpang Pulau Tawar, ~~daerah~~ <sup>daerah</sup> Jerantut.  
 No. 608781

Disamping menjujukan padi-padi kepada pelesen-pelesen tersebut, petani-petani adalah juga digalakkan supaya memasarkan terus padinya ke kilang-kilang, sama ada swasta ataupun LPN secara persendirian, ataupun ber-kumpulan bagi memperbaiki lagi hasil pendapatan petani-petani itu sendiri. Sehingga ini padi-padi yang dibeli oleh pelesen-pelesen dari petani-petani ataupun padi-padi yang dipasarkan sendiri oleh petani-petani dihantar ke kilang-kilang swasta dan LPN di Muar-Johor, Besut-Terengganu, Tanjung Karang-Selangor dan Trogong-Perak memandangkan di Negeri Pahang belum ada lagi kilang-kilang padi yang bertaraf perdagangan kepunyaan swasta ataupun Kilang LPN. Daripada itu kos pengangkutan telah mengambil sebahagian besar daripada pendapatan petani-petani. (Anggaran kos pengangkutan adalah diantara \$3.80 hingga \$5.50 bagi 100 kilogram padi bergantung kepadanya jehnya tempat/kilang).

8. LPN membeli padi terus di pintu kilang daripada petani ataupun pelesen dengan harga seperti berikut:-

- (i) \$49.603 dikenakan kepada \$49.61 bagi setiap 100 kilogram padi kelas panjang.
- (ii) \$46.207 dikenakan kepada \$46.30 bagi setiap 100 kilogram padi kelas sederhana.

Dan harga-harga tersebut ditambah dengan Subsidi Harga Padi @ \$16.534 dikenakan kepada \$16.54 bagi setiap 100 kilogram padi yang dipasarkan. Harga-harga tersebut adalah bagi padi masak, bersih, kering dan dijual di pintu kilang LPN.

Peringkat permulaan pembinaan Kompleks Kilang Padi LPN ini telah dimulakan pada h.b. Jaisi, 1985 di tapak Kompleks yang telah diperuntukkan dengan pembinaan Peneduh dan Coverway yang berharga \$332,416.00 dan di angka siap pada pertengahan Bulan Oktober, 1985 ini. Sehingga ini telah kurang 50% pembinaan telah siap. Peneduh dan Coverway ini akan dapat digunakan pada awal tahun 1986 dan pasti akan memberi kemudahan memasarkan disamping mempertingkatkan hasil pendapatan petani-petani, khususnya petani-petani dari daerah-daerah Pekan dan Rompin/Endau yang diluar kawasan projek yang selama ini telah memasarkan padi-padi mereka diluar Negeri Pahang dan amnya petani-petani dari lain-lain daerah di-



KELUASAN KAWASAN TANAMAN PADI MENGIKUT DAERAH

<u>DAERAH</u>	<u>KELUASAN SAWAH PADI HEKTAR</u>	<u>KELUASAN DITANAM HEKTAR</u>	<u>ANGGARAN PENGELUARAN SE HEKTAR</u>
1. ROH IN	2,650	1,090	49 GUNI/4.165 TAN METRIK
2. KUNAN	1,214	1,135	- SAMA -
3. KUNYAN	540	150	35-40 GUNI/2.975-3.4 TAN METRIK
4. BERAP	2,887	412	- SAMA -
5. TEMERLOH	8,701	811	- SAMA -
6. BEYONG	623	162	- SAMA -
7. BERANTUT	3,837	1,865	- SAMA -
8. KASB	1,427	660	- SAMA -
9. B. DE IS	<u>24,221</u>	<u>7,403</u>	- SAMA -
Jumlah	46,099	13,673	
	=====	=====	

PEROLEHAN HASIL TANAMAN PADI MENYIKUT DAERAH-DAERAH  
YANG DIFASARKAN

<u>TAHUN 1983</u>		<u>TAHUN 1984</u>		<u>TAHUN 1985</u>	
<u>BIL. GUNI</u>	<u>BERAT M/TAN</u>	<u>GUNI</u>	<u>BERAT M/TAN</u>	<u>GUNI</u>	<u>BERAT M/TAN</u>
770	65.4	3,652	310.4	3,448	292.6
-	-	16,184	1,375.6	8,700	746.3
-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	-	-
782	66.4	610	51.8	48	3.4
-	-	130	11.0	-	-
250	21.2	845	71.8	700	62.0
-	-	118	10.0	90	7.6
200	17.0	320	27.2	719	61.1
<u>2,002</u>	<u>170.0</u>	<u>21,859</u>	<u>1,857.8</u>	<u>13,802</u>	<u>1,173.0</u>
=====	=====	=====	=====	=====	=====

1. Pendahuluan

Projek Rompin-Endau adalah salah satu Projek Pertanian Bersepadu dibawah Kementerian Pertanian Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang. Projek ini yang dimulakan pada tahun 1981 sehingga 1990 melibatkan kerja-kerja membuka dan membangun tanah seluas 11,400 ha untuk ditanam padi dua kali setahun yang mana dijangkakan seramai 2204 orang peserta akan diambil bagi menjayakan projek ini, yang akan ditempatkan dilapan kawasan penempatan. Setiap peserta dicadangkan akan diberi untuk mengusahakan tanah bendang seluas 4.8 ha (12 ekar) dan pengurus ladang adalah mengikut blok tersier seluas 48 ha yang melibatkan 10 orang peserta yang akan mengerjakan sawah/bendang secara berkelompok. Seluruh kawasan projek akan diwartakan dibawah Akta Kawasan Penempatan (GSA) 1960 dan penilaian akan diberi dalam Hak Milik Bersama bagi mengelakkan proses pemecahan tanah.

Didalam penerangan, pembangunan Projek Rompin-Endau dijelaskan dalam dua fasa seperti dalam Lampiran I. Pada keseluruhannya kos projek ini ialah M\$303.2 juta yang mana sebanyak M\$86 juta (US\$40 juta) di-biaya melalui pinjaman Bank Dunia.

## 2. Program Projek Rompin-Endau

- Berdasarkan kepada matlamat-matlamat Projek yang bertujuan bagi meninggikan pendapatan petani, mengeluarkan hasil padi memerlu keperluan negara, penempatan semula petani-petani yang tidak bertanah dan juga melahirkan golongan petani-petani yang dinamik; Pejabat Pengurusan Projek Rompin-Endau telah merancang beberapa program yang dilaksanakan oleh Pejabat Projek dan Jabatan dibawah Komponen Projek. Pada amnya segala program yang dijalankan oleh jabatan dibawah Komponen Projek seperti JPT, Jabatan Pertanian, MARDE, LPP, DARA dan Bank Pertanian diselenggarakan oleh Pejabat Projek. Diantara program yang dijalankan oleh jabatan dibawah komponen projek adalah seperti berikut:-

### A. Jabatan Parit dan Talinair (JPT)

Menyediakan kemudahan prasarana dikawasan projek seperti jalan ladang (110 km), jalan masuk (45 km), sistem parit dan talinair (80 km), terusan utama dan kedua; 100 km parit, 70 km 'dyke' dan enam buah sistem pua, membina empangan di sungai Anak Endau dan Sungai Pontian, bekalan air sementara dikawasan penempatan.

Kemudahan asas yang sebegini rupa disediakan bertujuan bagi menjamin bekalan air yang cukup bagi tanaman padi dua kali setahun disamping bagi memudahkan pengurusan air secara cekap dengan harapan hasilnya akan dapat meninggikan pengeluaran padi. Jalan-jalan ladang disediakan bagi memudahkan petani mengangkut dan memasarkan hasil pertanian mereka.

B. Jabatan Pertanian

Tugas utama Jabatan Pertanian ialah didalam memberi perkhidmatan pengembangan kepada peserta/petani melalui sistem 2L. Di bawah sistem 2L ini petani-petani dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bagi memudahkan pengeluaran dan penyampaian tunjuk ajar dan teknik-teknik baru dalam bidang tanam padi. Petak-petak demonstrasi dan petani contoh diadakan bagi mempercepatkan lagi proses penyaluran maklumat ini.

C. MARDI

Menjalankan petak-petak percubaan guna bagi mencuba sesuatu teknologi baru sebelum ianya disalurkan kepada Jabatan Pertanian untuk disampaikan kepada petani. Di antara aktiviti yang dijalankan dibawah program MARDI adalah seperti percubaan dan pemerhatian kegunaan bajaj, pengurusan tanah, mencuba jenis padi baru dan lain-lain lagi.

D. LPP

LPP melalui PKP nya bertanggungjawab didalam memberi bantuan subsidi baja kepada petani yang terlibat. Mengikut perancangan yang tersedia ada, dan sejajar dengan arahan Kerajaan yang tersedia ada, subsidi baja akan diberikan bagi 6 ekar pertama musim, LPP juga melalui unit Pusat Mekanisasi Poladang (PMP)nya akan memberi khidmat kejenteraan seperti membajak dan menuai. Di bawah cadangan konsep 4.6 ha (12 ekar) kegunaan jentera adalah amat penting bagi menjimatkan



3. Pelaksanaan Projek Kemahiran di Wilayah Persekutuan

E. DARA terdiri 30 orang pekerja yang ditugaskan bagi memulakan kerja-kerja. Bertanggungjawab menyediakan rumah-rumah peserta di kawasan penempatan. Dengan cara ini penempatan peserta di kawasan projek dapat dirancang dan dijalankan dengan teratur dengan mengambil kira kemudahan asas yang lain seperti perkhidmatan kesihatan, surau, dewan orang ramai, tadika, kedai dan sebagainya. Di setengah-setengah kawasan penempatan dirancang diadakan sekolah dan lain-lain perkhidmatan. Diharapkan di masa hadapan, kawasan penempatan ini akan menjadi pusat pembangunan (development centres).

F. Bank Pertanian

Program utama Bank Pertanian dibawah Projek ini ialah didalam memberi bantuan kredit kepada petani didalam kerja-kerja membajak sawah, input-input pertanian seperti baja bagi baki 6 ekar (yang tidak layak terima bantuan subsidi baja) dan racun-racun serangga dan sebagainya. Diharapkan dengan ini dapat membentuk petani yang tidak berharap banyak kepada bantuan subsidi Kerajaan didalam kerja menanam padi di masa hadapan.

G. Lain-Lain Jabatan

Dimasa hadapan, banyak lagi jabatan dijangka akan terlibat didalam Projek ini. Diantara LPN yang ditugaskan untuk menyediakan tempat mengering padi dan membeli padi dari petani. Juga Jabatan Perikanan dan Haiwan akan turut terlibat didalam memberi khidmat mereka didalam usaha mempelbagaikan pendapatan petani

3. Perkembangan Projek Rompin-Endau di masa sekarang.

Seramai 30 orang peserta akan diambil bagi memulakan kerja-kerja penanaman padi di Sub Projek Rompin Utama yang akan bermula pada awal bulan Oktober ini. Akan tetapi program kemasukan ini adalah tertakluk kepada penyiapan rumah peserta oleh pihak DARA. Peserta kumpulan pertama ini (30 orang) akan diberi rumah dan kemudahan perkhidmatan pertanian seperti mana yang dirancang; termasuk juga perkhidmatan kesihatan bergerak, dan sebagainya.

4. Kawasan Paya Sepayang ( 200 ha)

4.1. Kawasan ini terletak diantara Projek Kedil

Pontian Tebing Kiri dan Tebing Kanan. Kawasan ini yang menumpukan kawasan tanah terbiar yang tersedia ada, akan dimajukan setelah taraf infrastruktur diperbaiki untuk membolehkan tanam padi 2 kali setahun atau pun kadar intensiti tanaman dinaikkan daripada 20% kepada 200%.

4.2. Sementara menunggu kerja-kerja pemulihan jangka panjang, Projek kini sedang melibatkan diri dalam usaha-usaha membantu petani kawasan penanaman padi merusi perkembangan petani dan sebagainya. Dalam musim tanam yang lepas hasil padi telah naik sehingga lebih kurang 3.5 m/tan per hektar.

LAMPIRAN I

KAWASAN KECIL	Kos Kawasan Tanaman Padi (Ha)	Bilangan Padi
<u>Dasar 1</u>		
Rompin Utama	488	82
a) Pontian Tebing Kiri	555	110
b) Pontian Tebing Kanan	695	140
a) Anak Endau Tebing Kiri	1,493	300
b) Anak Endau Tebing Kanan 'A'	1,143	230
Jumlah Kecil	4,270	862
<u>Dasar 2</u>		
1. Roki Kawasan Rompin Tebing Kanan	796	160
Anak Endau Tebing Kanan (Kawasan B)	2,150	430
Sub Projek Kembar Mentelong	1,310	272
Keseluruhan Kawasan Tebing Kiri	2,770	480
Jumlah Kecil	7,026	1,342
JUMLAH BESAR	11,400	2,204

... pembangunan ekonomi Negeri Pahang. Dalam tahun 1977, sektor ini  
... 60% daripada jumlah pengeluaran negara yang bernilai RM 1.7  
... 39.8% dari pengeluaran sektor pertanian dan lebih 15% dari  
... negeri-negeri lain. 1/1

... Diambil kira bahawa pentingnya sektor pekebun kecil negara kepada  
... negeri ini, terdapat lebih 80% daripada jumlah pekebun kecil yang  
... 2/1. Masyarakat pekebun kecil yang berjumlah hampir setengah daripada  
... ini tinggal di luar bandar dan hidup secara tradisional.  
... mereka memerlukan bantuan PROGRAM PEMBANGUNAN

**PROGRAM PEMBANGUNAN  
RISDA NEGERI PAHANG**

... yang sahaja, dengan RISDA NEGERI PAHANG telah secara tradisional dan  
... melaksanakan oleh orang-orang tempatan dari segi tenaga dan tenaga.

... dalam usaha untuk membangunkan tawaran modal ekonomi pekebun  
... dalam kawasan Desa Kemuncak dan, RISDA telah ditubuhkan dalam  
... 1975 dengan modal sebanyak RM 50. Dengan pertubuhan RISDA, tawaran  
... yang diberikan sepenuhnya bukannya sahaja membangunkan kawasan  
... dan, tetapi juga meliputi segala usaha kearah membangunkan sektor  
... RISDA secara menyeluruh.

... Selain itu, dalam menyempurnakan lagi kearah memajukan sektor  
... Negeri Pahang di antara pertengahan yang mungkin ialah  
... melalui dengan kerjasama program pembangunan yang dilaksanakan  
... dan dengan kearah memajukan kecekapan dikalangan pekebun

... Laporan Kerja ini perlulah, membentang strategi pembangunan  
... pekebun kecil. Kecekapan kecekapan kecekapan dan kemajuan pembangunan  
... kecekapan kecekapan kecekapan dan kemajuan pembangunan strategi

**PEJABAT RISDA NEGERI  
KUANTAN**

**8HB, SEPTEMBER, 1985**

## 1. PENDAHULUAN

Sektor Pekebun Kecil Getah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Negeri Pahang. Dalam tahun 1971, sektor ini menghasilkan 60% daripada jumlah pengeluaran getah yang bernilai \$74.2 juta iaitu 35.6% dari pengeluaran sektor pertanian dan lebih 15% dari keluaran kasar negeri ini. 1/.

Disebalik sumbangan penting sektor pekebun kecil getah kepada pembangunan negeri ini, terdapat lebih 64% dikalangan pekebun kecil yang miskin. 2/. Masyarakat pekebun kecil yang berjumlah hampir setengah daripada penduduk negeri ini tinggal diluar bandar dan hidup secara tradisional. Mereka mengeluarkan hasil dan mutu getah yang rendah iaitu kira-kira 560 kg. sehektar setahun, mengamalkan pemerosesan getah secara tradisi dan mudah dieploitaskan oleh orang tengah dari segi timbang dan harga.

Dalam usaha untuk meninggikan taraf socio ekonomi pekebun kecil selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, RISDA telah ditubuhkan dalam tahun 1973 dibawah akta Malaysia 85. Dengan tertubuhnya RISDA, tanggungjawab yang diberikan kepadanya bukan sahaja menjalankan rancangan tanam semula, tetapi juga meliputi segala usaha kearah memodenkan sektor pekebun kecil secara menyeluruh.

Setelah satu dekad menyumbang bakti kearah memajukan sektor pekebun kecil Negeri Pahang diantara pertanyaan yang mungkin timbul ialah berhubung dengan kemajuan program pembangunan yang dilaksanakan oleh RISDA dan kesannya kearah membasmi kemiskinan dikalangan pekebun kecil.

Kertas kerja ini pertama, membentang strategi pembangunan sektor pekebun kecil. Kedua, menguraikan kaedah dan kemajuan pencapaian matlamat serampang Tujuh Mata. Dan akhirnya mengemukakan strategi selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

- 
- 1/. UPEN PAHANG, Rancangan Malaysia Ketiga 1976 - 1980, muka surat 21.
  - 2/. JPM., Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985, muka surat 38.

KADAN DAN KEMAJUAN

2. STRATEGI PEMBANGUNAN:

Dengan penubuhan RISDA, strategi pembangunan sektor pekebun kecil telah diubah dari hanya menjalankan Rancangan Tanam Semula kepada strategi pembangunan yang melibatkan usaha memodenkan sektor ini secara menyeluruh.

Dalam usaha memodenkan sektor pekebun kecil strategi pembangunan secara "total" berasaskan matlamat Serampang Tujuh Mata merangkumi ciri-ciri seperti:-

1. Semua getah tua yang tidak ekonomik digantikan dan ditanam semula dengan benih bermutu tinggi.
2. Getah yang ditanam semula hendaklah dipelihara dengan menggunakan teknik-teknik yang akan menentukan pengeluaran hasil dalam jangkamasa yang tidak lebih daripada 5½ tahun.
3. Sementara getah masih muda, tanah-tanah pekebun kecil digunakan dengan sepenuhnya untuk mengeluarkan pendapatan bulanan yang tidak kurang daripada \$500.00 sebulan sekeluarga.
4. Apabila getah telah ditoreh, hasil pengeluaran hendaklah tidak kurang daripada 1,500 kg. Sehektar.
5. Harga yang didapati oleh pekebun kecil hendaklah tidak kurang daripada apa yang boleh didapati daripada harga getah gred dua sekurang-kurangnya.
6. Modal pekebun kecil digembelngkan dan dilaburkan dalam pembangunan industri kampung melalui gerakan koperasi pekebun kecil.
7. Semua peringkat pekebun kecil dididik, dibimbing dan dibantu untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

	23,352	49,407
--	--------	--------

2. KAEDAH DAN KEMAJUAN

2.1. Semua getah tua yang tidak ekonomik digantikan dan ditanam semula dengan benih bermutu tinggi. Bagi menentukan pencapaian matlamat ini, kaedahnya ialah pekebun kecil perlu menjalankan projek-projek seperti berikut:-

- 2.1.1. Tanam Semula 1 (individu)
- 2.1.2. Tanam Semula 2 (individu)
- 2.1.3. Tanam Baru
- 2.1.4. Pemulihan Kebun
- 2.1.5. Tanam Semula/Baru Berkelompok
- 2.1.6. Tanam Semula/Baru Mini Estet

Seluas 129,806 hektar kawasan getah kepunyaan 52313 Pekebun kecil telah didaftarkan dengan pihak RISDA Negeri Pahang Setakat 30hb. Jun, 1985. Daripada jumlah ini seluas 76,189 hektar telah ditanam semula dan tanam baru. Kemajuan tanam semula/baru dalam tempoh 10 tahun adalah seperti jadual 2A. Manakala peratus kebun tertahan bantuan menurut kajian adalah dijelaskan dalam jadual 2B.

Jadual 2A. Projek Tanam Semula Dalam Tempoh 10 Tahun  
(1974 - 1983)

Jenis Tanam Semula	Bil. Pekebun Kecil	Kelulusan
1. Tanam Semula 1 (individu)	16,050	32,513
2. Tanam Semula 2 (individu)		
3. Tanam Baru		
4. Tanam Semula Berkelompok	3,404	7,320
5. Mini Estet	3,898	9,574
Jumlah	23,352	49,407

2.4. Sumber: Dari Rekod Pejabat RISDA Negeri Pahang.

2.5. Kawalan Rumpai

2.6. Kawalan Penyakit

2.7. Homba Jambu

Dari Jadual 2 A, adalah didapati bahawa dalam tempoh 10 tahun (1974 - 1983) jumlah pekebun kecil yang menyertai tanam semula ialah 23,352 dengan keluasan sebanyak 49,407 hektar. Ini merupakan 64.8% dari jumlah bilangan pekebun kecil yang telah pun menanam semula sejak Rancangan Tanam Semula (1953) hingga 30hb. Jun, 1985.

Jadual 2 B: Kebun Tertahan Bantuan

Wilayah	% Tertahan Bantuan	Tempoh Habis Bantuan			
		5½ Tahun	6 Tahun	7 Tahun	8 Tahun Keatas
Timur	20.0	1.5	19.5	51.6	27.4
Tengah	30.3	15.3	49.9	24.9	13.9
Barat	8.1	22.8	38.6	26.1	12.5
Pahang:	19.5%	13.2%	34.7%	34.2%	17.9%

Sumber: Dari Analisa Soal Selidik

Kesan dari penjagaan kebun yang baik di Jadual 2 B, terdapat 82.1% kebun yang habis bantuan kurang dari 8 tahun dan hanya 17.9% yang melebihi 8 tahun. Disamping itu, jumlah kebun yang tertahan bantuan bagi Negeri Pahang dalam tempoh 10 tahun (1974 - 1983) ialah sebanyak 19.5% sahaja.

2. Getah yang ditanam semula hendaklah dipelihara dengan menggunakan teknik-teknik yang akan menentukan pengeluaran hasil dalam jangkamasa yang tidak lebih daripada 5½ tahun.

Oleh itu, pekebun kecil perlu menjalankan projek-projek seperti berikut:-

- 2.1. Penggunaan Sistem Enviromeks
- 2.2. Penggunaan Benih Lanjutan
- 2.3. Penggunaan Baka Getah Bermutu
- 2.4. Penggunaan Kacang Penutup Bumi
- 2.5. Kawalan Rumpai
- 2.6. Kawalan Penyakit
- 2.7. Pembajaan



Dari kajian yang dijalankan peratus pekebun kecil mengikut Wilayah yang mengemalkan teknik-teknik diatas adalah dijelaskan dalam Jadual 3 A dan 3 B.

Jadual 3 A: Teknik Penjagaan

Wilayah	% Penggunaan Benih				% Penggunaan Baka	
	AGB	TSB	TSB Polybag	Maxi	RRIM 600	GT.1
Timur	12.5	36.4	50.9	0.2	99.8	0.2
Tengah	25.5	54.0	19.7	0.8	81.0	19.0
Barat	22.6	72.2	4.8	0.4	98.4	1.6
Pahang:	20.2%	54.2%	25.1%	0.5%	93.1%	6.9%

Sumber: Dari Analisa Soal Selidik

Dari Jadual 3 A, hasil dari pengamalan pemindahan teknologi oleh pekebun-pekebun kecil, benih bermutu tinggi yang digunakan oleh mereka ialah 54.2% jenis Tunggul Cantum Biasa (TCB), 25.1% TCB dalam polybag, 0.5% Tunggul Cantuman Maxi dan hanya 20.2% yang masih menanam anak getah biasa (AGB) yang kemudiannya dicantum. Dari jumlah ini sebanyak 93.1% adalah baka RRIM 600 dan 6.9% GT.1.

Jadual 3 B: Teknik Penjagaan

Wilayah	% Penggunaan				
	Sistem Enviromeks	Kacang Penutup Bumi	Rumpai	Sorangan Penyakit	Pembajaan
Timur	86.0	29.1	95.8	3.9	100%
Tengah	95.1	15.7	100.0	11.2	100%
Barat	76.8	7.6	95.1	23.0	87.8
Pahang:	85.9%	17.5%	97.0%	12.7%	95.9%

Sumber: Dari Analisa Soal Selidik.

Melalui kajian yang dijalankan, sebagaimana Jadual 3 B, adalah didapati bahawa pekebun kecil yang mengamalkan teknik penjagaan yang disyorkan dalam aspek penanaman berdasarkan sistem enviromeks ialah sebanyak 85.9%, menanam kacang penutup bumi 17.5%, penjagaan kebun menggunakan racun rumpai 97.0%, 95.9% mengamalkan pembajaan dan hanya 12.7% kebun yang diserang penyakit.

3. Sementara getah masih muda, tanah-tanah pekebun kecil digunakan dengan sepenuhnya untuk mengeluarkan pendapatan bulanan yang tidak kurang daripada \$500.00 sebulan sekeluarga.

Ini boleh dicapai dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti sistem perkebunan bersepadu (SEPERDU) seperti berikut:-

- 3.1. Integrasikan getah dengan tanaman jangka pendek.
- 3.2. Integrasikan getah dengan berbagai-bagai jenis ternakan.

Dari kajian yang dijalankan dalam tempoh 10 tahun (1974 - 1983) peratus yang menanam kontan dan berternak serta jumlah pendapatan adalah sepertimana Jadual 4.

Jadual 4: Pendapatan Sampingan

Wilayah	Kontan			Ternakan			Jumlah Besar
	-\$500	+\$500	Jumlah	-\$500	+\$500	Jumlah	
Timur	21.7	0.3	22	0.8	-	0.8	22.8%
Tengah	9.6	3.7	13.3	0.3	0.4	0.8	14.1
Barat	6.2	1.7	7.9	0.1	-	0.1	8.0
Pahang:	12.5	1.9	14.4	0.4	0.1	0.6	15.0

Sumber: Dari Analisis Soal Selidik

Dari Jadual 4, terdapat seramai 15.0% keluarga di Negeri Pahang yang menanam kontan atau menternak diatas kebun. Dari jumlah ini 1% yang menerima pendapatan lebih dari \$500.00 sebulan, manakala 14% menerima pendapatan kurang dari \$500.00 sebulan.

4. Apabila getah telah ditoroh, hasil pengeluaran hendaklah tidak kurang daripada 1,500 kg. sehektar.

Bagi menentukan pencapaian matlamat ini, pekebun kecil perlu menjalankan projek-projek seperti:-

- 4.1. Penggunaan Sistem Torehan
- 4.2. Penggunaan Penggalak Susu untuk getah matang
- 4.3. Penggunaan Penggalak Susu untuk getah tua
- 4.4. Pembajaan
- 4.5. Kawalan Penyakit
- 4.6. Kawalan Rumpai

Jadual 5 A: Kemajuan Penggunaan Penggalak Susu Di Negeri Pahang.

Tahun	Pokok	Bilangan Pekebun Kecil	Luas (hektar)
1984	Matang	552	1,343.98
	Tua	221	524.08
1.1.85 hingga	Matang	117	241.31
31.6.85	Tua	84	186.81

Sumber: Laporan Tridelta Negeri Pahang.

Peratus penggunaan baja, rumpai dan penyakit sebagaimana dijelaskan di Jadual 2 B.

Jadual 5 A diatas menunjukkan bahawa dari laporan Tridelta dalam tahun 1984 bilangan pekebun kecil di Negeri Pahang yang mengamalkan penggunaan penggalak susu ialah seramai 773 dengan keluasan 1868.06 hektar, manakala bagi tahun 1985 sehingga 31hb. Jun, 1985 seramai 201 dengan keluasan 428.12 hektar

Dalam masa 10 tahun (1974 - 1983) dari kajian yang dijalankan pengeluaran getah bulanan bagi pekebun kecil adalah seperti Jadual 5 B.

Jadual 5 B: Pengeluaran Getah Bulanan

Wilayah	- 1,000 kg.	+ 1,000 kg.
Timur	80.0%	20%
Tengah	30.0%	70%
Barat	33.6%	66.4%
Pahang:	47.9%	52.1%

Sumber: Dari Analisa Soal Selidik

Dari Jadual diatas, sebanyak 47.9% pengeluaran kurang dari 1,000 kg. sehektar manakala 52.1% adalah lebih dari 1,000 kg. sehektar. Berdasarkan dari penanaman yang mengambil kira faktor-faktor enviromik, adalah dijangkakan matlamat untuk mencapai pengeluaran sebanyak 1,500 kg. sehektar setahun akan berjaya, setelah kematangan pokok bertambah.

5. Harga yang didapati oleh pekebun kecil hendaklah tidak kurang daripada apa yang boleh didapati daripada harga getah gred dua sekurang-kurangnya.

Dengan yang demikian, pekebun kecil perlulah menjalankan projek yang boleh mencapai matlamat diatas.

- 5.1. Penubuhan PMGB
- 5.2. Pemasaran berkelompok
- 5.3. Penubuhan tabung simpanan wang PMGB.

Kedudukan PMGB dan penjualan getah secara berkelompok bagi Negeri Pahang setakat 1 hb. Jun, 1985 adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Kedudukan PMGB Sejak Tahun 1973 - 1985  
Setakat 30hb. Jun, 1985

Tahun	Bil. Pusat	Bil. Peserta	Keluasan (Ekar)	Pengeluaran Sebulan	Jumlah Perbelanjaan
1973	72	936	5,632	1,800.00 pikul	\$147,180.76
1974	11	178	978	458.00 "	36,336.40
1975	19	433	2,068½	1,028.50 "	64,465.35
1976	12	236	1,284½	1,014.50 "	39,166.63
1977	13	250	1,059	749.20 "	43,433.80
1978	9	172	977½	651.00 "	33,422.83
1979	10	194	598½	462.25 "	39,012.03
1980	23	259	1,249	801.50 "	92,511.25
1981	48	522	2,716½	2,377.00 "	224,433.41
1982	11	87	438	458.25 "	53,287.25
1983	32	357	1,704	1,555.50 "	144,848.99
1984	23	253	1,431	1,202.00 "	109,117.58
1985 (Setakat 30/6/85)	17	161	864½	477.57 "	76,731.46
JUMLAH:	300	4,038	21,000	13,035.27 "	\$1,103,947.74

Sumber: Dari Rekod Pejabat RISDA, Negeri Pahang

Ingatan:

Ini tidak termasuk Mini PMGB yang berjumlah 957 buah dengan keahlian seramai 3,828 pekebun kecil.

Setakat 30hb. Jun, 1985 sepertimana Jadual 6, jumlah PMGB yang terdapat di Negeri Pahang semenjak 1973 ialah 300 pusat dengan bilangan peserta 4,038, merangkum keluasan getah 21,000 ekar. Jumlah perbelanjaan pembangunan ialah \$1,103,947.74.

Disamping itu terdapat sebanyak 957 mini PMGB dengan keahlian seramai 3,828 orang. Jumlah perbelanjaan ialah \$991,770.65.

Dari kajian yang dijalankan mutu gred getah yang telah dicapai bagi Negeri Pahang dapat dilihat dalam Jadual 7.

Jadual 7: Gred Mutu Getah

Wilayah	Peratus Gred				
	1	2	3	4	5
Timur	-	-	19.0	75.7	5.3
Tengah	-	15.0	30.0	40.0	15.0
Barat	-	23.3	50.0	26.7	-
Pahang:	-	12.8%	33.0%	45.5%	6.7%

Sumber: Dari Analisa Soal Selidik.

Dari Jadual 7, melalui kajian didapati peratus yang mengeluarkan mutu getah gred 2 masih lagi rendah iaitu 12.8%, gred 3 sebanyak 33.0% dan selebihnya adalah mutu getah gred 4 dan 5.

6. Modal pekebun kecil digembelngkan dan dilaburkan dalam pembangunan industri kampung melalui gerakan koperasi pekebun kecil.

Bagi mencapai objektif ini, pekebun kecil perlu menjalankan projek-projek seperti berikut:-

- 6.1. Penubuhan Koperasi Serbaguna
- 6.2. Menambahkan Keahlian Koperasi
- 6.3. Menambahkan Saham
- 6.4. Mengenal pasti dan menceburkan diri dalam bidang pelaburan/pemborong dan industri kecil.

Setakat 30hb. Jun, 1985 kejayaan yang dicapai oleh RISDA Negeri Pahang dalam aktiviti-aktiviti diatas dinyatakan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Pencapaian Keahlian Saham Koperasi  
Pekebun Kecil Daerah/Negeri Pahang  
Setakat Jun, 1985

BIL.	DA'RAH	Matlamat Sehingga Disember, 1985		Pencapaian		Pencapaian Sebulan		% Pencapaian Setakat Ini		AHLI MENJELASKAN SEPENUHNYA
		AHLI	SAHAM	AHLI	SAHAM	AHLI	SAHAM	AHLI	SAHAM	
1.	KOPPEKAN	1,000	100,000.00	675	50,300.30	1	159.00	67.5	50.30	346
2.	KOPEKET	2,000	200,000.00	937	26,112.16	11	53.00	46.85	13.06	127
3.	KOPJET	1,000	100,000.00	607	13,658.00	-	-	60.7	13.65	46
4.	KOPRA	1,000	100,000.00	539	20,659.00	25	395.00		20.66	90
5.	KENDALI	1,200	120,000.00	756	52,601.00	-	-	63.00	43.83	305
6.	KOPBENTONG	1,000	100,000.00	329	14,164.50	-	-	32.9	14.16	87
7.	KODAK	1,000	100,000.00	513	29,465.00	-	-	51.3	29.46	209
8.	KOPRIN	600	60,000.00	309	10,976.00	-	53.00	51.50	18.29	53
	<b>JUMLAH:</b>	<b>8,800</b>	<b>880,000.00</b>	<b>4665</b>	<b>217,935.96</b>	<b>37</b>	<b>660.00</b>	<b>53.46</b>	<b>25.43</b>	

Tidak termasuk Wang Pelancaran sebanyak \$10,000.00 tiap-tiap Koperasi dan  
wang tambahan \$40.00 tiap-tiap Ahli.

Jadual 8 menunjukkan bahawa bilangan pekebun kecil yang menyertai koperasi setakat 30hb. Jun, 1985 ialah 4,665 dengan jumlah saham sebanyak 217,935.96

Melalui gerakan koperasi modal pekebun kecil telah dilaburkan dalam berbagai-bagai kegiatan seperti belian getah, mengedar bahan kimia, mengambil kontrak binaan seperti PPK, Depo, Prasarana, kontrak pembangunan ladang, mengedar barang elektrik, pengangkutan dan pelaburan harta.

7.

Semua peringkat pekebun kecil dididik, dibimbing dan dibantu untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

Justeru itu, pekebun kecil perlu mengadakan projek-projek seperti:-

- 7.1. Penubuhan Tabika
- 7.2. Penubuhan PPK
- 7.3. Penubuhan Kumpulan TKR
- 7.4. Penubuhan Kumpulan Kraftangan
- 7.5. Penubuhan Kumpulan Memproses Makanan
- 7.6. Penubuhan Kumpulan Mekanik
- 7.7. Penubuhan Kumpulan Tukang Kayu
- 7.8. Penubuhan Kumpulan Usahawan
- 7.9. Biasiswa Untuk Sekolah Rendah.
- 7.10. Biasiswa Untuk Sekolah Menengah
- 7.11. Biasiswa Untuk Kolej
- 7.12. Biasiswa Untuk Universiti
- 7.13. Perumahan

Bagi Negeri Pahang setakat 30hb. Jun, 1985, aktiviti-aktiviti yang dapat dijalankan adalah sepertimana dijelaskan dalam Jadual 9.



Jadual 9 : Program Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil  
Setakat Jun, 1985

Wilayah	Daerah	Bilangan PwPK	Bilangan Ahli	Wang Tabung (\$)	Catitan
Pahang Timur	Kuantan	2	43	\$152.40	-
	Rompin	2	34	\$115.75	Duit tabung bagi sebuah PwPK sahaja.
	Fekan	1	30	\$50.00	-
	Maran	-	-	-	Tiada PwPK
Pahang Tengah	Temerloh + Maran Jerantut	14	264	\$3,252.00	-
		9	187	\$2,938.71	-
Pahang Barat	Raub	8	150	\$1,645.00	-
	Kuala Lipis	9	185	\$1,176.00	-
	Bentong	1	12	\$564.00	-
Jumlah	9 Daerah	46	805	\$9,823.86	-

Dari Jadual 9, adalah didapati sebanyak 46 buah unit PwPK telah ditubuhkan dengan bilangan ahli 905 orang. Setakat ini wang tabung yang terkumpul ialah sebanyak \$1893.86. Selain daripada menjalankan aktiviti kelas urusan rumah tangga, kelas ugama, tunjukajar, ceramah dan kelas bimbingan, terdapat juga sebilangan besar PwPK yang menjalankan aktiviti Projek Niaga.

Setakat ini di Negeri Pahang telah berjaya melahirkan 3 kumpulan Tenaga Kerja RISDA (TKR) dengan bilangan peserta 50 orang. Kumpulan-kumpulan ini telah pun berjaya menubuhkan syarikat mereka sendiri.

Disamping itu dalam tempoh 10 tahun (1974 - 1983) jumlah penuntut yang menerima Biasiswa Kecil RISDA diperingkat sekolah rendah ialah seramai 1,045 orang dengan perbelanjaan bernilai \$823,640.00

Pada keseluruhannya, dalam usaha untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi berdasarkan matlamat serampang tujuh faktor pendapatan merupakan aspek yang terpenting yang boleh mempengaruhi bidang sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil dan masyarakat pada umumnya. Oleh itu, kajian ini juga mengambil kira pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil sepertimana Jadual 10.

Jadual 10: Pendapatan Bulanan Pekebun Kecil  
Negeri Pahang.

Wilayah	Pendapatan Bulanan			
	Kurang \$300.00	%	Melebihi \$300.00	%
Timur	2411	69.8	1045	30.2
Tengah	5006	76.0	1578	24.0
Barat	4326	52.6	3896	47.4
Negeri Pahang:	11743	64.3	6519	35.7

Sumber: Dari Perancangan TRIDELTA Negeri Pahang.

3. Strategi Masa Depan

Dengan adanya strategi pembangunan yang menyeluruh  
Dari Jadual 10, pendapatan bulanan pekebun kecil di  
Negeri Pahang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pendapatan  
kurang dari \$300.00 dan pendapatan melebihi \$300.00 sebulan.  
Melalui maklumat "TRIDELTA" dari jumlah 18,262 pekebun kecil,  
64.3% yang memperoleh pendapatan kurang dari \$300.00, manakala  
35.7%, pendapatan mereka adalah melebihi \$300.00 sebulan.

Untuk mencapai kejayaan tersebut dalam pembangunan  
pembangunan masa depan kerajaan harus melaksanakan  
adalah meliputi:

1. Rancangan Sektor Pertanian yang menekankan  
aktiviti yang utamanya adalah pertanian  
sebagai diperlindungsikan dan dibantu oleh  
kegiatan kewangan-keluarga melalui  
pembinaan bank-bank untuk  
menggajikan keperluan kewangan  
RISDA dan MAFK sebagai sumber  
Perdagangan Modal.
2. Satu perkhidmatan  
dikalau ditangkapan  
sejalan bentuk Jabatan  
pekerja bagi kegunaan  
Perkhidmatan
3. Periklanan sistem  
perluasan dimana penyertaan  
melalui pembiayaan sendiri atau  
dari RISDA serta agensi-agensi kerajaan dan swasta  
jenis ini pekebun kecil dapat mendapat pendapatan  
stabil menggunakan tanah secara sewajarnya  
sehingga tenaga usaha mengumpul dan
4. Satu dan pengelivaran  
tingkatkan dengan memperkasas dan mempergiatkan  
PMB dan menaahab bilangan-punya terutamanya  
pendalaman. Bantuan subsidi baja, kimia dan pengaliran  
susu akan dibariskan di samping masalah kredit nasi  
dalam bidang pemrosesan dan penjagaan kebun diperluas  
pokok matang.

3. Strategi Masa Depan

Dengan adanya strategi pembangunan yang menyeluruh dan tersusun oleh RISDA, kemajuan telah diperolehi oleh sektor pekebun kecil. Ini dapat dikesan dan dilihat melalui pencapaian matlamat serampang tujuh mata. Namun begitu usaha sedang dipergiatkan untuk meninggikan taraf scsio ekonomi masyarakat pekebun kecil kearah membasmi kemiskinan dan menjadikan sektor pekebun kecil berdikari dan maju.

Untuk mencapai matlamat tersebut diatas, strategi pembangunan masa depan selaras dengan Dasar Pertanian Negara adalah meliputi:-

1. Rancangan Tanam Semula akan tetap merupakan aktiviti yang utama. Kadar perlaksanaan rancangan ini akan dipertingkatkan dengan memberi tumpuan terutamanya kepada kawasan-kawasan pendalaman. Perlaksanaan pembangunan berkelompok yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat pekebun kecil melalui TSB dan Mini Estet akan diteruskan selaras dengan Dasar Pertanian Negara.
2. Mutu penjagaan kebun dikalangan Pekebun Kecil akan ditingkatkan melalui kegiatan pengembangan, menambah semeian benih lanjutan diperingkat tempatan dan bekalan segera bagi bekalan baja, kimia dan lain-lain mata benda.
3. Perlaksanaan sistem Pekebunan bersepadu (SEPERDU) akan diperluaskan dimana penyertaan pekebun kecil akan diperbanyakkan melalui pembiayaan sendiri atau skim subsidi dan lain-lain dari RISDA serta agensi-agensi Kerajaan dan Institusi kewangan. Dengan ini pekebun kecil dapat menambah pendapatan disamping menggunakan tanah mereka sepenuhnya semasa menunggu tanaman utama mengeluarkan hasil.
4. Mutu dan pengeluaran getah pekebun kecil akan ditingkatkan dengan memperkemas dan mempergiatkan aktiviti PMGB dan menambah bilangannya terutama dikawasan pendalaman. Bantuan subsidi baja, kimia dan penggalak susu akan diteruskan disamping menambah khidmat nasihat dalam bidang pemerosesan dan penjagaan kebun diperingkat pokok matang.

5. Kemudahan pemasaran akan diperbaiki dengan menambah bilangan pembelian depo dan rumah asap. Operasi pembelian terus dari pekebun kecil akan diperluaskan meliputi kawasan-kawasan pendalaman.

Dengan tertubuhnya Koperasi Pekebun Kecil di setiap daerah, fungsi memasarkan hasil pertanian pekebun kecil di peringkat negeri akan diambil alih sepenuhnya oleh Koperasi ini pada masa akan datang.

6. Koperasi pekebun kecil peringkat daerah akan terus dimajukan dengan menambah keahlian dan saham serta mempelbagai-kan kegiatan meliputi perusahaan pertanian secara komersial, pengedaran bahan-bahan pertanian, pengangkutan, pemasaran hasil-hasil perusahaan tangan.

Kegiatan PWPK akan diserapkan kedalam koperasi untuk memperbaiki mutu dan kuantiti pengeluaran disamping menjamin ruang pasaran.

Koperasi pekebun kecil akan memainkan peranan sebagai wakil tunggal dalam perusahaan dan pemasaran hasil-hasil pekebun kecil pada masa akan datang.

Dengan adanya strategi pembangunan yang tersebut di atas, serta penglibatan dari semua pihak, RISDA Negeri Pahang yakin bahawa Matlamat Serampang Tujuh Mata akan tercapai dan seterusnya masyarakat pekebun kecil di negeri ini akan bertambah sejahtera dan maju.

Oleh:

Pejabat RISDA Negeri  
Pahang.

**LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN**  
**( F E L D A )**

**Matlamat**

FELDA telah ditubuhkan dibawah Akta Pembangunan Tanah 1956 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:-

- Membuka tanah yang belum dimajukan (hutan) untuk kegunaan kawasan pertanian dan penempatan.
- Menempatkan penduduk-penduduk yang berkelayakan dan tidak bertanah bagi meninggikan taraf hidup mereka menerusi cara-cara pertanian moden.
- Mengatur dan melaksanakan satu sistem pembangunan tanah yang lebih teratur dengan memberi latihan-latihan kemahiran, kemudahan-kemudahan pinjaman, serta perkhidmatan pengurusan dan penyediaan.
- Merancang, membina dan mengendalikan kilang-kilang memproses yang moden untuk menjamin kadar pulangan yang tinggi bagi peneroka-peneroka.
- Membentuk peneroka-peneroka ke arah nilai-nilai hidup baru sesuai dengan perkembangan zaman.

Perlaksanaan aktiviti-aktiviti diatas adalah selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Objektif yang dituju adalah untuk meninggikan taraf hidup para peneroka yang mana akan memberi sumbangan ke arah mengurangkan jurang perbezaan ekonomi diantara masyarakat bandar dan luar bandar.

**Program Pembangunan**

Pembangunan FELDA dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) boleh dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti berikut:-

1. Pembangunan Tanah Baru
2. Tanam Semula
3. Penempatan Peneroka
4. Kemudahan Memproses
5. Penyediaan Infrastruktur

1. Pembukaan Tanah Baru

Luas Kawasan Yang Akan Dimajukan

Dalam tempoh RML, FELDA bercadang untuk memajukan kawasan seluas 173,689 hektar dan dari ini seluas 63,693 hektar iaitu 36.7% adalah di Negeri Pahang.

2. Tanam Semula

Selain dari membuka tanah, FELDA juga akan meningkatkan kerja-kerja tanam semula. Untuk RML ini seluas 2,195 hektar kawasan rancangan dalam Negeri Pahang akan ditanam semula. Perkiraan tarikh tanam semula ialah 20 tahun selepas tarikh tanam bagi rancangan getah dan 23 tahun selepas tarikh tanam bagi rancangan sawit.

3. Penempatan Peneroka

Dalam RML FELDA merancang untuk menempatkan 30,000 peneroka atas kadar 6,000 peneroka setahun. Untuk Negeri Pahang bilangan peneroka yang akan ditempatkan ialah 15,400 orang peneroka iaitu 51.3% daripada jumlah peneroka dalam tempoh RML.

Garis panduan dalam pemilihan peneroka adalah seperti berikut:-

(a) Had Umur

Permohonan biasa : 18-40 tahun (melainkan jika ada pengecualian)

Bekas Pasukan Keselamatan : 18-40 tahun.  
Permohonan mestilah tidak lebih daripada jangka masa 5 tahun setelah tamat perkhidmatan.

Untuk orang pahang Jati had umur adalah 18 - 45 tahun.

(b) Milik Tanah

Permohonan yang mempunyai tanah desa lebih dari dua ekar dari tanah bandar untuk kediaman lebih dari satu lot tidak dipertimbangkan.

(c) Kerakyatan

Permohonan dibuka kepada Rakyat Malaysia sahaja.

(d) Cacat Anggota

Calon-calon yang cacat anggota dan tidak berkeupayaan membuat kerja-kerja ladang

4. Dasar Penempatan Peneroka Di Negeri Pahang.

(a) Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan penempatan peneroka di Negeri Pahang adalah sekurang-kurangnya 50% hendaklah terdiri dari orang Pahang dan bakinya adalah orang luar.

(b) Untuk Orang Pahang dikategorikan kepada dua iaitu orang Pahang Jati dan Pahang Mendatang.

Pahang Jati : Peneroka atau isteri anak Jati Pahang.

ii). Pahang Mendatang : Orang-orang luar yang telah tinggal 5 tahun atau lebih di Negeri Pahang dan dapat menunjukkan bukti yang sah yang ia telah tinggal 5 tahun atau lebih di Negeri Pahang. Bukti-bukti yang dapat diterima ialah:

1. Surat akuan Wakil Rakyat
2. Surat Beranak anak
3. Daftar sekolah anak
4. Alamat kad pengenalan

(c) Untuk orang-orang luar Kerajaan Negeri Pahang menghantar wakil Kerajaan Negeri sebagai salah seorang daripada panel temuduga calon-calon bakal peneroka.

(d) Pemilihan peserta dibuat oleh Jawatankuasa Temuduga terdiri dari Pengawal Wilayah, Ahli Dewan Negeri, Pegawai Daerah dan Penghulu.

(e) Kelulusan untuk penempatan peneroka akan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

5. Kemudahan Memproses

Dalam RML, FELDA akan menyediakan kemudahan-kemudahan memproses bagi rancangan getah, sawit dan koko. Kilang-kilang yang akan dibina di Negeri Pahang dalam RML ialah seperti berikut:-

(i). Kilang Getah di Kecau - Kapasiti 20 tan/hari

(ii). Kilang Sawit di Projek berikut:-

1. Kecau - kapasiti 27 tan/jam
2. Krau - kapasiti 27 tan/jam

(iii). Kilang Koko di Projek berikut:-

1. Kota Gelanggi B - kapasiti 400 tan/bulan



6. Penyediaan Infrastruktur

Sejajar dengan pembangunan kawasan kampung, penyediaan infrastruktur perlu juga dirancangan supaya kemudahan-kemudahan yang ditetapkan itu dapat disediakan sebelum peneroka masuk ke rancangan. Belanjawan yang dipohon untuk RML adalah seperti Lampiran 1.

Ada 2 jenis inftrastruktur yang diperlukan:-

- (i). Kemudahan asas - Jalan-jalan, bekalan air dan bekalan elektrik.
- (ii). Kemudahan sosial - Padang awam, balairaya

6.1. Jalan-Jalan FELDA

Pembinaan jalan-jalan FELDA di Semenanjung akan terus dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya. Program pembinaan jalan-jalan terbahagi kepada 4 aktiviti berikut:-

- (a) Jalan Masuk
- (b) Jalan Kampung
- (c) Jambatan
- (d) Meningkatkan taraf jalan-jalan kampung.

Bagi pembinaan jalan masuk, jalan kampung, pembinaan jambatan dan meningkatkan taraf jalan-jalan kampung dalam RML, FELDA keseluruhannya memerlukan \$542,696,080 dan \$152,564,580 diperlukan untuk Negeri Pahang sahaja.

6.1.1 Jalan Masuk

Rumusan peruntukan pembinaan jalan masuk untuk Negeri Pahang adalah seperti berikut:-

Tahun	Pembinaan (km)	Kos Pembinaan
1986	38.1	6,630,000
1987	27.0	4,910,000
1988	24.5	4,330,000
1989	8.5	1,800,000
1990	<u>10.5</u>	<u>2,050,000</u>
	108.6	19,720,000

Pecahan peruntukan mengikut projek adalah seperti Lampiran 2.

**6.1.2 Jalan Perkampongan**

Pembinaan jalan perkampongan bagi tempoh RML untuk Negeri Pahang adalah sepanjang 399.0 km. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Pembinaan (km)	Kos Pembinaan
1986	117.0	17,480,000
1987	106.0	16,100,000
1988	81.0	12,450,000
1989	48.0	8,150,000
1990	47.0	7,870,000
	399.0	62,050,000

Pecahan peruntukan mengikut projek adalah seperti Lampiran 3.

**6.1.3 Jambatan**

Dalam RML untuk Negeri Pahang sebanyak 7 buah Jambatan akan dibina. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Pembinaan (Bil.)	Kos Pembinaan
1986	5	2,420,000
1987	1	1,710,000
1988	1	850,000
1989	-	-
1990	-	-
	7	4,980,000

**6.1.4. Menambak Batu Berbitumen Bagi Jalan Masuk Dalam Tempoh RML.**

Dalam tempoh RML sepanjang 240.6 km jalan masuk dalam rancangan-rancangan FELDA di Negeri Pahang akan ditambah batu berbitumen. Pecahan peruntukan dalam RML adalah seperti berikut:-

Tahun	Menambak Batu Berbitumen (km)	Kos Menambak (\$)
1986	34.5	6,665,000
1987	15.0	2,625,000
1988	49.5	7,955,000
1989	73.0	11,980,000
1990	68.6	11,030,000

Pecahan peruntukan mengikut projek adalah seperti Lampiran 2.

6.5.1.1 Meninggikan Taraf Jalan-Jalan Perkampungan  
Dalam tempoh RML sebanyak 37 projek didalam Negeri Pahang diperuntukkan untuk ditinggikan taraf jalan. Jumlah peruntukan yang dipohon untuk projek-projek dalam Negeri Pahang adalah seperti berikut:-

Jumlah Peruntukan		
Tahun	Peruntukan(\$)	
1986	6,486,400	
1987	6,567,000	
1988	4,224,000	
1989	4,595,680	
1990	3,685,500	
	<u>25,559,580</u>	

Pecahan mengikut projek adalah seperti Lampiran 5.

Jemaah Menteri di mesyuaratnya pada 24.10.1984 telah membuat keputusan supaya pembaikan dan penyelenggaraan jalan masuk dan jalan kampung di rancangan-rancangan tanah FELDA diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Jalan-jalan kampung dinaikkan taraf tetapi tidak ke taraf supaya menjadi jalan tar tetapi memadailah pada ketika ini diadakan 'laterite surfacing'.

Pada 15.3.1985, semasa mesyuarat dengan pihak EPU, FELDA sekali lagi memohon supaya jalan-jalan kampung ini dinaikkan tarafnya kepada jalan tar tetapi malangnya tidak diluluskan.

6.1.6 Bekalan Air

Bekalan air dikendalikan oleh JKR. Kerja-kerja yang terlibat adalah pembinaan 'resevoir', 'treatment plant' dan pemasangan paip air. Dalam RML sebanyak 33 projek akan diberi bekalan air didalam Negeri Pahang. Pecahan kos projek dalam RML adalah seperti Lampiran 6.

6.1.7 Bekalan Elektrik

Dalam RML bekalan elektrik ke 42 buah rancangan yang telah dimasuki peneroka adalah dianggarkan sebanyak \$27,431,488.

Tahun	Peruntukan(\$)
1986	7,381,000
1987	10,100,000
1988	7,250,000
1989	1,700,000
1990	1,000,488

<u>Tahun</u>	<u>Bil. Projek</u>	<u>Peruntukan</u>
1986	5	2,475,200
1987	9	7,082,880
1988	3	2,363,760
1989	11	7,970,828
1990	14	7,538,820
	42	27,431,488

Rancangan-rancangan yang akan dibekalkan elektrik dalam RML adalah seperti Lampiran 7.

#### 7. Kemudahan Sosial

Bagi menyediakan balairaya dan padang awam di Negeri Pahang, FELDA memerlukan \$2,913,293.

Rancangan-rancangan yang akan dibekalkan kemudahan balairaya dan padang awam adalah seperti Lampiran 8.

#### 8. Pencapaian

Sehingga ini seluas 260,221.48 hektar telah dimajukan di Negeri Pahang dan FELDA telah menempatan 35,953 orang peneroka.

Pecahan mengikut Wilayah adalah seperti berikut:-

<u>Bil.</u>	<u>Wilayah</u>	<u>Bilangan Rancangan</u>	<u>Luas Gatah</u>	<u>Luas Sawit</u>	<u>Luas Koko</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Bilangan Peneroka</u>
1.	Pahang Tengah	18	8,980.02	24,695.47	1,651.41	35,327.33	7,467
2.	Pahang Selatan	12	-	25,246.6	-	25,246.6	4,595
3.	Pahang Barat	14	9,944.02	15,556.34	-	25,500.36	4,805
4.	Pahang Timur	15	3,512.99	24,527.35	-	28,040.34	6,022
5.	Pahang Barat Daya	12	51.3	25,152.67	-	25,203.97	5,543
6.	Jengka	19	8,555.14	24,395.99	-	32,951.13	7,458
7.	Perladangan Temerloh	17	8,142.57	20,794.7	-	28,937.27	-
8.	Perladangan Jerantut	13	-	12,005.43	4,782.28	16,787.71	-
9.	Perladangan Nursing/Rompin	4	-	6,938.06	-	6,938.06	-
10.	Perladangan Kuantan	14	629.38	14,974.01	1,603.43	17,206.82	-
11.	Perladangan Lipis	9	6,297.51	3,117.2	-	9,414.71	-
12.	Perladangan Segamat	4	-	8,667.18	-	8,667.18	-
<u>JUMLAH BESAR</u>		<u>151</u>	<u>46,112.93</u>	<u>206,070.94</u>	<u>8,037.94</u>	<u>260,221.48</u>	<u>35,953</u>

Dari segi kemudahan memproses bilangan kilang yang telah dibina hingga kini adalah seperti berikut:-

### Kilang Sawit

<u>Bil.</u>	<u>Nama Kilang</u>	<u>Daerah</u>
1.	Bukit Goh	Kuantan
2.	Bukit Sagu	Kuantan
3.	Sg. Pancing	Kuantan
4.	Cini 2	Pekan
5.	Cini 3	Pekan
6.	Lepar Hilir	Kuantan
7.	Sg. Koyan	Lipis
8.	Mempaga	Bentong
9.	Tersong	Raub
10.	Ulu Jempol	Maran
11.	Jengka 3	Maran
12.	Jengka 4	Maran
13.	Jengka 8	Jerantut
14.	Jengka 9	Jerantut
15.	Kota Gelanggi	Jerantut
16.	Sg. Tekam	Jerantut
17.	Lepar Utara 4	Maran
18.	Lepar Utara 6	Maran
19.	Bukit Kepayang	Temerloh
20.	Tementi	Temerloh
21.	Triang	Temerloh
22.	Bukit Mendi	Maran
23.	Jengka 18	Maran
24.	Seroja	Maran
25.	Kemasul	Bentong
26.	Selendang	Rompin
27.	Keratong 2	Rompin
28.	Keratong 3	Rompin
29.	Keratong 9	Rompin
30.	Selancar A	Rompin
31.	Selancar B	Rompin
32.	Padang Piol	Jerantut

### Kilang Getah

<u>Nama Kilang</u>	<u>Daerah</u>
1. Kg. Awah	Maran
2. Jengka 21	Jerantut
3. Lurah Bilut	Bentong

### Kilang Koko

<u>Nama Kilang</u>	<u>Daerah</u>
1. Mercong	Rompin
2. Kota Gelanggi 4	Jerantut

FELDA ANGGARAN KEPERLUAN BELANJAWAN BAGI TENPOH RML

	<u>Negeri Pahang</u>	<u>FELDA Keseluruhan</u>
1. Kemudahan Pengurusan	52,693,000	163,862,306
2. Pembangunan Utama :		
2.1 Pembangunan Pertanian	452,487,650	1,546,933,180
2.2 Pembangunan Kampung	8,793,024	29,070,671
2.3 Pinjaman Terus	13,549,736	52,326,729
2.4 Rumah Penerima	65,664,924	164,594,257
2.5 Kemudahan Memproses	34,848,000	185,431,000
Jumlah Pembangunan Utama	<u>577,299,334</u>	<u>1,978,355,837</u>
3. Jalan-Jalan	152,564,580	542,696,080
4. Bekalan Air	109,300,000	293,550,000
5. Kemudahan Sosial	2,913,293	7,353,587
6. Bekalan Elektrik	<u>27,431,588</u>	<u>81,020,080</u>
JUMLAH BESAR	<u>922,201,795</u>	<u>3,066,837,890</u>

## PROGRAM MENINGKIKAN TARAF JALAN PERKAMPUNGAN FELDA DI NEGARI PAHANG

## BAGI TEMPOH RML

Program	Rancangan	Tahun Kemasukan	Jumlah Panjang Jalan		Panjang Jalan Perlu Diturap		Anggaran Peruntukan Diperlukan (\$)
			Batu	KM	Batu	KM	
Program 1986	Bandar 32 - Tementi Rentam, Sebertak	1976	19.4	31.04	11.6	18.56	1,870,400
	Jengka 13	1975	6.2	9.92	3.7	5.92	732,800
	Jengka 15	1976	6.0	9.6	3.6	5.76	718,400
	Bkt. Puchong	1969	6.9	11.04	4.1	6.56	790,400
	Sg. Koyan 1, 2 & 3	1971	15.5	24.8	9.3	14.88	1,339,200
	Kota Gelangi 2 & 4	1977	9.7	15.52	5.8	9.28	835,200
Program 1987	Jenderak Selatan	1977	4.8	7.68	2.9	4.64	664,000
	Jengka 16	1977	7.4	11.84	4.5	7.2	920,000
	Jengka 17	1977	5.9	9.44	3.6	5.76	776,000
	Jengka 18	1977	8.0	12.8	4.8	7.68	968,000
	Bukit Damar	1977	6.9	11.04	4.2	6.72	872,000
	Kemasul	1978	7.20	11.52	4.3	6.88	688,000
	Jengka 19	1978	10.5	16.8	6.3	10.08	1,008,000
	Jengka 20	1978	7.0	11.2	4.2	6.72	672,000
Program 1988	Lakum	1979	9.6	15.36	5.8	9.28	1,020,800
	Jengka 23	1979	6.9	11.04	4.2	6.72	739,200
	Kumai	1980	9.10	14.56	5.5	8.8	968,000
	Jengka 21	1980	8.8	14.08	5.3	8.48	932,800
	Jengka 22	1981	5.3	4.48	3.2	5.12	563,200

Program	Ranoengan	Tahun Kemasukan	Jumlah Panjang Jalan		Panjang Jalan Perlu Diturap		Program Peruntukan Diperlukan
			Batu	KM	Batu	KM	
Program 1989	Lepar Hilir 1 & 3	1982	12.5	20.0	7.5	12.0	1,581,280
	Bukit Sagu I	1982	6.2	9.92	3.7	5.92	710,000
	Menpega I	1982	6.7	10.72	4.0	6.4	768,000
	Kota Gelongi 5	1982	5.3	8.48	3.2	5.12	614,400
	Lepar Hilir 2	1982	8.0	12.8	4.8	7.68	921,600
Program 1990	Jen. ke 24 & 25	1982	5.9	9.44	3.5	5.6	728,000
	Jen. ke 26	1982	4.8	7.68	2.9	4.64	605,200
	Tersang 1, 2 & 3	1982	15.1	24.16	9.1	14.56	1,892,800
	Cini Timur I	1982	3.66	5.91	2.19	3.55	461,500



KEPERLUAN BEKALAN AIR UNTUK RML MENGIKUT RANCANGAN DALAM  
NEGERI PAHANG

Bil	Negeri/Rancangan	Kos Projek	PERUNTUKAN DI PERLU UNTUK RML					Jumlah - RML 1986 - 1990
			1986	1987	1988	1989	1990	
1.	Gugusan Lepar Utara (12 rancangan)	22,000,000	4,500,000	4,500,000	3,000,000	3,000,000	2,000,000	17,000,000
2.	Gugusan Lepar Hilir (7 Rancangan)	13,000,000	2,000,000	1,750,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	8,250,000
3.	Gugusan Bkt. Sagu (1 - 6)	13,000,000	3,000,000	2,200,000	2,000,000	1,000,000	1,000,000	10,250,000
4.	Bk. Damar & Lakum	2,000,000	600,000	1,200,000	-	-	-	1,800,000
5.	Gugusan Mempaga 1-3 (3 Rancangan)	4,500,000	1,000,000	500,000	-	-	-	1,500,000
6.	Klau (4 Rancangan)	7,000,000	500,000	1,500,000	1,500,000	1,000,000	500,000	5,000,000
7.	Kecau (11 Rancangan)	19,000,000	700,000	1,500,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000	8,200,000
8.	Cagar Perah (2 Rancangan)	4,000,000	500,000	1,000,000	1,500,000	900,000	-	3,900,000
9.	Tersang (1-3)	3,000,000	1,200,000	700,000	-	-	-	1,900,000
10.	Jengka Stage I (1 - 7) Jengka Stage II (8-15) Jengka Stage III (16 - 26)	500,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	500,000
11.	Cini 1 - 5 & Cini 1-3	14,000,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	2,000,000	8,000,000
12.	Gugusan Keratong & Selancar	6,000,000	1,000,000	1,500,000	1,500,000	500,000	600,000	5,100,000
13.	Gugusan Selandang	6,000,000	1,000,000	1,500,000	1,500,000	500,000	600,000	5,100,000
14.	Gugusan Tembangau (8 Rancangan)	18,000,000	1,500,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000	9,500,000
15.	Mengkuang	1,500,000	1,000,000	100,000	-	-	-	1,100,000
16.	Triang 1, 2 & 3	6,000,000	2,000,000	2,000,000	200,000	1,000,000	-	5,900,000
17.	Gugusan Bera Selatan (4 rancangan)	10,000,000	500,000	1,000,000	2,000,000	1,000,000	2,000,000	7,500,000
18.	Gugusan Rendu (4 Rancangan)	10,000,000	-	100,000	500,000	1,500,000	2,000,000	4,100,000
19.	Gugusan P. Bragg (2 Rancangan)	5,000,000	-	-	-	100,000	500,000	600,000

REKOD PERUMBAHAN RANCANGAN PERUNTUKAN

REKOD PERUMBAHAN RANCANGAN PERUNTUKAN

Bil	Negeri/Rancangan	Kos Projek	PERUNTUKAN DI PERLUKUTUK RML					Jumlah 1986
			1986	1987	1988	1989	1990	
20.	Terus	2,000,000	-	-	100,000	800,000	1,000,000	1,800,000
21.	Gagasan Baru	400,000	400,000	-	-	-	-	400,000
22.	Kawasan Kampung Tambah	5,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	5,000,000
<b>Jumlah:</b>		<b>171,900,000</b>	<b>24,500,000</b>	<b>25,300,000</b>	<b>21,000,000</b>	<b>20,000,000</b>	<b>18,300,000</b>	<b>109,370,000</b>

Anggaran Peruntukan Membekal Elektrik (LLN) Mengikut  
Rancangan Dan Tahun Untuk Negeri Pahang

LANPIRAN 7

Tahun	Negeri	Rancangan	Bilangan Pretroka	Jumlah Kos Peruntukan (\$)
1986	Pahang	1. Kg. New Zealand	216	345,600
		2. Kota Gelangi 1	359	574,400
		3. Kota Gelangi 2	359	574,400
		4. Kota Gelangi 3	435	696,000
		5. Kota Gelangi 4	178	284,800
			1,547	2,475,600
1987		1. Mempaga I	400	672,000
		2. Tersang I	450	756,000
		3. Lepar Hilir 3	500	840,000
		4. Sg. Retang	500	840,000
		5. Ekt. Saga I	500	840,000
		6. Lepar Hilir 2	500	840,000
		7. Kemasul	450	756,000
		8. Jenderak Utara	473	794,640
		9. Lakum	443	744,240
		4,216	7,082,880	
1988		1. Tersang 2	344	606,816
		2. Tersang 3	525	926,100
		3. Lepar Utara I	471	830,844
		1,340	2,363,760	

Tahun	Negeri /	Rancangan	Balai Raya \$ 29,766	Pedang Awam \$ 35,280	Jumlah
1988	Pahang	12. Lepar Utara 3	1	1	
		13. Lepar Utara 4	1	1	
		14. Lepar Utara 5	1	1	
		15. Lepar Utara 6	1	1	
		16. Lepar Utara 7	1	1	
		17. Lepar Utara 10	1	1	
		18. Merchong 2	1	1	
		19. Selendang 3	1	1	
		20. Selendang 4	1	1	
		21. Selancar 3	1	1	
		22. Selancar 4	1	1	
		23. Selancar 5	1	1	
		24. Selancar 6	1	1	
		25. Tembangau 5	1	1	
26. Tembangau 6	1	1			
		27	27		
		Bilangan Peruntukan	\$803,682	\$952,560	1,756,242
1989		1. Kecau 5	1	1	
		2. Lepar Utara 7	1	1	
		3. Lepar Utara 10	1	1	
		4. Mempaga 3	1	1	
		5. Triang 3	1	1	
		6. Bera Selatan I	1	1	
		6	6		
		Bilangan Peruntukan	\$187,524	\$222,264	409,788
1990		1. Bkt. Sagu 6	1	1	
		Bilangan Peruntukan	\$ 32,817	\$ 38,896	71,713

yang cekap.

Tajuk: Pembangunan Luar Bandar Dalam Konteks

Membasmi Kemiskinan.

-- Penlibatan Jabatan Parit dan Taliair

1. Peranan Dan Tugas Jabatan

- 1.1. Peranan dan Tugas Jabatan Parit dan Taliair dalam Pembangunan Luar Bandar di sektor pertanian merangkumi penyenggaraan, pengendalian dan penyediaan infrastruktur serta pengurusan kegunaan sumber air dalam bidang pembangunan tanah untuk perkembangan perusahaan pertanian.
- 1.2. Dalam hubungan ini peranan dan tugas J.P.T. diutarakan kepada perkembangan perusahaan tanaman padi, namun demikian penlibatan Jabatan termasuk juga penyenggaraan, pengendalian dan pembinaan infrastruktur yang memberi sumbangan kepada perkembangan perusahaan pertanian lain daripada padi.
- 1.3. Untuk memenuhi peranan dan tugas ini Jabatan Parit dan Taliair telah merancang dan melaksanakan berbagai-bagai projek yang meliputi pembinaan Ibu Bekalan, sistem tali air dan perparitan serta sistem jalan ladang. Tujuan penyediaan infrastruktur ini ialah untuk memberi bekalan air pengairan yang positif serta membolehkan pengedaran dan kawalan air yang rapi hingga ke peringkat ladang disamping memberi kemudahan-kemudahan lalu lintas untuk jentera-jentera pertanian dan kenderaan pengangkutan. Kemudahan-kemudahan ini dijangka akan membolehkan perusahaan tanah sawah dengan sepenuhnya serta juga melipatganda hasil pertanian melalui tanaman padi luar musim atau lain-lain tanaman jangka pendek, dan juga membolehkan amalan pertanian dan pengurusan ladang yang moden.
- 1.4. Matlamat usaha-usaha ini ialah untuk memaksimumkan pendapatan kepada petani-petani dan hasil dari perusahaan

kerjak kecil dengan tujuan untuk menambah atau meningkatkan  
luas tanah-tanah-tanah di kawasan 260 ha. yang terdapat  
di 6 buah paya.

pertanian melalui penggunaan sumber tanah dan air  
yang cekap.

2. Prestasi dan Kekesan dalam Tempoh Rancangan Malaysia Ke Empat (1981 - 1985)

2.1. Dalam usaha Kerajaan untuk perkembangan perusahaan pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, turut serta memainkan peranannya yang penting dalam bidang pembangunan tanah dan pengurusan kegunaan sumber air melalui penyenggaraan, pengendalian dan penyediaan infrastruktur.

2.2. Dalam hubungan ini peranan dan tugas J.P.T. diutarakan kepada perkembangan perusahaan tanaman padi, khususnya dengan perlaksanaan projek-projek untuk tanaman padi dua kali setahun. Dengan adanya infrastruktur dan bekalan air pengairan yang terjamin dan terkawal rapi, disusuli dengan benih yang baik, kegunaan baja dan racun serangga serta pengurusan ladang yang cekap, hasil padi menjadi optima. Kemudahan pengairan untuk tanaman dua kali setahun dapat memaksimumkan hasil dari sebidang tanah dan memaksimumkan pendapatan kepada petani-petani yang terlibat. Mungkin inilah diantara perkiraan-perkiraan awal serta falsafah disebalik strategi yang diamalkan oleh Kementerian Pertanian sejak tahun 1960 an.

2.3. Dibawah Rancangan Malaysia Ke Empat (1981 - 1985) sebanyak \$12,647,235 telah diperbelanjakan untuk memberi kemudahan pengairan untuk tanaman padi dua musim meliputi kawasan seluas 2,563 hektar, iaitu Paya Pahang Tua, (1038 ha.), Paya Gancong (267 ha.) Paya Macang Gelap, Chenor (110 ha.), Paya Kertau (99 ha.), Paya Lang, Triang (344 ha.), Paya Kangsar, Jerantut (283 ha.), Paya Gintong (103 ha.) dan Paya Sg. Lipis, Raub (319 ha.).

2.4. Disamping itu sebanyak \$1,247,292 telah diperbelanjakan untuk memberi kemudahan pengairan untuk tanaman padi musim meliputi kawasan seluas 454 hektar di Paya Kemap (283 ha.), Paya Pakoh (90 ha.) dan Paya Mambang (81 ha.). Selain daripada itu sebanyak \$260,823 telah diperbelanjakan bagi melaksanakan kerja-


kerja kecil dengan tujuan untuk menambah atau meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan dalam kawasan 260 ha. yang terdapat di 6 buah paya.

2.5. Dalam mengkaji kedudukan tanaman padi di seluruh Negeri Pahang pada dasarnya, padi sebagai satu komoditi yang penting, sama pentingnya dengan tanaman-tanaman utama yang lain seperti getah, kelapa sawit, koko, kopi dan nenas sememangnya memerlukan perhatian Kerajaan. Di tambah pula dengan wujudnya masalah tanah-tanah terbiar yang serius serta terdapatnya banyak kawasan-kawasan lembah dan paya yang begitu berpotensi telah menambahkan lagi keperluan memperkembangkan perusahaan tanaman padi.

2.6. Sebaliknya data-data tanaman padi di Negeri Pahang ini tidaklah begitu menggalakkan dan didapati semakin merosot. Tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat kelemahan-kelemahan fizikal dan masalah-masalah sosial yang perlu di atasi seperti yang nyata dari terdapatnya bilangan yang agak besar paya-paya yang terbiar. Daripada jumlah kawasan seluas 15,962 hektar di 283 buah paya yang diselenggarakan oleh Jabatan Parit dan Taliair dalam tahun 1984 hanya 1,793 hektar telah diusahakan dengan tanaman padi musim manakala 712 hektar sahaja ditanam dengan padi luar musim sungguhpun kawasan seluas 3346 hektar telah disediakan kemudahan untuk tanaman padi dua kali setahun.

2.7. Kedudukan penggunaan tanah diantara tahun 1976 hingga 1984 adalah seperti yang ditunjukkan didalam tabel dan rajah yang berikut:-

Tahun (1)	Luas Kawasan yang telah diberi kemudahan (Ha) (2)	Luas Kawasan yang bertanam (Ha) (3)	Peratus (%) $\frac{\text{Col3}}{\text{Col2}} \times 100$
1976	14,636	6430	44
1977	14,890	2612	17.5
1978	14,946	2709	18
1979	15,108	2988	19.8
1980	15,394	2415	15.7
1981	15,536	2621	16.9
1982	15,633	1977	12.6
1983	15,633	1441	9.2
1984	15,692	1793	11.2



Graf (%) Kawasan ditanam  
( 1975 - 1984 )

3. Halangan-Halangan Kepada Pencapaian Matlamat

3.0. Halangan kepada pencapaian matlamat dalam konteks pembasmian kemiskinan dari projek-projek pembangunan luar bandar dalam sektor pertanian yang dilaksanakan oleh JPT (di Negeri Pahang) bolehlah dianggapkan sebagai hasil daripada beberapa faktor seperti tersebut di bawah:-

- (i) Pegangan Tanah (land holding)
- (ii) Ekonomik
- (iii) Sumber Air
- (iv) Geografik
- (v) Teknikal
- (vi) Sosial



3.1. Sungguh pun tanaman padi dua kali setahun dapat memaksimakan hasil keluaran, pegangan tanah adalah kecil, dan pendapatan sebenar yang diperolehi oleh seseorang petani adalah masih rendah dan tidak dapat meningkatkannya di atas taraf kemiskinan melainkan jika sekiranya ia memiliki atau mengusahakan sawah sekurang-kurangnya seluas 2 hektar ( 5 ekar). Ini adalah sebab utama yang telah dikenalpasti sebagai halangan kepada minat untuk bertanam padi diseluruh negara.

3.2. Sungguhpun luas kawasan padi yang dikendalikan oleh JPT. sehingga tahun 1984 adalah berjumlah seluas 15,962 hektar, ianya terletak di dalam 283 kawasan paya yang bertaboran diseluruh Negeri Pahang. Daripada jumlah bilangan paya ini 172 mempunyai keluasan kurang daripada 40 hektar (100 ekar) atau 82 paya kurang daripada 20 hektar ( 50 ekar). Mengikut kajian analisa ekonomik kawasan-kawasan ini tidak berdayajaya (not viable) untuk dimajukan oleh kerana kawasan minima yang diperlukan ialah paya yang mempunyai kawasan minima seluas 20 hektar untuk tanaman padi dua kali setahun atau 40 hektar untuk tanaman sekali setahun.

3.3. Seperkara lagi, sebilangan besar daripada paya-paya adalah terletak di caruk-caruk di mana kawasan tadahan adalah kecil dan tidak mempunyai sumber air untuk pengairan secara graviti - (pengairan daripada Ibu bekalan) dan disamping itu adalah juga terletak jauh daripada sungai-sungai yang merupakan sumber air yang cukup dan ekonomik dari segi perbelanjaan pembangunan untuk digunakan sebagai punca bekalan secara pam. Dalam konteks ini sahaja boleh menyebabkan kebanyakan daripada paya-paya yang sediada tidak berdayamaju (technically not feasible) bukan sahaja untuk dimajukan melalui projek-projek pembangunan, infrastruktur tetapi untuk pengurusan secara kelompok atau miniestate.

3.4. Dua (2) faktor yang tersebut di atas menyebabkan sebilangan besar iaitu 185 paya yang meliputi 9182 hektar hanya dapat memberi kemudahan-kemudahan pengairan secara takongan untuk tanaman sekali setahun di mana tanaman adalah juga akan terjejas jika kemarau berlaku. Hasil perusahaan dari kawasan ini adalah juga rendah

1.13 ton/hektar (180 gantang/ekar) berbanding dengan hasil purata negara 3.3. ton/hektar. Akibat daripada ini dan juga penarikan daripada pembangunan oleh Felda dan lain-lain agensi pembangunan wilayah menyebabkan kekurangan tenaga manusia sehingga terdapat keadaan di mana perusahaan kawasan paya dalam Negeri Pahang telah pun merosot kepada purata 12% daripada jumlah kawasan. Ini adalah salah satu faktor utama yang menjadi halangan kepada pembangunan perusahaan padi di Negeri Pahang ini.

3.5. Pertaburan kawasan padi di paya-paya yang kecil menyebabkan pembangunan sebidang kawasan sebagai matlamat pembangunan bagi sesuatu tempoh terpaksa dilaksanakan melalui beberapa projek dan tidak melalui satu atau sebilangan kecil projek. Dalam keadaan yang demikian tumpuan tidak dapat diberi untuk penelitian pada peringkat perancangan, rekabentuk yang terperinci dan penyeliaan pembinaan. Faktor ini boleh menyebabkan kelemahan dalam kemudahan-kemudahan yang disediakan.

3.6. Boleh dikatakan hampir semua projek-projek yang dirancang dan diluluskan untuk dilaksanakan, tiada kajian sosio-ekonomi dijalankan untuk menentukan kedudukan tenaga manusia, taraf pendapatan, keluasan tanah milik dalam kawasan paya dan kampung atau dusun yang berhampiran dan kedudukan guna tenaga serta pendapatan daripada berbagai punca bagi seseorang peserta di dalam projek yang berkenaan. Dalam ertikata yang lain tekanan berorientasikan kepada pengeluaran hasil padi tanpa mengambilkira faktor pendapatan petani-petani. Ini mungkin menjadi satu daripada faktor utama yang menjadi halangan kepada pencapaian matlamat membasmi kemiskinan selain daripada menyebabkan sebahagian besar kawasan-kawasan paya tidak diusahakan walaupun kemudahan-kemudahan yang sesuai ada disediakan.

#### 4. Syor-syor untuk Pengubahsuaian Strategi

4.1. Untuk mengatasi kelemahan atau kurang pencapaian matlamat membasmi kemiskinan melalui perusahaan tanaman padi dalam sektor pertanian, adalah disyorkan supaya Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar memainkan peranan

yang dirakamkan. (computation of flood run-off and flood control).

yang lebih aktif dan berkesan. Satu pelan perancangan induk Perusahaan Pertanian dan Perikanan patutlah diadakan mengikut strategi dan garis panduan termasuk peringkat-peringkat matlamat fizikal dan perbelanjaan serta keutamaan, mengikut keupayaan agensi-agensi yang terlibat. Pelan induk ini hendaklah meliputi perancangan pembangunan paya-paya dan kampung-kampung yang berhampiran mengikut konsep projek pembangunan kampung tersusun atau projek penyusunan semula kampung-kampung tradisional.

4.2. Mengikut syor pendekatan ini, Jabatan Parit dan Taliair akan mengadakan pelan-pelan perancangan induk seperti berikut:-

- (A) Pelan perancangan induk untuk menentukan kawasan-kawasan di mana pengairan positif samada untuk tanaman padi sekali atau dua kali setahun dan "viable" dari segi teknikal dan kewangan.
- (B) Pelan perancangan induk bagi kawasan padi yang sediaada untuk tanaman-tanaman lain daripada padi dalam tempoh luar musim.
- (C) Pelan perancangan induk bagi kawasan padi sediaada termasuk tanah terbiar yang diberi milik untuk padi untuk dimajukan bagi maksud lain-lain jenis tanaman.

4.3. Untuk mengadakan pelan-pelan perancangan khusus ini satu program kajian teknikal yang menyeluruh dan meliputi paya-paya yang tertentu adalah diperlukan untuk mendapat maklumat-maklumat seperti berikut di bawah:

- (i) Kedudukan sumber air dari kawasan setempat (local catchment) atau dari punca sumber air yang berdekatan untuk keperluan pengairan terutamanya bagi tanaman padi dua kali setahun atau lain-lain tanaman dalam tempoh luar musim.
- (ii) Kajian kemungkinan kemudahan saliran yang cukup dalam musim hujan dan juga kawalan air yang rapi dalam tempoh luar musim sesuai dengan jenis tanaman yang dirancangan. (computation of flood run-off and water-table control).

- (iii) Kajian data-data hujan dan sejatan untuk menentukan keperluan dan jenis sistem pengairan sesuai dengan tanaman yang dirancangkan.
- (iv) Kajian keadaan topografi dan penentuan garisan dan kesesuaian sistem pengairan bagi jenis tanaman yang tertentu.
- (v) Rekabentuk awal dan penentuan anggaran kos infrastruktur yang sesuai untuk beberapa alternatif berasaskan kepada jenis-jenis tanaman yang tertentu.
- (vi) Analisa perbelanjaan input pertanian dan penilaian hasil.
- (vii) Analisa dayamaju-ekonomi (economic viability) bagi berbagai jenis tanaman yang dirancangkan dan infrastruktur yang sesuai.

4.4. Adalah disyorkan pelan-pelan perancangan induk ini hendaklah diselaraskan dengan cadangan-cadangan dari Jabatan-Jabatan lain untuk memilih alternatif yang paling sesuai dari segi pelaburan perbelanjaan, hasil pengeluaran pertanian atau ternakan serta juga pendapatan kepada petani-petani.

#### 5. Strateji-Strateji Penqubalan Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990)

5.1. Selaras dengan Kajian Semula Dasar Pertanian Negara, perusahaan tanaman padi di Negeri Pahang akan ditumpukan di satu dari sembilan "Rice Bowl Areas" iaitu di Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Endau-Rompin. Lain-lain kawasan padi dan paya-paya boleh dikategorikan sebagai kawasan-kawasan "problematic" atau "marginal". Paya-paya ini dalam jangka panjang akan ditukar corak pertanian kepada tanaman-tanaman lain yang lebih ekonomik seperti koko, kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran seimbang dengan perusahaan pertanian di kampong-kampong sekitarnya. Bagi paya-paya di mana tanaman padi masih diminati, pembangunan infrastruktur akan diteruskan dengan keutamaan diberi kepada paya-paya dimana ada potensi untuk pengurusan yang baik, seperti secara mini-estet atau berkelompok, atau sebagai sebahagian daripada projek-projek kampong tersusun.

LAHAN PERTANIAN NEGERI RANGKAP

5.2. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990) peruntukan sebanyak \$11,165,000 adalah dicadangkan dari sumber Kerajaan Negeri. Daripada peruntukkan ini, sebanyak \$5 juta adalah dicadangkan untuk kerja-kerja menebang tebas hutan, mencabut tunggul-tunggul dan meratakan tanah di kawasan seluas 1,305 hektar yang telah disediakan kemudahan-pengairan dan saluran untuk tanaman padi dua kali setahun di-9 buah paya. Selain daripada meninggikan lagi taraf kemudahan pengedaran dan kawalan air diperingkat ladang tujuan usaha ini adalah satu langkah untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani dan sebagai galakkan untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut. Adalah dijangka 520 keluarga petani akan mendapat faedah daripada projek ini. Sebanyak \$6 juta lagi adalah dicadangkan meningkatkan taraf kemudahan pengairan dan saluran di-paya yang terdapat potensi untuk diusahakan serentak dengan projek-projek pembangunan kampung tersusun.

5.3. Dengan perlaksanaan program mengikut strateji-strateji ini adalah dijangkakan pencapaian matlamat pembangunan infrastruktur pertanian adalah lebih terjamin.

JABATAN PERIKANAN NEGERI PAHANG

Kandungan

- A. Program-program Jabatan Perikanan dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup nelayan dan petani.
  - 1. Program Bahagian Pengurusan dan Perlindungan
  - 2. Program 2L (Pengembangan)
  - 3. Program Tukun Tiruan
  - 4. Program Ternakair

Program Bahagian Pengurusan dan Perlindungan  
Jabatan Perikanan.

Organisasi tujuan dan tugas-tugas  
Cawangan Pengurusan dan Perlindungan Perikanan

Aktiviti Pengurusan dan Perlindungan Perikanan adalah untuk mengawasi dan menguatkuasakan Akta Perikanan dan peratoran-peratoran dibawahnya supaya sumber-sumber laut dapat dilindungi. Ia juga melaksanakan dasar pengurusan dan pengawalan keatas pengeluaran lesen-lesen bot dan perkakas menangkap ikan.

Bahagian Pengurusan:-

- (a) Ia melaksanakan dasar pengurusan dan perlesenan. Ia melibatkan perumusan keatas kuota lesen, kuota penangkapan ikan, jumlah penangkapan ikan yang dibenarkan.
- (b) Menyelaras dan menyelia aktiviti perlesenan dan mengumpul serta merekod perangkaan perlesenan.
- (c) Mengawas dan mengawal sumber-sumber Perikanan dan merancang kemajuan industri Perikanan.
- (d) Melaksanakan Dasar Perlesenan Perikanan.
- (e) Memproses lesen-lesen bot dan perkakas menangkap ikan.
- (f) Merumus dan mengulangkaji undang-undang dan peratoran perikanan.

Jumlah Lesen Lesen Bot dan alat alat penangkapan ikan yang dikeluarkan di Negeri ini adalah seperti berikut bagi tahun-tahun:-

Jumlah Bot Dilesenkan		Jumlah Nelayan	
Injin Dalam	Sampan/I.Sangkut	Bumiputra	Bukan Bumiputra
934	256	3734	153
900	193	3509	171
860	140	3364	153

LESEN-LESEN MENANGKAP IKAN YANG DILESENKAN

P.Tunda	P.Jerut	P.J.Bilis	Pukat-Pukat Tradisi	Tambahan
259 +M.T.276	11	19	859	--
221 +M.T.243	32	20	823	283
223 +M.T.233	27	22	742	248

Pengeluaran lesen pukat tunda, pukat jerut, pukat tradisi dan pukat jerut bilis mengikut berat bot dan kepunyaan Bumiputra dan bukan Bumiputra dikembarkan bersama.

+ M.T. -- Lesen P.Tunda musim tengkujuh.



### Bahagian Perlindungan:-

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Perikanan serta Peratoran-Peratoran dibawahnya di Perairan Laut Wilayah dan Akta ZEE diperairan ZEE.

- (a) Melindungi sumber-sumber perikanan dengan cara memastikan nelayan-nelayan mematuhi undang-undang dan syarat menangkap ikan yang dikenakan.
- (b) Mengawal dan mencegah pertikaian dari berlaku dalam masyarakat kaum nelayan di antara nelayan tradisi dan pukat tunda.
- (c) Mengawal kawasan penangkapan tradisi dari dicerobohi oleh bot-bot pukat tunda.
- (d) Mengawal dan mencegah penggunaan pukat-pukat yang diharamkan dibawah peratoran-peratoran perikanan.
- (e) Mengawal dan melindungi kawasan pantai yang mengandungi kegiatan ternakair dan pembiakan sumber perikanan seperti kerang, udang dan lain-lain kehidupan.

Untuk melaksanakan tugas-tugas diatas Jabatan Perikanan Pahang telah dilengkapi dengan sebuah Kapal Peronda ('PA Class') dan sebuah bot Peronda laju PL 2. Kedua-dua bot di atas sentiasa menjalankan rondaan dari masa kesemasa. Kedua-dua bot 'PA' dan Peronda laju PL 2 berpangkalan di Padang Lalang, Muantan.

BUTIR BUTIR MENGENAI PENGELUARAN LESEN BAGI PERKAKAS MENANGKAP IKAN SECARA TRADISI SEHINGGA (KUMULATIF) BULAN DISEMBER TAHUN 1985

1				2				3				4				5			
PUKAT-PUKAT TARIK				PUKAT JERUT BILIS				PUKAT KENKA (SATU BOT)				PUKAT KENKA (DUA BOT)				PUKAT HANYUT			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
1	-	-	-	1	-	1	17									356	52	37	17
6				7				8				9				10			
PUKAT PANGGUK				BELAT-BELAT				BUBU				PANCING				PUKAT BAKUL			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
14	16	-	5	3	-	1	1	106	29	-	12	157	65	1	24	-	-	-	2
11				12				13				(JUMLAH BESAR)							
PUKAT RENTING				MEMUNGUT SIPUT/KERANG				RAMPAIAN				( 1 HINGGA 13 )							
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B				B/B			
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US		BUS		US		BUS	
								19	-	-	-	657		102		41		78	



BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGELUARAN LESEN BAGI PERKAKAS MENANGKAP IKAN SECARA TRADISI SEHINGGA (KUMULATIF) BULAN .....TAHUN.....

NEGERI : .....

P 14/80

1				2				3				4				5			
PUKAT-PUKAT BERIK				PUKAT JERUT BILIS				PUKAT KENKA (SATU BOT)				PUKAT KENKA (DUA BOT)				PUKAT HANYUT			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
-	-	-	3	1	1	1	17									298	46	23	23
-	1	-	-	-	-	-	-									53	3	-	2
-	1	-	3	1	1	1	17									351	49	23	25
6				7				8				9				10			
PUKAT TANGGUK				BELAT-BELAT				BUPU				PANCING				PUKAT BAKUL			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
15	18	-	4	2	1	2	4	119	13	-	10	160	49	-	15				
17	2	-	-	-	-	-	-	26	4	-	-	138	13	10	8				
32	20	-	5	2	1	2	4	145	17	-	10	298	62	14	23				
11				12				13				(JUMLAH BESAR)							
PUKAT REWANG				MEMUNGUT SIPUT/KERANG				RAMPALAN				( 1 HINGGA 13 )							
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B					
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS				
								18	-	-	-	613	128	26	76				
								-	-	-	-	234	23	14	11				
								18	-	-	-	847	151	40	87				



1				2				3				4				5			
PUKAT-PUKAT BUKK				PUKAT JERUT BILIS				PUKAT KENKA (SATU BOT)				PUKAT KENKA (TUA BOT)				PUKAT HANYUT			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
-	-	-	3	3	-	15	4	-	-	-	-	-	-	-	-	267	37	35	12
1																37	2		
6				7				8				9				10			
PUKAT TANJUK				BELAT-BELAT				BUBU				PANCING				PUKAT BAKUL			
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B	
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS
17	13	-	5	2	-	5	-	101	18	-	10	163	38	3	13	-	-	-	-
11	3	-	-	-	-	-	-	25	1	-	-	129	17	15	7	-	-	-	-
11				12				13				14							
PUKAT RENDANG				TAMPALAN				TAMPALAN				(JUMLAH BESAR) (1 HINGGA 13)							
B		B/B		B		B/B		B		B/B		B		B/B					
US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS	US	BUS				
												553	106	58	47				
												203	23	15	7				



Bilangan Nelayan Negeri Pahang

Tahun	Kuantan			Pekan			Rompin			Jumlah	
	M	C	Jumlah	M	C	Jumlah	M	C	Jumlah	M	C
1983	I86I	27	I888	I236	40	I276	637	86	723	3734	I53
1984	I758	3I	I789	II64	45	I209	587	95	682	3509	I7I
1985 <sup>+</sup>	I75I	20	I77I	I064	44	II08	549	89	638	3364	I53

BOT-BOT YANG DILESENKAN

Kuantan				Pekan				Rompin			
Injin Dalam	Injin Sangkut	Tanpa Injin	Jumlah	Injin Dalam	Injin Sangkut	Tanpa Injin	Jumlah	Injin Dalam	Injin Sangkut	Tanpa Injin	Jumlah
407	I2	90	509	352	II6	27	495	I75	6	5	I86
39I	45	38	474	343	86	20	449	I66	2	2	I70
373	25	28	426	328	69	I4	4II	I59	2	2	I63

Sampai Julai

Jumlah lesen-lesen bot yang dikeluarkan bagi tahun

<u>Tahun</u>	<u>I/D</u>	<u>J/S</u>	<u>T/J</u>	<u>Jumlah</u>
1983	934	I34	I22	II90
1984	900	I33	60	I093
1985	860	96	44	I000



## Program 2L (Pengembangan)

### Latar belakang dan tujuan:-

1. Bagi memesatkan penggunaan teknik dan alat baru di kalangan masyarakat nelayan, adalah penting diadakan demonstrasi dan percubaan supaya nelayan lebih yakin dan menerima dengan senang akan segala yang hendak diperkenalkan. Cara penyampaian melalui projek ini ialah dengan menggunakan kerjasama nelayan untuk mencuba dan menggunakan peralatan yang disediakan oleh jabatan.
2. Dengan itu tujuan utama projek berkenaan ialah memberi peluang kepada nelayan untuk mengetahui dengan lebih dekat akan segala pembaharuan yang diperkenalkan. Dengan cara ini juga mereka dapat membuat segala pengubahsuaian yang perlu untuk kegunaan tempatan. "Nelayan dapat diberi peluang untuk membuktikan akan kebaikan sesuatu cara atau teknik.

### Niatamat

Menambahkan pendapatan kaum nelayan serta taraf kedudukan sosio-ekonomi mereka dengan cara:-

1. "Memberikan teknologi yang baru yang bersesuaian dengan nelayan dengan cara berkursus atau percubaan-percubaan.
2. Perkembangan yang lebih baik diantara jabatan dengan nelayan yang mana dikira penting bagi mengenal pasti segala perkara yang berbangkit untuk diselesaikan atau pun dicontohi.

### Pencapaian

#### Kursus-Kursus

1. Kursus pengendalian ikan yang disediakan di Pulau Pinang.
2. Kursus Modular iaitu penyelenggaraan Injin dalam dan juga pelayaran juga disediakan di Institut Perikanan Malaysia dan juga di Seberang Takir, Terengganu.
3. Kursus Satay ikan disediakan di Pulau Pangkor.
4. Kursus Belacan dan Cincaluk disediakan di Melaka.



## TUKUN TIRUAN

### 1.0. Latarbelakang

#### 1.1. Ancaman terhadap sumber perikanan

Saperti dilain-lain perairan, perairan Pahang juga menghadapi ancaman pemusnahan sumber didasaran laut.

Faktor utama pemusnahan sumber-sumber didasaran laut adalah disebabkan oleh alat-alat @ perkakas-perkakas tangkapan ikan yang sangat berkesan sehingga menyebabkan kepupusan ikan dengan cepatnya.

Dengan tertangkapnya benih-benih ikan oleh perkakas-perkakas tertentu yang tidak terkawal juga boleh mengakibatkan kehilangan sumber disesebuah perairan.

#### 1.2. Keperluan pemuliharaan dan peningkatan sumber perikanan

Menyedari hakikat inilah, suatu usaha yang sungguh-sungguh perlu dibuat bagi menjamin sumber-sumber ikan tetap perpelihara sepanjang masa.

Tempat-tempat pembiakan dan perlindungan ikan perlu dipelihara dan dipulih kembali. Dan sewajarnya sumber-sumber stok ikan ini dipertingkatkan lagi dengan apa cara sekalipun.

### 2.0. Pemuliharaan dan peningkatan sumber perikanan diperairan Pahang

#### 2.1. Projek tukun tiruan

Pembinaan tukun tiruan adalah salah satu cara pemuliharaan dan peningkatan sumber perikanan.

##### 2.1.1. Fungsi tukun tiruan

Di antara fungsi tukun tiruan ini ialah:-

- (i) Bagi maksud pembiakan ikan iaitu menyediakan tempat yang sesuai untuk ikan membiak.
- (ii) Mengelakkan atau melindungi dasar laut dari dimusnahkan oleh usaha-usaha penangkapan didasaran laut saperti pukut tunda.

- (iii) Meningkatkan sumber perikanan dengan mengujudkan 'habitat' ikan yang baru. Ini memastikan kepadatan ikan bertambah.
- (iv) Memelihara sumber perikanan terutamanya di-dasar laut dari terus lupus tanpa penggantian.
- (v) Mengumpul sumber-sumber ikan disuatu tempat tertentu.
- (vi) Meningkatkan hasil tangkapan dan seterusnya menambahkan lagi pendapatan kaum nelayan.

#### 2.1.2. Faedah penggunaan tukun tiruan

- i) Melahirkan sikap bertanggungjawab memelihara sumber perikanan pada diri kaum nelayan.
- ii) Tukun-tukun tiruan memerlukan belanja lebih rendah jika dibandingkan dengan cara lain dalam hal melindungi dasar laut dari kemusnahan oleh pukut tunda. Alternatif perlindungan yang lain adalah mengadakan rondaan dengan bot-bot peronda, yang mana ianya memerlukan belanja yang besar.
- (iii) Tukun tiruan dapat memberi perlindungan yang berterusan kepada sumber didasar laut.
- (iv) Dengan tukun tiruan, sumber-sumber yang sepatutnya terbuang seperti bot-bot yang dirampas, tayar-tayar buruk dan bangkai-bangkai kenderaan dapat diguna dengan cara yang berfaedah dalam jangkamasa panjang.
- (v) Dengan menggunakan tukun tiruan, pemuliharaan/pengurusan sumber perikanan dapat dirancang dari semasa kesemasa.
- (vi) Di negara maju seperti Jepun, telah dibuktikan bahawa tukun tiruan adalah cara yang paling sesuai untuk memulihkan sumber perikanan di-kawasan berhampiran pantai.

2.2 Jumlah dan lokasi proyek yang telah dilaksanakan sehingga kini

2.2.1. Sehingga kini hanya beberapa buah tukun yang telah dan sedang dilaksanakan diperairan Pahang.

2.2.2. Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:-

<u>Lokasi</u>	<u>Kedudukan</u>	<u>Kedalam air</u>	<u>Jenis dasar laut</u>
1	Lat. $2^{\circ} 50' 50''$ N Long. $103^{\circ} 46' 55''$ E (Ant. P. Toman dan K. Rompin).	20m	Berpasir banyak terdapat kumpulan-kumpulan ikan
2	-	-	-
3	-	-	-

2.3 Cadangan jumlah dan lokasi baru tukun tiruan diperairan Pahang dibawah RML

2.3.1. Sebanyak 5 kawasan baru dicadangkan untuk dilaksanakan. dibawah RML disamping memperbesarkan tukun yang sedia ada.

2.3.2. Lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:-

<u>Lokasi</u>	<u>Kedudukan</u>	<u>Kedalam air</u>	<u>Kedudukan dasar</u>
1	-	-	-
2	-	-	-
3	$03^{\circ} 34' 30''$ N $103^{\circ} 31' 00''$ E	-	-
4	$03^{\circ} 14' 40''$ N $103^{\circ} 44' 50''$ E	-	-
5	-	-	-

## Program Ternakair

Matlamat program ternakair adalah untuk meninggikan taraf sosio ekonomi kaum petani dan nelayan dengan membuka peluang-peluang pekerjaan secara sampingan mahupun sepenuh masa. Dengan ini dapat meningkatkan daya pengeluaran dari sektor ternakan akuakultura iaitu dapat menambahkan pengeluaran protin yang menjadi sumber kedua makanan rakyat Malaysia.

Untuk menjayakan maklumat di atas beberapa perancangan telah diatur dengan melibatkan secara terus dari gulungan petani dan nelayan keatas projek-projek yang akan dijalankan, diantaranya:-

- (a) Mengadakan projek ternakan akuakultura kepada nelayan lebihan yang berminat untuk mengusahakan perusahaan ternakair dengan meninggalkan perusahaan yang sedia ada tetapi kurang menguntungkan.
- (b) Mengadakan projek akuakultura secara perdagangan dengan meluas untuk eksport.
- (c) Cuba menggunakan dengan sepenuhnya kawasan-kawasan yang dikenal pasti dengan paya terbiar untuk diusahakan dengan projek akuakultura.
- (d) Mengenalpasti kawasan pengairan umum untuk pelepasan benih-benih ikan bagi tangkapan awam.
- (e) Penetasan penyu di Cherating bagi mengekalkan hidupan semula jadi yang menjadi makanan sampingan penduduk tempatan.

Pencapaian dalam masa tiga tahun kebelakangan Projek Ternakair

Bil. Penternak	Keluasan Hakter	Jumlah Perbelanjaan	Hasil dijangka
178	64.31	\$633,056.00	84,407.00 kg
89	26.75	\$274,371.00	35,110.00 kg
278	61.16	\$453,000.00	80,273.00 kg
454	152.22	\$2,360,000.00	199,790.00 kg

Projek Penetasan Penyu

Bil. Telor diramkan	Bil. Telor menetas/kejayaan (hasil)	Perbelanjaan
3337	2548	\$3,479.80
3712	2672	\$4,422.75
3000	2000	\$5,000.00
10,049	7,220	\$12,902.55

\* angka yang dijangka diperolehi selepas projek siap.

Rumusan:-

Sepanjang projek subsidi ternakan ikan dalam kolam telah memajukan pendapatan telah bertambah yang mana mengikut kajian pihak SERU pendapatan peserta yang terlibat telah meningkat \$150/= sebulan.

1. Bengkel mendesak kerajaan mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan seperti pemberian lesen pukat tunda

Dasar jabatan memang mengalakan nelayan untuk pergi menangkap ikan ke laut tengah dan dikawasan ZEE. Selaras dengan ini jabatan telah membuat beberapa garis panduan untuk menuju matlamat tersebut.

- (i) Bot-bot pukat tunda kecil yang ada sekarang digalakkan tukar kepada bot-bot yang lebih besar dan lebih berkemampuan untuk keluar ke laut dalam.
- (ii) Jabatan tidak lagi mengeluarkan lesen pukat tunda yang baru bagi bot-bot kecil, sabaleknya menimbangkan permohonan-permohonan membina bot baru 40 GRT dan 70 GRT keatas untuk menjalankan perusahaan Pukat Tunda dan Jerut.
- (iii) Bagi bot-bot kebawah daripada 40 GRT yang ada sekarang ini, hanya diberi lesen kepada pengusaha-pengusaha sendiri sahaja.
- (iv) Pihak IKIM telah mengadakan SKK (Skim Kemudahan Kredit) nelayan membina bot-bot baru yang melebihi daripada 70 GRT.

Sahingga akhir Julai sebanyak 11 buah permohonan membina bot baru telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut hanya sebanyak 4 buah telah dibina dan sebanyak 7 buah masih lagi belum dibina oleh nelayan-nelayan berkenaan. Permohonan-permohonan baru berjumlah sebanyak 8 buah juga telah dimajukan ke Ibu Pejabat untuk kelulusan. Tetapi malangnya kelulusan yang telah diberi diatas, bot-bot masih belum dapat dibina oleh pemohon-pemohon. Selain daripada permohonan-permohonan yang dinyatakan di atas, ada banyak lagi permohonan-permohonan yang baru diterima untuk mengganti bot dan membina bot baru. Borang-borang mereka sedang diproses sebelum dimajukan ka Ibu Pejabat untuk dipertimbangkan dan diberi kelulusan. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon Bumiputra.



PERKARA

2. Menyekat kemasokan nelayan asing kedalam perairan Pahang

Peraturan dalam tahun 1960 di bawah Akta Perikanan No. 22

Jabatan Perikanan memang mengambil berat di atas perkara ini dan langkah-langkah telah diambil untuk mengatasinya.

- (i) Sebelum satu-satu permohonan bot-bot asing dan nelayan-nelayan luar dari Pahang dibenarkan berpangkalan di Negeri ini, tinjauan dan pendapat Persatuan Nelayan tempatan adalah diambil kira.
- (ii) Dasar jabatan tidak membenarkan penghijerahan bot-bot dari satu negeri ke negeri yang lain terutama sekali bot-bot Pukat Tunda, Jerut dan Pukat jerut bilis, melainkan kepada kes-kes tertentu yang mana diluluskan oleh Menteri sendiri.

Bagi bot-bot yang mengusahakan perkakas tradisi kemasokan mereka secara pindah pengkalan sementara telahpun dipersetujui oleh wakil-wakil nelayan dalam satu mesyuarat yang telah diadakan Di Wisma Negeri tempoh hari yang di Kengerusikan oleh Y.B. Pato' Timbalan Menteri Besar sendiri. Wakil-wakil nelayan dari Terengganu, Kelantan dan Pahang bersetuju bahawa bot-bot yang menggunakan pancing dan pukat hanyut sahaja dibenarkan.

Kemasokan mereka ini tidakpun sampai 50 buah kesemuanya dan alat-alat yang digunakan adalah pancing dan sabilangan kecil pukat hanyut.

Penghijerahan mereka ini bolehlah dikatakan sebagai sudah menjadi tradisi. Ianya berlaku semenjak datok nenek mereka dahulu lagi dipraktikan.

PENGENALAN

FELCRA atau Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telah ditubuhkan dalam tahun 1966 di bawah Akta Parlimen No. 22 Tahun 1966. FELCRA adalah sebuah agensi pembangunan tanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dengan tujuan untuk memulih atau memajukan tanah.

FUNGSI

Fungsi FELCRA adalah:

- memulihkan atau memajukan tanah atas persetujuan atau permintaan Kerajaan Negeri atau atas kehendaknya sendiri;
- memulihkan atau memajukan tanah atas permintaan pemilik-pemilik tanah.

PROGRAM PEMBANGUNAN

Program pembangunan tanahnya adalah dalam bidang:

PEMULIHAN TANAH

Dari segi pemulihan tanah, kegiatan utamanya adalah tertumpu kepada usaha memajukan tanah terbiar yang terdapat di kampung-kampung tradisional diseluruh negara. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran pemilik tanah yang berkenaan disamping meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara ini.

PENYATUAN TANAH

Di bawah penyatuan tanah, programnya adalah dihalakan kepada aspek penyatuan tanah milik dengan tanah baru yang terdapat berdekatan dengan tanah milik itu. Jika sekiranya tidak terdapat tanah baru untuk maksud dibuat penyatuan dengan tanah milik itu, maka usaha penyatuan adalah dari segi penyatuan pengurusan bagi tanah-tanah milik yang terbiar yang dimajukan itu dengan pengurusan FELCRA yang ada.

Perpindahan penduduk dari kampung-kampung mundur ke kawasan atau ke sektor yang lebih maju adalah merupakan salah satu pendekatan FELCRA ke arah usaha penyatuan. Kawasan-kawasan yang ditinggalkan akan dimaju, ditingkatkan penghasilannya dan disatukan.

Program-program yang dilaksanakan ini adalah disesuaikan dengan dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara dan Konsep Penyusunan Semula Kampung.

### JENIS TANAMAN

Jenis tanaman yang ditanam adalah bergantung kepada kesesuaian tanah. Jenis tanaman yang ditanam dirancangan-rancangan FELCRA pada masa ini adalah:

#### TANAMAN KEKAL

- Kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam.

#### TANAMAN KONTAN

- Kacang tanah, tembakau, kobis, pisang, lada dan lain-lain.

Selain dari itu, FELCRA juga mengusahakan tanaman padi di beberapa kawasan yang tertentu.

### SISTEM PENGURUSAN RANCANGAN

Di bawah sistem pengurusan FELCRA, setiap rancangan adalah di - anggapkan sebagai sebuah ladang dimana peserta-pesertanya memiliki bersama ladang itu dan memperolehi faedah darinya di samping itu bersama-sama memikul bayaran kembali atas segala perbelanjaan pembangunan ladang tersebut.

### PESERTA

Program pembangunan tanah yang dilaksanakan adalah bagi faedah rakyat luar bandar yang terdiri daripada peserta-peserta rancangannya. Peserta-peserta FELCRA adalah terdiri dari dua kumpulan utama iaitu mereka yang diperuntukkan kawasan atau saham dalam satu-satu rancangan FELCRA dan mereka yang memiliki tanah dalam program pemulihan tanah-tanah milik yang terbiar.

Semua peserta FELCRA adalah layak menerima keuntungan daripada hasil keluaran rancangan dan jika mereka bekerja di kawasan rancangan, mereka diberikan upah bagi kerja-kerja yang dijalankan.

Dengan tujuan untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka, FELCRA memberikan bantuan kewangan bagi membolehkan peserta-peserta menjalankan projek-projek ekonomi.

### KEWANGAN

Pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan kepada FELCRA adalah dalam bentuk:

### PEMBERIAN TERUS

Ini adalah untuk menampung kos pentadbiran yang tidak dipungut kembali dari peserta.

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Ini adalah untuk membiayai kos pembangunan rancangan seperti menebas/menebang/menanam/menjaga kawasan tanaman dan sebagainya. Kos ini dikenakan dan dipungut kembali dari peserta.

Beberapa rancangan FELCRA di negara ini, memperolehi pembiayaan luar negeri oleh badan-badan antarabangsa iaitu Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

PRESTASI DAN DAYA PENGELUARAN

Semenjak penubuhannya dalam tahun 1966 dan dari tahun 1967 apabila ia mula menjalankan operasinya dalam aspek pemuliharaan tanah dibawah Group Settlement Act, FELCRA telah empat kali menempuh Rancangan Lima Tahun Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan kini ia sedang diambang Rancangan Malaysia Kelima ( 1986 - 1990 ).

Dengan mengikut perubahan dan perkembangan yang berlaku dari Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima, prestasi dan pencapaian FELCRA kian meningkat:

Luas rancangan FELCRA Negeri Pahang sehingga Ogos, 85 = 22,230.4 melibatkan  $\pm$  10,000 peserta.

Bagi Rancangan Malaysia Kelima FELCRA Negeri Pahang bercadang untuk memulih dan membangunkan 25,000 ha yang akan melibatkan 12,000 orang peserta.



## 1. Konsep dan Latar Belakang.

### 1.1. Latarbelakang Projek

#### 1.1.1. Pendahuluan

Projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat yang dilaksanakan sekarang ini adalah merupakan projek yang telah diubahsuai skop dan penekanannya dari cadangan asal. Perancangan semula ini telah dijalankan oleh Bank Pembangunan Asia dan Kerajaan Malaysia bermula dari tahun 1981 hingga tahun 1982.

#### 1.1.2. Anggaran Kos Projek

Jumlah kos projek ini adalah dianggarkan sebanyak 3115.69 juta dimana \$52.21 juta darinya merupakan pinjaman dari Bank Pembangunan Asia. Rombongan penilaian Bank Pembangunan Asia telah melawat Malaysia pada bulan Ogos, 1982 dan rundingan telah diadakan dalam bulan Oktober, 1982 di Manila. Akhirnya pinjaman ini telah ditandatangani dalam bulan November, 1982 dan dikuatkuasakan pada 23hb. Mei, 1983.

#### 1.1.3. Latarbelakang Kawasan

Kawasan Projek Pembangunan Pahang Barat ini merangkumi satu kawasan geografi yang luas. Ia mengandungi enam daerah dibahagian Barat Negeri Pahang iaitu Temerloh, Jerantut, Raub, Lipis, Bentong dan Maran. Jumlah keluasan kasar ialah 5.6 juta ekar, dimana 1.8 juta ekar darinya adalah kawasan pertanian yang diusahakan. Walaubagaimanapun disegi perlaksanaannya, ia hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang khusus sahaja.

Tahap pengeluaran pertanian dikawasan projek adalah rendah disebabkan oleh bahan-bahan tanaman dan amalan-amalan pengurusan yang kurang baik. Ini menyebabkan pekebun-pekebun kecil yang meliputi kebanyakan dari penduduk dikawasan projek hidup dibawah tahap kemiskinan. Kerajaan memberikan keutamaan yang tinggi untuk pembangunan di Wilayah ini dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan meninggikan pendapatan dan taraf hidup penduduk-penduduk luarbandar. Ini adalah berseesuaian dengan dasar ekonomi baru.

#### 1.1.4. Komoditi-komoditi Utama Dibawah Projek

Tanaman-tanaman utama yang diusahakan dibawah projek ini ialah kelapa sawit, getah, koko dan buah-buahan dan agensi-agensi yang memainkan peranan yang penting ialah FELCRA dan Jabatan Pertanian.

#### 1.1.5. Tempoh Perlaksanaan Projek

Tempoh perlaksanaan projek ialah selama tujuh tahun iaitu dari Mei, 1983 hingga September, 1990.

#### 1.2. Matlamat Projek

Matlamat projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat ialah seperti berikut:-

- a) Untuk menyediakan pekebun-pekebun kecil dengan asas ekonomi yang lebih maju yang dapat menggalakkan penyertaan berte-rusan mereka di dalam bidang pertanian.
- b) Untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan ladang yang menarik bagi generasi penduduk luar bandar yang akan datang.
- c) Untuk menjaga keteguhan dan daya hidup sektor pertanian pekebun kecil dan
- d) Untuk memulihkan semula tanah-tanah terbiar dan mencegah kejadian tanah terbiar dan dengan demikian mencegah per-pindahan penduduk luar bandar.

#### 1.3. Strategi Perlaksanaan Projek

Beraskan kepada laporan 'Projek Appraisal' strategi per-laksanaan yang akan digunakan untuk ini adalah seperti berikut:-

- a) Pendekatan secara kawasan tumpuan di dalam perancangan dan pembangunan.
- b) Pendekatan secara Kumpulan-Khusus di dalam merumus program (Program yang disesuaikan dengan keadaan dan



- c) Pembangunan 'project-nukleus' yang berdasarkan konsep kerjasama/koperasi bagi tujuan percubaan, demonstrasi dan pertumbuhan kepada unit yang lebih besar dimasa hadapan (prinsip pertumbuhan organik),
- d) Perancangan bersama diantara agensi-agensi
- e) Pengesanan yang serentak untuk pelaksanaan yang diselaraskan.

1.4. Komponen-komponen Projek

Seperti yang terkandung didalam laporan 'Project Appraisal', Projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat adalah terdiri dari lima Komponen seperti berikut:-

- a) Pembangunan Ladang Pekebun Kecil  
10,000 hektar tanah akan dimajukan secara ladang pekebun kecil oleh FELCRA.
- b) Pembangunan Koko dan Tanaman Buah-buahan  
Seluas 2525 hektar lagi kebun-kebun kecil akan dimajukan dengan tanaman koko dan buah-buahan oleh Jabatan Pertanian.
- c) Skim Pembangunan Kawasan Perintis  
Sembilan buah kampung-kampung tradisional akan dimajukan secara bersama oleh agensi-agensi pertanian untuk perladangan campuran.
- d) Perkhidmatan Sokongan Pertanian  
Perkhidmatan sokongan pertanian agensi-agensi seperti LPP, FAMA dan MARDI akan diperkuatkan untuk memenuhi kehendak projek.
- e) Perkhidmatan Perunding, Latihan dan Pengurusan Projek  
Untuk memperkuatkan perancangan, pelaksanaan dan pengurusan projek keseluruhannya,

## 2. Perlaksanaan, Pengurusan dan Penyelarasan Projek

Tanggungjawab terhadap perlaksanaan projek ini dibahagikan kepada dua Kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah yang melibatkan beberapa agensi persekutuan dan negeri seperti FELCRA, Jabatan Pertanian, MARDI, LPP, FAMA, JPT, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Perikanan. Kerjaan telah menentukan Kementerian Pertanian sebagai agensi penyelaras bagi keseluruhan projek dengan mengujudkan pejabat Unit Pengurusan Projek di Temerloh.

### 2.1. Tugas dan Tanggungjawab Perlaksanaan Projek

Tanggungjawab perlaksanaan bagi berbagai komponen-komponen pembangunan dibahagikan kepada enam agensi-agensi pelaksana seperti berikut:-

<u>Tanggungjawab</u>	<u>Agensi Pelaksana</u>
Perlaksanaan, operasi dan penjagaan bagi komponen pembangunan ladang pekebun kecil	FELCRA
Perlaksanaan komponen koko dan buah-buahan, komponen sekim pembangunan kawasan perintis dan sub-komponen guna tanah dari komponen khidmat sokongan	Jabatan Pertanian
Pembinaan, "upgrading" dan operasi pusat-pusat pemasaran pertanian dan penjagaan kenderaan pengangkutan dibawah komponen khidmat sokongan	FAMA
Pembinaan dan operasi pusat/pusat kecil kemajuan peladang dan pusat mekanisasi ladang dibawah komponen khidmat sokongan.	LPP
Menjalankan program kajian-kajian penyesuaian bagi tanaman-tanaman koko dan buah-buahan	MARDI
Pembinaan dan penjagaan bagi kemudahan pengairan/perparitan yang diperlukan dibawah komponen sekim pembangunan kawasan perintis.	JIT

## 2.2. Unit Pengurusan Projek

Unit Pengurusan Projek yang diketuai oleh Pengarah Projek bertugas untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti agensi pelaksana, pengesanan dan penilaian projek dan sebagai pusat komunikasi dengan agensi-agensi pusat dan Bank Pembangunan Asia. Sehingga setengah tahun 1985, unit ini mempunyai 13 orang kakitangan teknikal dan pentadbiran.

## 2.3. Jawatankuasa Pemandu Projek

Jawatankuasa Pemandu Projek yang dipengerusi bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Y.B. Timbalan Menteri Besar Pahang dengan ahli-ahli yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan agensi-agensi pelaksana dan agensi-agensi pusat diperingkat persekutuan dan negeri adalah berperanan menyelaraskan keseluruhan projek dan menetapkan polisi-polisi dan garis-garis panduan kepada perancangan dan pelaksanaan projek.

## 2.4. Jawatankuasa Teknikal Projek

Jawatankuasa ini memastikan bahawa polisi-polisi dan garis-garis panduan yang ditetapkan dijalankan oleh agensi pelaksana diperingkat ladang disamping bertindak sebagai saluran maklum balas bagi agensi-agensi pelaksana membawa masalah/isu pelaksanaan projek kepada perhatian Unit Pengurusan Projek.

3. Kemajuan Projek

3.1. Komponen Pembangunan Ladang Pekebun Kecil

A. Kemajuan Fizikal - Pembangunan Tanah.

Matlamat Fizikal - Membangunkan 10,000 hektar ladang  
Kelapa Sawit dan getah

Tahun Dibuka/ Tanaman	Matlamat Appraisal (Ha)	Keluasan dirancang		Ditawar- kan		Dipilih Pemborong		Tebas/ Tebang		Dibersih	
		Ha	%	Ha	%	Ha	%	Ha	%	Ha	%
<u>1984/85</u>											
Getah	3,000	503		478		478		166		-	
Kelapa Sawit	2,000	3,191		2,989		2,797		2,271		1,694	
Jumlah Kecil:	5,000	3,694		3,467		3,275		2,437		1,694	
<u>1985/86</u>											
Getah	1,500	251		-		-		-		-	
Kelapa Sawit	1,000	4,457		647		146		128		-	
Jumlah Kecil:	2,500	4,708		647		146		128		-	
<u>Kumulatif</u>											
Getah	4,500	754		478		478		166		-	
Kelapa Sawit	3,000	7,648		3,636		2,943		2,399		1,694	
Jumlah Kecil	7,500	8,402	112	4,114		3,421	83	2,565	34	1,694	41

B. Kemajuan Perbelanjaan sehingga akhir Jun, 1985: \$398,771.83.

3.2. Komponen Pembangunan Koko dan Buah-buahan

A. Kemajuan Fizikal

Matlamat keluasan keseluruhan: 2,525 hektar

Matlamat keluasan 1985 : 545 hektar

- i) Keluasan Koko dan Buah-buahan yang telah ditanam : 380 hektar
- ii) Bilangan peserta : 681 orang

B. Kemajuan Perbelanjaan: \$559,738

3.3. Komponen Pembangunan Kawasan Perintis

Matlamat - membangunkan 9 buah kampung tradisional dengan berbagai aktiviti pertanian.

A. Kemajuan Tanaman

- i) Kawasan yang telah ditanam dengan koko dan buah-buahan : 53 hektar
- ii) Bilangan peserta : 90 orang

B. Kemajuan Padang Ragut

- i) Keluasan yang telah dibersihkan, (Kg. Sg. Pasu) Raub. : 34 hektar
- ii) Keluasan yang telah ditanam rumput (Projek ini telah dimulakan perlaksanaan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan), di Triang Hilir, Bentong. : 16 hektar

C. Kemajuan Ternakan Ikan Air Tawar

- i) Keluasan kolam yang telah diusahakan (Projek telah dimulakan perlaksanaan oleh Jabatan Perikanan), di Paya Dong, Paya Luas dan Triang Hilir. : 4 hektar

D. Kemajuan Perbelanjaan: \$98,553

3.4. Komponen Khidmat Sokongan Pertanian

Matlamat - membina 4 buah Pusat Pemasaran Pertanian, sebuah Pusat Kemajuan Peladang, 2 buah Pusat Kecil Kemajuan Peladang dan sebuah pejabat MARDI.

A. Kemajuan Fizikal

- i) Kerja-kerja sivil belum dimulakan.  
(Akan dimulakan pada tahun 1986)
- ii) Tapak yang diperolehi melalui pengambilan balik tanah. : 0.8 hektar
- iii) Tapak yang disediakan oleh Agensi : 1.2 hektar

B. Kemajuan Perbelanjaan: \$99,804

3.5. Komponen Perkhidmatan Perundingan, Latihan dan Pengurusan Projek

A. Perkhidmatan Perundingan

- i) Perkhidmatan Penasihat Perancang Kanan telah diambil.
- ii) Perkhidmatan Pakar Koko dan Buah-buahan sedang dilaksanakan oleh MARDI.
- iii) Perkhidmatan Pakar Guna Tanah sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian.
- iv) Kemajuan Perbelanjaan: \$154,443

B. Latihan Kakitangan Luar Negeri

- i) Program Latihan telah ditangguhkan atas arahan Jawatankuasa Pemandu. (Akan dimulakan pada tahun 1986).
- ii) Kemajuan perbelanjaan: Tiada.

C. Pengurusan Projek

- i) Kemajuan Perbelanjaan: \$650,396

4. Paedah Projek Keseluruhannya

Adalah dijangkakan bahawa kadar pulangan dalam Ekonomi Keseluruhan projek akan meningkat kepada 20.1%. Kadar pulangan dalam Ekonomi bagi Komponen Pembangunan Ladang Pekebun Kecil adalah sebanyak 19.2% sementara bagi Komponen Pembangunan tanaman koko dan buah-buahan pula sebanyak 40.6%. Pendapatan bersih peneroka kebun getah dijangka akan meningkat kepada \$1,502 (tahun 9) hingga \$6,052 (tahun 16 dan 17). Peneroka ladang kelapa sawit dijangka akan memperolehi pendapatan bersih diantara \$1,146 (tahun 4) hingga \$5,684 (tahun 10 dan 11).

Pendapatan bersih bagi penanaman koko untuk sehektar dijangka akan meningkat dari \$155 (tahun 4) sehingga ke \$1,172 selepas tujuh tahun. Penanaman koko dan pisang dijangka akan memberi pulangan hasil diantara \$3,500 hingga \$5,755. Sementara pendapatan peladang yang menanam pisang sahaja akan meningkat dari \$5,000 untuk tahun pertama kepada \$6,755 selepas tahun kelima. Peladang pokok buah-buahan dijangka akan memperolehi pendapatan sebanyak \$400 selepas tahun keempat dan akan meningkat kepada \$8,979 dalam jangka waktu sepuluh tahun kemudian.

Lebih kurang 8,000 keluarga tani akan mendapat faedah dan menafaat atas kejayaan pencapaian matlamat projek ini.

Hasil pengeluaran pertanian negara bagi eksport dan penggunaan dalam negeri akan bertambah. Hasil pengeluaran koko akan bertambah sebanyak 1,000 metrik ton setahun, getah 8,630m ton dan kelapa sawit 95,400m ton. Jumlah pendapatan dijangka bertambah sebanyak \$33.1 juta setahun.



# LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA,

BANDAR PUSAT JENGA,  
PAHANG.

Tel. Pejabat: 09-462205/462215  
Pengurus Besar: 09-462244

TUJUAN : UNTUK MEMBERI LATARBELAKANG MENGENAI  
PEMBANGUNAN DI KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH JENGA.

1. PENGENALAN DAN FUNGSI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA.

IKWJ ditubuhkan melalui Akta 285 yang dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 dan berkuatkuasa pada lhb. Ogos, 1983. Penubuhan IKWJ bertujuan untuk mengambilalih segala tugas dan tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Jengka yang ditubuhkan melalui Enakmen 10/1971 Kerajaan Negeri Pahang. Dengan penguatkuasaan Akta IKWJ pada tarikh yang sama Perbadanan Kemajuan Jengka dimansuhkan. Akta IKWJ menggariskan fungsi-fungsinya seperti berikut :-

- i. memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.
- ii. memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.
- iii. mengawal dan menyelaraskan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, dan
- iv. menyelaras, bekerjasama dan berhubung dengan agensi-agensi lain bagi memastikan pemodenan sektor pertanian di kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.



2. KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA.

Kawasan asal Wilayah Jengka atau kawasan yang diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Jengka ialah seluas 121,457 hektar (300,000 ekar). Dengan penubuhan IKWJ kawasan Wilayah Jengka diperbesarkan merangkumi 3 daerah iaitu Temerloh, Maran dan Jerantut dengan melibatkan 21 Mukim terdiri dari :-

i. Daerah Maran	- 4 Mukim
ii. Daerah Temerloh	- 9 Mukim
iii. Daerah Jerantut	- 8 Mukim
	<hr/>
	21 Mukim
	<hr/>

dengan keluasan kawasan seluas 196,728 hektar (485,918 ekar) melebihi kawasan asal seluas 75,271 hektar (185,919 ekar). Sempadan kawasan IKWJ ialah sebelah barat dari Kuala Sungai Tekai mengalir melalui Sungai Pahang ke Kampung Lubok Paku (sempadan selatan). Disebelah timurnya ialah melebihi 1 batu Jalan Lubok Paku - Maran dan Jalan Maran - Jerantut dengan Rancangan FELDA disebelah utara iaitu Gelanggi 1 - V, Sungai Tekam Utara, Padang Piol dan Sungai Retang dimasukkan kedalam kawasan IKWJ.

Kawasan tambahan Wilayah Jengka sebahagian besarnya ialah disebelah barat dan selatan Wilayah meliputi kampung-kampung Tradisional dengan keluasan kawasan 60,728 hektar (150,000 ekar).

Jumlah keseluruhan penduduk IKWJ termasuk kawasan FELDA adalah lebihkurang 140,000 orang.

3. PEMBANGUNAN BANDAR-BANDAR BARU.

Perancangan asal Wilayah Jengka menetapkan 3 buah Bandar Baru iaitu Bandar Pusat Jengka, Bandar Barat Daya dan Bandar Tenggara.

Berasaskan kajian dan perancangan tersebut 3 buah bandar dicadangkan dengan Bandar Pusat Jengka dikekalkan sebagai Bandar Utama (Regional Centre), Bandar Tenggara dipindahkan ke Simpang Jengka (Jengka Jaya) dan Bandar Barat Daya dipindahkan ke Simpang Kampung Awah.

3.1 Kemajuan Pembangunan.

a. Projek-Projek Yang Telah Disiapkan.

Setakat ini pembangunan masih tertumpu kepada peringkat 1, 11 dan Pusat Bandar, Bandar Pusat Jengka dan kedudukan projek-projek yang telah siap secara ringkasnya adalah

- 846 unit rumah kediaman tidak termasuk rumah-rumah kediaman yang diusahakan oleh agensi-agensi lain dan bangunan-bangunan sementara yang didirikan oleh LKWJ seperti rumah guru dan mess pekerja.
- 73 unit tempat niaga yang merangkumi kedai-kedai dan gerai-gerai.
- Seluas lebihkurang 200 ekar untuk kawasan perindustrian termasuk kilang SJSB.
- Kemudahan sosial lain seperti Masjid di Bandar Pusat Jengka, Balai Polis, Pejabat Pos, Pejabat Kesihatan, Bomba, Sekolah-Sekolah Menengah dan Rendah dan lain-lain.

b. Projek-Projek Dalam Perlaksanaan.

- Sehingga ini penyediaan tapak untuk 86 unit rumah kos rendah di peringkat 1, Bandar Pusat Jengka telah disempurnakan.

- Kerja pembinaan Rumah Rehat telah disempurnakan dan kerja-kerja dalam sedang dijalankan.
- Pembinaan 2 batang jalan akan dilaksanakan dari Kampung Bintang ke Kampung Pulau Pasir Mandi (20 km) dan dari Pasir Mandi ke Batu Sawar (18 km).
- Kajian awal bagi sistem bekalan air keseluruhan Wilayah Jengka oleh Firma Perunding.
- Pembinaan jalan laterite (Kelas D) dan kerja-kerja bersangkutan untuk jalan dari Simpang Jalan ASPA ke Kampung Merting dan Kampung Lubok Payong oleh pasukan ukur dari Jepun.
- Penyediaan tapak bagi Sekim Kilang Bimbingan BPMB diatas seluas 5 ekar tanah telah dimulakan.

### 3.2 Penglibatan Jabatan/Agensi Kerajaan Dan Penyelarasan.

Pembinaan Balai Polis Bandar Pusat Jengka diatas tapak seluas 3.24 hektar sedang berjalan dan adalah diperingkat 80% siap. Kawasan untuk sebuah Hospital diatas tapak 21.86 hektar dan Balai Bomba seluas 2 hektar telah diperuntukkan. Pembinaan sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian yang telah diluluskan sebagai tambahan kepada sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah sekarang ialah :-

- i. Sebuah Sekolah Menengah - Tapak telah diperuntukkan.
- ii. Sebuah Sekolah Menengah Ugama - Tapak telah diperuntukkan.
- iii. Cawangan Kampus ITM akan dimulakan pembinaan pada tahun 1986.

Pembangunan Bandar Pusat Jengka sepatutnya bukanlah menjadi tanggungjawab 100% Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Aktiviti-aktiviti Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan perlu diselaraskan dan disingkatkan melalui

- i. Mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan dengan secukupnya tanpa duplikasi dan barangkali sebagai contohnya bekalan air adalah dibawah penyeliaan JKR Jerantut, JKR IKTP Unit dan JKR Temerloh.
  - ii. Penempatan Pejabat dan Kakitangan dengan mengadakan Bangunan-Bangunan Pejabat yang lebih sesuai dan mengadakan rumah-rumah kediaman pekerja tanpa menumpukan 100% kepada IKWJ. Setakat ini hanya Jabatan Pelajaran sahaja mendirikan 6 unit rumah guru walaupun bilangan guru yang berkhidmat di-Bandar Pusat Jengka melebihi 150 orang (Sekolah Rendah dan Menengah).
  - iii. 'Priority' Pembangunan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan masih tidak ditingkatkan walaupun keperluan begitu mendesak seperti Perkhidmatan Pos, Perubatan dan Kesihatan.
4. PERANCANGAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL.

Satu laporan kajian - Laporan Kampung-Kampung Tradisional IKWJ - Laporan Pemeriksaan Jilid 1 - telah siap disediakan pada akhir tahun 1984. Jilid 11 - Cadangan Strategi Pembangunan dijangka akan siap pada bulan September, 1985.

Secara am jumlah penduduk Kampung Tradisional adalah 26,000 orang. Daripada 187 buah kampung hanya 149 buah telah dapat dibanci (mengambil kira 100% sampelan secara rambang).

Hasil dari kajian, 13 gugusan telah dikenalpasti sebagai gugusan pertumbuhan yang berpotensi. Diantara beberapa kampung yang terdapat disesuatu gugusan tersebut (dengan lengkungan 5km. jejari), satu kampung akan dipilih untuk dijadikan pusat bagi perkhidmatan gugusan itu.

Gugusan Pertumbuhan Yang Berpotensi

<u>Gugusan</u>	<u>Pusat Kampung</u>
1	Merting
2	Kampung Chebong
3	Kampung Perian
4	Kampung Sungai Tekam
5	Sungai Jerik
6	Kampung Kuala Sentul
7	Kampung Lubok Paku
8	Chenor
9	Kampung Awah
10	Kampung Bintang
11	Kampung Kerai
12	Kampung Charuk Puting
13	Kampung Paya Angut/Pamah Kuing

Salah satu gugusan pertumbuhan yang berpotensi telah dikenal pasti untuk dibangunkan didalam Rancangan Malaysia Kelima ialah Gugusan Kampung Paya Angut/Pamah Kuing. Strategi pembangunannya ialah konsep penyusunan semula kampung-kampung (Kampung Tersusun) dan status pusatnya ialah sebagai Pusat Perkhidmatan. Ianya akan dijadikan sebagai projek perintis bagi pembangunan pusat-pusat perkhidmatan Kampung Tradisional Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

5. PEMBESARAN KAWASAN IKWJ.

IKWJ sedang menyelaraskan cadangan untuk memperbesarkan kawasan IKWJ (dari utara Sungai Tekai hingga ke Kampung Mat Daling), diantara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri Pahang. Kerjasama dari agensi-agensi yang berkaitan adalah diperlukan.

## 6. RUMUSAN

Pembangunan Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka akan memberi erti dan implikasi yang besar kepada Kerajaan dan Persekutuan. Pembangunan Bandar Pusat Jengka yang akan di-jadikan 'Regional Centre' dan juga 'Administrative, Commercial and Service Centre' memerlukan perancangan dan tindakan yang 'Comprehensive dan Intergrated'. Ketidak seimbangan Pembangunan Perbandaran dan Pertanian di Wilayah ini akan menjejaskan matlamat untuk menyusun semula masyarakat melalui proses Perbandaran seperti yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Bandar Pusat Jengka diwujudkan dengan tujuan untuk menjadi Pusat Perbandaran kepada penduduk-penduduk di Wilayah Jengka. Keperluan seperti perkhidmatan dan pentadbiran, perniagaan dan perdagangan mestilah berpusat di Bandar Pusat Jengka. Dengan demikian penduduk sebagai Pembeli atau Pengusaha akan bertumpu ke Bandar tersebut.

Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka sebagai badan penggerak utama pembangunan Bandar Pusat Jengka mestilah dilengkapi dengan tenaga pekerja dan kepakaran yang cukup terutama dalam bidang-bidang Perancangan, Pembangunan perindustrian, Teknik, Perancang Bandar dan Kejuruteraan. Untuk mengatasi perkara ini peruntukan-peruntukan kewangan yang cukup mestilah diadakan untuk perbelanjaan mengurus dan juga peruntukan-peruntukan pembangunan mestilah mencukupi dan mengikut jadual.

Tumpuan pembangunan adalah kepada kerja-kerja penyediaan tapak-tapak perumahan, pembangunan rumah-rumah kediaman, infrastruktur, tapak-tapak kedai dan ruangniaga untuk memberi keselesaan tempat tinggal dan peluang-peluang perniagaan. Untuk memiliki harta seperti tapak dan tanah mestilah dipercepatkan melalui pengeluaran Surat Hakmilik kerana pemilikan harta akan memberi galakan kepada penduduk untuk berhijrah dengan lebih pesat lagi dan juga mengekalkan yang sediaada. Pembangunan tapak-tapak perusahaan dan bangunan perusahaan dengan tumpuan kepada perusahaan kecil dan bercorak perkhidmatan mestilah dipergiatkan. Dalam usaha ini

penglibatan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti UDA, MARA mestilah dipertikaikan.

Penglibatan Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan terutamanya yang memberi kemudahan-kemudahan asas dan mempunyai urusan terus dengan penduduk mestilah memusatkan perkhidmatan mereka di-Bandar Pusat Jengka. Mengadakan bangunan-bangunan pejabat secara kekal akan dapat memusatkan perkhidmatan, menambahkan bilangan penduduk dan juga menimbulkan rasa kepercayaan penduduk terhadap hasrat kerajaan untuk membangun dan memajukan Bandar Pusat Jengka.

Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka,  
Bandar Pusat Jengka,  
Pahang.

Bertarikh : 9hb. September, 1985.

ZI/nsa.

PENGHARGAAN

Adalah diucapkan terima kasih kepada Jabatan-Jabatan dibawah sektor Pembangunan Luar Bandar dan Pertanian kerana telah menyediakan kertas kerja dan membekalkan matlumat-matlumat yang diperlukan bagi kertas ini:-

Jabatan Pertanian  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan  
Jabatan Parit dan Taliair  
Jabatan Perikanan  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
Risda  
Pelcra  
Mardi  
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian  
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara  
Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka  
FAMA  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
Projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat  
Projek Pembangunan Pertanian Rompin/Endau  
Felda  
Lembaga Padi Negeri  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri  
Lembaga Tembakau Negara  
Pejabat Kemajuan Negeri  
Jabatan Pembangunan Koperasi






وتو بهن کبغسان ملايو برسائق

BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI PAHANG

KERTAS KERJA  
ORANG MELAYU MASA DEPAN

Oleh:  
Encik Adam Kadir

DI KONVENSYEN UMNO NEGERI PAHANG 1985  
PADA: 13hb, 14hb dan 15hb. September. 1985



M  
30.9595123  
UMN  
f



Segalanya itu memberikan kesan bahawa

### Kedudukan Dan Sejarah

Melaka di awal abad ke 14, dan kemudian

Berdasarkan sejarah, orang Melayu telah melalui beberapa zaman yang penuh cabaran, warna warni dan tidak kurang juga kekaburan. Pengkaji-pengkaji telah memberikan beberapa teori tentang asal usul orang Melayu. Ada yang mengatakan orang Melayu berasal dari Mongolia, ada pula dari Vietnam dan tidak ketinggalan pula asas Wan Empok Wan Malini: orang Melayu tidak berasal dari mana-mana. Disinilah asalnya.

Selain dari itu, pengkaji-pengkaji Barat pula mengesyorkan bahawa orang Melayu mempunyai banyak persamaan dengan penduduk beberapa buah pulau di Laut Pacific Selatan; semuanya dirangkumkan sebagai negroic, iaitu berkulit sawo matang, berambut keriting dsbnya.

Ketika Agama dan Tamaddun Islam berkembang dari Zaman Nabi Muhammad S.A.W sehinggalah ke zaman Sallehuddin AlAyubbi di abad ke 12, iaitu satu jangkasama lebih kurang 500 tahun, sejarah orang Melayu bagaikan dalam kekosongan. Tidak ada tinggalan sejarah bertulis yang boleh dipertanggungjawabkan dan boleh dipercayai sebagai sesuatu yang boleh dipertahankan sebagai kebenaran. Dalam kekosongan itu orang Melayu diukur dari sejarah dongeng Anak Buloh Betong, Batu Belah Batu Bertangkup, putera Melayu yang gigih turun ke dalam laut dan berbagai lagi.

luar masyarakatnya dan luar negerinya. Oleh itu, masadepan orang Melayu pasti tidak terlepas dari unsur-unsur dan perlembangan yang sama juga.

Segalanya itu memberikan kesan bahawa sebelum berhijrahnya Parameswara ke Melaka di awal abad ke 14, dan kemudiannya menjadi Sultan Muzaffar Shah, maka bukan saja sejarah orang Melayu tidak ada, malah dongengan orang Melayu pun tidak pernah wujud.

Keagungan kerajaan Melaka, tegasnya Dinasti Kesultanan Melaka, bermula dan mencapai kemuncaknya dalam masa seratus tahun - juga kejatuhannya dalam tahun 1511. Selepas itu sejarah orang Melayu menjadi kabur. Sedikit sebanyak maklumat yang kita dapati hanyalah dari tulisan-tulisan orang Portugis, Belanda dan Inggeris. Itu pun banyak bertumpu pada serangan balas terhadap kota Melaka.

Menjelang abad ke 18, barulah kedudukan orang Melayu menjadi agak nyata. Itu pun kerana pertembungan orang Melayu dengan kuasa asing dari Barat dan dari rantau ini. Oleh kerana itu sejarah kita nyata sekali ditulis bertemakan reaksi kita terhadap kemasukan kuasa asing. Bagaimana kita menghadapi Inggeris - dengan segala kerenah dan sebab akibatnya. Begitu juga usaha orang Melayu menyesuaikan dan menyelamatkan diri dari kongkongan penjajah Siam.

Dengan kata-kata lain, kedudukan orang Melayu selama ini bergantung pada unsur-unsur dan perkembangan di luar-luar masyarakatnya dan luar negaranya. Oleh itu, masadepan orang Melayu pasti tidak terlepas dari unsur-unsur dan perkembangan yang sama juga.

Orang Melayu dan Orang-Orang Lain

Sudah menjadi nasib orang Melayu dalam menghadapi kenyataan hidup : Orang Melayu hidup seiring dengan orang China dan orang India. Kita harus mengakui hakikat bahawa Orang China dan Orang India merupakan manusia paling ramai dalam dunia. Jumlah orang China melampau 1000 juta; orang India pula hampir angka itu. Sejarah orang China tersirat dengan berbagai: Tembok Besar dan penemuan bahan peletup, dll. India dengan Nusanya 'Mother India'; Cangga-Jumna dll.

Berlatar belakangkan begitu, orang Melayu terpaksa bersaing hebat dengan dua keturunan manusia yang amat bangga dengan tamadun masing-masing. Mereka berkata : tentu ada sesuatu maka mereka dijadikan manusia paling ramai di dunia ini. Sebaliknya orang Melayu wajar berbangga: walau apa pun, inilah tanahair aku. Inilah Nusa ku. Apabila hakikat dan sentimen ini digalurkan dalam realiti hidup negara ini, hasilnya tentunya merupakan sesuatu yang tidak putus-putus mencabar hemah dan kewibawaan kita.

Memandang terhadap apa yang kelihatan sekarang ini, nyata sekali orang Melayu lebih cenderung memandangkan ke dalam. Oleh itu orang Melayu membentuk mental yang semakin lama semakin sempit. Kita masih ghaira dengan sikat ke-daerahan. Masih lantang suara yang tidak suka-orang Melayu dari negeri A bermastautin di-negeri B. Peluang ekonomi negara B tidak harus diberikan kepada Melayu dari Negeri A.

diseluruh segala-galanya. Kalau pok kita nancur di sini, nancurlah kita dalam dunia.

Sebenarnya mental begitu sudah terlalu lama mengongkong dan mencengkam mental orang Melayu. Lima puluh tahun dulu, iaitu sebelum perang dunia kedua, orang-orang Melayu yang mendapat kedudukan istimewa di bawah Inggeris membena tembok besar supaya orang Melayu lain tidak dapat masuk sama. Orang Melayu jati dari titisan darah siapa juga dipentingkan. Akibatnya, peluang orang Melayu untuk menjadi lebih maju, mendapat pelajaran tinggi dan kedudukan lebih bertaraf tidak mendapat pertolongan orang Melayu yang terlebih dulu mendapat keistimewaan. Pada hal pada waktu itu orang-orang mendatang rancak menimbun harta dengan lombong bijih, ladang getah, lombong emas dan kontrek-kontrek mahal membina jalan dan bangunan.

Orang Melayu semenanjung hanyalah berjumlah lebih kurang 6 juta. Kalau diibaratkan sebuah kek, kek orang Melayu adalah kecil. Kalau kek ini dipecah-pecahkan - sejuring sana sejuring sini - dalam masa yang singkat saja kek itu tinggal bekal saja. Sedangkan bahan mentah untuk membuat kek itu sendiri hanya terdapat di sini, ataupun mungkin di sekitar sini saja. Kek orang Chin dan India walaupun lebih kecil, ianya makin lama makin pejal. Keretakan MIC dan MCA tidak merosakkan asas orang China dan orang India di sini. Keretakan itu hanya menjejaskan 'Icing' kek China dan kek India saja, iaitu lapis manis di atas kek itu saja. Lagi pun, sekiranya kek-kek China dan India itu pecah berderai di sini, negara China dan India masih ada. Sedangkan bagi orang Melayu disinilah segala-galanya. Kalau kek kita hancur di sini, hancurlah kita dalam dunia.

Rujukan kepada Orang Melayu, orang China dan orang India di sini bukanlah ber-sentimen perkauman. Sebaliknya, rujukan itu berdasarkan fakta dan kewajaran.

Penegasan di sini ialah, kedudukan orang Melayu kini di negara ini bergantung pada kemampuan dan bakat orang Melayu mengawal nasib dan destinasi sendiri. Pengawasan ini dipengaruhi dan dijejaskan oleh pengawalan orang China dan orang India terhadap kemampuan dan bakat mereka dalam menentukan destinasi dan nasib mereka sendiri. Orang Melayu mesti menerima hakikat bahawa orang China dan India tidak akan menerima sesuatu yang menjejaskan kehidupan mereka dengan terlentang saja, sebagaimana mereka juga jangan menganggap orang Melayu bersikap begitu apabila menghadapi cabaran.

Negara dan Politik Serantau

Malaysia sebagai Malaysia sekarang ini ditentukan oleh apa yang berlaku di rantau ini khususnya dan apa yang berlaku dalam dunia umumnya. Ini dengan sendirinya bererti bahawa hubungan AS-Russia, Britain-China dsbnya akan kelihatan bekasnya di Vietnam, Thailand, Indonesia, Filipina, India malah Singapura sekalipun. Yang menyusahkan Malaysia ialah adanya keadaan tidak stabil di utara yang melibatkan Vietnam, Cambodia dan Thailand. Jari-jari Russia dan AS kelihatan terbayang dalam kancah politik di sana.

Kalau Vietnam bernafsu besar untu menjadi juara Asia Tenggara, Thailand tidak kurang juga nafsunya untuk mempertahankan buminya. Sejarah telah membuktikan bahawa kebanyakan perang berlaku kerana pergeseran yang diakibatkan oleh pertikaian sempadan. Bumi yang dipijak tidak rela diambil oleh orang, itulah intinya. Kita takut lambat laun Thailand akan berperang dengan Vietnam; dan sekiranya perang berlaku, tumpah perang akan menimpa kita kerana kita berjiran. Orang Vietnam yang tidak berhenti-henti berperang sejak 2000 tahun dulu sentiasa ketagihan perang. Kalau dulu orang menjajah dia, kini dia mahu menjajah orang lain pula. Sedang Thailand sentiasa bermain politik diplomasi yang menguntungkannya. Datang Perancis, masuk Perancis - dia tetap merdeka;





Negara berjiran dan bersempadan adalah seperti orang berjiran. Apabila dua buah rumah orang berjiran terbakar, orang lain akan masuk sama. Kadang-kadang kerugian kerana terbakar jauh lebih kurang dari kerugian akibat orang lain mencuri barang. Itulah yang terjadi apabila tamat perang dunia kedua. Satu pertiga Poland terhapus. Jerman terbahagi dua. Begitu juga Korea dan Vietnam. Malah banyak lagi negara-negara Eropah terhapus begitu saja.

Diselatan kita ialah Singapura. Singapura adalah sebuah negara lain dan sebuah negara asing sekarang ini. Ia bebas. Bebas menjaga keselamatan diri dan bebas menjaga ekonominya. Singapura hendakkan Malaysia kuat dan stabil dan politik dan ekonomi. Kalau kita lemah, kita akan menghadapi sikap seperti seorang jiran berhadapan dengan jiran yang lemah. Singapura tahu ia sudah gah dalam dunia. Ia mempunyai infra-struktur ekonomi moden yang kuat. Ia boleh hidup tanpa hasil bumi dan tani. Ia ada pasaran wang yang kuat dan luas. Ia boleh jual perkhidmatan. Ia sudah menyiapkan diri bukan saja untuk zaman perindustrian tetapi juga zaman selepas perindustrian. Itu sebabnya Amerika Syarikat dan Russia sentiasa mengorat Singapura.

Dari contoh Singapura itu, kita mendapat satu kesimpulan. Manusia adalah penting bagi negara. Untuk Malaysia, manusia seperti mana yang boleh menjadi asas negara? Kita sudah tahu ramai manusia Malaysia yang

cepat-cepat hendak 'cabut lari' apabila timbul sedikit perkabaran tidak baik. Mungkin manusia begitu terasa mereka ada bumi lain selain dari negara ini. Bagi kebanyakan kita, inilah bumi bertuah kita, inilah bumi permata kita. Hidup mati kita tetap disini. Oleh itu menjadi tanggungjawab kita mengukuhkan asas dan sikap hidup kita.

### Ketahanan Individu Melayu

Ketahanan individu kita diukur dengan daya

Yang dimaksudkan asas dan sikap hidup kita adalah nilai dan keutamaan kita. Apa yang kita kejarkan? Apa matlamat kita? Zaman tiga puluh tahun dulu berlaku keadaan ekonomi meleset. Sebabnya, Amerika Syarikat meleset. Kenapa begitu? Kerana orang kaya dan orang kuat Amerika mempunyai nilai dan sikap yang salah. Mereka menghabiskan duit untuk membeli syer semata-mata, tanpa duit itu disalurkan untuk membuat kilang makanan dan berbagai kilang lagi. Tanpa kilang-kilang itu orang pun menganggor, lapar dan akhirnya mengakibatkan rompak merompak malah kumpulan-kumpulan samsing pun bermaharajalela. Orang kuat dan kaya yang banyak memegang syer tiba-tiba menjadi papa kedana kerana nilai syer hanya sama nilai kertas syer, sesuai untuk menjadi pembungkus saja. Mengejar kertas adalah bahaya bagi masa depan kita.

Moral contoh itu ialah kita mesti mengejar sesuatu yang menguatkan kita apabila negara kita terancam. 60 peratus penduduk kita terdiri dari individu di bawah 25 tahun. Mereka sedang memerhati kita. Dimana kita menghabiskan sumber-sumber kita? Adakah kita gunakan sumber-sumber politik dan ekonomi untuk membenakan suasana hidup yang untuk mereka ataupun kita hanya membazirkan sumber-sumber itu untuk menggemilangkan ego kita saja? Kalau mereka dapati jawapannya tidak memuaskan, sampai ketikanya apabila mereka diseru untuk berkorban, mereka akan memusing belakang dan berkata: Masa sedap awak bersedap; masa susah awak suruh kita berkorban untuk awak.

Kekuatan individu kita diukur dengan daya pengeluaran. Bagaimana pula kita mengukur daya pengeluaran? Salah satu caranya ialah dengan membahagikan pengeluaran negara dengan jumlah rakyat. Akan tetapi jawapannya tidak mencerminkan keadaan sebenar. Kalau hasil kebanyakannya datang dari bumi, tentulah ianya tidak menunjukkan kebolehan dan kekuatan kita bekerja. Ini bererti kalau kita tiada hasil bumi, maka kita tidak menghasilkan sesuatu yang bererti dari usaha tenaga tulang empat kerat. Oleh itu yang menjadi faktor penting ialah betapa ketahanan dan kekuatan kita menghasilkan sesuatu barangan dan perkhidmatan tanpa hasil bumi. Menghasilkan perkhidmatan semata-mata menerusi panca indera dan tulang empat kerat menjadi unsur terpenting dalam zaman selepas perindustrian. Inilah caranya mengauk wang dari luar negeri. Kita hanya menjual perkhidmatan. Oleh kerana itu manusia menjadi faktor terpenting, dan bukan jentera atau kilang atau hasil bumi.

### Masyarakat Selepas Perindustrian

Belum kita betul-betul masuk ke zaman perindustrian, sudahpun timbul konsep zaman selepas perindustrian. Ini bererti kita ketinggalan jauh ke belakang. Namun begitu kita tidak harus menyerah, Kalau kita belum menaiki motokar, ini bukan bererti kita tidak boleh menaiki kapal terbang.

Zaman selepas perindustrian mengandungi unsur kurangnya bilangan manusia bertani dan bekerja dalam kilang. Kemajuan teknologi membebaskan manusia dari pekerjaan tradisi mereka. Umpamanya, di Amerika Syarikat sekarang, hanya 3 peratus saja penduduknya terlibat dalam pertanian. Hasilnya lebih pada cukup untuk memberi makan penduduknya. Lebih 20 peratus dari hasil pertanian dieksportkan. 97 peratus penduduk lagi di mana? Jawabnya, kalau dulu kebanyakan mereka bekerja dalam kilang-kilang, kini jumlah semakin banyak bekerja dalam perkhidmatan: perguruan, komunikasi, perundangan, perkhidmatan kerajaan, badan-badan professional, perubatan, insuran, bank, perundangan dll. Ini bererti semakin kurang tenaga manusia diperlu untuk mengendalikan jentera untuk menghasilkan makanan, perumahan, pengangkutan, pembinaan dll. Teknologi membuatkan jentera dan elektronik mengambil alih kerja-kerja manusia supaya lebih ramai manusia menggunakan otak dan kebolehan mereka bagi menghasilkan perkhidmatan. Menerusi perkhidmatan, manusia mendapat sumber

kewangan. Menjual perkhidmatan bererti menjual maklumat. Doktor umpamanya, menjual maklumat mengenai penyakit dan kesihatan; dan berdasarkan kepada maklumat itu, doktor menentukan ubat. Begitu juga perunding, akauntan, peguam, guru, pengurus. Semuanya mencari rezeki menerusi penggunaan maklumat. Itu sebabnya masyarakat selepas zaman perindustrian dipanggil masyarakat maklumat atau Information Society.

Soalnya, sudahkan ada tanda-tanda bahawa kita mula bersedia untuk memasuki zaman baru ini?

Jawabnya, sedikit sebanyak tandanya sudah ada, tetapi ianya jauh dari cukup. Kemasyarakatan maklumat menganggap dunia sebagai kampung maklumat. Kita tekan butang di sini pada pukul 12 untuk memindah wang di New York, beberapa saat kemudian pemindahan wang sudah berlaku. Hendak order barang di Tokyo, umpamanya, kita tekan butang, kita dapat memilih barang, kemudian tekan butang satu lagi, lalu pembelian dibuat. Tunggu saja tibanya barang. Kita juga tidak perlu ke-kedai untuk membeli barang; tekan butang, akan tibalah apa yang kita pesan.

Untuk tiba ke dunia begitu - dunia ala kampung - banyak nilai-nilai kita akan terkorban. Tidak dapat tidak kita akan sampai ke situ. Soal masa saja. Dan kita tidak ada pilihan. Hanya mesti bersedia.

19 APR 1989